

SEJARAH SAMSU DI SELANGOR,  
1900-1941

NOOR SYAZWANI BINTI ISHAK

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2019

SEJARAH SAMSU DI SELANGOR,  
1900-1941

NOOR SYAZWANI BINTI ISHAK

DISERTASI INI DISERAHKAN BAGI MEMENUHI  
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA SASTERA SEJARAH  
MALAYSIA

JABATAN SEJARAH  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2019

## ABSTRAK

Disertasi ini membincangkan mengenai samsu di Selangor dengan memberi penekanan terhadap aspek pembuatan, pengambilan dan kawalan antara tempoh 1900 hingga 1941. Di Selangor, samsu menjadi salah satu minuman alkohol yang diambil oleh buruh Cina dan India. Samsu menjadi salah satu minuman alkohol yang digemari dalam kalangan buruh kerana harganya yang agak murah berbanding minuman alkohol yang lain terutamanya pengambilan samsu haram yang dijual tanpa mendapat kelulusan daripada kerajaan. Pertambahan jumlah buruh di Selangor menyebabkan permintaan terhadap samsu juga bertambah dan penjualan samsu juga semakin berkembang. Secara tidak langsung keadaan ini telah membuka ruang kepada pembuatan dan penjualan samsu haram dan lama-kelamaan telah memberi pelbagai kesan sosial terhadap kehidupan buruh. Persoalan utama kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana seriusnya permasalahan pengambilan samsu dalam kalangan buruh terutamanya buruh India dan Cina di Selangor antara tahun 1900 sehingga 1941. Di samping itu, kajian ini juga mengenal pasti apakah kesan yang timbul daripada pengambilan samsu ini sama ada kepada individu mahupun masyarakat? Persoalan terakhir ialah apakah tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa untuk mengatasi masalah pembuatan samsu haram mahupun pengambilan samsu yang berleluasa yang telah menimbulkan masalah sosial tersendiri di Selangor. Apakah bentuk-bentuk kawalan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa? Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji sejarah pengenalan samsu di Tanah Melayu amnya dan di Selangor khususnya. Selain itu, objektif lain adalah untuk membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan kalangan buruh terutama buruh India mengambil samsu, meneliti pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti penjualan dan pengambilan samsu serta mengenal pasti kaedah-kaedah kawalan yang dilaksanakan dalam usaha pihak pemerintah membanteras masalah pengambilan samsu terutama samsu haram. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif dengan bersandarkan kepada data-data yang diperolehi daripada kajian arkib dan perpustakaan. Sumber-sumber pertama dalam bentuk Laporan Tahunan Selangor, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri, Fail Pejabat Tanah Jajahan (CO 273 dan CO 717), Fail Pesuruhjaya Tinggi British serta dokumen rasmi yang diterbitkan oleh kerajaan telah dirujuk dalam kajian ini. Berdasarkan data-data yang diperolehi, kajian ini mendapati samsu telah memberi impak yang besar terhadap kehidupan buruh di Selangor. Wujudnya penjualan samsu di Selangor yang terdiri daripada tiga jenis iaitu samsu segar, samsu import dan samsu haram dan antara ketiga-tiga jenis samsu ini samsu haram menjadi minuman tegar buat masyarakat Selangor terutamanya dalam kalangan buruh. Terdapat hanya sebuah kilang berlesen yang menghasilkan samsu di Selangor dan selebihnya adalah samsu import yang diimport dari luar negeri mahupun luar negara. Pengambilan samsu jelas memberi impak terhadap kehidupan sosial buruh seperti mabuk, kematian, terlibat dengan jenayah, mencuri dan mengalami masalah rumah tangga. Melihat pelbagai masalah yang timbul dalam kehidupan buruh maka, British mengambil beberapa pendekatan dalam usaha untuk mengawal pengambilan samsu antaranya seperti mengawal tender dan lesen samsu, kawalan terhadap todi, mengurangkan yuran kilang, mengetatkan kawalan di gudang-gudang serta mendapatkan khidmat daripada pihak polis serta masyarakat tempatan. Usaha ini telah membuahkan hasil terutamanya dalam operasi membanteras pembuatan samsu haram dan secara tidak langsung membantu mengurangkan ketagihan terhadap pengambilan samsu dalam kalangan masyarakat Selangor. Kajian ini penting dalam memperihalkan tentang sejarah samsu memandangkan masih banyak lompong-lompong kajian berkaitan samsu yang tidak dikaji. Selain itu, kajian ini juga menjadi pelengkap kepada puzzle sejarah sosial Malaysia yang berkaitan dengan masalah dalam kalangan masyarakat kelas bawahan terutamanya kalangan buruh kasar.

## ABSTRACT

This dissertation discusses about samsu (alcoholic drink), focusing on its production, consumption and controls from the period of 1900 to 1941 in Selangor. Samsu was so prevalent and consumed by Chinese and Indian labours due the cheap price especially the illicit samsu as compared to other alcoholic drinks. The rises number of labours have elevated the demand on samsu and enlarged the business vividly in Selangor. It has opened a door for manufacturer to produce illicit samsu largely which led to negative consequences on consumer's social-life. The main aims of this research is to study the severity of samsu consumption-habit among Chinese and Indian labours from the period of 1900 to 1941 in Selangor. It is also focused on the consequences of consuming samsu towards individual and society. And to learn what are the actions taken by the authority to prevent the illegal activities of producing illicit samsu and its consumption which led to social problems. What are the control mechanisms enforced by them? Therefore, the main objective of this research is to study the history of introduction of samsu in Malay Peninsular generally and Selangor specifically. The other objectives are to deliberate the factors for labours to consume samsu, to synthesize the parties who involved in selling and consuming samsu and to learn the enforcement mechanisms to prevent the activities especially related to illicit samsu. The study was conducted by using qualitative-analysis based on the collected data mainly from archive and library research. The primary data were analysed thoroughly like Annual Report of Selangor State, files of state government's secretary, files of Selangor Land, files of District Office (CO 273 and CO 717), files of British High Commissioner, and other official documents as published by the related-authorities. Based on the data collection, the findings showed that samsu led to huge impact towards the lifestyle of labours in Selangor. The activity of selling samsu can be categorized to three types as fresh samsu, imported samsu and the illicit samsu. The illicit samsu is the most popular among people in Selangor especially among the labours. There are three factories were licensed for producing samsu in Selangor and the rest were imported from neighbouring countries. Consuming samsu has contributed to alcohol-related harm like alcoholism, fatality, led into crimes, robbery, and family issues. Due to the various problems faced by labours, British has took a few mechanisms to counter it by restrict the tender and license of samsu, control on 'toddy', and diminishing the factory tax, restrict-control on warehouse and cooperated with local police. Those efforts were fruitful especially in the operation to stop the manufacturing of illicit samsu and to reduce the addiction of consuming Samsu among the community in Selangor. This study is important in describing the history of samsu since there is still a lot of research on samsu related studies that have not been studied. In addition, this study also complements the puzzle of Malaysian social history related to problems in the lower class community, especially among the laborers.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas Rasul junjungan serta para sahabat baginda.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, tesis ini telah berjaya disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Dr. Azharuddin Mohamed Dali, selaku penyelia yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat, nasihat dan keprihatinan semasa menyempurnakan tesis ini. Begitu juga kepada semua kakitangan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya yang banyak memberi bantuan yang berharga.

Jutaan kalungan kasih kepada keluarga tercinta iaitu abah Ishak Hussien, abang met, abang iwan, kakak, kak mimi, ila, man dan abby yang tidak jemu memberikan nasihat, semangat dan sokongan fizikal serta mental sepanjang tempoh kak chik menyiapkan tesis ini. Teristimewa juga buat suami tersayang, Firdaus Roslan yang telah banyak berkorban masa, tenaga serta pandangan dan juga tunjuk ajar yang telah diberikan. Tidak lupa, khas buat anak kesayangan saya Al-Fatih yang amat sabar tanpa kehadiran saya di sisinya semasa tempoh menyiapkan tesis ini.

Sahabat-sahabat perjuangan, Nani, Sue, Ijan dan Izzati, terima kasih kerana memahami dan rakan-rakan seperjuangan yang lain, terima kasih atas bantuan serta semangat yang telah dihulurkan.

## ISI KANDUNGAN

	<b>HALAMAN</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	iii
<b>ABSTRACT</b> .....	iv
<b>PENGHARGAAN</b> .....	v
<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	vi
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	ix
<b>SENARAI CARTA</b> .....	x
<b>SENARAI PETA</b> .....	x
<b>SENARAI GAMBAR</b> .....	x
<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	xi
<b>SENARAI KEPENDEKAN</b> .....	xii
<b>BAB 1</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	
Pengenalan.....	1
Persoalan Kajian.....	4
Objektif Kajian.....	6
Skop Kajian.....	6
Ulasan Literatur.....	7
Kepentingan Kajian.....	15
Kaedah dan Sumber Penyelidikan.....	17
Penggunaan Istilah.....	20
Pembahagian Bab.....	21
<b>BAB 2</b>	
<b>LATAR BELAKANG</b>	
Pengenalan.....	24
Sejarah Selangor.....	25
Kehadiran British dan Kemasukan Buruh.....	31
a) Kemasukan Orang India.....	33

b) Kemasukan Orang Cina.....	38
Permasalahan Sosial.....	42
Kesimpulan.....	48

### **BAB 3**

#### **PEMBUATAN SAMSU**

Pengenalan.....	51
Pengambilan Bahan Beralkohol dalam Sejarah.....	52
Samsu dan Pembuatannya.....	65
Kategori Samsu.....	73
a) Samsu Tulen.....	74
b) Samsu Import.....	78
c) Samsu Tempatan / Samsu Haram.....	83
Kesimpulan.....	85

### **BAB 4**

#### **PENJUALAN SAMSU**

Pengenalan.....	88
Pengeluaran Lesen.....	89
Gudang Simpanan.....	95
Cukai Samsu.....	98
Golongan Penjual dan Pembeli.....	100
Faktor-Faktor Pengambilan.....	104
a) Tekanan Hidup dan Masalah Kemiskinan.....	104
b) Kaedah Pengiklanan.....	105
c) Akses yang Mudah.....	107
d) Penutupan Kedai-Kedai Todi.....	108
e) Kurangnya Penguatkuasaan Polis dan Kastam.....	110
f) Permintaan Terhadap Getah Meningkatkan.....	111
g) Peningkatan Yuran Penyulingan.....	112
Kesimpulan.....	113

**BAB 5**  
**KESAN PENGAMBILAN SAMSU**

Pengenalan.....	115
Kesan Ekonomi: Samsu sebagai Punca Pendapatan Kerajaan.....	116
Kesan Terhadap Kesihatan.....	120
Keruntuhan Institusi Rumah Tangga.....	132
Jenayah.....	138
Kesimpulan.....	141

**BAB 6**  
**KAWALAN TERHADAP SAMSU**

Pengenalan.....	143
Langkah Mengatasi dan Mengawal Samsu.....	144
Peranan Polis.....	150
Hukuman, Denda dan Ganjaran.....	154
Buang Negeri.....	170
Kesimpulan.....	173

**BAB 7**

<b>KESIMPULAN.....</b>	<b>175</b>
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>182</b>
<b>LAMPIRAN.....</b>	<b>194</b>



## SENARAI JADUAL

<b>Tajuk Jadual</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 1: Negeri-Negeri Melayu Bersekutu: Bilangan Buruh India Yang Diambil Bekerja, 1906-1920.....	36
Jadual 2: Jumlah Orang Cina dan India di Selangor bagi tahun 1911-1931.....	41
Jadual 3: Permintaan Terhadap Samsu bagi Tahun 1905-1910.....	75
Jadual 4: Jumlah Pengeluaran Samsu oleh Tauke Loke Yew dan Lee Kong Lam, 1911-1916.....	75
Jadual 5: Jumlah Pengeluaran Samsu oleh Tauke Loke Yew dan Lee Kong Lam Bagi Tahun 1911 dan 1912.....	77
Jadual 6: Bilangan Arak dan Samsu yang Diimport ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Bagi Tahun 1906.....	79
Jadual 7: Senarai Pengimport Samsu dari Singapura Bagi Tahun 1917.....	80
Jadual 8: Bilangan Arak dan Samsu yang diimport ke Selangor, 1903-1925.....	81
Jadual 9 : Bilangan Samsu yang Diimport ke Selangor Pada Tahun 1917.....	82
Jadual 10: Jumlah Kilang Penyulingan Haram di Selangor.....	84
Jadual 11: Cukai Import Minuman Alkohol bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.....	99
Jadual 12: Jumlah Bayaran Denda Yang Dibayar Oleh Pesalah Kes Samsu Haram bagi Tahun 1913 hingga 1918. ....	117
Jadual 13: Jumlah Bayaran Cukai Terhadap Samsu Bagi Tahun 1911 dan 1912.....	118
Jadual 14: Kesan terhadap tubuh badan manusia daripada kandungan alkohol.....	123
Jadual 15: Gaji Pengimpal dalam Sen pada tahun 1925.....	133

Jadual 16:	Jumlah Gaji dan Hari Bekerja yang Diambil Secara Rawak bagi Seluruh Negeri Selangor pada tahun 1925.....	134
Jadual 17:	Kadar Upah Penoreh Getah dan Pekerja yang Merumput di Estet-Eстет Getah Selangor, 1924.....	135
Jadual 18:	Jumlah Denda yang dikenakan terhadap Pesalah-Pesalah Bagi Tahun 1912.....	156
Jadual 19:	Kesalahan di Bawah Enakmen Aksais Bagi Tahun 1913 hingga Tahun 1920.....	158
Jadual 20:	Jumlah Pesalah yang Mengulangi Kesalahan Memiliki Peralatan Samsu Haram.....	162
Jadual 21:	Ganjaran di bawah Undi ‘Rewards to Informers’.....	168
Jadual 22:	Jumlah Pesalah Memiliki Peralatan Memasak Samsu yang telah Dibuang Negeri bagi Kawasan Selangor Barat.....	171

#### SENARAI CARTA

Tajuk Carta	Halaman
Carta 1: Proses Pembuatan Samsu.....	70

#### SENARAI PETA

Tajuk Peta	Halaman
Peta 1: Lokasi Penemuan Pembuatan Samsu Haram. ....	162

#### SENARAI GAMBAR

Tajuk Gambar	Halaman
Gambar 1: Dewi Ninkasi-Pelindung Minuman Bir Dalam Tamadun Mesopotamia.....	55
Gambar 2: Ilustrasi Pembuatan Samsu oleh Orang Cina.....	58
Gambar 3: Relif di Candi Prambanan Menunjukkan Pengambilan	

	Minuman Alkohol.....	61
Gambar 4:	Peralatan untuk Menyuling.....	73
Gambar 5:	Surat Permohonan untuk Memohon Lesen Memasak Arak dan Samsu.....	92
Gambar 6:	Surat Permohonan untuk Memohon Lesen Menghasilkan Arak.....	93
Gambar 7:	Kandungan alkohol mengikut saiz gelas dan cawan dalam ukuran ml.....	123
Gambar 8:	Tong Plumbum yang Digunakan untuk Memasak Samsu.....	126

#### SENARAI LAMPIRAN

<b>Tajuk Lampiran</b>	<b>Halaman</b>
Lampiran 1: Borang Permohonan Membuat Samsu oleh Yeoh Koh Kiat di Klang Pada Tahun 1918.....	192
Lampiran 2: Plan Kilang Membuat Samsu oleh Yeoh Koh Kiat di Klang Pada Tahun 1918.....	193
Lampiran 3: Borang Permohonan Membuat Samsu oleh Mr. J.A. Russell Pada Tahun 1929.....	194

## SENARAI KEPENDEKAN

Ag. Controller	Acting Controller
Apr.	April
B.A	Bachelor of Arts
Bil.	Bilangan
Bhd.	Berhad
BMA	British Military Administration
CAP	Consumer Association of Penang
CIAM	Central Indian Association of Malaya
Co.	Company
CO	Colonial Office
Dr.	Doktor
E	Estate Toddy Shop
Ed.	Editor
Est.	Estate
F.M.S	Federated Malay States
HCO	High Commissioners's Office
Hlm.	Halaman
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
JMBRAS	Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society
KEL	Kelantan
KL	Kuala Lumpur
Ltd.	Limited
M.A	Masters of Arts
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
NNMTB	Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
NNS	Negeri-negeri Selat
No.	Nombor
N.S.SEC	Negeri Sembilan Secretariat
Oct.	October
PAM	Planter's Association of Malaya
Ph.D	Doctor of Philosophy
Pub.	Publication
SUK. K.	Setiausaha Kerajaan Kedah
SUK. SEL.	Setiausaha Kerajaan Selangor
Sdn.	Sendirian
S.S	Straits Settlement
T.P	Tiada Penerbit
U.F.M.S	Unfederated Malay States
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
Vol.	Volume
WHO	World Health Organization

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

Sehingga ke hari ini, salah satu aspek dalam pensejarahan Malaysia yang diberikan perhatian oleh kalangan pengkaji adalah melihat kepada pelbagai permasalahan sosial termasuklah berkaitan dengan kongsi gelap. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa permasalahan sosial yang dilihat agak terpinggir dan masih kurang diberikan perhatian. Ini termasuklah permasalahan mengenai judi, pengambilan candu, todi dan samsu. Hanya mutakhir ini sahaja hal-hal mengenai permasalahan sosial ini mula diberikan perhatian, itupun dilihat tidak menyeluruh. Hal mengenai judi dilihat masih lagi bergantung kepada kajian-kajian lama yang dilakukan pada tahun-tahun 1960-an. Kajian mengenai pengambilan bahan alkohol, candu, todi dan samsu juga masih kecil jumlahnya. Dalam keadaan ini, maka sudah sampai masanya satu kajian mengenai aspek-aspek ini diberikan perhatian termasuklah pengambilan samsu dijalankan. Jelas sekali penelitian terhadap samsu boleh dikelompokkan dalam perkembangan genre sejarah sosial. Sejarah sosial merupakan kajian kemasyarakatan dan cakupannya sangat luas. Genre ini ini semakin penting seiring dengan perkembangan dalam sejarah ekonomi mahupun politik.

Sejarah sosial juga sering digambarkan sebagai sejarah yang berhubungan dan berkaitan dengan kehidupan seharian masyarakat hingga menyebabkan ia seringkali turut disebut sebagai sejarah dari bawah. Meskipun pandangan ini tidaklah sepenuhnya benar kerana sejarah sosial boleh sahaja ditulis tidak berdasarkan “sejarah dari bawah” tersebut. Maksud “sejarah dari bawah” ini sebenarnya merujuk kepada pendekatan yang

disebut sebagai “*subaltern*”. Perkataan *subaltern* secara literal bermaksud golongan bawahan termasuk kalangan buruh dan masyarakat marhean.<sup>1</sup> Ini bermakna, sejarah *subaltern* merujuk kepada sejarah golongan bawahan yang berbeza dengan golongan elit dan dalam banyak keadaan, sejarah ini dilihat tidak memberatkan hal-hal politik, pentadbiran dan pemerintahan.<sup>2</sup>

Dalam masa yang sama, sejarah sosial turut dilihat sebagai sejarah kemasyarakatan yang menggunakan pendekatan multidisiplin, yakni perbincangan sejarah dengan dibantu ilmu sosial yang lain seperti sosiologi, antropologi, ekonomi, politik, psikologi dan banyak lagi. Sejarah sosial menjadi satu kajian yang menarik terutama dalam konteks Tanah Melayu kerana masih banyak kajian dan perkara yang belum diberikan tumpuan. Misalnya, kajian masalah samsu yang dilihat memberi satu impak besar terhadap kehidupan masyarakat bawahan terutama kalangan buruh India di Tanah Melayu. Kajian ini juga dilihat sangat signifikan terutamanya dalam mengenegahkan sejarah permasalahan sosial di Selangor.

Penelitian terhadap permasalahan sosial sama ada berkaitan dengan pengambilan samsu, todi, judi dan candu terutama dalam kalangan buruh sama ada buruh India mahupun Cina menyebabkan sejarah kehadiran mereka sangat signifikan. Perkembangan yang berlaku terutama dalam bidang perladangan dan perlombongan pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 telah menyebabkan buruh-buruh dari China dan India dibawa masuk ke Tanah Melayu. Mereka direkrut sebagai tenaga buruh di kawasan perladangan. Kehadiran mereka turut membawa kepada kemasukan candu dan minuman beralkohol termasuk arak dari luar yang diambil oleh kalangan buruh sama ada sebagai satu bentuk “minuman hiburan” mahupun atas alasan tenaga. Beban kerja

---

<sup>1</sup> Azharudin Mohamed Dali, “Subaltern” dalam Sejarah Malaysia: Satu penelitian Terhadap Golongan Buruh India Pra-Kemerdekaan”, dlm. Suffian Mansor (et.al.) (eds.), *Sejarah dan Kesarjanaan*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 2014, hlm. 52.

<sup>2</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 41-42.

yang berat ditambah dengan tempoh bekerja yang panjang menyebabkan kalangan buruh ini mencari samsu yang dianggap sebagai minuman penambah tenaga dengan tujuan untuk memulihkan semula tenaga yang hilang yang membolehkan mereka terus bekerja pada keesokan harinya.

Walau bagaimanapun, pengambilan samsu yang berlebihan telah menyebabkan masalah ketagihan dalam kalangan buruh serta mengundang masalah sosial dalam kehidupan mereka. Selain itu, di Tanah Melayu sendiri turut berlaku pembuatan bahan beralkohol ini sama ada todi mahupun samsu. Samsu mengandungi tahap alkohol yang sangat tinggi iaitu dalam kuantiti sebanyak 30 hingga 80 peratus<sup>3</sup> dan telah melalui satu proses penyulingan. Kesan daripada proses penyulingan tersebut menyebabkan samsu mengandungi kepekatan alkohol paling tinggi berbanding minuman alkohol yang lain.<sup>4</sup> Samsu sebenarnya disuling daripada air beras yang telah melalui satu proses penapaian. Proses pembuatan samsu bermula dengan beras dicuci atau dibersihkan dahulu dan kemudiannya dimasak menjadi nasi yang akan menghasilkan samsu di akhir proses pembuatannya.

Terdapat beras yang ditumbuk terlebih dahulu sehingga menjadi separa hancur dan kemudiannya baru dimasak. Sebenarnya ini bertujuan untuk memudahkan proses memasak samsu kerana beras dapat dimasak dalam tempoh yang lebih singkat. Setelah nasi siap dimasak, nasi disejukkan dan kemudiannya dicampur dengan biskut cina atau lebih dikenali sebagai yis.<sup>5</sup> Ekoran daripada cara penyediaannya yang mudah dan

---

<sup>3</sup> Didapati bahawa terdapat minuman samsu yang mempunyai kepekatan alkohol melebihi daripada 70 peratus iaitu antara 90 hingga 130 peratus misalnya pemeriksaan yang telah dijalankan oleh *Institute of Medical Research* terhadap Syarikat Tai Tong mendapati bahawa terdapat segelintir minuman samsu yang disimpan di gudang tersebut mempunyai kepekatan yang sangat tinggi. Samsu keluaran Siew Chiew pula mempunyai kepekatan alkohol antara 116.11 -119.18 peratus, sampel dari Koh Kong mempunyai kepekatan setinggi 93.06 hingga 96.12 peratus, Ng Ka Re antara 90 hingga 92.23 peratus dan sampel dari Peh Bi Chiew mempunyai kepekatan antara 121.52 hingga 122.68 peratus. Lihat SUK SEL 3572/1918, Remission of Fine Imposed on a Clerk in Chop Tai Tong, Kuala Lumpur, in a 'Samsu Case'.

<sup>4</sup> Abdullah Sani Gani (penterjemah), Mohammed Ali Albar, *Masalah Arak dan Penyelesaiannya Menurut Islam*, Kelantan: Pustaka Reka, 1993, hlm. 3.

<sup>5</sup> Biskut Cina atau dikenali di negara China sebagai kek yis Cina berperanan sebagai yis. Ianya berbentuk tablet berkanji dan berasal dari China. Di rantau Asia Tenggara kek yis Cina dikenali dengan pelbagai nama. Rujuk S.V. Law, F.Abu Bakar (et. al.), "Popular Fermented Foods and Beverages in Southeast Asia" dlm. *International Food Research Journal*, Volume 18, Issue 2, 2011, hlm. 479.

memerlukan kos yang sangat rendah maka penghasilan samsu adalah tidak terhad dan mudah diperolehi terutamanya oleh peminum samsu tegar. Pada asasnya, penjualan samsu hanya dibenarkan setelah mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan iaitu dengan menghantar surat permohonan serta maklumat lengkap mengenai perniagaan samsu.

Namun, kenyataannya, terdapat segelintir pihak yang menjual samsu secara haram tanpa mendapat kelulusan daripada kerajaan. Ekoran daripada hal ini menyebabkan wujud jualan samsu haram di sekitar kedai-kedai runcit, kedai todi dan kedai gunting rambut di estet di seluruh negeri Selangor. Terdapat juga minuman samsu yang diimport dari negara luar seperti dari China untuk menampung permintaan terhadap samsu. Malahan, penelitian terhadap samsu ini telah mendedahkan betapa samsu memainkan peranan yang penting kepada pentadbiran British di Tanah Melayu kerana menjadi salah satu sumber pendapatan selari dengan sumber pendapatan yang diperolehi daripada candu, arak, beras, khinzir dan ubat-ubatan.<sup>6</sup>

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini bertitik tolak daripada beberapa persoalan mengenai pengambilan samsu di negeri Selangor terutama oleh kalangan buruh India dan Cina. Persoalan utama adalah sejauh manakah seriusnya permasalahan pengambilan samsu dalam kalangan buruh terutamanya buruh India dan Cina di Selangor antara tahun 1900 sehingga 1941. Persoalan ini terkait dengan persoalan mengapakah mereka mengambil samsu? Dalam usaha menjawab persoalan ini, perbincangan akan turut melihat kepada aspek lain yang mempunyai kaitan dengan hal ini, termasuklah pembuatan samsu serta penjualan samsu

---

<sup>6</sup> *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942)*, 26 September 1908, hlm. 5.



terhadap buruh-buruh ini. Aspek ini juga sangat penting terutama apabila dikaitkan dengan permasalahan sosial dalam kalangan buruh yang disebabkan oleh pengambilan samsu secara berterusan yang menyebabkan ketagihan. Jika ingin dilihat dalam konteks kesihatan, maka isu ketagihan inilah yang menjadi isu utama, namun dalam konteks sosial, isu ketagihan ini jugalah yang membawa kepada permasalahan hutang, tidak bekerja, kekacauan rumah tangga dan seumpamanya.

Persoalan lain ialah apakah kesan yang timbul daripada pengambilan samsu ini sama ada kepada individu mahupun masyarakat? Perlu disebut bahawa selain samsu, pengambilan todi serta arak atau minuman beralkohol secara berlebihan yang membawa ketagihan juga merupakan antara punca kepada permasalahan sosial yang ada. Lebih penting lagi, isu mengenai samsu bukan sekadar bertumpu kepada satu kaum sahaja malah ia turut melibatkan pelbagai kaum. Jelas sekali, mereka yang mengambil samsu adalah kalangan buruh India dan Cina, namun mereka yang membuat dan menjual samsu pula melibatkan kalangan orang Cina. Hal ini berbeza dengan todi di mana kalangan yang membuat mahupun mengambil todi terdiri daripada kalangan India. Mengapakah hal ini boleh berlaku? Adakah ini mempunyai kaitan dengan pengetahuan pembuatan samsu yang dikuasai oleh orang Cina?

Persoalan terakhir ialah apakah tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa untuk mengatasi masalah pembuatan samsu haram mahupun pengambilan samsu yang berleluasa yang telah menimbulkan masalah sosial tersendiri di Selangor. Apakah bentuk-bentuk kawalan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa? Jika diteliti, persoalan-persoalan inilah yang menggerakkan perbincangan dalam kajian ini yang berlegar kepada isu mengenai pengambilan samsu hingga membawa kepada ketagihan dan masalah sosial di Selangor.

## **Objektif Kajian**

Berdasarkan persoalan-persoalan yang telah dikemukakan, objektif kajian ini adalah:

1. Untuk mengkaji sejarah pengenalan samsu di Tanah Melayu amnya dan di Selangor khususnya.
2. Untuk mengenal pasti jenis-jenis samsu yang terdapat di Selangor.
3. Untuk membincangkan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan kalangan buruh terutama buruh India mengambil samsu.
4. Untuk meneliti pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti penjualan dan pengambilan samsu.
5. Untuk mengkaji kesan-kesan pengambilan samsu dalam kalangan peminum.
6. Untuk mengenal pasti kaedah-kaedah kawalan yang dilaksanakan dalam usaha pihak berkuasa membanteras masalah pengambilan samsu terutama samsu haram.

## **Skop Kajian**

Tumpuan kajian adalah di negeri Selangor yang terletak di bahagian tengah barat Tanah Melayu dan kajian bermula pada tahun 1900 dan berakhir pada tahun 1941. Tahun 1900 menjadi titik mula kajian. Terdapat dua faktor yang menyebabkan tarikh tersebut menjadi pilihan. Pertama, tahun 1900 memperlihatkan kerancakkan kemasukkan kalangan imigran terutama orang Cina dan India ke Selangor. Oleh kerana kajian mengenai samsu ini dilihat mempunyai kaitan langsung dengan mereka, maka adalah wajar tahun tersebut menjadi tahun permulaan kajian. Faktor kedua pula lebih kepada perolehan sumber terutama sumber pertama yang lebih ketara dan menonjol mengenai

samsu pada tahun ini jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Sumber-sumber ini dilihat amat penting dalam membantu menghasilkan kajian ini.

Kajian ini ditamatkan pada tahun 1941 di mana pada tahun ini menyaksikan berakhirnya zaman pentadbiran British di Selangor. Perkembangan ini adalah ekoran daripada serangan dan penaklukan pihak Jepun yang menyaksikan peralihan kuasa daripada pihak British kepada Jepun pada bulan Disember tahun 1941. Dengan pengunduran ini, maka berakhirilah penguasaan British di Selangor dan bermulalah era penguasaan secara total oleh pihak Jepun di Tanah Melayu. Perubahan ini telah membawa satu tahap baru dalam perkembangan sejarah di negara ini secara keseluruhannya. Malahan, dari sudut penelitian terhadap samsu, dengan berakhirnya pemerintahan British maka kawalan terhadap samsu sebagaimana yang dilaksanakan sebelum penguasaan Jepun juga telah berubah.

Dalam konteks skop perbincangan pula, kajian ini akan memberikan perhatian kepada aspek pembuatan, pengambilan serta kawalan terhadap samsu. Ini bermakna, ketiga-tiga aspek ini akan menjadi keutamaan dalam perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini. Hal-hal lain yang berkaitan dengan samsu namun di luar kerangka perbincangan ini tidak akan disentuh.

## **Ulasan Literatur**

Penelitian yang dilakukan terhadap pengambilan samsu, sama ada di Selangor mahupun di Tanah Melayu secara keseluruhannya masih lagi agak kurang dijalankan. Penelitian mendapati bahawa kajian terhadap samsu ini masih kecil jumlahnya dan kajian-kajian sebelum ini tidak banyak menyentuh secara mendalam dan menyeluruh mengenainya hingga melahirkan kekosongan dalam memahami aspek ini. Bahagian ini akan

memberikan perhatian kepada kajian dan tulisan yang ada mengenai samsu. Walau bagaimanapun, bagi memudahkan perbincangan serta pemahaman, maka dua tema telah digunakan. Tema pertama melihat kepada kajian dan tulisan yang menyentuh mengenai pengambilan bahan beralkohol secara keseluruhannya di negara ini. Tema ini dipilih kerana pengambilan samsu seringkali dikaitkan dengan pengambilan bahan beralkohol yang lain terutamanya todi. Tema kedua pula melihat kepada kajian dan penulisan mengenai samsu. Di akhirnya, satu kesimpulan ringkas mengenai keseluruhan penelitian terhadap kajian dan tulisan ini akan diberikan.

Dalam membincangkan tema pertama ini, hal-hal berkaitan dengan pengambilan bahan beralkohol, arak atau minuman keras akan diberikan perhatian. Kajian dan tulisan yang ada mengenai aspek ini akan disentuh terutamanya kajian yang bertajuk *Arak dan Pencegahannya di Malaysia*,<sup>7</sup> suntingan Mastura Mohd Zain. Buku ini merupakan buku yang menarik yang asalnya adalah kertas kerja berkaitan arak. Buku ini memfokuskan kepada senario gejala arak di Malaysia serta bahayanya, langkah-langkah pencegahan yang telah diambil untuk membanteras arak serta menghuraikan mengenai perundangan yang berkenaan arak dan kelemahannya. Selain itu, buku ini juga membincangkan jalan penyelesaian yang difikir sesuai untuk mengurangkan bilangan peminum arak.

Perbincangan dalam buku ini memfokuskan kepada semua jenis alkohol yang terdapat di Malaysia dan bersifat secara umum, namun membincangkan dengan jelas pihak-pihak yang berkepentingan dalam usaha membanteras gejala arak terutamanya dalam kalangan orang Islam. Walau bagaimanapun, tulisan ini dilihat terlalu umum dan tidakpun menyentuh mengenai samsu. Malah, sejarah mengenai pengambilan bahan beralkohol sama ada todi atau samsu tidak disentuh. Hal ini berlaku kerana buku ini dilihat lebih memfokuskan kepada perkaitan yang wujud antara pengambilan arak

---

<sup>7</sup> Mastura Mohd Zain (Peny.), *Arak dan Pencegahannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2016.

dengan orang Islam sehingga sejarah mengenai pengambilan bahan beralkohol atau kewujudan bahan tersebut di negara ini tidak menjadi keutamaan.

Selain itu, Azizi Yahaya dalam tulisan beliau yang berjudul *Effects of Alcohol Abuse on Human Cognition*<sup>8</sup> telah mengemukakan satu perbincangan yang menarik mengenai pengambilan bahan beralkohol ini. Antara lain Azizi membincangkan mengenai pelbagai jenis minuman alkohol yang terdapat di Malaysia yang secara langsung memberi pemahaman mengenai aspek tersebut. Selain itu, Azizi juga menerangkan mengenai kesan-kesan pengambilan minuman alkohol sama ada terhadap diri peminum, keluarga mahupun masyarakat sekeliling. Saranan-saranan yang diutarakan oleh penulis dalam usaha untuk membanteras masalah penggunaan alkohol merupakan satu penerangan yang jelas. Namun begitu, sebagaimana buku sebelum ini, perbincangan Azizi dalam tulisannya ini hanya membincangkan aspek umum minuman alkohol dan tidaklah memfokuskan kepada samsu.

Tulisan Anis Najihah Ahmad (et.al.) bertajuk “Alkohol Dalam Makanan: Fatwa Semasa di Rantau Asia Tenggara” juga boleh dikelompokkan ke dalam tema pertama ini. Meskipun tidak menyentuh secara langsung mengenai samsu, kerana tulisan ini lebih berfokuskan kepada kedudukan alkohol dalam makanan, namun tulisan ini dilihat agak relevan dengan tema ini. Antara lain tulisan ini menyatakan mengenai arak yang disifatkan sebagai “...merupakan sejenis minuman yang dilarang dalam Islam kerana sifatnya yang memabukkan”.<sup>9</sup> Di bahagian lain, tulisan ini menyebut mengenai istilah arak yang turut dirujuk sebagai *khamar* iaitu bahan yang memabukkan.

Berikutan itu, “...*khamar* merangkumi semua jenis cecair minuman yang memabukkan tanpa mengira sumber. Pada hari ini, *khamar* dikenali dengan berbagai-

---

<sup>8</sup> Azizi Yahaya, *Effects of Alcohol Abuse on Human Cognition*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 1999.

<sup>9</sup> Anis Najihah Ahmad (et.al.), “Alkohol Dalam Makanan: Fatwa Semasa di Rantau Asia Tenggara”, *Ulum Islamiyyah Journal*, Vol. 14, Disember 2014, hlm. 3.

bagai nama seperti tuak, samsu, todi, wain, bir, spirit, tequila, wiski, rum dan sebagainya”.<sup>10</sup> Meskipun tulisan ini bukanlah sebuah penulisan sejarah atau mengenai samsu, namun ia masih menarik terutamanya dari sudut menjelaskan mengenai maksud istilah alkohol yang diambil dari perkataan Arab, “*al-kol*”.<sup>11</sup>

Penulisan lain yang boleh dikelompokkan dalam kategori yang sama termasuklah tulisan Stimo Kortteinen, Hiram Ting (et.al.), dan Ardiah Jamali (et.al.). Tulisan Kortteinen menyentuh mengenai kecenderungan pengambilan bahan beralkohol atau arak yang dilihat mengalami peningkatan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Dengan menjadikan kajian di Kuala Selangor dan Sarawak sebagai satu perbandingan, Kortteinen menyatakan bahawa pengambilan bahan beralkohol terutama dalam kalangan masyarakat India yang tinggal di kawasan ladang adalah tinggi sementara di Sarawak pula mendapati bahawa pengambilan bahan beralkohol lebih tinggi sedikit di kawasan kampung berbanding kawasan bandar.<sup>12</sup>

Hiram Ting (et.al.) yang mengkaji mengenai makanan orang Dayak di Sarawak ada menyentuh mengenai pengambilan tuak oleh masyarakat ini terutama dalam majlis-majlis tertentu seperti hari Gawai.<sup>13</sup> Ardiah Jamali (et.al.) pula melihat kepada pola dan faktor yang menyebabkan pengambilan minuman keras atau arak dalam kalangan remaja Dusun di Sabah. Kajian ini mendapati bahawa kalangan remaja Dusun ini bukan sahaja mengambil minuman keras atau arak tempatan seperti lihing, tapai, tuak dan montoku, tetapi turut mengambil minuman keras dari luar seperti samsu dan bir. 16% daripada responden dalam kajian ini didapati mengambil samsu. Jumlah ini sebenarnya

---

<sup>10</sup> Ibid., hlm. 5.

<sup>11</sup> Ibid., hlm. 7.

<sup>12</sup> Stimo Kortteinen, “Negotiating Ethnic Identities: Alcohol as a Social Marker in East and West Malaysia”, *Akademika*, Vol. 77, January 2008, hlm. 72.

<sup>13</sup> Hiram Ting (et.al.), Consumption Intention Toward Ethnic Food: Determinants of Dayak Food Choice by Malaysians”, *Journal of Ethnic Foods*, Vol. 4, 2017, hlm. 23.

lebih kecil daripada kalangan yang mengambil minuman keras tempatan antara 40-76%.<sup>14</sup>

Salah satu penulisan yang menarik mengenai pengambilan bahan beralkohol dapat dilihat dalam David H. Jernigan dan Saroja K. Indran, "Country Profile on Alcohol in Malaysia".<sup>15</sup> Di bahagian awal tulisan ini ada menyentuh mengenai sejarah bahan-bahan beralkohol. Antara lain penulis menyebut mengenai keadaan sebelum kehadiran kuasa-kuasa Barat di negara ini dimana kadar pengeluaran bahan beralkohol adalah sangat terhad. "*Prior to the advent of the Europeans, there was very little alcohol production or consumption in Malaysia. The Malay sultanates of peninsular Malaysia adhered to Islamic attitudes regarding alcohol, and abstention was the norm*".<sup>16</sup>

Berdasarkan hal ini, jelas sekali peningkatan pengambilan bahan beralkohol termasuk samsu hanya berlaku selepas kedatangan kuasa Barat terutamanya British yang bertapak sejak 1870-an di negeri-negeri Melayu. Makalah ini turut menyebut mengenai penglibatan orang Cina dalam pembuatan samsu.<sup>17</sup> Meskipun begitu, oleh kerana makalah ini bersifat umum, maka perhatian tidaklah diberikan kepada samsu atau pengambilan samsu. Penulisan yang hampir sama boleh ditemui oleh penulis yang sama dalam "*Alcohol use patterns, problems and policies*"<sup>18</sup> yang turut mencatatkan mengenai pelbagai peraturan yang diamalkan di negara ini dalam hal-hal berkaitan dengan bahan beralkohol.

Berbanding dengan tema pertama yang menyentuh mengenai pengambilan bahan beralkohol secara umum, tema yang kedua ini pula akan menjurus kepada aspek

---

<sup>14</sup> Ardiah Jamali (et.al.), "Pola dan Faktor yang Mempengaruhi Peminuman Minuman Keras Remaja Dusun Malaysia", *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, Vol. 5, 2009, hlm. 90.

<sup>15</sup> David H. Jernigan and Saroja K. Indran, "Country Profile on Alcohol in Malaysia", dlm. Leanne Riley and Mac Marshall (eds.), *Alcohol and Public Health in 8 Developing Countries*, Geneva: World Health Organization (WHO), 1999.

<sup>16</sup> Ibid., hlm. 61.

<sup>17</sup> Ibid., hlm. 62.

<sup>18</sup> David H Jernigan, Saroja K Indran., "Alcohol Use Patterns, Problems and Policies", *Malaysia: Drug and Alcohol Review*, Vol. 16, 4., 1997.

pengambilan samsu. Antara kajian penting yang membincangkan sejarah samsu ialah buku *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*<sup>19</sup> tulisan Azharudin Mohamed Dali yang merupakan sebuah karya yang menarik. Tulisan beliau membicarakan mengenai samsu dalam bab ke sebelas bukunya. Selain itu, beliau juga turut menyentuh mengenai todi dalam bab tersebut. Perbincangan beliau dilihat amat menarik kerana menghuraikan tentang latar belakang pengenalan samsu dan todi di Tanah Melayu dalam skop tahun sebelum merdeka sehingga negara mencapai kemerdekaan.

Selain itu, beliau juga turut menghurai mengenai golongan yang terlibat dalam pengambilan samsu, faktor pengambilan, kesan dan tindakan kerajaan demi mengekang penjualan samsu dan todi. Hal ini dapat memberi gambaran mengenai samsu di Selangor walaupun masih terdapat perkara yang tidak dibincangkan dalam perbincangan beliau yang dilihat lebih menekankan mengenai todi berbanding samsu. Meskipun demikian, perbincangan yang dilakukan boleh disifatkan sebagai masih umum kerana hanya menyentuh mengenai masyarakat India secara keseluruhannya. Perbincangan yang lebih terperinci terhadap pengambilan samsu di negeri Selangor sebagaimana yang dibincangkan dalam kajian ini akan memperdalamkan pemahaman mengenai pengambilan bahan tersebut. Malah dalam tulisan oleh Azharudin ini juga agak kurang memperlihatkan penglibatan orang Cina dan hanya memberikan perhatian kepada kalangan orang India. Kenyataannya, orang Cina mahupun Melayu sebenarnya turut terlibat dalam pembuatan samsu.

*The Malaysian Indian Dilemma*<sup>20</sup>, buku tulisan Janakey Raman Manickam merupakan sebuah buku yang sangat baik yang membincangkan mengenai rentetan kisah hidup masyarakat India di Malaysia. Buku ini telah ditulis dengan agak teliti

---

<sup>19</sup> Azharudin Mohd Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2012.

<sup>20</sup> Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma*, Selangor: Nationwide Human Development and Research Centre, 2012.



mengenai kisah masyarakat India bermula dengan kedatangan mereka ke Tanah Melayu sehingga tahun 2007. Penulis membincangkan aspek ekonomi, politik dan sosial masyarakat India di Malaysia. Walaupun begitu, meskipun penulis ada menyentuh mengenai masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia, namun masalah pengambilan samsu hanya disentuh sekadar sekilas sahaja. Perbincangan mengenai samsu tidak dibincangkan dengan begitu terperinci berbanding isu tadi.

Hal ini pastinya agak menghairankan kerana sebagaimana tadi, pengambilan samsu oleh kalangan buruh India merupakan masalah sosial yang besar. Selain itu, meskipun ada disertakan senarai rujukan atau bahan yang digunakan, namun begitu, penulis didapati tidak menggunakan rekod dan dokumen yang disifatkan sebagai sumber pertama. Sebaliknya, penulis dilihat lebih memberikan perhatian kepada sumber-sumber kedua sahaja. Hal yang sama boleh dilihat dalam buku *Malaysian Indians: Towards a New Paradigm* yang dihasilkan oleh Kalaimuthu K. Ketika pengambilan tadi disebutkan dalam buku ini, hal-hal mengenai samsu langsung tidak disentuh atau dinyatakan.<sup>21</sup>

Terdapat dua tulisan yang menjadi bacaan wajib bagi mengetahui sejarah masyarakat India di negara ini iaitu buku tulisan Sinnappah Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*<sup>22</sup> dan Kernial Singh Sandhu, *Indians in Malaya: Immigration and Settlement (1786-1957)*.<sup>23</sup> Walau bagaimanapun, ketika kedua-dua buku ini ada menyentuh mengenai pengambilan tadi oleh kalangan buruh India, namun keperihalan mengenai samsu sangat sedikit disentuh. Arasaratnam misalnya menyebut ketagihan buruh India terhadap tadi hingga mendorong penutupan kedai-kedai tadi. Namun, penutupan tersebut mendorong buruh-buruh India mendapatkan minuman alkohol yang

---

<sup>21</sup> Kalaimuthu K., *Malaysian Indians Towards a New Paradigm*, Ipoh: A Malaysiantamilsangam.com Project, 2008, hlm. 213-216.

<sup>22</sup> Sinnappah Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, Oxford: Oxford University Press, 1979.

<sup>23</sup> Kernial Singh Sandhu, *Indians in Malaya: Immigration and Settlement (1786-1957)*, Cambridge: Cambridge University Press, 1969.

lain seperti samsu haram yang dilihat sangat berbahaya kepada kesihatan buruh. Walau bagaimanapun, tulisan ini tidak menceritakan mengenai samsu secara menyeluruh dan penulis tidak membincangkan langsung mengenai kesan-kesan mahupun faktor pengambilan samsu dalam buku ini.

Salah satu tesis Ph.D yang ada membincangkan aspek samsu, namun disebutkan dengan ringkas ialah kajian Parameswari a/p Krishnan yang bertajuk “Todi dalam Kalangan Masyarakat India Ladang di Tanah Melayu, 1900-1957”.<sup>24</sup> Beliau menyebut samsu sebagai salah satu masalah sosial dalam kalangan orang India di ladang. Secara ringkasnya, beliau menyentuh mengenai pengambilan samsu dalam kalangan buruh India seperti samsu segar, samsu ‘Sam Ching dan samsu ‘Seung Ching’.<sup>25</sup> Beliau juga menyatakan bahawa samsu segar mengandungi kandungan alkohol tertinggi iaitu 37.96 % berbanding todi segar iaitu 4.07 % sahaja. Penulisan beliau juga ada menyentuh mengenai penjualan samsu haram dan kawasan operasi samsu haram di Selangor tetapi hanya secara ringkas. Secara keseluruhannya, perbincangan beliau tidak begitu menyeluruh dan tidak membincangkan mengenai kesan-kesan pengambilan samsu haram. Kajian yang dilakukan oleh beliau juga adalah dalam skop yang luas iaitu merujuk kepada Tanah Melayu.

Jika diteliti, secara keseluruhannya, didapati bahawa kajian mahupun penulisan mengenai sejarah samsu masih jarang dilakukan. Jika ada sekalipun, ia hanya disentuh sepintas lalu sama ada sewaktu membincangkan mengenai minuman keras, minuman beralkohol atau arak atau ketika membincangkan mengenai pengambilan todi. Penulisan yang ada juga melihat bahawa pengambilan samsu turut dilakukan oleh orang India terutama dalam kalangan buruh. Malah, terdapat juga kajian yang menyebut bahawa samsu turut diambil oleh kalangan orang Dusun di Sabah. Penting juga untuk

---

<sup>24</sup> Parameswari Krishnan, Todi dalam Kalangan Masyarakat India Ladang di Tanah Melayu, 1900-1957, Tesis Ph.D, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2013/2014.

<sup>25</sup> Ibid, hlm. 142.

disebutkan bahawa kajian dan penulisan yang ada itu pula bukanlah penulisan sejarah. Melihat kepada perkembangan ini, maka jelas sekali pengetahuan kita mengenai sejarah pengambilan samsu tidaklah sebaik atau selengkap pengambilan bahan lain seperti tadi. Secara langsung, kajian yang dilakukan ini sangat penting dalam memperjelaskan mengenai sejarah pengambilan samsu di negara ini amnya dan di Selangor khususnya.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian mengenai samsu tidak banyak diberi perhatian oleh kalangan pengkaji sebelum ini dan hanya dilihat sepintas lalu sahaja aspek ini. Penelitian yang dilakukan terhadap kajian dan penulisan yang ada, hampir semuanya lebih memberikan perhatian kepada aspek kesihatan hingga penelitiannya serta pemahamannya dari sudut sejarah masih sangat kurang. Dalam keadaan ini, menyedari bahawa masih banyak perkara yang tidak diketahui mengenai samsu, maka kajian ini disifatkan sebagai antara satu-satunya kajian yang ada mengenai samsu. Meskipun fokus perhatian adalah terhadap Selangor, namun dalam keadaan-keadaan lain, ia turut menyentuh mengenai pelbagai aspek lain yang berkaitan dengan samsu di negara ini. Ini bermakna, dari sudut pensejarahan, kajian ini boleh disifatkan sebagai memberi sumbangan yang cukup bermakna terhadap permasalahan sosial terutama kalangan buruh di negara ini. Malahan dalam kerangka yang lebih jelas, kajian ini secara langsung mengukuhkan pensejarahan Malaysia amnya dan pensejarahan Selangor khususnya.

Berdasarkan penelitian melalui sumber-sumber yang digunakan walaupun terdapat beberapa kajian ilmiah dalam pelbagai peringkat dan karya yang ditulis oleh para pengkaji lain mengenai samsu sama ada sebelum ataupun selepas negara merdeka, namun terdapat beberapa aspek penting yang masih belum dibincangkan dengan lebih

mendalam, misalnya penglibatan orang Cina dalam pengeluaran dan pembuatan samsu. Selain itu, melalui kajian ini juga dapat meneliti golongan-golongan yang terbabit dalam penghasilan dan penjualan samsu serta golongan yang terlibat dalam pengambilan samsu.

Kajian ini juga penting untuk melihat peranan yang diambil oleh pihak British dalam usaha mengekang penjualan samsu secara haram. Hal ini telah memberi ruang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian dalam aspek-aspek yang meliputi kaedah penghasilan, dasar kerajaan, faktor dan kesan pengambilan samsu terhadap masyarakat Selangor khususnya. Hasil kajian yang diperolehi membezakan dengan kajian-kajian yang lain. Kajian ini penting untuk memberikan gambaran jelas serta informasi-informasi sejarah yang sangat berguna dalam memahami mengenai samsu bermula tahun 1900 hingga 1941.

Sebagai sebuah kajian sejarah yang dilakukan secara teliti dengan menggunakan sumber-sumber sejarah sama ada sumber pertama dan kedua, maka kajian ini seharusnya boleh menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji selepas ini. Ini kerana, kajian mengenai samsu merupakan kajian yang masih luas dan boleh diteroka dengan lebih mendalam lagi. Rujukan yang digunakan dalam kajian ini boleh menjadi panduan dan rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain.

## **Kaedah Dan Sumber Penyelidikan**

Penyelidikan yang dilakukan dalam kajian ini dilakukan dengan menepati aturan yang seringkali digunakan dalam sebuah penyelidikan sejarah. Penyelidikan secara umumnya ditafsirkan sebagai “*satu cara berfikir, iaitu satu cara melihat fakta terkumpul supaya satu koleksi data berkomunikasi kepada minda penyelidik*”.<sup>26</sup> Kajian ini secara umumnya menggunakan kaedah analisis kualitatif dengan pendekatan diskriptif. Dua elemen utama yang digunakan dalam kajian ini iaitu kajian kepustakaan dan pemerhatian. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat pengkaji maka analisis telah berjaya dihuraikan. Dari segi analisis, kajian ini melihat masalah sosial yang berlaku kesan pengambilan samsu di Selangor pada awal tahun 1900 hingga 1941. Penyelidikan perpustakaan dan arkib dilaksanakan dengan teliti bagi memperolehi pelbagai sumber, terutama sumber pertama dan kedua. Penyelidikan perpustakaan (*library research*) menjadi antara asas paling utama.

Berdasarkan kedudukan sejarah sebagai satu disiplin, maka dari sudut penyelidikan dalam menghasilkan sebuah penulisan sejarah, ia mempunyai aturan yang tersendiri termasuklah dari sudut kaedah yang digunakan. Dalam kata lain, kaedah kajian merupakan cara seseorang pengkaji untuk mendapatkan data atau maklumat bagi menyelesaikan subjek kajiannya. Dalam bidang sejarah, dua kaedah asas yang seringkali digunakan adalah penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan arkib. Dalam penyelidikan perpustakaan, kebiasaannya pengumpulan data daripada sumber kedua dapat diperolehi dan daripada sumber-sumber inilah maka seseorang penyelidik akan memperolehi data mengenai subjek kajiannya.

---

<sup>26</sup> Nabir Hj Abdullah dan Ishak Saat, “Kaedah Penyelidikan dan Penulisan Sejarah” dlm. Nabir Hj Abdullah, Ishak Saat dan Fairisa Othman (eds.), *Kaedah Penyelidikan & Penulisan Sejarah*, Tanjung Malim: Emeritus Pub., 2013, hlm. 11.

Menyedari hakikat tersebut, maka dalam usaha menyiapkan kajian ini, kaedah penyelidikan ini digunakan dengan seteliti yang mungkin. Perpustakaan Umum Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Perpustakaan Awam Negeri Selangor dan Perpustakaan Negara merupakan antara perpustakaan yang dikunjungi bagi melaksanakan penyelidikan ini. Satu lagi kaedah yang digunakan ialah penyelidikan arkib dan ia dilakukan terutamanya untuk memperolehi sumber-sumber pertama yang terdapat dalam simpanan arkib.

Bagi mendapatkan gambaran jelas mengenai subjek kajian mengenai samsu, kajian ini juga turut melakukan tinjauan terhadap beberapa premis yang menjual minuman samsu di Brickfield. Malah, contoh samsu turut cuba diperolehi oleh pengkaji. Meskipun ia tidak menepati masa dan ruangan kajian yang merangkumi tempoh masa 1900 hingga 1941, namun setidak-tidaknya pengkaji mendapat gambaran mengenai samsu tersebut. Malah maklumat yang diperolehi daripada penjual bahan tersebut juga sangat berguna kepada pengkaji dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Secara keseluruhannya, kajian ini bersandarkan kepada dua sumber penting iaitu sumber primer dan sekunder. Antara sumber primer terpenting yang menjadi rujukan ialah Laporan Tahunan Negeri Selangor yang merekod pelbagai maklumat penting berkenaan dengan aspek cukai serta jumlah import dan eksport samsu ke Selangor. Selain laporan, penelitian terhadap fail-fail kerajaan juga turut dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas mengenai samsu di Selangor seperti Fail Setiausaha Kerajaan Selangor (SUK. SEL.) dan Fail Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British atau High Commissioner File (HCO). Fail SUK. SEL. memuat pelbagai maklumat penting berkaitan dengan data-data perniagaan samsu, aduan dan jumlah tangkapan terhadap penghasilan samsu haram di Selangor. Selain itu, surat permohonan perniagaan samsu juga dapat diperolehi daripada fail SUK. SEL. Di dalam Fail SUK.

SEL. ini juga terkandung segala minit mesyuarat, memo, surat-menyurat, laporan dan laporan setiap jabatan dalam pentadbiran Selangor.

Melalui penelitian yang dilakukan terhadap sumber ini, maklumat mengenai aktiviti penghasilan samsu terutamanya samsu haram yang dijalankan di Selangor dapat diperolehi dan diperhatikan dengan lebih mendalam lagi. Di samping itu, melalui pemerhatian daripada sumber itu juga, maklumat mengenai perjalanan penjualan samsu juga dapat diamati dan difahami dengan jelas. Selain itu, Fail HCO juga turut menjadi rujukan penting dalam mendapatkan maklumat mengenai samsu terutamanya mengenai jumlah cukai yang telah dikenakan terhadap samsu yang diimport ke Selangor.

Sementara itu, Fail Pejabat Tanah Melayu (*Colonial Office File*) yang meliputi CO 717 (*Malay States, Original Correspondence*) dan CO 273 (*Straits Settlements Original Correspondence*) turut diteliti sewaktu kajian ini dilakukan. CO 717 merupakan fail penting yang menerangkan keadaan hidup buruh di Tanah Melayu. Fail ini memberi gambaran yang jelas mengenai kehidupan buruh di Selangor dan sangat membantu dalam kajian ini. Selain itu dokumen rasmi yang diterbitkan oleh kerajaan turut dirujuk untuk mendapatkan rekod dan data yang lebih jelas mengenai samsu antaranya seperti *Annual Report on The Social and Economic Progress of The People of Selangor*, *Selangor Administration Report*, *Annual Report of The Customs and Excise Department*, *Annual Financial Report on the State of Selangor*, *Selangor Government Gazette* dan *Selangor Administration Report*. Sumber-sumber ini adalah sangat penting memandangkan sumber sekunder masih tiada atau sangat berkurangan berhubung bidang kajian ini. Oleh itu, sumber pertama menjadi asas kepada kajian ini.

Selain sumber primer, kajian ini turut memberi perhatian terhadap penggunaan sumber sekunder meliputi buku, artikel, kertas-kertas persidangan dan tesis. Bahan-

bahan sekunder ini diperolehi dari Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur dan Perpustakaan Nasional Singapura (*online*).

Dalam masa yang sama, akhbar-akhbar berbahasa Inggeris dan Melayu turut digunakan bagi memperkukuhkan kajian ini antaranya, *Eastern Daily Mail and Straits Morning Advertiser*, *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, *The Star*, *The Star National Daily*, *The Straits Times*, *The Sun*, Utusan Pengguna dan Utusan Malaysia. Akhbar-akhbar ini banyak melaporkan maklumat yang penting berkaitan samsu dan membantu memperkemas lagi kajian ini.

### **Penggunaan Istilah**

Terdapat beberapa istilah yang harus diberi perhatian dalam kajian ini misalnya, istilah penting kepada samsu haram. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan istilah samsu haram atas sebab tertentu. Ini kerana banyak sumber pertama dalam bentuk fail di Arkib Negara Malaysia dan cawangan yang diakses telahpun menggunakan istilah *Illicit Samsoo* dan *Illegal Samsoo*. Penulis mengambil kira istilah-istilah tersebut daripada sumber asal dan menggunakannya dalam kajian ini supaya dapat mengekalkan maksudnya.

Selain itu, istilah-istilah lain seperti samsu tulen, samsu import serta samsu haram yang diguna pakai dalam kajian ini juga perlu diberi penjelasan. Samsu tulen adalah minuman yang tidak membawa kemudaratan atau kesan teruk terhadap peminum namun jika diambil dalam kuantiti yang banyak ia akan memberi kesan buruk terhadap kesihatan peminum. Begitu juga dengan samsu import ianya tidak membawa kesan kemudaratan kepada kesihatan peminum jika diambil dalam kuantiti yang sedikit. Manakala, samsu haram atau samsu gelap pula akan menjejaskan kesihatan peminum



kerana kandungan campurannya dengan bahan yang merbahaya. Istilah-istilah ini diambil daripada sumber-sumber dari arkib.

### **Pembahagian Bab**

Samsu di Tanah Melayu ataupun Malaysia bukanlah satu aspek yang tidak pernah dibahaskan oleh para sejarawan atau satu tajuk baru yang belum pernah didengar dan dikupas. Isu ini kerap dibincangkan dalam penulisan-penulisan akademik, namun perbincangan yang lebih khusus terhadap samsu di Selangor adalah amat terhad. Penulisan-penulisan yang sedia ada lebih mengkhususkan kepada minuman alkohol yang tidak mendedahkan dengan lebih terperinci mengenai samsu. Oleh itu, kajian ini amat penting kerana pengkaji mengupas mengenai samsu di Selangor yang menyentuh secara menyeluruh dari awal pengenalan samsu di Selangor, bagaimana kaedah pembuatan samsu, dasar kerajaan terhadap penjualan samsu, faktor-faktor pengambilan samsu sehinggalah membincangkan tentang kesan-kesan pengambilan samsu oleh seseorang individu tersebut.

Untuk menjelaskan sejarah samsu di Selangor dengan lebih berkesan kajian ini distrukturkan kepada enam bab. Bab pertama merupakan bab pengenalan yang merangkumi persoalan kajian, objektif kajian, kajian literatur, kepentingan kajian, kaedah penyelidikan dan batasan kajian. Persoalan yang diutarakan dalam bab pertama ini akan dibincangkan dalam bab-bab yang berikutnya dengan lebih terperinci. Kajian literatur kepada beberapa penulisan sarjana yang berkaitan dengan perbincangan topik kajian akan dibincangkan dalam bab ini juga dan menjadi gambaran awal kepada kajian samsu. Kepentingan kajian juga turut dibincangkan dalam bab ini kerana ia merupakan

bahagian penting terhadap penyelidikan kajian ini dan membezakan kajian-kajian samsu yang telah sedia ada.

Bab kedua pula menyentuh mengenai latar belakang kajian iaitu negeri Selangor untuk pengetahuan dan maklumat umum mengenai latar belakang kajian. Perbincangan memberi perhatian terhadap perkembangan politik dan ekonomi yang berlaku di Selangor. Selain itu, bab ini juga memberi penekanan terhadap aspek kedatangan buruh Cina dan buruh India ke Tanah Melayu sehingga muncul sebagai pihak yang berperanan dalam mengembangkan samsu.

Bab ketiga membincangkan mengenai pengenalan minuman alkohol di Tanah Melayu umumnya dan di Selangor khususnya. Bermula dengan pengenalan minuman alkohol oleh pihak British menyebabkan fikiran masyarakat tempatan dipengaruhi oleh minuman alkohol dan mewujudkan penjualan minuman-minuman alkohol tempatan seperti todi dan samsu. Selain itu, sejarah kedatangan samsu di Selangor dan di China turut dibincangkan di dalam bab ini. Perbincangan juga turut memfokuskan kepada proses pembuatan samsu yang meliputi beberapa proses dan bahan untuk dihasilkannya serta dijelaskan dengan lengkap maksud samsu itu sendiri.

Di dalam bab keempat pula, meneliti aspek penjualan samsu di Selangor. Bab ini membincangkan pemasaran samsu di Selangor dan langkah yang perlu diambil oleh penjual untuk menjual samsu. Selain itu, faktor-faktor pengambilan samsu dalam kalangan buruh juga dijelaskan di dalam bab ini mengapakah samsu dilihat begitu penting dalam kehidupan mereka.

Bab yang seterusnya iaitu bab kelima pula mendedahkan mengenai masalah dan isu yang timbul daripada penjualan dan pengambilan samsu. Bab ini menjurus kepada kesan-kesan yang diterima oleh peminum samsu itu sendiri, ahli keluarga serta mereka

yang berada di sekeliling peminum. Bab keenam menyentuh tentang kawalan pihak British terhadap samsu. Bab ini akan mengupas mengenai dasar dan langkah penyelesaian yang diambil oleh pihak British demi mengekang pembuatan samsu. Perbincangan memfokuskan peranan pihak British serta orang tempatan dalam usaha membanteras masalah samsu terutamanya samsu haram.

Sementara bab terakhir iaitu bab ketujuh adalah bab kesimpulan kepada kajian ini. Bab ini mengupas dan menilai pelbagai aspek mengenai perjalanan pengenalan minuman samsu di Selangor serta masalah sosial yang berlaku pada era sebelum merdeka iaitu awal abad ke-20 sehingga tahun bermulanya era penjajahan Jepun pada tahun 1941.

## BAB 2

### LATAR BELAKANG

#### Pengenalan

Sehingga ke hari ini, jika dilihat dari sudut pensejarahan Malaysia, penulisan dan kajian mengenai sejarah negeri Selangor masih dianggap sebagai tidak lengkap sepenuhnya. Meskipun kerangka atau peristiwa besar dalam sejarah di Selangor seperti Perang Klang, Kesultanan Melayu Selangor, kehadiran dan pertapakan British atau perkembangan ekonomi komersil telah semakin jelas dan ketara, namun jika diteliti secara mendalam, masih ada ruang-ruang kosong yang masih belum diisi seperti sejarah tempatan, sejarah masyarakat minoriti mahupun sejarah sosial. Salah satu aspek dalam sejarah sosial yang dirasakan masih agak kurang diberikan perhatian adalah mengenai sejarah pembuatan samsu, pengambilan dan kesan-kesannya di negeri ini. Dalam usaha mengisi kekosongan inilah, kajian mengenai samsu ini dilakukan dan dalam mencapai objektif kajian, penelitian dipecahkan kepada beberapa aspek iaitu aspek pembuatan, penjualan dan pengambilan samsu dan kesan serta kawalannya.

Ketika bab-bab lain dalam kajian ini memberikan perhatian kepada penjualan dan pengambilan serta kesan dan kawalannya, perbincangan dalam bab ini akan ditumpukan kepada latar belakang negeri Selangor. Keadaan ini dirasakan sangat signifikan kerana tanpa mengetahui latar belakang negeri ini, maka pasti sukar untuk melakukan perbincangan mengenai hal-hal berkaitan samsu di Selangor. Bagi memenuhi keadaan tersebut, perbincangan akan melihat secara sepintas lalu kepada sejarah kewujudan Selangor, sistem pentadbirannya, kehadiran British, komposisi masyarakat dan kemasukan imigran iaitu orang Cina dan India. Sejarah kemasukan orang Cina dan India diberikan tumpuan kerana ia mempunyai kaitan langsung dengan

pembuatan dan pengambilan samsu di Selangor. Akhirnya, perbincangan melihat kepada beberapa isu sosial di Selangor yang mempunyai kaitan dengan subjek utama kajian iaitu mengenai samsu.

## Sejarah Selangor

Negeri Selangor hari ini terdiri daripada sembilan buah daerah iaitu Sabak Bernam, Kuala Selangor, Kelang, Kuala Langat, Ulu Langat, Ulu Selangor, Gombak, Petaling dan juga Sepang. Selangor terletak di bahagian Semenanjung Malaysia dan berada di antara garis lintang 3° 40' dan 2° 30' Utara.<sup>1</sup> Selangor diairi oleh empat sungai utama yang terdiri daripada Sungai Langat dan Sungai Klang di bahagian selatan serta di bahagian utara diairi oleh dua sungai iaitu Sungai Selangor dan Sungai Bernam.<sup>2</sup>

Selangor merupakan kerajaan yang bermula di Sungai Selangor yang meliputi beberapa batang sungai pada pertengahan abad ke-18 iaitu, dari utara ke selatan, Bernam, Selangor, Jeram, Kelang, Langat-Jugra, Lukut dan Sungai Raya yang ditadbir oleh Orang Besar.<sup>3</sup> Selepas campur tangan British di Selangor, Bernam ditetapkan sebagai sempadan Perak dengan Selangor, di selatan, Lukut dan Sungai Raya diletakkan di bawah Negeri Sembilan, Semenyih bertukar jajahan di bawah negeri Selangor dan Beranang pula menjadi sempadan antara Selangor dengan Negeri Sembilan.<sup>4</sup>

Walaupun wujud pelbagai pendapat mengenai asal usul nama Selangor, namun pendapat yang lebih diterima adalah penetapan nama Selangor berasaskan nama sungai dan ia mempunyai kaitan dengan tradisi masyarakat Melayu yang menjadikan sungai

---

<sup>1</sup> Mohd Supian Sabtu, Sejarah awal, dalam Abdullah Zakaria Ghazali (ed.), *Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2005, hlm. 1.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Khoo Kay Kim (et. al.), *Selangor Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1985, hlm. ix. Menurut Khoo Kay Kim dalam *The Western Malay States*, Kuala Lumpur: East Asian Historical Monographs, 1972, hlm. 26:

“By the early 1860s, all the major districts had come under the control of the ‘anak raja’, Sungai Bernam under Raja Hitam, Sungai Selangor under Raja Musa, Sungai Jeram under Raja Ali, Sungai Kelang under Raja Abdullah, Sungai Langat under Sultan Abdul Samad, Sungai Lukut under Raja Jumaat and Sungai Raya under Raja Sulaiman”. Lihat juga J. M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970, hlm. 149-150.

<sup>4</sup> Ibid.

dan lembangan sungai sebagai pusat tumpuan mereka. Kajian yang dilakukan oleh Abdul Halim Nasir membuktikan bahawa sejak zaman pra-sejarah, penduduk menjadikan kawasan lembah-lembah sungai sebagai pusat aktiviti harian mereka dan seterusnya menjadi pusat kerajaan.<sup>5</sup> Mengenai nama Selangor dan kaitannya dengan Sungai Selangor, sejarawan tempatan, Yusoff bin Hassan menyatakan,

Timbulnya nama Selangor adalah sempena dari sungainya...Zaman dahulu memang telah menjadi kebiasaan orang menamakan sesuatu tempat itu dari nama sungai. Sebagaimana yang diketahui mereka tinggal di tebing sungai yang menjadi alat perhubungan ketika itu.<sup>6</sup>

Dengan berpegang kepada tradisi yang wujud dalam masyarakat Melayu serta bukti sebagaimana yang ditunjukkan, maka bolehlah diterima bahawa nama negeri Selangor diambil bersempena dengan nama Sungai Selangor yang mengalir ke Selat Melaka menerusi kawasan petempatan yang kini dikenali sebagai Kuala Selangor iaitu sebuah pekan di pinggir Sungai Selangor.

Pentadbiran kerajaan Selangor adalah kesinambungan daripada Kesultanan Melaka yang telah lumpuh setelah penguasaan Portugis ke atas kerajaan tersebut pada tahun 1511. Ekoran daripada serangan Portugis, kerajaan Melaka telah berundur ke Johor-Riau dan membina semula empayarnya sebagai kerajaan Johor-Riau. Perkembangan ini menunjukkan bahawa sebelum wujud sebagai sebuah negeri yang merdeka, negeri Selangor berada di bawah kekuasaan Melaka dan seterusnya kekuasaan Johor. Pembesar-pembesar yang ada di Selangor yang mentadbir kawasan atau daerah di Selangor, selama itu berada di bawah kuasa kerajaan-kerajaan tersebut. Walau bagaimanapun, keadaan telah berubah pada tahun 1766 apabila Selangor muncul sebagai sebuah kerajaan yang merdeka. Peristiwa ini menjadi penanda penting dalam melihat sejarah negeri Selangor.

---

<sup>5</sup> Lihat Abdul Halim Nasir, *Lembangan Sungai dalam Peradaban Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2007.

<sup>6</sup> Yusoff Bin Hassan, *Sejarah Kuala Selangor*, t.t: t.p, 2001, hlm. 8.

Kerajaan Selangor diasaskan pada tahun 1766, dan ibu kotanya yang pertama adalah Kuala Selangor.<sup>7</sup> Perkembangan ini mempunyai kaitan dengan kedatangan Opu Bugis lima bersaudara iaitu Daeng Parani, Daeng Menambun, Daeng Marewah, Daeng Chelak dan Daeng Kemasi. Kemampuan serta kebolehan mereka dalam bidang pentadbiran bukan sahaja tertonjol di dalam kerajaan Johor-Riau, malah turut melebar hingga ke Selangor. Kedudukan Selangor sebagai sebuah kerajaan merdeka bermula apabila Raja Lumu ibni Daeng Chelak menaiki takhta setelah memperolehi daulat serta perkenan Sultan Perak dengan membawa gelaran Sultan Salahuddin Syah.<sup>8</sup>

Sejak diasaskan, satu sistem pentadbiran dan pemerintahan yang tersusun telah dilaksanakan di Selangor. Pemerintahan kerajaan diterajui oleh Sultan diikuti dengan kalangan pembesar sama ada di peringkat pusat mahupun daerah. Pada tahun 1857, Sultan Abdul Samad telah menaiki takhta kerajaan Selangor dan bersemayam di Klang, kemudian berpindah ke Bandar Temasya dan Jugra.<sup>9</sup> Perpindahan ini kerana berlakunya Perang Klang. Walaupun Klang dilihat sebagai satu kawasan yang sangat strategik sebagai kawasan pentadbiran kerana hasil kekayaan yang dimilikinya, namun peperangan yang berlaku telah menjejaskan kedudukan serta pembangunan di kawasan tersebut.<sup>10</sup>

Pada peringkat awal, penduduk Melayu di Selangor menjalankan ekonomi bersifat sara diri seperti menjalankan aktiviti pertanian, menternak haiwan peliharaan, menangkap ikan secara tradisi, memungut hasil hutan serta menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan bagi orang Melayu Sumatera dan Bugis. Aktiviti-aktiviti ekonomi

---

<sup>7</sup> Mohd Jais @ Jais Sarfan, "Bandar Temasya dan Jugra", dlm. Khoo Kay Kim (penyunting), *Selangor Dahulu dan Sekarang*, hlm. ix.

<sup>8</sup> Kerajaan Selangor bermula dengan pemerintahan Raja Lumu ibni Daeng Chelak (1766-1782), kemudian diganti Sultan Ibrahim Shah (1782-1826), diganti pula dengan Sultan Muhammad Shah (1826-1857) sehingga Sultan Abdul Samad yang menaiki takhta pada tahun 1857-1898. Rujuk Mohd Jais @ Jais Sarfan, *Bandar Temasya dan Jugra*, dalam Khoo Kay Kim (penyunting), *Selangor Darul Ehsan*, Selangor: Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, 1989, hlm. 18. Rujuk juga Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Yang Ke-44, 10 Mac 1970, (buku cenderamata), (tiada penerbit dan penulis).

<sup>9</sup> Mohd Jais @ Jais Sarfan, "Bandar Temasya dan Jugra", hlm. ix.

<sup>10</sup> Terdapat faktor lain yang menyebabkan perpindahan Sultan Abdul Samad ke Bandar Temasya iaitu, daerah-daerah lain di Selangor adalah dibawah pentadbiran Orang-Orang Besar tertentu, Sultan Abdul Samad sendiri menguasai daerah Langat serta faktor perkembangan Langat itu sendiri. Langat telah berkembang maju dan sangat memberangsangkan dari aspek ekonominya walaupun tidak mempunyai hasil galian bijih. Ibid., hlm. 23.

ini dilakukan untuk memenuhi keperluan penduduk sendiri. Jika terdapat lebih hasil maka mereka akan melakukan pertukaran barang untuk mendapatkan barangan lain, mengadakan kenduri-kendara, membayar zakat atau memberi hadiah kepada keluarga lain dalam kampung itu sendiri.<sup>11</sup>

Aktiviti pertanian terutama penanaman padi dilihat menjadi aktiviti utama penduduk dan penanaman padi di Selangor terbahagi kepada dua iaitu padi bukit dan padi sawah. Aktiviti penanaman padi sawah banyak dijalankan di kawasan Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor dan Hulu Selangor. Terdapat juga penanaman padi di sekitar Sungai Selangor, dari Telok Penyamun ke Kampung Kedah.<sup>12</sup> Menternak haiwan juga merupakan salah satu aktiviti yang dijalankan oleh penduduk di Selangor. Haiwan ternakan ini penting sebagai sumber protein selain daripada hasil tangkapan ikan di sungai. Antaranya seperti kambing, kerbau, lembu, ayam, itik dan banyak lagi.

Haiwan ternakan ini biasanya ditenak di kawasan persekitaran rumah dan dalam bilangan yang kecil sahaja iaitu sekadar cukup untuk menampung keperluan diri dan keluarga sahaja, bukan bertujuan untuk mengurus niaga. Kerbau banyak ditenak berbanding lembu kerana nilainya yang sangat penting untuk tujuan membajak sawah atau dijual untuk mendapatkan wang bagi tujuan ke Makkah mahupun untuk disembelih sewaktu kenduri-kendara dan perkahwinan. Selain padi, tanaman lain juga turut ditanam iaitu tanaman dipekarangan rumah seperti pisang, tebu, jagung, ubi keledek, nenas, ubi kayu, serai, keladi, kunyit, lengkuas, kelapa, cili dan sebagainya. Menyatakan lebih lanjut mengenai mengenai aktiviti pertanian yang dijalankan oleh penduduk tempatan ini, Khoo Kay Kim mengatakan:

Some of the other products of Selangor at this time were coconuts, grown largely in Jeram, wood-oil and damar obtainable at Sepang and rattan which exported from Langat but for which Bukit Keruing (along Sungai Klang) was even more famous. Padi was cultivated at Kapar (below

<sup>11</sup> Zulkanain Abdul Rahman, "Ekonomi" dlm. Abdullah Zakaria Ghazali (ed.), *Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan*, hlm. 198.

<sup>12</sup> Khoo Kay Kim, *The Western Malay States*, Kuala Lumpur: East Asian Historical Monographs, 1972, hlm. 41.



Jeram) as well as Sepang and it was to become Selangor's leading agricultural produce during the reign of Sultan Muhammad when planting was concentrated largely along Sungai Selangor and Langat.<sup>13</sup>

Hasil tangkapan ikan juga turut dijadikan sebagai sumber makanan harian. Sungai merupakan satu sumber asas yang penting buat masyarakat Melayu di Selangor kerana bukan sahaja berfungsi sebagai jalan perhubungan, jeti, untuk tujuan mencuci dan memasak malah sebagai sumber pendapatan dan makanan buat mereka. Selain itu, sungai juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan ekonomi negeri seperti Sungai Selangor berperanan sebagai laluan utama kapal untuk mengeksport bijih timah.<sup>14</sup> Setelah bijih timah mulai mendapat perhatian daripada semua pihak maka, wujudnya kegiatan besar-besaran terhadap perlombongan bijih timah.

In the second of the nineteenth century tin was also worked at Sungai Selangor, Langat and Klang. Along Sungai Klang, the principal mining areas were Penaga, Petaling, Serdang, Junjong, Pantai Rusa, Kuala Bulu, Gua Batu and Sungai Lumpur. Sungai Lumpur was possibly the most productive. But the total yield from these mines was comparatively low. In 1818 it was estimated that the Selangor and Klang mines together produced about 2,000 piculs per annum. And in the early 1830s, the figure given for the total output from Selangor, Klang, Lukut and Langat was 3,600 piculs a year.<sup>15</sup>

Selangor sememangnya terkenal sebagai sebuah negeri yang kaya dengan sumber mineral bijih timah namun, terdapat juga sumber ekonomi lain seperti getah dan kopi. Pada tahun 1875, tanaman utama di Tanah Melayu ialah kopi. Biji benih kopi ini dibawa masuk dari Liberia.<sup>16</sup> Pemodal-pemodal Eropah membuka tanah-tanah baru untuk tanaman kopi di kawasan-kawasan di negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, penanaman kopi ini kurang mendapat sambutan dari negeri-negeri yang lain menyebabkan harga kopi telah jatuh kepada \$19.00 pada tahun

---

<sup>13</sup> Ibid., hlm. 40.

<sup>14</sup> Khoo Kay Kim, "Riwayat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan", dlm. Adnan Haji Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (ed.), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lembaga Muzium Sultan Alam Shah Selangor, 1992, hlm. 37.

<sup>15</sup> Khoo Kay Kim, *The Western Malay States*, hlm 40.

<sup>16</sup> Hussein Ahmad (ed.), *Sejarah Tanah Melayu 1400-1963*, Kuala Lumpur: Pustaka Aman Press, 1964, hlm. 209.

1899 berbanding pada tahun 1895 dengan harga \$47.00.<sup>17</sup> Kejatuhan harga kopi ini dipengaruhi oleh persaingan kopi di Brazil. Hasil ekonomi yang paling penting di Selangor kemudiannya hanyalah bijih timah dan getah.<sup>18</sup>

Pada abad ke-16, hasil timah telah dijumpai di Tanah Melayu dan ini mendorong pelombong-pelombong, imigran dan juga kuasa asing datang ke Tanah Melayu untuk membuka penempatan baru.<sup>19</sup> Di Selangor, bijih timah banyak terdapat di kawasan Lembah Klang dan Lukut. Sumber mineral ini menjadi komoditi eksport yang penting buat Selangor kerana telah mengeluarkan hasil yang banyak iaitu pada tahun 1850 sebanyak 6,500 tan, tahun 1890 sebanyak 15,101 tan, tahun 1900 sebanyak 43,000 tan, pada tahun 1905 sebanyak 57,733 tan dan pada tahun 1937 sebanyak 77,000 tan.<sup>20</sup> Getah dan bijih timah menjadi komoditi yang sangat penting buat Selangor kerana menjadi penyumbang utama kepada jumlah pendapatan negeri.<sup>21</sup>

Berdasarkan perbincangan yang dilakukan, jelas menunjukkan bahawa sebelum pertapakan British di Selangor pada tahun 1875, Selangor bukan sahaja telah mempunyai satu sistem pentadbiran dan pemerintahan yang baik, namun turut mempunyai sistem ekonomi yang mampu memenuhi keperluan penduduknya. Aktiviti pertanian, penternakan, perikanan dan perlombongan menjadi aktiviti utama dan kesemua aktiviti ini dilaksanakan oleh orang Melayu. Malah, kehadiran orang Cina sekalipun sebagai pelombong, namun mereka masih lagi bekerja sebagai buruh dengan pemilik lombong Melayu. Hal ini ketara apabila melihat kepada perkembangan yang berlaku di Lukut yang menjadi pusat utama perlombongan bijih timah pada tahun 1820-an.

---

<sup>17</sup> Ibid.

<sup>18</sup> Khoo Kay Kim, 'Riwayat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan,' hlm. 45.

<sup>19</sup> *Selangor DarulEhsan- Map and Guide* (pamphlet).

<sup>20</sup> Sumarni Sainawi, *Kemasukan Buruh Cina dan India Di Negeri Selangor, 1890-1941*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2012/2013, hlm. 2.

<sup>21</sup> *Federation of Malaya*, Federal and Colonial Building Society Limited, 1950, hlm. 22.

Raja Busu<sup>22</sup> telah diberikan kuasa untuk menjalankan aktiviti perlombongan ini oleh Sultan Muhammad dan mengambil orang Cina sebagai pekerja di lombong miliknya. Walau bagaimanapun, Raja Busu mati dibunuh oleh orang Cina dan terdapat pandangan yang mengatakan orang Cina tersebut merupakan anggota kongsi gelap.<sup>23</sup> Kesan dari peristiwa inilah yang menyebabkan Raja Jumaat kemudiannya diberikan kuasa mentadbir dan membangunkan Lukut. Malah ketika inilah, semakin ramai orang Cina datang ke Lukut termasuklah Yap Ah Loy yang menjadi tukang masak di kawasan lombong milik Raja Jumaat.<sup>24</sup>

### **Kehadiran British dan Kemasukan Buruh**

Sejarah mengenai kemasukan dan pertapakan kuasa British di Selangor telah dikaji dan diberikan perhatian oleh banyak pihak. Antara yang penting pastinya kajian yang dilakukan oleh Khoo Kay Kim<sup>25</sup>, J. M. Gullick dan sebagainya. Berdasarkan hal ini, dirasakan tidaklah perlu subjek ini untuk dibincangkan secara terperinci, namun cukup sekadar menyatakan bahawa kehadiran British ke Selangor telah membawa perubahan besar terhadap lanskap politik, sosial dan ekonominya. Kuasa Sultan kini terhad kepada hal-hal berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat sahaja sementara kuasa mentadbir dipegang oleh pihak British melalui Residen.

Sektor ekonomi kemudiannya melalui perubahan yang besar. Perlombongan bijih timah kini menjadi sektor ekonomi utama di mana penggunaan teknologi baru

---

<sup>22</sup> Raja Busu adalah putera Raja Nala dari kerabat Selangor. Ayahanda baginda adalah putera Sultan Salehuddin iaitu Sultan Selangor yang pertama. Raja Busu diangkat untuk memerintah Lukut setelah terbunuhnya Raja Muda Selangor dalam peperangan membantu Aceh menentang orang-orang dusun yang memberontak. Raja Busu dilantik memerintah Lukut kerana Lukut dianggap sebagai jajahan Selangor. Beliau telah membawa orang-orang Cina membuka lombong bijih timah di sepanjang lembangan Sungai Lukut dan menjadi seorang yang kaya raya. Raja Busu telah dibunuh oleh orang Cina kerana mereka berang dengan tindakan Raja Busu yang telah menaikkan cukai sebanyak 10 peratus. Rusuhan juga telah berlaku iaitu lebih kurang 300 hingga 400 pelombong berarak ke istana beliau namun tidak diendahkannya. Istana beliau telah dibakar dan beliau bersama keluarganya telah dibunuh dalam kejadian tersebut. Rujuk Utusan Online, 27 Ogos 2016.

<sup>23</sup> "Remembering History at Klang, Kuala Selangor and Lukut", *Malaysia in History*, Vol. XII, No 2, March 1969, hlm. 33.

<sup>24</sup> Ibid.

<sup>25</sup> Khoo Kay Kim dalam *The Western Malay States*. Lihat juga Khoo Kay Kim, "Riwayat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan", dan J. M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.

telah dilakukan. Pelaburan modal dalam skala besar telah menyebabkan pembukaan lombong bijih di pelbagai kawasan di Selangor. Sebagai pihak yang mentadbir negeri, British telah berusaha agar hasrat mereka untuk mengeksploitasi bijih timah di Selangor tidak terganggu. Keadaan ini membawa kepada pengenalan sistem pentadbiran Barat di Selangor termasuklah mengenai undang-undang tanah, sistem cukai, sistem pemilikan tanah serta status tanah.<sup>26</sup> Selain perlombongan, aktiviti pertanian komersil juga semakin berkembang. Ia dimulakan dengan penanaman kopi, nanas dan seterusnya getah.

Penanaman kopi terutama jenis Liberia dan Arabica dilaksanakan dengan agak pesat terutama di sekitar Kuala Lumpur dan Klang. Ladang-ladang kopi diwujudkan. Misalnya Messrs. Hill dan Rathborne telah membuka ladang seluas 2, 850 ekar di sekitar Batu Caves.<sup>27</sup> Jika dibandingkan dengan kopi mahupun nanas, penanaman getah dilihat lebih berjaya. Satu kesan penting daripada perkembangan ekonomi yang pesat ini adalah kemasukan buruh luar ke Selangor terutamanya orang Cina dan India. Kehadiran orang Cina dan India ini telah secara langsung mengubah komposisi penduduk di Selangor.

Jika sebelumnya, orang Melayu merupakan kaum utama di Selangor, namun perubahan berlaku apabila orang Cina dan India menjadi penduduk Selangor. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna ketiga-tiga kaum saling bergaul secara erat antara satu sama lain, sebaliknya mereka hidup dalam suasana terpisah. Orang Melayu didapati mendiami kawasan kampung, orang Cina di kawasan lombong dan orang India di kawasan ladang. Interaksi yang berlaku juga disifatkan sebagai agak terhad.

Kemasukan buruh Cina dan India ke Tanah Melayu berpunca daripada faktor perkembangan sektor pertanian dan perlombongan. Fenomena ini terjadi apabila

---

<sup>26</sup> Abdul Karim Bin Raja Abdul Aziz (et.al.), "Sejarah Awal Perkembangan Kegiatan Perlombongan Bijih Timah di Negeri Selangor", *Jurnal Malawati*, Bil. 3, Mei 2000, hlm. 12.

<sup>27</sup> John Gullick (ed.), *Selections from the Selangor Journal*, Kuala Lumpur: MBRAS No 26, 2007, hlm. 215.

masyarakat tempatan tidak berminat untuk bekerja di dalam sektor tersebut. Melihat perkara ini, maka pihak British memerlukan satu solusi supaya masalah ini dapat diselesai memandangkan bijih timah mendapat permintaan tinggi. Penyelesaiannya adalah dengan merekrut tenaga buruh dari luar. Hubungan yang wujud antara British dengan India pada ketika itu memudahkan mereka untuk merekrut imigran India ke Tanah Melayu. Manakala kedatangan buruh Cina ke Tanah Melayu didorong oleh pelbagai faktor antaranya masalah kemiskinan serta penderitaan hidup di China serta ketisakstabilan ekonomi dan politik menyebabkan mereka berhijrah ke Tanah Melayu. Perbincangan yang berikut ini meneliti secara ringkas mengenai kehadiran orang India dan Cina ke Selangor.

#### **a) Kemasukan Orang India**

Kemasukkan buruh India ke Tanah Melayu secara besar-besaran bermula pada abad ke-19. Berdasarkan sejarah, kehadiran orang India ke Tanah Melayu telah berlaku sejak sekurang-kurangnya abad ke-7<sup>28</sup> terutamanya ke Kedah. Ini diikuti kemudiannya ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka.<sup>29</sup> Malah ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka, pedagang India dianggap sebagai kelompok utama selain pedagang Cina dan Jawa. Kedatangan mereka adalah atas urusan untuk berdagang dan mendapatkan barang dagangan yang penting.

Pedagang-pedagang India membawa kain benang kapas dari Kembayat, Pulikat dan Bengal. Selain itu mereka turut berdagang barang dagangan seperti lada hitam, kain India, candu, bau-bauan seperti keminyan, akar-akar kayu sebagai ubat, bijih timah dan juga gincu serta membawa pulang barang dagangan ke India seperti emas, kapur barus,

---

<sup>28</sup>Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian Community in Malaysia*, Selangor: Nationwide Human Development and Research Centre, 2012, hlm. 28.

<sup>29</sup> Maya Khemlani David, *Malaysian Indian: Sociocultural Assimilation towards the Malay Majority*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012, hlm. 9.

rempah, bunga cengkih, kayu cendana, kain sutera, teh, barang perhiasan, dan lain-lain.<sup>30</sup> Kedatangan mereka juga telah mewujudkan asimilasi dalam kebudayaan orang Melayu sebagaimana yang ditunjukkan dalam kalangan masyarakat Cetti.<sup>31</sup>

Walau bagaimanapun, sejarah kedatangan orang India antara abad ke-7 hingga abad ke-15/16 sangat berbeza dengan kehadiran mereka ketika abad ke-19. Jika kehadiran mereka pada tahap awal itu lebih sebagai pedagang, namun pada abad ke-19, kehadiran mereka adalah bagi memenuhi keperluan tenaga buruh yang diperlukan oleh pihak British. Kehadiran mereka juga berlaku dalam jumlah yang jauh lebih besar berbanding kedatangan mereka sebagai pedagang itu.<sup>32</sup>

Perkembangan ekonomi yang pesat telah menarik minat buruh India ke Tanah Melayu demi mengisi lompang-lompang kerja di sektor perlombongan dan pertanian. Suasana kerja yang baik ditambah pula dengan imbuhan yang dijanjikan telah menarik kedatangan mereka untuk bekerja di Tanah Melayu bagi mengubah nasib hidup mereka. Kehadiran mereka dilihat sangat penting untuk memenuhi permintaan terhadap tenaga buruh di sektor yang baru diperkenalkan oleh British iaitu perladangan yang memerlukan jumlah tenaga buruh yang ramai dan juga sektor perlombongan. Buruh India banyak dibawa masuk kerana kosnya yang murah, taat dan patuh kepada pihak atasan, berdisiplin, mudah menyesuaikan diri dalam melakukan pelbagai kerja serta sedia berkhidmat walaupun dibayar dengan upah yang rendah<sup>33</sup> seperti kenyataan yang telah dinyatakan oleh Janakey Raman Manickam:

The South Indian labourer was preferred because he was malleable, worked well under supervision, and was easily manageable. He was not as ambitious as most of his northern Indian compatriots and certainly nothing like the Chinese... he was the most amenable to the comparatively lowly paid and rather regimented life of estates and government departments. He

<sup>30</sup> Joginder Singh Jessy, *Sejarah Tanah Melayu (1400-1959)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978, hlm. 7.

<sup>31</sup> *Federation of Malaya*, Federal and Colonial Building Society Limited, 1950, hlm. 10.

<sup>32</sup> Sinnappah Arasaratnam, *Indian in Malaysia and Singapore*, London: Oxford University Press, 1979, hlm. 5. Lihat juga Khoo Kay Kim, "Latar Belakang Sejarah Masyarakat India dan China di Tanah Melayu", *Jebat*, Bil. 1, 1971/72.

<sup>33</sup> D. J. M. Tate, *The RGA History of the Plantation Industry in the Malay Peninsula*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1996, hlm. 151.

had fewer qualms or religious susceptibilities, such as a version to crossing the dreaded kalapani and food taboos... and cost less in feeding and maintenance.<sup>34</sup>

Latar belakang inilah yang menyebabkan kawalan terhadap pemilik ladang agak longgar hingga menyebabkan mereka lebih bebas bertindak terhadap buruh-buruh India. Mereka menyadari bahawa buruh-buruh India ini tidak akan pernah melawan serta tidak mempunyai cita-cita yang tinggi berbanding dengan buruh dari China yang dianggap lebih *high demand*. Selain itu, buruh-buruh Cina ini juga tidak akan memberi sebarang sumbangan terhadap kerja mereka, tetapi wang yang diperolehi akan dihantar pulang semula ke tanah air mereka.<sup>35</sup> Mereka turut menawarkan harga yang sangat tinggi dan mengelak dari sebarang perjanjian antara pekerja dan majikan. Sekiranya tenaga kerja mereka diperlukan sebagai buruh, perkara tersebut perlu dirujuk terlebih dahulu kepada kumpulan kontrak.<sup>36</sup> Perkara ini dilihat menyusahkan British kerana prosedur yang rumit dan memerlukan masa yang lama. Selain itu, pihak atasan British juga pernah memperingatkan mengenai perkara ini seperti kata Gabenor Negeri-Negeri Selat:

Sir Frederick Weld, Governor of the Straits Settlements in 1887 warned of over dependence on Chinese labour as problematic. He suggested migration from India, because the Indians are a peaceable and easily governed race.<sup>37</sup>

---

<sup>34</sup>Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian Community in Malaysia*, hlm. 42.

<sup>35</sup> Maya Khemlani David, *Malaysian Indian: Sociocultural Assimilation towards the Malay Majority*, hlm. 6.

<sup>36</sup>Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian Community in Malaysia*, hlm. 45.

<sup>37</sup> J. N. Parmer, *Colonial Labour Policy and Administration: History of Labour in the Rubber Plantation Industry and the Development of Malaya*, New York: J. J. Augustin, 1960, hlm. 19.

**Jadual 1: Negeri-Negeri Melayu Bersekutu: Bilangan Buruh India Yang Diambil Bekerja, 1906-1920.**

<b>Tahun</b>	<b>Perak</b>	<b>Selangor</b>	<b>Negeri Sembilan</b>	<b>Pahang</b>
1906	6,351	17,651	3,011	-
1908	12,528	26,973	5,425	303
1910	26,073	48,058	10,484	653
1912	43,525	66,791	11,884	643
1914	47,203	61,573	10,455	913
1916	56,368	68,997	11,181	1,750
1918	58,977	65,803	13,074	1,626
1920	65,037	74,085	19,410	2,434

Sumber: R.N. Jackson, *Immigrant Labour and The Development of Malaya 1786-1920*, Kuala Lumpur: Government Press, 1961, hlm. 140.

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan bilangan buruh India yang direkrut ke Tanah Melayu dari tahun 1906 hingga 1920. Buruh India di Selangor merupakan jumlah buruh yang paling tinggi diambil bekerja dari tahun 1906 hingga 1920. Majoriti buruh-buruh India di Selangor ditempatkan di kawasan ladang getah. Pengambilan buruh India ke Selangor memperlihatkan peningkatan yang tidak konsisten. Ini dapat dilihat pada tahun 1906 jumlah pengambilan buruh India telah meningkat hingga tahun 1912 iaitu seramai 66,791 orang, kemudiannya menurun kepada 61,573 orang pada tahun 1914 dan meningkat semula pada tahun 1916 menjadi seramai 68,997 orang. Jumlah pengambilan buruh India menurun kembali pada tahun 1918 menjadi 65,803 orang dan meningkat pula pada tahun 1920 iaitu seramai 74,085 orang. Jumlah pengambilan buruh India mengalami turun naik yang tidak konsisten dan didapati bahawa jumlah pengambilan tertinggi adalah pada tahun 1906 hingga 1920 iaitu peningkatan sebanyak dua kali ganda.

Jumlah peningkatan ini disebabkan oleh pada tahun 1906 hingga 1912, harga getah di pasaran naik melambung tinggi. Pada tahun 1910, harga getah direkodkan naik meningkat paling tinggi iaitu \$5.50 per lb (berat per paun).<sup>38</sup> Banyak kawasan-kawasan baru telah dibuka bagi tujuan penanaman getah di Tanah Melayu. Pada tahun 1913,

<sup>38</sup> Ooi Jin Bee, *Peninsular Malaysia New Edition of Land, People and Economy in Malaya*, New York: Longman, 1963, hlm. 223.



jumlah tanaman getah telah meningkat kepada 322,000 hektar dan tiga tahun kemudiannya telah menjadi pesaing utama kepada bijih timah sebagai sumber eksport Tanah Melayu yang utama.<sup>39</sup> Jumlah permintaan yang tinggi terhadap getah telah mendorong permintaan yang besar terhadap buruh di Tanah Melayu. Kemasukkan imigran India ke Tanah Melayu secara tidak langsung membantu memperkembangkan ekonomi yang pesat. Kemasukkan mereka telah membantu merancakkan lagi ekonomi di Tanah Melayu amnya dan khasnya di Selangor.

Di Selangor, kebanyakan buruh India dibawa dari India Selatan untuk bekerja di kawasan perladangan terutamanya di Klang kerana ia merupakan antara kawasan penanaman getah yang pesat.<sup>40</sup> Mereka bekerja di ladang-ladang getah milik orang Eropah. Secara keseluruhannya, orang India terdiri daripada beberapa etnik yang pelbagai iaitu Tamil, Malayali, Telegu, Punjabi, Sikh, Benggali, Gujerati dan Sindhi<sup>41</sup> yang terbahagi kepada dua kumpulan iaitu India Utara dan India Selatan. Majoriti 90 peratus buruh-buruh India di Tanah Melayu datangnya dari India Selatan.<sup>42</sup>

Perlu juga disebut bahawa kedatangan buruh India ke Selangor merupakan satu usaha mereka untuk mencari kehidupan yang lebih baik berbanding kehidupan mereka di India. Mereka dijanjikan dengan pekerjaan, rumah dan pendapatan. Walau bagaimanapun, sebaik sahaja mereka berada di Tanah Melayu, kehidupan yang dilalui perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pemilik ladang. Terdapat buruh-buruh yang terpaksa bekerja dalam tempoh yang lama dan prasarana yang diterima oleh mereka juga begitu mendukacitakan. Mereka tidak disediakan kemudahan yang selengkapnya dan hanya mendapat kemudahan asas daripada pihak majikan. Keadaan ini telah melahirkan pelbagai implikasi kemudiannya sama ada dari sudut kesihatan

---

<sup>39</sup> Barbara Watson Andaya & Leonard Andaya, *History of Malaysia*, China: Palgrave, 1982, hlm. 218.

<sup>40</sup> Nedyam Raghavan, *India and Malaya Study*, Bombay: Orient Longmans Limited, 1954, hlm. 106.

<sup>41</sup> Azharuddin Mohd Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012, hlm. 23.

<sup>42</sup> Maya Khemlani David, *Malaysian Indian: Sociocultural Assimilation towards the Malay Majority*, hlm. 3.

mahupun kehidupan sosial mereka termasuk mengambil samsu dan todi bagi melepaskan tekanan yang ada. Hal ini akan disentuh dalam bahagian lain kajian ini.

## **b) Kemasukan orang Cina**

Sebagaimana orang India, sejarah kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu sebenarnya cukup panjang. Catatan-catatan China menunjukkan bahawa pedagang dan pengembara China telahpun mengetahui mengenai kerajaan-kerajaan yang wujud sejak abad-abad awal di Tanah Melayu. Sekitar tahun 692 M, I-tsing, ada mencatatkan mengenai Lang-ya-si yang dirujuk sebagai Langkasuka. Pada abad ke-12, Chau Jua-kua turut menyebut mengenai kerajaan yang sama.<sup>43</sup> Abad-abad ke-15 hingga 18 turut menyaksikan kehadiran orang Cina dan sebahagian mereka telah menetap di Tanah Melayu. Ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka, kedatangan pedagang Cina membawa hasil dagangan mereka menyebabkan pelabuhan Melaka kemudiannya menjadi tumpuan pedagang luar. Mereka tidak lagi perlu pergi ke China untuk mendapatkan barang dagangan tersebut, namun cukup sekadar berhenti di Melaka.

Malah, hubungan erat antara kerajaan Melayu Melaka dengan kerajaan China turut menyaksikan rombongan kedua-dua belah pihak saling kunjung mengunjung antara satu sama lain. Kisah perkahwinan antara Puteri Hang Li Po dengan Sultan Mansur Syah sebagaimana yang disebut dalam *Sejarah Melayu* menonjolkan ikatan erat antara kedua kerajaan.<sup>44</sup> Dalam masa yang sama, terdapat sebahagian mereka yang tinggal dan berkahwin dengan wanita tempatan. Mereka inilah yang kemudiannya di

---

<sup>43</sup> Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hlm. 13.

<sup>44</sup> Lihat kisah ini dalam John Leyden (peny.), *Malay Annals*, Kuala Lumpur: MBRAS No. 20, 2009, hlm. 173-184. Walau bagaimanapun, terdapat pandangan yang agak skeptikal dengan peristiwa perkahwinan antara Puteri Hang Li Po dengan Sultan Mansur Shah kerana peristiwa bersejarah ini tidak disebut dalam mana-mana sumber lain kecuali Sejarah Melayu. Lihat kedudukan Sejarah Melayu sebagai sumber sejarah dalam Ahmat Adam, *Antara Sejarah dan Mitos: Sejarah Melayu & Hang Tuah dalam Historiografi Malaysia*, Petaling Jaya, SIRD, 2016. Malah seorang sarjana China, Kong Yuanzhi yang banyak menjalankan penyelidikan mengenai hubungan Melaka-China juga tidak menyebut kebenaran peristiwa itu. Dalam salah satu tulisannya, beliau menyatakan, "Walaupun tidak tercatat perkahwinan antara Puteri Hang Li Po dengan Sultan Melaka dalam buku sejarah China, apalagi Zheng He menghantar Hang Li Po ke Melaka, Cerita Hang Li Po yang indah dan menarik itu telah dan akan terus memperkuat persahabatan antara dua buah negara: China dan Malaysia...". Kong Yuanzhi, "Cerita Hang Li Po: Ode Persahabatan Kedua-dua Bangsa China-Malaysia", *Sari*, No. 19, 2001, hlm. 186.

sebut sebagai masyarakat peranakan atau Baba dan Nyonya. Malahan, sejarah kehadiran orang Cina inilah yang menyebabkan Bukit Cina wujud di Melaka dan terus kekal sehingga kini. Selain Melaka, orang Cina juga telah datang dan menetap di beberapa kawasan lain termasuklah di Kelantan terutamanya sekitar abad ke-18. Di Kelantan, telah terdapat sebuah petempatan yang dikenali sebagai Kampung Cina.

Kampung Cina sudah wujud pada lewat abad ke-18 dan menjadi nadi masyarakat Cina pada masa itu. Ia merupakan tempat kediaman beberapa orang Kapitan Cina. Terdapat sebuah tokong komuniti di Kampung Cina yang bernama Zhenxingong. Tokong ini dibina pada tahun 1790 untuk menyembah Dewi Mazu.<sup>45</sup>

Namun demikian, kedatangan orang Cina pada abad ke-19 agak berbeza dengan kehadiran mereka pada abad-abad sebelumnya. Kehadiran mereka ketika ini disifatkan berlaku dalam skala besar. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan kehadiran serta kemasukan mereka ke Tanah Melayu dan antaranya adalah masalah kepadatan penduduk di negara asal mereka. Negara China mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Pertambahan penduduk ini tidak seimbang dengan pengeluaran hasil pertanian menyebabkan bekalan makanan tidak mencukupi.

Keadaan ini telah mewujudkan masalah kebuluran dan ini telah menjadikan kehidupan rakyat China sengsara. Antara tahun 1751 hingga 1851, penduduk China telah bertambah dari 182 juta orang kepada 432 juta orang, namun sektor ekonomi semakin merosot. Krisis penduduk yang ramai di China menyebabkan rakyatnya kekurangan makanan serta diburukkan lagi dengan bencana seperti banjir, kemarau dan gempa bumi yang melanda. Selain itu, ketidakstabilan ekonomi yang berlaku di China ditambah pula dengan suasana politik yang kucar kacir seperti tercetusnya pemberontakan Taiping pada tahun

---

<sup>45</sup> Tan Yao Sua (et.al.), *Cina Peranakan Kampung Pasir Parit Kelantan: Pengekalan dan Penyelarasan Identiti*, Petaling Jaya: SIRI, 2017, hlm. 5.

1857 di kawasan tengah dan selatan China memaksa mereka berhijrah keluar dari negara mereka.<sup>46</sup>

Peluang pekerjaan yang terbuka luas di Tanah Melayu telah menjadi faktor penarik imigran Cina ke Tanah Melayu.<sup>47</sup> Keadaan ekonomi Tanah Melayu yang sedang pesat membangun melalui perusahaan getah dan bijih timah telah membuka banyak peluang pekerjaan. Dasar pemerintahan British yang mengizinkan imigran Cina berhijrah ke Tanah Melayu untuk membuka kawasan-kawasan lombong bijih timah dan berniaga memperlihatkan pertambahan imigran Cina di Tanah Melayu. Mereka akan bertumpu di kawasan-kawasan yang menjalankan aktiviti perlombongan terutamanya di negeri Perak, Negeri Sembilan dan Pahang serta di negeri yang menjalankan aktiviti pertanian komersil seperti Johor yang giat membuka kawasan pertanian untuk aktiviti penanaman gambir dan lada hitam.<sup>48</sup> Negeri Selangor turut tidak terkecuali dan kehadiran orang Cina ke negeri ini mempunyai kaitan dengan aktiviti perlombongan bijih timah yang giat dijalankan di Lukut, Kuala Lumpur dan Klang.

Kehadiran orang Cina dan India serta kemasukan etnik Melayu dari kepulauan Melayu seperti orang Jawa, Banjar, Bugis, Aceh, dan sebagainya turut membawa satu perubahan sosial yang besar di Selangor. Bagi kalangan yang datang dari kepulauan Melayu, soal berasimilasi dan bersosialisasi dengan orang Melayu di Selangor tidak menimbulkan masalah. Ini kerana persamaan bangsa dan agama memudahkan proses itu. Namun keadaan ini agak berbeza dengan orang Cina dan India yang bukan sahaja daripada bangsa yang berbeza, namun anutan agama juga berbeza. Malahan petempatan yang berbeza-beza juga menyebabkan wujudnya masyarakat majmuk di Selangor.

---

<sup>46</sup> Ishak Saat, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., 2005, hlm. 8.

<sup>47</sup> Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2002, hlm. 9.

<sup>48</sup> Lihat penglibatan orang Cina dalam penanaman gambir dan lada hitam di Johor dalam Caroline Wong May Leng, *Sistem Kangchu di Johor, 1844-1917*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1992.

Ekoran berlakunya imigrasi maka, populasi di Selangor telah mengalami peningkatan jumlah penduduk dengan begitu mendadak. Keadaan ini dapat dilihat seperti pada tahun 1891 jumlah penduduk Selangor adalah seramai 81,592 orang sahaja dan meningkat kepada 168,789 orang pada tahun 1901. Pada tahun 1911 jumlah penduduk Selangor adalah seramai 294,030 orang, pada tahun 1921 seramai 401,010 orang dan pada tahun 1931 pula adalah seramai 533,200 orang. Pertambahan jumlah penduduk bukan sahaja dapat dilihat di negeri Selangor malah dinegeri lain juga kerana jumlah penduduk di Tanah Melayu pada tahun 1911 hingga 1930 melebihi 90,000 orang.<sup>49</sup> Penambahan ini disebabkan oleh kehadiran buruh-buruh luar di Selangor. Lukut merupakan lombong yang berskala besar pertama di Selangor. Pedagang dan buruh-buruh Cina tiba di Lukut pada penghujung tahun 1820.

**Jadual 2: Jumlah Orang Cina dan India di Selangor bagi tahun 1911-1931.**<sup>50</sup>

TAHUN \ ETNIK	ETNIK		JUMLAH
	CINA	INDIA	
1911	150 908	74 067	224 975
1921	170 687	132 545	303 232
1931	241 351	155 924	397 275

Sumber: K.A.Neelakandha Aiyer, *Indian Problems In Malaya*, hlm. 6.

Pada tahun 1896 terdapat sebanyak 60 buah estet yang dimiliki oleh orang Eropah di Selangor dengan tanaman seluas 10, 000 ekar. Pemilik ladang Eropah telah mengambil buruh India untuk mengerjakan ladang-ladang milik mereka. Ia bermula dengan ladang kopi diikuti kemudiannya dengan ladang getah. Buruh Cina pula mengerjakan lombong bijih timah. Kajian yang dilakukan terhadap kehidupan buruh sama ada di ladang mahupun lombong menunjukkan wujudnya tekanan yang begitu besar sama ada dari

<sup>49</sup> Paul D. Wiebe & S. Mariappen, *Indian Malaysian The View from the Plantation*, New Delhi: Ramesh Jain for Manohar Publications, 1978, hlm. 6.

<sup>50</sup> Menurut Victor Purcell dalam *The Chinese in Southeast Asia*, jumlah buruh Cina yang terdapat di Selangor bagi tahun 1901 adalah seramai 109 598, tahun 1911 seramai 151 172, tahun 1921 seramai 170 726 dan 1931 seramai 241 496. Rujuk Victor Purcell, *The Chinese in Southeast Asia*, London: Oxford University Press, 1965, hlm. 234.

sudut fizikal mahupun mental. Keadaan inilah yang menyebabkan sebahagian daripada kalangan buruh sama ada India mahupun Cina terlibat dengan aktiviti sosial sama ada pengambilan candu, todi dan samsu.

### **Permasalahan Sosial**

Permasalahan sosial yang diketengahkan dalam perbincangan ini adalah merujuk kepada tindakan atau perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang dilihat bercanggah dengan perlakuan sosial masyarakat. Ini bermakna, tindakan tersebut telah menimbulkan masalah, bukan sahaja kepada diri dan kesihatan individu yang terlibat, namun dalam masa yang sama, ia turut melibatkan masyarakat setempat mahupun dengan pihak berkuasa. Selain itu, masalah sosial turut dilihat sebagai perlakuan sumbang dan menyongsang dari norma-norma dan budaya anggota masyarakat yang tidak membawa sokongan dan keuntungan kepada keutuhan sistem dan teras ekonomi yang diamalkan dalam sesuatu masyarakat ataupun negara. Haris Abd Wahab sewaktu menyentuh mengenai masalah sosial mengatakan:

Masalah sosial mempunyai pengertian yang luas, ia bukan hanya mencakup permasalahan kemasyarakatan tetapi juga yang mencakup permasalahan dalam masyarakat yang berkaitan dengan gejala-gejala abnormal dalam kehidupan masyarakat...Masalah sosial sering dikaitkan dengan keadaan tertentu seperti kemiskinan, kebuluran, jenayah dan fenomena sosiobudaya yang menghalang masyarakat daripada mengecapi potensi maksima mereka.<sup>51</sup>

Beberapa masalah sosial di Tanah Melayu, termasuk di Selangor dikaitkan dengan proses pembangunan dan perkembangan ekonomi yang dilakukan oleh pihak British. Penghijrahan dalam skala yang besar imigran Cina dan India ke Tanah Melayu bukan sahaja telah membawa kepada perkembangan ekonomi namun, penambahan penduduk

---

<sup>51</sup> Haris Abd. Wahab, "Masalah Sosial di Bandar Semenanjung Malaysia: Tinjauan Daripada Perspektif Masyarakat Malaysia", *Jati*, Bil. 9, Disember 2004, hlm. 55.

yang pesat juga telah menyebabkan berlakunya satu perubahan besar dalam kehidupan kalangan buruh. Kalangan buruh India dilihat menjalani kehidupan yang agak terkongkong dimana seluruh kehidupan mereka berada dalam lingkungan ladang. Mereka tidak bebas berinteraksi dengan keadaan di sekeliling mereka kesan dari corak kehidupan ladang yang mereka lalui.

Kajian yang dilakukan oleh Parameswari Krishnan menunjukkan buruh ladang hanya mempunyai masa rehat yang agak terhad terutama di hujung minggu sahaja. Mereka bekerja dari pagi hingga ke waktu petang dengan waktu rehat yang diatur. Sebagai pekerja ladang, mereka menggunakan seluruh tenaga fizikal yang ada hingga selepas bekerja mereka akan merasa keletihan yang melampau. Keadaan-keadaan inilah yang menyebabkan mereka tertarik kepada pengambilan todi.<sup>52</sup> Sesudah seharian bekerja keras, kalangan buruh ini akan akan menikmati todi dimana bahan-bahannya diperolehi secara murah dan mudah serta tidak memerlukan proses fermentasi yang rumit.<sup>53</sup>

Selain todi, beberapa masalah sosial yang melibatkan orang Cina dan India termasuklah pengambilan candu, ketagihan arak, kegiatan kongsi gelap, pelacuran dan samsu. Kumpulan-kumpulan (kongsi) yang berbeza yang wujud dalam kalangan orang Cina kemudiannya telah mewujudkan kongsi gelap yang bertujuan untuk menjaga kepentingan kaum masing-masing, namun ia telah menyebabkan berlakunya permusuhan sesama mereka.<sup>54</sup> Di Selangor, aktiviti berkaitan dengan kongsi gelap dapat dilihat sewaktu Perang Klang apabila kumpulan Hai San bersama dengan Tengku Kudin sementara kumpulan Ghee Hin bersama dengan Raja Mahadi.<sup>55</sup> Salah seorang

---

<sup>52</sup> Parameswari Krishnan, "Implikasi Pengambilan Todi dalam Kalangan Masyarakat India Ladang di Tanah Melayu, 1900-1957", *Sejarah*, Bil. 23, No. 1, 2017.

<sup>53</sup> Surekha Ragavan, "Sejarah Rasis Tuak Lokal Malaysia yang Kian Terpingirkan", dlm. <https://www.vice.com> diakses pada 1 Oktober 2018.

<sup>54</sup> Nik Hasnaa Nik Mahmood (penyunting), *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1997, hlm. 85.

<sup>55</sup> Lihat Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. xi. Kajian-kajian lain yang sangat penting mengenai kongsi gelap di Tanah Melayu ialah L. F. Comber, *Chinese secret societies in Malaya: a survey of the Triad Society from 1800 to 1900*, (Monographs of the Association for Asian Studies, New York: J. J. Augustin Inc., 1959, Wilfred Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies*, New York: Oxford University Press, 1969, dan Mahani Musa, *Kongsi Gelap Melayu di*

pemimpin kongsi gelap Hai San ialah Yap Ah Loy yang juga merupakan Kapitan Cina ketiga di Kuala Lumpur.<sup>56</sup>

Yap Ah Loy...ialah seorang Kapitan China [sic], yang bererti bahawa dia pernah menjadi ketua kepada kongsi gelap China [sic] yang paling kuat ketika itu, iaitu kongsi gelap Gee Hin. Pada zaman itu, kongsi gelap menolong tauke-tauke China [sic] mengawal pekerja mereka, sambil menguruskan sarang candu, pelacur serta rumah judi.<sup>57</sup>

Pergaduhan melibatkan kumpulan-kumpulan tertentu seringkali berlaku. Misalnya pada tahun 1880, pihak polis di Selangor terpaksa berhadapan dengan kes pergaduhan kumpulan Cina di Ulu Selangor.<sup>58</sup> Selain kongsi gelap, orang Cina turut dikaitkan dengan pengambilan candu, pelacuran dan judi. Aktiviti pelacuran dijalankan di kawasan bandar terutama di negeri-negeri Selat (Singapura, Melaka dan Pulau Pinang) serta bandar seperti Kuala Lumpur dan Klang. Kesan kemasukan imigran Cina dan India telah mewujudkan aktiviti pelacuran dalam kalangan masyarakat walaupun hakikatnya, aktiviti tersebut banyak melibatkan wanita-wanita Cina yang datang dari China. Aktiviti pelacuran berjalan di bawah payung kumpulan-kumpulan kongsi gelap yang tertentu dan pergaduhan antara buruh-buruh dengan pelacur juga kerap berlaku. Nurul Asnida yang melakukan kajian mengenai aktiviti pelacuran di Tanah Melayu ada menyebut;

...dengan kemasukan imigran seperti Cina, India dan Eropah [sic] menyebabkan berlakunya peningkatan ke atas aktiviti ini [pelacuran] dan seterusnya menjadi satu bebanan kepada pihak British untuk mengatasinya...kedatangan golongan imigran terutama Cina ke Tanah Melayu secara individu tanpa anak dan isteri telah memberi kesan yang mana merebaknya aktiviti pelacuran. Kebanyakan pelacur Cina adalah direkrut dari Negara China...<sup>59</sup>

---

*negeri-negeri Utara Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu, 1821-1940-an*, Kuala Lumpur: MBRAS, 2012. Buku Mahani dilihat sangat menarik kerana memperkatakan mengenai kongsi gelap Melayu yang turut menjalin kerjasama dengan kongsi gelap Cina.

<sup>56</sup> Lihat Chong Soon Fook, "Yap Ah Loy Sebagai Kapitan Cina Kuala Lumpur", *Jebat*, Bil. 13, 1984/85, hlm. 109. Kajian lain yang penting mengenai Yap Ah Loy ialah S. M. Middlebrook, "Yap Ah Loy 1837-1885", *JMBRAS*, Vol. 24, No 2, 1951 dan Sharon A. Carstens, "Myth to History: Yap Ah Loy and the Heroic Past of Chinese Malaysians", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 19, No. 2, Sept. 1988.

<sup>57</sup> "Siapa Mengadaikan Kuala Lumpur?", *Nadi Insan*, Ogos 1980, hlm. 15.

<sup>58</sup> Chong Soon Fook, "Yap Ah Loy Sebagai Kapitan Cina Kuala Lumpur", hlm. 96.

<sup>59</sup> Nurul Asnida Binti Abu Bakar, Pelacuran dan Perkaitannya dengan Aktiviti-Aktiviti lain di Tanah Melayu Sekitar Tahun 1880-an-1930-an, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Sesi 2004/2005, hlm. 7-8.



Satu lagi masalah sosial yang dikaitkan dengan orang Cina adalah berjudi. Walau bagaimanapun, aktiviti judi sebenarnya tidak khusus kepada orang Cina sahaja kerana bangsa lain turut terlibat dalam aktiviti ini. Malah dalam tradisi orang Melayu sendiri, aktiviti judi wujud terutamanya dalam aktiviti laga lembu atau kerbau, ayam dan ikan sebagaimana yang sangat popular dalam kalangan masyarakat Melayu di Kedah, Kelantan dan Terengganu. Kajian mengenai sikap berjudi dalam kalangan orang Melayu turut membawa kesan tersendiri apabila mereka mula berhutang terutama dengan kalangan Chettiar.

Terdapat catatan sejarah yang menunjukkan aktiviti berjudi bukan sahaja dalam kalangan rakyat biasa, malah turut melibatkan kalangan pembesar Melayu. Sultan Abdul Hamid, Kedah mempunyai hobi gemar berjudi dengan saudagar-saudagar Cina dan para pembesar dengan jumlah taruhan yang besar dalam beberapa permainan seperti lumba kuda, “pok” dan “chap cheki”.<sup>60</sup> Malah aktiviti judi turut membabitkan orang India. Aktiviti ini tidak mendapat tentangan daripada pihak British kerana ia menjadi salah satu sumber pendapatan mereka yang boleh didapati dengan mudah. Selain itu, British menganggap masalah tidak akan wujud kerana tempat perjudian sering kali dikunjungi oleh mereka yang kaya sahaja dan bukannya dikunjungi oleh buruh-buruh.<sup>61</sup>

Tempat perjudian ini akan menjadi seolah-olah satu tempat rekreasi dan merupakan satu bentuk hiburan buat para pengunjung.<sup>62</sup> Walau bagaimanapun, hakikatnya, kawasan perjudian ini turut menjadi salah satu lokasi buat buruh-buruh Cina dan India datang berhibur. Selepas waktu kerja mereka akan memperuntukkan sedikit masa untuk berjudi dan kadang kala sehingga mengabaikan keluarga masing-masing. Tempat perjudian menjadi satu tarikan buat mereka melepaskan tekanan dan penat lelah selepas seharian membanting tulang di kawasan perlombongan dan ladang.

---

<sup>60</sup> Lihat Nor Asmat Ismail dan Hainnur Aqma Rahim, “Susur Galur Amalan Berhutang Dalam Kalangan Masyarakat Melayu”, *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jilid ii, Bil. 1, 2018, hlm. 119.

<sup>61</sup> Nik Hasnaa Nik Mahmood (penyunting), *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 81.

<sup>62</sup> Ibid.

Sering kali juga berlaku pergaduhan antara mereka apabila kalah judi yang mengakibatkan ketidaktenteraman.

Selain itu, mereka bukan sahaja menimbulkan ketidaktenteraman malah melakukan rompakan dan jenayah kesan daripada kalah judi. Pengambilan candu turut dikaitkan dengan orang Cina. Malah kajian-kajian yang ada mengenai pengambilan candu menunjukkan bahawa orang Cina merupakan golongan yang lebih banyak terlibat jika dibandingkan dengan bangsa lain di Tanah Melayu.<sup>63</sup> Candu sebenarnya telahpun diambil oleh orang tempatan terutamanya dalam kalangan pembesar Melayu. Mereka mengambil candu sebagai satu bentuk “hiburan” dan kesenangan.

“...kedudukan istimewa mereka [pembesar Melayu] dalam masyarakat yang membolehkan mereka menikmati segala bentuk kemewahan hidup. Candu bukanlah sesuatu yang mampu dibeli oleh rakyat biasa dan pengambilan mas[a] yang agak panjang untuk menyediakan candu untuk dihisap dan di istana, ia disediakan oleh hamba-hamba raja untuk kegunaan raja”.<sup>64</sup>

Meskipun demikian, kalangan buruh Cina terutama yang bekerja di lombong bijih timah merupakan pasaran utama candu di Tanah Melayu. Mereka yang keletihan atau mengalami luka-luka pada anggota badan mereka sewaktu bekerja atau mengalami penyakit termasuk demam, cirit birit menjadikan candu sebagai ubat. Malah candu dikatakan boleh membantu mereka menahan lapar dan membolehkan mereka terus bekerja apabila sebahagian besar gaji mereka telah dihabiskan di meja judi atau untuk membeli candu. Candu juga popular dalam kalangan masyarakat buruh kerana adanya kemudahan menghisap candu yang disediakan di rumah-rumah pelacuran yang khas untuk pelanggan sebelum atau selepas mereka melanggan pelacur.<sup>65</sup>

---

<sup>63</sup> Lihat Chua Ghee Theng, *Perdagangan dan dasar British Terhadap Candu di Selangor Sejak Penghujung Abad ke-19*, Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2001 dan Carl A. Trocki, *Opium, Empire and the Global Political Economy: a Study of the Asian Opium Trade, 1750-1950*, London : Routledge, 1999.

<sup>64</sup> Ibid., hlm. 13

<sup>65</sup> Ibid., hlm. 14.

Dalam kalangan India, pastinya masalah yang agak ketara adalah pengambilan todi dan samsu serta minuman keras (arak). Permulaan pengenalan minuman arak giat dijalankan setelah kedatangan imigran Cina dan India. Minuman ini dilihat menjadi salah satu alat kawalan buat buruh-buruh supaya dapat mengekalkan mereka bekerja di kawasan perlombongan dan perladangan. Kehadiran mereka ke Tanah Melayu dikaitkan dengan todi dan samsu.<sup>66</sup> Pelbagai arak telah diimport masuk ke Tanah Melayu antaranya dari Eropah, Asia, China dan Negeri-Negeri Selat. Pengimportan arak ke Tanah Melayu sebenarnya menambahkan pendapatan negeri melalui cukai import dan cukai eksais yang dikenakan. Walau bagaimanapun, masalah mulai muncul apabila buruh-buruh menjadi ketagih terhadap arak terutamanya buruh India. Mereka terdedah dengan todi setelah sampai ke Tanah Melayu, manakala pengambilan samsu bermula setelah diperkenalkan oleh orang Cina.

Ketagihan terhadap samsu menjadi semakin serius apabila kedai-kedai todi ditutup untuk mengekang masalah ketagihan dalam kalangan buruh India. Keputusan penutupan kedai todi di Selangor sebenarnya kurang membantu masalah ketagihan buruh kerana mereka telah beralih kepada minuman lain yang harganya turut murah seperti todi iaitu samsu. Malahan, harganya juga lebih murah berbanding todi terutamanya samsu haram. Kemabukan yang dirasa setelah minum samsu adalah jauh lebih tinggi dari todi. Buruh-buruh Cina juga turut meminum samsu tetapi mereka tidak terjebak dengan pengambilan samsu haram kerana umumnya mereka mengetahui kandungan bahaya bahan terlarang dalam samsu haram.

Buruh-buruh Cina akan membeli samsu segar dan samsu import dari kedai-kedai berlesen sahaja. Walau bagaimanapun, buruh Cina merupakan golongan yang bertanggungjawab memperkenalkan penjualan samsu haram. Didapati bahawa orang Cina menjadi tauke-tauke yang mengusahakan pembuatan samsu secara haram. Aktiviti

---

<sup>66</sup> Azharudin Mohd Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, hlm. 229.

pembuatan dijalankan di kawasan pedalaman dan jauh daripada pengetahuan pihak berkuasa. Perbincangan mengenai aspek ini akan dilakukan pada bab-bab yang berikutnya.

## **Kesimpulan**

Kedatangan buruh India dan Cina ke Tanah Melayu adalah sebagai satu peluang pekerjaan buat mereka. Dasar British yang menggalakkan lagi kemasukkan mereka telah memperlihatkan peningkatan jumlah populasi orang Cina dan India di Tanah Melayu. Kemasukkan mereka penting untuk menampung jumlah buruh di kawasan perlombongan dan di ladang-ladang di Selangor. Buruh-buruh ini memainkan peranan yang sangat penting buat British untuk menampung jumlah buruh bagi sektor-sektor yang diperkenalkan oleh mereka. Buruh-buruh ini bekerja keras di tapak perlombongan serta kawasan perladangan.

Secara keseluruhannya, perbincangan dalam bab ini mengaitkan kehadiran orang India dan Cina dengan beberapa masalah sosial yang berlaku di Selangor. Negeri Selangor yang wujud sebagai sebuah negeri merdeka pada tahun 1766 telah membentuk satu sistem pemerintahan dan pentadbiran yang berkesan. Penemuan bijih timah di Lukut, Kuala Lumpur dan Klang telah menjadi aset ekonomi yang penting. Ia menjadi katalis dalam pembangunan negeri Selangor serta menjadi asas kekayaan kepada keluarga pemerintah. Walau bagaimanapun, perkembangan pesat dalam sektor ini telah membawa perubahan besar terhadap sejarah Selangor. Pertama, perkembangan ini telah menarik perhatian British terhadap Selangor. Minat inilah yang kemudiannya menyebabkan British berusaha mencari jalan untuk menguasai Selangor.

Keinginan ini berjaya dicapai pada tahun 1875. Sejak itu, Selangor berada di bawah kekuasaan British. Perkembangan kedua adalah kehadiran golongan imigran

terutama orang Cina dan India ke Selangor. Kemasukan mereka mempunyai kaitan langsung dengan kepesatan perkembangan ekonomi di Selangor terutama sektor perlombongan bijih timah dan perladangan kopi dan kemudiannya getah. Kehadiran orang Cina dan India ini bukan sahaja menyebabkan komposisi penduduk yang sebelumnya didominasi oleh orang Melayu, namun juga menyebabkan kelahiran masyarakat majmuk. Keadaan ini ketara kerana dalam menjalani kehidupan mereka, orang Melayu berada di kawasan kampung, orang India di kawasan ladang dan orang Cina di kawasan perlombongan hingga interaksi antara mereka sangat terhad.

Perkembangan ketiga juga mempunyai kaitan dengan kehadiran orang India dan Cina ke Selangor. Ini merujuk kepada permasalahan sosial yang berlaku. Malah aspek inilah yang menjadi tumpuan kajian ini. Sebagaimana yang dijelaskan dalam bab ini, masalah sosial yang dimaksudkan adalah aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengambilan candu, perjudian, pelacuran, kongsi gelap, pengambilan arak, todi dan samsu. Berdasarkan perbincangan yang dilakukan, adalah jelas bahawa masalah sosial di Selangor ini mempunyai kaitan dengan kehadiran golongan imigran ini. Sehingga kini, kajian yang sedia ada menunjukkan bahawa aktiviti kongsi gelap mempunyai kaitan dengan orang Cina.

Malah aktiviti perjudian, pengambilan candu dan pelacuran juga seringkali dikaitkan dengan mereka. Ini tidak pula bermakna orang Melayu atau India tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti ini. Sumber-sumber yang dirujuk sama ada dalam bentuk sumber pertama mahupun kedua sememangnya ada menunjukkan penglibatan orang Melayu dalam aktiviti judi mahupun pengambilan candu. Malah jika dirujuk dalam kajian yang dilakukan oleh Mahani Musa, jelas menunjukkan penglibatan orang Melayu dalam kegiatan kongsi gelap terutama di negeri-negeri sebelah utara pantai barat Tanah Melayu.

Meskipun demikian, di Selangor, hal tersebut dilihat masih agak kabur. Hal yang sama berkaitan dengan pengambilan candu. Ini kerana terdapat bukti yang menunjukkan orang Melayu turut mengambil candu. Dalam konteks orang India, jelas sekali pengambilan todi dan samsu dikaitkan dengan mereka. Walau bagaimanapun, ketika pengetahuan dan maklumat mengenai todi telah bertambah baik dengan kajian-kajian yang dilakukan antara lain oleh Parameswari Krishnan, hal berkaitan dengan pengambilan samsu masih agak 'vakum' sifatnya. Keadaan inilah yang menyebabkan kajian ini dilakukan.

Akhirnya, bab ini berjaya menunjukkan pertalian antara kehadiran dan kekuasaan British di Selangor dengan kehadiran golongan imigran iaitu orang Cina dan India serta masalah sosial dalam bentuk perjudian, pengambilan candu, kongsi gelap, pelacuran, pengambilan arak, todi dan samsu di Selangor. Hal-hal yang lebih terperinci mengenai samsu akan disentuh dalam bab-bab yang berikutnya.

## BAB 3

### PEMBUATAN SAMSU

#### Pengenalan

Terdapat dua fakta penting yang wajar dijelaskan apabila menyentuh mengenai pengambilan bahan yang memabukkan (minuman beralkohol) seperti arak, todi, dan samsu. Pertama, pengambilan bahan sebegini sebenarnya bukanlah sesuatu yang baru dalam sejarah. Ini kerana bahan-bahan ini telahpun dikenalpasti diambil dalam masyarakat sejak zaman awal lagi. Malah tidak salah untuk mengatakan bahawa pengambilan bahan-bahan sebegini telahpun wujud ketika zaman tamadun-tamadun awal. Meskipun nama bahan tersebut berbeza, namun ia mempunyai fungsi yang sama. Kedua, hampir setiap bangsa di dunia ada mempunyai bahan sebegini, dengan nama-nama yang berbeza, sama ada todi, samsu, arak, khammar, soju, sake, tuak dan sebagainya.

Melihat kepada kenyataan ini, maka jelas sekali pengambilan bahan seperti samsu ini mempunyai sejarah yang sangat panjang. Hal ini akan disentuh dalam perbincangan bab ini. Selain aspek tersebut, satu lagi aspek penting yang akan diberikan perhatian teliti adalah mengenai pembuatan samsu. Sebelum samsu diambil atau diminum, maka ia perlu dihasilkan terlebih dahulu. Setelah melalui proses tertentu, maka ia kemudiannya dihantar kepada pelanggan. Aspek lain yang akan dibincangkan adalah mengenai jenis-jenis samsu yang terdapat di Selangor serta perbezaan yang wujud antara samsu haram dan yang tidak haram.

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab sebelum ini, kemasukan kalangan buruh kesan daripada perkembangan pesat sektor perlombongan bijih timah dan perladangan di Selangor telah membawa kesan sosial yang besar. Antara kesan

yang ketara adalah berlakunya pelbagai masalah sosial dan salah satu daripadanya ialah pengambilan samsu. Jumlah buruh yang besar telah secara langsung menyebabkan permintaan terhadap samsu juga turut bertambah kerana samsu dilihat mempunyai kaitan penting dalam kehidupan seharian buruh sebagai minuman penambah tenaga.

Secara umumnya, samsu merupakan minuman pilihan yang seringkali diambil oleh kalangan buruh India selain todi. Ini kerana harga samsu yang murah berbanding dengan minuman alkohol lain seperti gin, wiski, rum dan lain-lain menyebabkan samsu dan todi menjadi pilihan. Penjualan samsu di kedai-kedai todi juga telah berjaya menarik perhatian buruh-buruh India untuk mencuba samsu walaupun pada awalnya mereka lebih berminat dengan todi.

### **Pengambilan Bahan Beralkohol dalam Sejarah**

Samsu merupakan satu daripada jenis minuman beralkohol. Ini termasuklah todi, bir, wiski, gin, dan sebagainya. Alkohol menurut *The New Webster's International Encyclopedia* adalah;

Class of compound containing a hydroxyl group bonded by a carbon atom. Alcohol occur widely in nature and are used as solvents and antifreezes and in chemical manufacture...The simplest alcohols are methanol and ethyl alcohol or ethanol (the intoxicating constituent of alcoholic beverages".<sup>1</sup>

Minuman beralkohol terdiri daripada tiga kategori utama iaitu arak yang disuling, minuman bijirin dan juga minuman yang ditapai. Arak terdiri daripada pelbagai jenis seperti bir, *wine*, *whisky*, *vodka*, *rum* dan juga minuman-minuman alkohol yang lain. Hasil kajian daripada ahli perubatan menyatakan bahawa arak merupakan sejenis minuman keras yang mengandungi '*ethyl alcohol*' dan kandungan peratusannya adalah

---

<sup>1</sup> *New Webster's International Encyclopedia*, Ontario: D.S. Max, 1996, hlm. 32.



tidak sama bagi setiap minuman. Minuman alkohol seperti *rum* mengandung 50-60%, *brandy* 45%, *whisky* 40% dan bir 2-6%.

Bilakah bermulanya atau wujudnya minuman beralkohol ini? Persoalan ini pastinya merupakan antara persoalan awal yang perlu ditangani apabila kita cuba membincangkan mengenai pengambilan minuman beralkohol. Mark Keller dalam tulisannya menyebut bahawa minuman beralkohol telahpun wujud sejak zaman prasejarah.

The product of natural fermentation was discovered by man in prehistoric time and was soon followed by deliberate production of wines and beers from sugary and starchy plants. Primitive alcoholic beverages served as foods, medicines, and euphoricants, in religious symbolism and social facilitation.<sup>2</sup>

Pembuatan bahan beralkohol dikatakan telah berlaku sekitar 13,000 tahun yang lalu.<sup>3</sup> Malahan, pengambilan bahan beralkohol atau minuman keras ini telah semakin ketara ketika zaman Mesir kuno dan Mesopotamia iaitu kira-kira satu abad sebelum tahun Masihi.<sup>4</sup> Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa penemuan tanpa disengajakan oleh manusia zaman prasejarah daripada tumbuhan yang dikenali sebagai *vitis* yang seperti buah anggur boleh dimakan terus atau disimpan sebagai raisin atau diperam.<sup>5</sup> Perkembangan ini dilihat menjadi pemula kepada perkembangan minuman alkohol pada zaman-zaman yang berikutnya.

Minuman ini dianggap sebagai “*magical-drink*” yang mampu menghilangkan keletihan atau kesakitan, meningkatkan keberanian malah mampu menjadi medium perhubungan dengan dunia ghaib. Bukti-bukti arkeologi sama ada dalam bentuk lukisan mural, lukisan dinding mahupun di tembikar menjadi penunjuk penting mengenai adanya minuman ini dalam tamadun Mesir, Mesopotamia, India dan China. Antara dokumen bertulis terawal yang ada menyebut mengenai minuman ini di temui dalam

---

<sup>2</sup> Mark Keller, “A Historical Overview of Alcohol and Alcoholism”, *Cancer Research*, Vol. 39, July 1979, hlm. 2822.

<sup>3</sup> Dina Spector, “How Beer Created Civilization”, *Business Insider*, 26 December 2013.

<sup>4</sup> Ikhsan Rosyid Mujahidul Anwari, “Minuman Keras sebagai Necessary Evil di Surabaya, 1900-1942”, *Mozaik Humaniora*, Vol. 15, No 2, 2015, hlm. 205.

<sup>5</sup> Mark Keller, “A Historical Overview of Alcohol and Alcoholism”, hlm. 2822.

kod Hammurabi.<sup>6</sup> Kajian dan penelitian yang dilakukan terhadap kehidupan masyarakat ketika zaman Mesopotamia juga mendapati bahawa minuman bir yang dibuat daripada barli dan gandum menjadi antara minuman yang digemari. Kathleen R. Mineck yang melakukan kajian mengenai subjek ini menyatakan;

Beer made from barley played a very important cultural role. It was truly the beverage of the people. Beer was an essential part of their daily fare and was often provided by institutions as part of the daily rations for workers.<sup>7</sup>

Adanya sumber mentah untuk membuat bir terutama gandum dan barli menjadikan minuman ini sangat mudah dibuat. Malah dalam kalangan masyarakat Sumeria terdapat Dewi Ninkasi yang dianggap sebagai pelindung kepada “*magical-drink*” ini.<sup>8</sup> Penemuan mengenai pembuatan bir dalam tamadun Mesopotamia pernah menjadi isu besar dalam melihat perkembangan sejarah masyarakat manusia kerana penemuan itu menyebabkan ada pihak yang mendakwa bahawa ia merupakan punca utama (*driving force*) yang menyebabkan berlakunya Revolusi Pertanian yang ditunjukkan melalui zaman Neolitik.

Hal ini pernah disuarakan dengan agak lantang oleh seorang ahli kaji botani, J. D. Sauer daripada University of Wisconsin sekitar tahun 1950-an. Menurut pandangan ini, usaha manusia untuk mengiatkan penanaman bijirin iaitu barli dan gandum adalah kerana tuntutan membuat bir bukannya roti sebagaimana yang disangkakan sebelum ini.<sup>9</sup> Walau bagaimanapun, pandangan ini tidak diterima kerana didapati “...*bread making was the driving force for the domestication of grain*”.<sup>10</sup> Dalam tamadun Mesir kuno, roti dan bir turut mempunyai status yang sama dengan tamadun Mesopotamia.

---

<sup>6</sup> Ibid., hlm. 2823.

<sup>7</sup> Kathleen R. Mineck, “Beer Brewing in Ancient Mesopotamia”, *The Oriental Institute News & Notes*, No. 201, Spring 2009, hlm. 9.

<sup>8</sup> Lihat Joshua J. Mark, “The Hymn to Ninkasi, Goddess of Beer”, dlm. <https://www.ancient.eu> diakses pada 23 Mei 2018.

<sup>9</sup> Lihat Dina Spector, “How Beer Created Civilization”, *Business Insider*, 26 December 2013. Juga Robert J. Braidwood (et.al.), “Symposium: Did Man Once Live by Beer Alone?”, *American Anthropologist*, New Series, Vol. 55, No. 4, Oct. 1953 dan Solomon Katz and Mary M. Voigt, “Bread and Beer: The Early Use of Cereals in the Human Diet”, *Expedition*, Vol. 28, No. 2, 1986.

<sup>10</sup> Kathleen R. Mineck, “Beer Brewing in Ancient Mesopotamia”, hlm. 8.

**Gambar 1: Dewi Ninkasi-Pelindung Minuman Bir Dalam Tamadun Mesopotamia**



Sumber: <https://journeyingtothegoddess.wordpress.com>

Dalam tamadun India, Rig Veda iaitu kitab paling utama dalam senarai kitab-kitab Veda ada menyebut mengenai sejenis minuman yang dikenali sebagai soma yang dikategorikan sebagai “most precious drink”. Jan Knappert sewaktu menjelaskan mengenai Soma menyebut bahawa “*In the original texts of the oldest period [Rig Veda], Soma is the mysterious beverage which makes the gods immortal. For that reason, Soma is the most precious liquid in the universe; it is the water of life*”.<sup>11</sup> Tradisi soma dilihat dibawa oleh orang Aryan yang tiba di Lembah Indus sekitar 3,500 SM. Menurut Rig Veda, soma diperolehi daripada tumbuhan. Menjelaskan hal ini, R. Gordon Watson menyatakan, “*The plant was mixed with water, then beaten out with stones in the course of the liturgy, the liquor filtered off and mixed with more water as well as honey or barley, and drunk right away by the priests before the end of the*

<sup>11</sup> Jan Knappert, *An Encyclopedia of Myth and Legend: Indian Mythology*, London: Diamond Books, 1991, hlm. 235.

*liturgy*".<sup>12</sup> Pengambilan soma sebagai minuman yang memabukkan ini kerap kali dilakukan oleh kasta Brahmin.

Masyarakat di sebelah Asia Timur seperti China, Korea dan Jepun juga mempunyai tradisi yang cukup panjang dan menarik dalam pembuatan dan pengambilan minuman alkohol ini. Sake merupakan minuman beralkohol yang diminum oleh orang Jepun sementara di Korea dikenali sebagai soju. Sake dibuat daripada beras (seperti samsu) dan ia menjadi sebahagian daripada budaya Jepun. Sejarah sake bermula sejak zaman Yayoi sekitar tahun 300 SM hingga 250 M. Tarikh ini merupakan tarikh dimana penanaman padi telah dimulakan di Jepun melalui pengaruh yang dibawa dari China.

Walau bagaimanapun, aktiviti penanaman padi dilihat lebih stabil dan berkembang ketika zaman Nara sekitar 710-794 M. Ketika ini, sake telah menjadi minuman keluarga Diraja apabila sebuah agensi untuk mengendalikan pembuatan sake ditubuhkan iaitu *Sake-no-Tsukasa*.<sup>13</sup> Soju yang merupakan minuman beralkohol yang dinikmati oleh orang Korea berasal dari Mongolia. Ia berlaku apabila tentera Mongolia yang datang ke Korea dalam perjalanan ke Jepun telah membuat minuman ini terutama di kem-kem tentera dimana mereka berada.

It is a fact that this famous distilled liquor [soju] is made in all the places where the Mongolian army was stationed, including Jeju where the Mongolian army's logistics base was located. Distilled liquor was called arag in Arabic, and the name was changed to arxi in the Modern Mongolian language, arki in the Manchu language, and araczu in the Goryeo Dynasty.<sup>14</sup>

---

<sup>12</sup> R. Gordon Wasson, "Soma of the Aryans: An Ancient Hallucinogen?", <https://www.unodc.org> diakses pada 23 Mei 2018. Untuk perbincangan mengenai soma lihat R. Gordon Wasson, "The Soma of the Rig Veda: What Was It?", *Journal of the American Oriental Society*, Vol. 91, No. 2, Apr-Jun 1971, hlm. 169 yang mengatakan bahawa tumbuhan yang dimaksudkan ialah cendawan yang dikenali dengan nama saintifiknya *Amanita muscaria*.

<sup>13</sup> "The Story of Sake", *Bulletin National Research Institute of Brewing*, January 2014.

<sup>14</sup> JinYoung Kim (et.al.), "Goryeoyang and Mongolpung in the 13<sup>th</sup>-14<sup>th</sup> Centuries", *Acta Orientalia Academiae Scientiarum Hung*, Vol. 68, No. 3, 2015, hlm. 289.

Minuman ditapai telah dikenal pasti wujud di negara China sejak tahun 7000 SM lagi.<sup>15</sup> Penghasilan arak beras telah lama dipraktikkan oleh masyarakat Cina hingga membolehkan mereka mempunyai kemahiran tinggi dalam menghasilkan minuman ini. Minuman ini mempunyai pengaruh yang cukup besar dalam sejarah sosial dan kebudayaan China. Malahan, mereka telah menjadikan alkohol sebagai salah satu lambang dan identiti negara apabila arak yang dibuat daripada beras seringkali dihidangkan dalam jamuan negara.<sup>16</sup>

Arak beras menepati cita rasa masyarakat Cina untuk dijadikan sebagai minuman rasmi negara berdasarkan daripada tekstur rasanya yang halus, aroma yang unik, kualiti yang tinggi serta kandungan alkohol yang rendah. Arak beras juga turut digunakan bagi tujuan perubatan tradisional Cina kerana didakwa dapat mencegah penyakit kanser, sebagai agen anti penuaan dan mencegah penyakit kardiovaskular. Oleh itu, masyarakat Cina gemar meminum arak beras dalam kuantiti yang banyak ekoran daripada sikap mereka sendiri yang mengambil berat terhadap kesihatan dan menjadikan arak beras sebagai salah satu sumber utama dalam perubatan.

---

<sup>15</sup> Jean Luc Legras, Didier Merdinoglu (et.al.), "Bread, Beer and Wine; *Saccharomyces cerevisiae* Diversity Reflects Human History", *Molecular Ecology*, Vol. 16, 2007, hlm. 2091.

<sup>16</sup> Fei Que (et.al.), "Antioxidant activities of Five Chinese Rice Wines and the Involvement of Phenolic Compounds", *Food Research International*, Vol. 39, 2006, hlm. 581.

**Gambar 2: Ilustrasi Pembuatan Samsu oleh Orang Cina**



Sumber: Charles Browne, *The Gun Club Drink Book*, New York: Charles Scribner's Sons, 1939, hlm. 7.

Cerita mengenai asal usul arak beras di China mempunyai versi. Versi pertama ialah kisah Yi Ding. Yi Ding merupakan permaisuri Raja Yu iaitu pengusaha pertama Dinasti Xia yang terkenal dengan kebijaksanaannya. Menurut legenda, Yi Ding merupakan pelopor serta individu pertama yang mengetahui cara untuk membuat minuman arak daripada biji-bijian yang telah ditapai. Setelah berjaya mencipta minuman arak tersebut, beliau telah mempersembhkannya kepada Raja Yu, namun baginda sama sekali tidak merasa gembira dengan hasil yang dipersembahkan kepadanya. Raja Yu melarang isterinya daripada memberitahu kepada orang lain berita mengenai penemuan minuman tersebut supaya ia tidak tersebar. Tindakan Raja Yu, adalah ekoran kebimbangan beliau terhadap kesan minuman arak tersebut yang dianggap manis dan memabukkan. Beliau

bimbang sekiranya berita penemuan ini tersebar ia akan membawa kemudharatan berbanding faedah kepada rakyatnya. Jika rakyat tempatan meminum minuman tersebut, beliau gusar mereka akan menjadi khayal serta malas untuk melakukan kerja harian.<sup>17</sup>

Versi kedua pula adalah mengenai kisah Du Kang, si dewa arak yang termahsyur. Du Kang merupakan seorang pengembala kambing yang miskin. Setiap hari Du Kang akan membawa bekal nasi ke tempat kerja dengan membungkus nasi di dalam tabung buluh dan disimpan dalam lubang pokok sementara beliau mengembala kambing dan menunggu masa makan tengah hari. Pada suatu hari, Du Kang terlupa untuk membawa pulang bekal nasi yang dibawa olehnya dan selepas menunggu hujan reda, beliau dengan pantas menuju ke lubang pokok yang biasa menjadi tempat kegemaran beliau menyimpan bekal nasi. Namun, apa yang mengejutkan beliau adalah bekal nasi tersebut hanya mengandungi nasi yang telah basi dan sudah menapai serta mengeluarkan cecair berwarna kuning.<sup>18</sup>

Pada mulanya Du Kang berfikir untuk membuang sahaja nasi basi tersebut, namun tarikan bau nasi basi tersebut telah menggoda dirinya untuk merasa sedikit. Apa yang mengejutkan beliau adalah rasa nasi basi tersebut amatlah lazat dan berbekalkan daripada peristiwa itu telah mencetuskan idea kepada beliau untuk menghasilkan sejenis minuman iaitu arak. Selepas kematian beliau, Du Kang telah dikenali sebagai dewa pelindung pedagang arak dalam kalangan penduduk China. Terdapat tiga jenis arak China iaitu Huang Jiu (arak kuning), Bai Jiu (arak putih) dan arak buah anggur (anggur). Arak kuning diperbuat daripada biji-bijian yang diragi dan tidak disuling dengan kandungan alkoholnya adalah sederhana dan kebiasaannya digunakan untuk

---

<sup>17</sup> <http://web.budaya-tionghoa.net/index.php/item/3723-serba-serbi-arak-tionghoa-bagian-i>

<sup>18</sup> Ibid.

memasak. Warna arak ini terdapat dalam pelbagai warna iaitu bermula kuning terang hingga kememrah-merahan.<sup>19</sup>

Arak atau minuman beralkohol juga merupakan sebahagian daripada tradisi yang wujud dalam masyarakat di Alam Melayu. Dalam tradisi di Pulau Jawa, didapati bahawa pengambilan minuman alkohol telahpun wujud sejak sebelum abad ke-15 lagi. Dalam tradisi ini, minuman ini telah mempengaruhi sosial, budaya, amalan keagamaan dan politik masyarakat Jawa. Walau bagaimanapun, pengambilan minuman alkohol ini begitu ketara ketika majlis keramaian terutamanya perkahwinan. Surat yang ditulis oleh Anjeng Kartini kepada rakannya di Belanda bertarikh 25 Mei 1899 menyebut mengenai pengambilan minuman alkohol sewaktu majlis perkahwinan.

Ma Huan yang menulis pada tahun 1428 ada menyebut mengenai perkahwinan orang Jawa dan mengatakan bahawa sewaktu majlis perkahwinan berlangsung, muzik dan meminum minuman keras merupakan perkara yang biasa ditemui. Teks *Sumanasāntaka*, iaitu puisi Jawa yang dikarang oleh Mpu Monaguna<sup>20</sup> turut menyebut mengenai pengambilan minuman keras ini sewaktu perkahwinan antara Putera Sāmba dengan Puteri Yajñavati.<sup>21</sup> Bukti daripada teks Jawa kuno juga menunjukkan bahawa minuman beralkohol yang dibuat daripada beras (*rice wine*) telahpun ditapai selama beberapa lama di dalam tembikar yang ditanam di dalam tanah dan tembikar-tembikar untuk membuat minuman ini diimport dari China dan Vietnam sejak sekurang-kurangnya abad ke-8 atau 9 M.

Selain itu, terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa minuman alkohol berkualiti telah diimport dari China sejak abad ke-12 M di dalam bekas yang dikenali

---

<sup>19</sup> Ibid.

<sup>20</sup> Kakawin Sumanasāntaka merupakan sebuah puisi epik berbahasa Jawa Kuno yang ditulis oleh Mpu Monaguna pada abad ke-13 berdasarkan kepada karya Kalidasa seorang penyair terkenal di India pada abad ke-5. Untuk keterangan lanjut, lihat P. Worsley ... [et al.], *Kakawin Sumanasāntaka: mati karena bunga sumanasa karya Mpu Monaguna: kajian sebuah puisi epik Jawa Kuno*, Jakarta: Ecole Francaise d'Extreme-Orient, 2014.

<sup>21</sup> "An Unholy Brew: Alcohol in Pre-Islamic Java", *Newsletter, International Institute for Asian Studies*, No. 77, Summer 2017.



sebagai “*mercury jars*”.<sup>22</sup> Relif yang terdapat pada candi Prambanan, abad ke-9M menunjukkan pengambilan minuman alkohol sebagaimana yang ditunjukkan dalam Gambar 3. Dalam tradisi ini, minuman beralkohol dibuat daripada nira kelapa, tebu, dan pokok nipah. Pada abad ke-13M, kesan daripada kehadiran tentera Mongol yang menyerang Pulau Jawa pada tahun 1292, didapati pembuatan dan pengambilan ‘*rice wine*’ atau samsu telah berlaku dan pada abad ke-15, minuman ini telah diketahui tersebar luas di Pulau Jawa. Pengambilan minuman keras ini hanya dilihat semakin berkurangan pada awal abad ke-17 apabila Islam telah bertapak kukuh di Jawa.<sup>23</sup>

**Gambar 3: Relif di Candi Prambanan Menunjukkan Pengambilan Minuman Alkohol**



Sumber: Di petik daripada “An Unholy Brew: Alcohol in Pre-Islamic Java”, *Newsletter, International Institute for Asian Studies*, No 77, Summer 2017.

Dalam kalangan masyarakat Iban di Borneo, aktiviti pembuatan dan meminum tuak merupakan amalan yang telah dilakukan sejak turun temurun dan sangat signifikan dalam upacara ritual dan hari-hari kebesaran dalam masyarakat Iban. Tuak merupakan minuman yang dibuat daripada penapaian pulut. Tuak merupakan minuman masyarakat Iban yang boleh memabukkan. Selain daripada nasi/pulut, tuak juga boleh dihasilkan melalui tumbuhan seperti nira kelapa, nira tar, nira enau atau kabung, nira nipah, tebu dan buah nanas. Selain itu, tuak juga boleh dihasilkan melalui tapai pulut atau tapai ubi

---

<sup>22</sup> Ibid.

<sup>23</sup> Ibid.

kayu.<sup>24</sup> Proses pembuatan tuak dimulakan dengan membuat ragi iaitu sejenis yis yang digunakan untuk proses penapaian tuak atau bir beras. Ragi dibuat daripada campuran tepung beras, halia, lengkuas, gula dan cekur. Ragi inilah yang akan dicampurkan ke dalam beras pulut yang telah diperam selama satu minggu. Malah ketika proses membuat tuak ini, pelbagai pantang larang perlu dipatuhi termasuk tidak boleh bertengkar, memukul orang atau haiwan kerana ia akan menyebabkan tuak tidak akan menjadi.<sup>25</sup>

Perbincangan yang dilakukan di atas menunjukkan bahawa sejarah pembuatan dan pengambilan bahan beralkohol seperti samsu *rice wine* bukanlah sesuatu yang baru, malah kewujudannya telah dikesan sejak zaman prasejarah lagi. Selain itu, minuman ini dapat ditemui di hampir setiap bangsa di dunia. Satu lagi aspek yang tidak kurang pentingnya adalah perkaitan antara minuman beralkohol ini dengan agama. Islam merupakan agama yang secara jelas mengharamkan pengambilan bahan-bahan beralkohol termasuk minuman. Ini berdasarkan kepada ayat Al-Quran dalam surah Al-Maidah iaitu surah ke-5 ayat yang ke-90 dan ke-91 ada menyebut mengenai perkara tersebut iaitu:

‘Wahai orang-orang yang beriman sesungguhnya minuman keras, berjudi, (berkorban untuk) berhala, dan mengundi nasib dengan anak panah, adalah perbuatan keji dan termasuk perbuatan setan. Maka jauhilah (perbuatan-perbuatan) itu agar kamu beruntung. Dengan minuman keras dan judi itu, setan hanyalah bermaksud menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu, dan menghalang-halangi kamu dari mengingat Allah dan melaksanakan solat maka tidakkah kamu mahu berhenti?’<sup>26</sup>

Pengharaman Islam terhadap pengambilan alkohol mempunyai kaitan dengan kesan yang boleh timbul terutama kemabukan melampau. Selain Islam, agama lain termasuk Kristian, Hindu dan Buddha juga turut menggalakkan penganut masing-masing agar

---

<sup>24</sup> Angelane Mulu anak Bunyau, “Tradisi Pembuatan Tuak Dalam Masyarakat Iban”, Prosiding Seminar Persidangan Aantarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK), Jilid 3, Kolej Universiti Islam Selangor, 26-27 April 2017.

<sup>25</sup> Untuk melihat proses secara lengkap, lihat Ibid.

<sup>26</sup> *Al-Quran dan Terjemahannya*, Selangor: Khazanah Rabbani, 2010, hlm. 123.

menjauhkan diri daripada minuman alkohol dan mencegah diri mereka agar tidak terjebak dalam dunia alkohol.

Misalnya dalam agama Kristian disebut dalam Bible tentang larangan alkohol. Mabuk itu adalah satu perbuatan dilarang menerusi beberapa ayat dalam Bible contohnya Deuteronomy 21 ayat 20 atau Ecclesiastes 10 ayat 1.<sup>27</sup> Antara larangan paling kuat menerusi 1 Corinthians 5 ayat 11; “ Dan dengan ini aku berpesan jauhilah mereka yang mengaku dirinya pengikutku, tetapi dia seorang yang melakukan seks tidak bermoral, tamak, penyembah berhala, penyebar fitnah, mabuk dan penipu. Jauhilah sehinggakan elakkan makan dengan mereka.”<sup>28</sup>

Dalam ajaran Buddha pula menyatakan bahawa:

One of the Eight Precepts of Buddhism states very clear that Buddhist should abstain from liquor. Sebutan dalam bahasa Pali “Suramerayamajja pamadathana veramani sikkhapadam samadiyami” yang bermaksud menahan diri daripada meminum minuman memabukkan.<sup>29</sup>

Ajaran Buddha juga jelas menyatakan bahawa penganut Buddha seharusnya menjauhkan diri mereka daripada alkohol serta mereka dicegah daripada menjual minuman alkohol untuk meneruskan hidup. Seperti agama-agama yang lain, jelas disini bahawa agama Buddha itu menentang penganutnya terlibat dengan alkohol kerana ia akan memberi kesan yang buruk kepada kehidupan mereka. Ajaran Hindu pula menyatakan bahawa untuk bersatu dengan tuhan maka seseorang penganut itu perlu bersih daripada segala kekotoran seperti kata-kata ahli bijaksana Hindu Thiruvalluvar:

They that drink liquor are no other than poison drinker and therefore do not differ from dead man.<sup>30</sup>

---

<sup>27</sup> <https://iluminasi.com/bm/apa-pandangan-agama-buddha-kristian-dan-hindu-mengenai-tabiati-minum-arak.html>

<sup>28</sup> Ibid. Rujuk juga <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/pendapat-agama-tentang-arak-1.765666>.

<sup>29</sup> <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/pendapat-agama-tentang-arak-1.765666>.

<sup>30</sup> Osman Bakar (et al.), *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009, hlm. 88.

Thiruvalluvar mengelar mereka yang mengambil alkohol ibarat meracun diri mereka sendiri serta tiada bezanya mereka dengan orang telah meninggal dunia. Agama Hindu juga menyatakan bahawa untuk mencapai tahap Nirvana, seseorang itu mestilah bersih dari segi kesihatan dan mental. Agama Hindu juga menganggap bahawa meminum arak itu adalah satu perbuatan yang keji.<sup>31</sup> Dalam agama Hindu terdapat kitab-kitab yang melarang meminum dan menjual arak seperti dalam kitab Rigveda, Athravaveda dan Manusmriti.<sup>32</sup> Dalam agama Hindu arak dibezakan antara minuman Soma dan juga Sura. Soma ialah minuman yang digunakan untuk ritual keagamaan (zaman Vedik) dan dikatakan ia sejenis minuman memabukkan yang banyak kali disebut dalam Veda. Sementara itu, Sura pula minuman beralkohol seperti arak-arak sedia ada pada masa kini.<sup>33</sup>

Setiap agama mencegah penganutnya daripada mendekati perkara-perkara yang dilarang dalam agama mereka seperti hal meminum arak yang telah jelas dinyatakan dalam ajaran Islam, Kristian, Buddha dan juga Hindu. Meskipun setiap agama melarang setiap penganutnya mengambil atau terlibat dengan alkohol namun, perkara tersebut hanya dipandang ringan oleh sesetengah penganut serta tidak cukup untuk menghalang diri mereka daripada terlibat dengan alkohol.

---

<sup>31</sup> Ibid.

<sup>32</sup> <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/pendapat-agama-tentang-arak-1.765666>

<sup>33</sup> Ibid.

## Samsu dan Pembuatannya

Perkembangan terhadap pembuatan dan penjualan minuman alkohol di Tanah Melayu bermula setelah buruh Cina dan India dibawa ke Tanah Melayu selaras dengan matlamat British pada ketika itu untuk memperkembangkan sektor pertanian dan perlombongan. Kebanyakan minuman alkohol telah dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh pedagang-pedagang Eropah yang datang berdagang dengan masyarakat tempatan mahupun pedagang dari luar. Minuman alkohol telah dibawa masuk ke Tanah Melayu pada abad ke-17 dan ke-18 oleh pedagang Portugis dan Belanda. Walau bagaimanapun, perlu diakui bahawa sehingga kini, masih tidak ada kajian mendalam mengenai kedudukan alkohol ketika itu.

Kemasukan dan tabiat pengambilan alkohol semakin ketara dengan kehadiran British. Kajian yang dilakukan terhadap kehidupan orang Barat di Surabaya mendapati bahawa kehadiran mereka turut membawa budaya mereka ke tanah jajahan. Malah secara sedar atau tidak, mereka telah membawa budaya minuman keras (alkohol) sebagai satu bentuk budaya dan identiti masyarakat Eropah.<sup>34</sup> Hal yang sama didapati berlaku di Tanah Melayu. Keadaan ini jelas berlaku di kawasan bandar apabila kelab dan kedai-kedai minuman keras diwujudkan. Pada tahun 1885, Selangor Club diwujudkan dan pada tahun 1890, Lake Club ditubuhkan. Kelab-kelab ini secara eksklusif hanya menerima orang Eropah sebagai pelanggan serta kalangan elit tempatan dan budaya Barat dilaksanakan sepenuhnya termasuklah budaya minum minuman keras.

...it was a place that oozed friendliness and sympathy. The club was the focal point of the life of the expatriate community. It was an exclusive and multi-purpose place, where the tuans could relax, read gossip, play games, consort with their own kind; above all, it was a place where they could let down their hair-which they did-free from the prying gaze of their alien

---

<sup>34</sup> Ikhsan Rosyid Mujahidul Anwari, "Minuman Keras sebagai Necessary Evil di Surabaya, 1900-1942", hlm. 206.

subjects save for the discreet eyes of the club ‘boys’, who in any case themselves grew into something of a caste apart.<sup>35</sup>

Dalam masa yang sama, kemasukan orang Cina dan India turut membawa budaya mereka yang tersendiri termasuklah budaya minum minuman keras. Ini agak ketara dalam kalangan masyarakat Cina yang menjadikan minuman keras sebagai sebahagian daripada minuman yang disediakan ketika hari-hari kebesaran termasuklah ketika sambutan Tahun Baru Cina.

Kesan daripada kemasukkan buruh-buruh asing seperti Cina dan India juga secara tidak langsung telah membawa budaya kehidupan mereka seperti yang diperkatakan oleh Stanton dan Owens, yang menyimpulkan bahawa sejarah penapaian minuman dan makanan di rantau Asia Tenggara banyak dipengaruhi oleh budaya berhijrah.<sup>36</sup> Ketika orang Eropah menikmati minuman keras yang diimport dari luar terutama dari Eropah seperti wain, bir yang mempunyai pelbagai jenama, orang Cina, India dan tempatan pula menjadikan minuman keras yang lebih murah sebagai pilihan mereka terutamanya todi dan samsu.

Sebagaimana yang telah disebutkan, orang Cina telah mempunyai pengetahuan membuat samsu atau arak beras sejak sekian lama dan pengetahuan ini turut dibawa bersama mereka sewaktu berhijrah ke Tanah Melayu. Malahan, dalam menyusuri sejarah perkembangan dan pengenalan samsu di Tanah Melayu seringkali timbul salah faham mengenai golongan yang bertanggungjawab terhadap penghasilan samsu. Meskipun orang India seringkali dikaitkan dengan penghasilan minuman ini, namun kenyataannya, pembuatan samsu serta penjualannya didominasi oleh orang Cina. Jelas

---

<sup>35</sup> D. J. M. Tate, *The Lake Club 1890-1990: The Pursuit of Excellence*, Singapore: Oxford University Press, 1990, hlm. 2. Ikhsan Rosyid Mujahidul Anwari yang mengkaji mengenai kehidupan orang Belanda di Surabaya melakukan perbuatan yang hampir sama dengan orang Eropah di Kuala Lumpur itu. Beluau mengatakan, “Keberadaan orang Barat dengan gaya hidup mereka menyebabkan diperlukannya ketersediaan pemenuh kebutuhan dan gaya hidup bagi mereka. Salah satunya adalah minuman keras. Selain mendatangkan langsung dari luar Hindia [Indonesia] terutama dari Eropah, di Jawa mulai tahun 1931 dibangun pabrik [kilang] minuman beralkohol guna memenuhi kebutuhan [keperluan] tersebut”. Ikhsan Rosyid Mujahidul Anwari, “Minuman Keras sebagai Necessary Evil di Surabaya, 1900-1942”, hlm. 206.

<sup>36</sup> S. V. Law (e.t al.), “Popular Fermented Foods and Beverages in Southeast Asia”, *International Food Research Journal*, Vol. 18, Issue 2, 2011, hlm. 475.

sekali, orang Cina bertanggungjawab menjadi pelopor kepada pengenalan minuman samsu di Tanah Melayu dan peniaga-peniaga Cina juga bertanggung jawab membawa dan menjual samsu ke kawasan ladang.<sup>37</sup>

Walau bagaimanapun, menurut Mary Assunta, orang India sememangnya mengetahui cara untuk menghasilkan samsu, namun bagi mereka beras merupakan satu sumber makanan yang sangat penting dalam kehidupan harian. Oleh itu, adalah lebih baik ia digunakan sebagai sumber makanan daripada menghasilkannya sebagai minuman arak kerana India mempunyai jumlah penduduk yang sangat tinggi dan sering menghadapi krisis makanan.<sup>38</sup> Hal ini pastinya agak berbeza dengan tadi di mana orang India didapati terlibat sama ada dalam pembuatannya, penjualan mahupun yang mengambil bahan tersebut. Dalam perkembangan sejarah sosial, pastinya ia sangat menarik untuk diberikan perhatian. Aspek ini akan diteliti lebih lanjut dalam bahagian lain bab ini.

Di Tanah Melayu, umumnya arak beras dikenali sebagai samsu, namun terdapat pelbagai nama bagi arak beras di rantau Asia misalnya di Vietnam dikenali sebagai *ruou de dan ruou nep*.<sup>39</sup> Samsu atau lebih dikenali sebagai arak beras dalam kalangan masyarakat Cina merupakan sejenis minuman alkohol yang mudah untuk dihasilkan dan berasaskan daripada bijirin iaitu beras. Samsu merupakan sejenis minuman alkohol berkepekatan tinggi dimana proses penyediaannya adalah melalui proses penapaian dan penyulingan. Terdapat juga minuman samsu yang tidak disuling iaitu hanya dihasilkan melalui proses penapaian semata-mata.

Namun, sejumlah besar samsu dihasilkan melalui kedua-dua proses tersebut kerana kesan daripada proses penyulingan akan menghasilkan minuman samsu yang

---

<sup>37</sup> Lihat nota kaki 11 dalam Azharudin Mohamed Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012, hlm. 247.

<sup>38</sup> Mary Assunta Kolandai, "Alcohol and Poverty", dlm. Andrew Varley, *Towards A Global Alcohol Policy*, London: Institute of Alcohol Studies, 2000, hlm. 25-26. Lihat juga *Utusan Pengguna*, Jun 1984, Jilid 6, Bil. 6.

<sup>39</sup> N.T.P. Dung, "Vietnamese Rice-Based Alcoholic Beverages", *International Food Research Journal*, Vol. 20, No. 3, 2013, hlm. 1035.

mengandung kepekatan alkohol yang sangat tinggi malah lebih tinggi berbanding minuman alkohol yang lain. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Parameswari Krishnan menyatakan samsu merupakan minuman yang mengandungi kandungan alkohol yang paling tinggi iaitu sebanyak 37.96 % dan diikuti oleh todi segar sebanyak 4.07 % dan minuman alkohol yang lain.<sup>40</sup> Malah, dalam keadaan biasa, kepekatan alkohol dalam samsu adalah antara 30 hingga 70 peratus berbanding minuman-minuman alkohol yang lain.<sup>41</sup> Ini menunjukkan jika dibandingkan dengan todi mahupun minimal keras yang lain, kandungan alkohol dalam samsu merupakan antara yang tinggi hingga secara langsung akan memberi kesan sampingan yang lebih besar.

Pembuatan samsu melalui satu proses yang mudah dimana hanya tiga bahan utama diperlukan iaitu beras, air dan yis. Proses memasak samsu pula kebiasaannya dilakukan di dalam periuk, tong besar atau tin minyak. Beras perlu dimasak terlebih dahulu dan dicampur dengan yis sebelum diperam dalam bekas yang tertutup bagi satu tempoh tertentu, biasanya selama 26 hingga 30 hari<sup>42</sup> supaya proses penapaian dapat berlaku dengan baik. Seterusnya, air peraman dikeluarkan dan direhatkan buat seketika sebelum diperah dalam kain putih atau penapis untuk mengasingkan bendasing yang terdapat di dalam air tapaian tersebut. Air peraman yang sudah siap ditapis dimasukkan ke dalam satu tong besar yang mempunyai satu saluran paip yang berfungsi untuk menyalurkan air yang telah disuling. Hasil daripada proses penyulingan tersebut telah menghasilkan satu minuman yang berwarna putih jernih iaitu samsu.

Asasnya minuman ini merupakan sejenis minuman alkohol biasa yang tidak mempunyai kesan sampingan terhadap peminum namun, wujudnya penghasilan samsu

---

<sup>40</sup> Parameswari A/P Krishnan, Todi dalam Kalangan Masyarakat India Ladang di Tanah Melayu, 1900-1957, Tesis Ph.D, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2014, hlm. 142-143.

<sup>41</sup> Terdapat minuman samsu yang mempunyai kepekatan alkohol melebihi daripada 70 peratus iaitu antara 90 hingga 130 peratus misalnya pemeriksaan yang telah dijalankan oleh *Institute of Medical Research* terhadap Syarikat Tai Tong mendapati bahawa minuman samsu yang disimpan digudang tersebut mempunyai kepekatan yang sangat tinggi. Samsu keluaran Siew Chiew pula mempunyai kepekatan alkohol antara 116.11 -119.18 peratus, sampel dari Koh Kong mempunyai kepekatan setinggi 93.06 hingga 96.12 peratus, Ng Ka Re antara 90 hingga 92.23 peratus dan sampel dari Peh Bi Chiew mempunyai kepekatan antara 121.52 hingga 122.68 peratus. Lihat SUK SEL 3572/1918, Remission of Fine Imposed on a Clerk in Chop Tai Tong, Kuala Lumpur, in a 'Samsu Case'.

<sup>42</sup> N.T.P. Dung, "Vietnamese Rice-Based Alcoholic Beverages", hlm. 1036.



secara haram yang telah mengubah keaslian minuman tersebut. Keadaan ini berubah apabila samsu dicampur dengan bendasing lain termasuklah herba yang bertujuan untuk dijadikan sebagai sumber perubatan tradisional.<sup>43</sup> Selain daripada beras, terdapat samsu yang dihasilkan daripada campuran bahan lain seperti daripada hampas nenas,<sup>44</sup> barli, todi,<sup>45</sup> atau jagung serta terdapat samsu yang dicampur dengan buah-buahan tertentu iaitu epal, oren, nenas, jagung dan pisang.

Secara keseluruhannya, proses penyediaan samsu tidak begitu berbeza dengan proses membuat minuman alkohol yang lain kerana ianya perlu melalui proses penapaian dan penyulingan. Prinsip pembuatannya disifatkan sebagai suatu pengubahsuaian biokimia kanji bijirin yang disebabkan oleh tindak balas mikroorganisma seperti yis dan kulat. Mikroorganisma ini memainkan peranan penting untuk menghasilkan amylases yang akan merendahkan kanji kepada dekstrin dan gula serta yis yang akan menukarkan gula menjadi minuman alkohol. Penghasilan samsu merupakan satu proses biologikal iaitu proses beras diubahkan menjadi satu minuman alkohol secara fizikal, yang telah melalui proses biokimia seperti teknik kukusan, inokulasi, dilecek dan penapaian.<sup>46</sup> Berikut merupakan proses untuk memasak samsu seperti dalam carta 1.

---


<sup>43</sup> SUK Kedah 542/1341, Straits Settlement Liquors Revenue Ordinance 1909-Undang-Undang Perolehan Di Atas Minuman Tahun 1909 Straits Settlements. Memo daripada British Adviser Kedah bertarikh 26.10.1922.

<sup>44</sup> Enquires as to what duty would be imposed on Alcohol and Samsu manufactured from Pineapple waste dalam SUK SEL 1/1933 kepada Agriculture Under Secretary to Government, Federated Malay States daripada Colonial Officer Chartered Bank, Singapore, 30 Disember 1932.

<sup>45</sup> Campuran todi bersama-sama dengan samsu telah mewujudkan todi yang lebih pekat kandungan alkoholnya. Misalnya pada tahun 1923, minuman todi didapati lebih memabukkan dan samsu menjadi punca wujudnya todi yang sangat memabukkan ini. Labour Department: Inland District of Selangor Annual Report: 1924.

<sup>46</sup> N.T.P. Dung, "Vietnamese Rice-Based Alcoholic Beverages", hlm. 1036.

### Carta 1: Proses Pembuatan Samsu



Sumber: N.T.P. Dung, “Vietnamese Rice-based Alcoholic Beverages”, *International Food Research Journal*, Vol. 20, No. 3, 2013, hlm. 1035.

Berikut merupakan langkah-langkah pemprosesan samsu. Secara keseluruhannya terdapat enam langkah yang perlu dilaksanakan dalam keseluruhan proses membuat samsu tersebut.

#### Langkah 1

Beras dibasuh dengan sebersih-bersihnya untuk memastikan beras yang ditanak adalah bersih dan berkualiti.

#### Langkah 2

Setelah beras dibasuh dengan bersih ia akan dimasak di dalam periuk. Samsu disediakan melalui proses penyulingan air beras yang telah melalui satu proses penapaian dimana sebelum berlakunya proses penapaian, beras perlu ditanak terlebih dahulu. Kebiasaannya beras akan dimasak berbanding dikukus dan kebanyakan penjual lebih

gemar menanak beras kerana beras lebih cepat masak berbanding mengukus. Walau bagaimanapun, kedua-dua kaedah tersebut boleh dipraktikkan dalam proses menghasilkan samsu. Kebanyakan penjual samsu menggunakan beras dari Saigon dan Canton kerana harganya yang murah dan terdapat segelintir penjual yang menggunakan beras hancur atau beras kasar untuk menghasilkan samsu.

Harga jualan beras hancur juga lebih murah serta mudah untuk dimasak kerana sudah hancur dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kos. Bagi memudahkan lagi proses memasak samsu, terdapat beras yang ditumbuk menjadi separa hancur serta dijemur pada awal pagi sebelum dimasak untuk memudahkan proses menanak beras. Beras yang hancur ini akan memudahkan lagi proses memasak samsu kerana beras dapat dimasak dalam tempoh yang lebih singkat. Beras dimasak bersama air dengan 1 nisbah beras bersamaan 1 nisbah air selama 1 ½ jam di dalam periuk besar atau kualiti pada suhu 125 darjah celcius.

### **Langkah 3**

Setelah nasi siap dimasak, nasi disejukkan terlebih dahulu dan kemudiannya dicampur dengan biskut Cina<sup>47</sup> atau lebih dikenali sebagai yis. Campuran ini adalah dalam anggaran satu nisbah yis bersamaan empat nisbah nasi dan yis memainkan peranan yang sangat penting dalam penghasilan samsu kerana kesedapan minuman samsu itu adalah bergantung kepada kualiti yis yang digunakan. Selain itu, penggunaan yis dari Canton ini juga mampu menghasilkan minuman samsu yang dapat bertahan selama enam hingga lapan bulan lamanya.

Biskut Cina dihancurkan dan digaul rata bersama nasi dan kemudiannya disimpan di dalam bekas yang bersih seperti tembikar atau tong besar. Sebelum

---

<sup>47</sup> Biskut Cina atau dikenali di negara China sebagai kek yis Cina berperanan sebagai yis. Ianya berbentuk tablet berkanji dan berasal dari China. Di rantau Asia Tenggara kek yis Cina dikenali dengan pelbagai nama. S.V. Law (et.al.), "Popular Fermented Foods and Beverages in Southeast Asia", hlm. 479.

diperam, campuran tersebut dicampur dengan air dalam kuantiti tiga nisbah air dan satu nisbah nasi atau bersamaan dengan separuh tong kerosin. Yis yang terbaik untuk menghasilkan samsu adalah dari Canton bukan seperti yis kek minyak yang kualitasnya agak rendah. Malah yis kek minyak ini turut dijadikan sebagai makanan lembu.

#### **Langkah 4**

Bekas-bekas tersebut ditutup dengan penutup supaya proses penapaian dapat berlaku dengan baik. Nasi yang dimasak akan diperam dalam tempoh 26 hari hingga 30 hari namun terdapat jugak samsu yang hanya diperam dalam tempoh yang singkat iaitu selama tiga hingga empat hari sahaja sebelum ianya dikeluarkan.<sup>48</sup> Tempoh penapaian ini bergantung kepada keadaan cuaca, kerana sekiranya cuaca lebih panas atau terik proses penapaian adalah lebih singkat berbanding hari-hari biasa.<sup>49</sup> Teknik terbaik untuk mengetahui samsu telah melalui proses penapaian dengan betul dan berjaya adalah dengan mendengar desiran bunyi yang dihasilkan oleh air yang diperam.

Air peraman akan mengeluarkan bunyi 'pop, pop' seperti bunyi bebuih yang meletop dan menandakan bahawa air peraman boleh disuling selepas itu. Selain itu, air peraman juga akan mulai mengeluarkan bau yang kuat selepas beberapa hari sehingga bau menjadi sangat kuat pada hari ke-30 dan air peraman sudah sedia untuk disuling. Air peraman akan dibiarkan buat seketika sebelum diperah dalam kain atau penapis untuk mengasingkan bendasing yang terdapat di dalam air yang ditapai tersebut.

#### **Langkah 5**

Air peraman dimasukkan ke dalam satu tong besar yang mempunyai satu saluran paip seperti di dalam rajah 1 yang berfungsi untuk menyalurkan air yang telah disuling dan akhirnya menghasilkan minuman yang berwarna putih jernih iaitu samsu.

---


<sup>48</sup> N.T. P. Dung, "Vietnamese Rice-Based Alcoholic Beverages", hlm. 1036.

<sup>49</sup> Ibid., hlm. 1039.

## Langkah 6

Seterusnya samsu dibungkus di dalam beg plastik ataupun botol dan sedia untuk dipasarkan kepada orang ramai. Samsu yang dihasilkan dengan cara tradisional ini mampu bertahan selama sebulan hingga enam minggu lamanya.

**Gambar 4: Peralatan untuk Menyuling**



Sumber: Dipetik daripada portal online Arkib Negara Singapore diakses pada 25/5/2015.

## Kategori Samsu

Samsu yang telah siap akan dipasarkan atau diedarkan kepada pelanggan termasuk ke kedai-kedai minuman keras di seluruh Selangor. Antara jenama-jenama minuman samsu adalah seperti Apollo, 007, Father Christmas, Sivaji, Veera Pandian, Asoka, kucing, ular, anjing, kambing, singa, merak, Hemalini (seorang bintang filem India) dan King Kong.<sup>50</sup> Kalangan pelanggan samsu atau mereka yang mengambil samsu sebagai minuman turut mengenali samsu berdasarkan jenama-jenama ini termasuklah Boon Kwee, Lok Thau, Ng Ka Peh @ Ng Ka Re, Lo Hong, Bee Chiu @ Peh Bi Chiew, Koh

<sup>50</sup> *Utusan Pengguna*, Jun 1984, Jilid 6, Bil. 6, Persatuan Pengguna Pulau Pinang.

Kong, Wong Chiu, Leong Ngan, Seah Chiu, Leog Fatt, Lah Ang Chiew dan Siew Chiew. Jika diteliti, wujud perbezaan kepekatan alkohol di dalam samsu tersebut. Misalnya samsu Siew Chiew merupakan minuman samsu yang paling rendah kepekatan alkoholnya.<sup>51</sup>

Samsu yang terdapat di Selangor boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kategori pertama ialah samsu tulen, diikuti oleh samsu import dan ketiga adalah samsu haram. Ketiga-tiga kategori ini dijual pada harga yang berbeza iaitu harga samsu import adalah lebih mahal berbanding samsu tulen dan samsu haram kerana duti dan cukai yang dikenakan terhadap samsu juga adalah berbeza.

#### **a) Samsu Tulen**

Samsu tulen merupakan minuman samsu yang dihasilkan daripada air beras ditapai yang disuling dan dikeluarkan oleh kilang penyuling yang berlesen di Selangor. Majoriti peminum samsu tulen ini terdiri daripada kalangan orang Cina dan segelintir orang India. Ini kerana harganya agak lebih tinggi berbanding jenis samsu buatan tempatan/haram. Samsu tulen yang dihasilkan dan dikeluarkan di kilang penyuling berlesen juga dihasilkan mengikut standard piawaian yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dan bebas daripada sebarang unsur campuran bahan beracun yang boleh membawa kesan kemudaratan terhadap kesihatan peminum.

Di Selangor hanya terdapat sebuah kilang pembuatan arak berlesen yang menghasilkan samsu iaitu The Nipah Distillery Malaya yang terletak di Kuala Selangor.<sup>52</sup> Selain daripada samsu, The Nipah Distillery Malaya juga turut

---

<sup>51</sup> SUK SEL 4341/1917, Importation of Samshu from Singapore by rail-Short Collection of duty at Gemas, Report by Supervisor of Customs, Kuala Lumpur, upon the importation of Samshu from Singapore by rail via Gemas and the payment of duty thereon.

<sup>52</sup> SUK SEL 107/1937, Annual Report on The Social and Economy Progress of The of Selangor for The Year 1936.

menghasilkan minuman alkohol yang lain seperti nira dan juga memproses gula.<sup>53</sup>

Tauke Loke Yew dan Lee Kong Lam pula merupakan satu-satunya pemajak samsu berlesen yang menghasil dan mengeluarkan samsu di Kuala Lumpur. Mereka merupakan pemajak berlesen yang sangat aktif menghasil dan menjual samsu di Selangor walaupun mendapat saingan yang hebat daripada penjualan samsu haram. Jadual 3 dan 4 menunjukkan jumlah permintaan terhadap samsu di Selangor antara tahun 1905-1910 serta jumlah pengeluaran samsu oleh Tauke Loke Yew dan Lee Kong Lam

**Jadual 3: Permintaan Terhadap Samsu bagi Tahun 1905-1910.**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah (kati)</b>
1905-1907	100,000
1909	75,000
1910	20,000

Sumber: SUK SEL 5120/1910, Re Retail licenses on Samsu distilled by his client Mr. Lee Kong Lam, Surat H.R. Ferrers kepada Setiausaha Residen, Kuala Lumpur, 9 November 1910.

**Jadual 4: Jumlah Pengeluaran Samsu oleh Tauke Loke Yew dan Lee Kong Lam, 1911-1916.**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah (gelen)</b>
1911	60,775 $\frac{3}{4}$
1912	55,753 $\frac{3}{4}$
1913	54,467
1915	25,573
1916	33,948

Sumber : Selangor Administration Report for the Year 1912, Selangor Administration Report for the Year 1913, SUK SEL 4341/1917, Importation of Samshu from Singapore by rail-Short Collection of duty at Gemas.

Kedua-dua jadual 3 dan 4 menunjukkan jumlah pengeluaran samsu yang telah dihasilkan oleh Tauke Loke Yew dan Lee Kong Lam bagi tahun 1905 hingga 1916. Penurunan jumlah pengeluaran samsu dari kedua-dua tauke jelas dapat dilihat daripada jadual di atas seperti pada tahun 1905 hingga 1907 pengeluaran samsu adalah pada skala yang besar iaitu sebanyak 100,000 kati namun menurun dengan begitu mendadak

<sup>53</sup> Ibid.

pada tahun 1909 dan tahun 1910 iaitu pengeluaran hanya sebanyak 70,000 dan 20,000 kati sahaja. Pada tahun 1911 jumlah samsu yang dihasilkan oleh kedua-dua tauke tersebut adalah sebanyak 60,775  $\frac{3}{4}$  gelen dan jumlah pengeluaran samsu semakin menurun pada tahun 1912 iaitu sebanyak 55,753  $\frac{3}{4}$  gelen dan pada tahun 1913 iaitu sebanyak 54,467 gelen. Pengurangan jumlah pengeluaran samsu ini disebabkan oleh persaingan yang wujud antara mereka dengan kilang penyulingan arak yang telah dibuka di Seremban pada tahun 1912 dan telah menjejaskan permintaan samsu dari kilang mereka.<sup>54</sup>

Pengeluaran samsu oleh kedua-dua tauke ini juga dilihat semakin berkurang dari tahun ke tahun seperti dalam jadual di atas jumlah keluaran samsu bagi tahun 1913 adalah sebanyak 54,467 gelen, diikuti pada tahun 1915 sebanyak 25,573 gelen dan 33,948 gelen pada tahun 1916. Persaingan daripada kilang penyulingan di Selangor dan juga dari negeri lain telah menjejaskan pengeluaran samsu dari kilang Tauke Loke Yew dan Kong Lam. Tambahan pula, kewujudan kilang-kilang haram yang telah mengeluarkan dan menjual samsu haram pada harga yang lebih murah menjejaskan lagi jualan samsu dari kilang mereka. Oleh itu, mereka terpaksa memperlahan dan mengurangkan kuantiti samsu agar tidak menanggung kerugian yang besar.

---

<sup>54</sup> Selangor Administration Report for the Year 1913, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1914, hlm. 10.



**Jadual 5: Jumlah Pengeluaran Samsu oleh Tauke Loke Yew dan Lee Kong Lam Bagi Tahun 1911 dan 1912.**

Bulan	Tahun	
	1911 (gelen)	1912 (gelen)
Januari	5,431 $\frac{1}{4}$	4,298 $\frac{1}{2}$
Februari	4,930 $\frac{1}{2}$	5,329 $\frac{3}{4}$
Mac	4,884 $\frac{3}{4}$	5,146 $\frac{1}{4}$
April	4,375	5,257
Mei	5,498	4,661 $\frac{1}{2}$
Jun	4,381	5,233 $\frac{1}{2}$
Julai	4,782	4,659 $\frac{1}{2}$
Ogos	6,230 $\frac{1}{2}$	5,293 $\frac{1}{2}$
September	5,585 $\frac{1}{2}$	4,385 $\frac{3}{4}$
Oktober	4,074	4,109
November	4,696 $\frac{1}{2}$	3,688 $\frac{3}{4}$
Disember	5,907 $\frac{3}{4}$	3,690 $\frac{3}{4}$
Jumlah	60,775 $\frac{3}{4}$	55,753 $\frac{3}{4}$

Sumber: SUK SEL 4341/1917, Importation of Samshu from Singapore by rail-Short Collection of duty at Gemas.

Berdasarkan jadual 5 menunjukkan bahawa jumlah pengeluaran samsu oleh Tauke Loke Yew dan Lee Kong Lam adalah tidak konsisten. Jumlah samsu yang dihasilkan pada tahun 1911 menunjukkan peningkatan dan penurunan yang tidak stabil. Pada bulan Januari pengeluaran adalah sebanyak 5,431  $\frac{1}{4}$  gelen dan menurun jumlah pengeluarannya sehingga bulan April iaitu kepada 4,375 gelen. Pengeluaran samsu kemudiannya meningkat semula pada bulan Mei dan kembali menurun pada bulan Jun iaitu pengeluaran sebanyak 4,381 gelen. Peningkatan dan penurunan pengeluaran samsu bagi kedua-dua tauke menunjukkan kenaikan dan penurunan sehingga bulan Disember.

Bagi tahun 1912 pula, jumlah pengeluaran samsu bagi kedua-dua tauke menunjukkan penurunan dan kenaikan yang sekata. Jumlah pengeluaran samsu pada bulan Januari adalah sebanyak 4,298  $\frac{1}{2}$  gelen dan meningkat pada bulan Februari menjadi 5,329  $\frac{3}{4}$  gelen. Peningkatan dan penurunan pengeluaran samsu bagi tahun 1912 adalah sekata sehingga bulan September yang kemudiannya telah menurun jumlah pengeluarannya sehingga bulan November iaitu hanya 3,988  $\frac{3}{4}$  gelen dan meningkat kembali pada bulan Disember iaitu peningkatan hanya sebanyak dua gelen samsu sahaja

menjadi 3,690 <sup>3</sup>/<sub>4</sub> pada bulan Disember. Walaupun jumlah pengeluaran samsu bagi tempoh tersebut memperlihatkan pengeluaran yang tidak konsisten namun, permintaan terhadap samsu sentiasa mendapat perhatian daripada golongan buruh di Selangor walau dalam kuantiti yang sedikit.

### **b) Samsu Import**

Kewujudan samsu di Selangor tidak semuanya buatan tempatan, sebaliknya terdapat juga samsu yang diimport terutama dari negara luar. Malah jika diteliti kepada senarai dan jumlah perbelanjaan dan perolehan negeri pada setiap tahun menunjukkan arak dan samsu antara penyumbang utama bagi hasil pendapatan negeri. Samsu dibawa masuk ke Selangor demi menampung permintaan daripada buruh-buruh dan samsu perlu berdaftar sebelum dibawa masuk misalnya samsu diimport dari beberapa buah negara Asia<sup>55</sup> seperti China, India, Ceylon, Jawa<sup>56</sup> dan Negeri-Negeri Selat.<sup>57</sup> Samsu yang diimport dari Negeri-Negeri Selat dibawa masuk ke Selangor menggunakan kapal ke pelabuhan Port Swettenham. Setelah samsu dipunggah dari pelabuhan ke dalam keretapi, ianya dibawa ke gudang kerajaan di Kuala Lumpur untuk tujuan penyimpanan namun terdapat juga samsu yang disimpan di gudang pelabuhan Port Swettenham.

---

<sup>55</sup> Rujuk surat daripada Mr. Samuel antara pengimport samsu ke Selangor kepada Residen Selangor. SUK SEL 5272/1907, Revenue Farm Tenders, 1908-1909.

<sup>56</sup> SUK SEL 3508/1899, Purchase and retail of Spirituos liquors by local importers, surat daripada Tauke Loke Yew kepada Pegawai Tindakan British Selangor, 8 Julai 1899.

<sup>57</sup> SUK SEL 5120/1910, Re Retail licenses on Samsu distilled by his client Mr. Lee Kong Lam.

**Jadual 6: Bilangan Arak dan Samsu yang Diimport ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Bagi Tahun 1906.**

Negeri	Perak	Selangor	Pahang	Negeri Sembilan
<b>Jumlah (gelen)</b>	88,485	46,801	7,900	-

Sumber: *Eastern Daily Mail and Straits Morning Advertiser*, 23 Julai 1906, hlm. 3

Jadual 6 menunjukkan bilangan arak dan samsu yang telah diimport ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bagi tahun 1906 dengan Perak menjadi negeri yang tertinggi mengimport minuman arak dan samsu iaitu sebanyak 88,485 gelen dan diikuti Selangor sebanyak 46,801 gelen dan Pahang sebanyak 7,900 gelen manakala negeri Sembilan pula tidak mengimport minuman arak dan samsu bagi tahun tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa negeri yang mempunyai jumlah buruh yang tinggi menawarkan permintaan yang tinggi terhadap minuman arak dan samsu kerana ia menjadi satu aset penting buat mereka sebagai minuman tonik kesihatan serta peneman diri setelah penat bekerja.

Pengimportan samsu banyak diimport dari negara China dan dapat dilihat pada tahun 1900 sebanyak 11690 kotak samsu bernilai \$57735 telah diimport dari negara China ke Selangor dan jumlah ini telah menurun pada tahun 1901 kepada 3997 kotak iaitu bernilai sebanyak \$27082.<sup>58</sup> Permintaan samsu di Selangor menurun pada tahun tersebut kerana terdapatnya saingan daripada minuman alkohol lain yang diimport dari Eropah seperti *gin*, *brandy* dan juga *malt*. Minuman-minuman tersebut dilihat lebih berkualiti dari segi kandungan dan juga penghasilannya berbanding samsu. Jenama dan pengeluar juga memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk menarik minat pelanggan. Jenama yang popular akan dapat menarik perhatian daripada pelanggan untuk membeli sesuatu minuman itu kerana keyakinan diri mereka terhadap minuman tersebut.

<sup>58</sup> Sel. Gov. Telegraph 878/1902, Annual Report for 1901.

Walaupun terdapat pelbagai jenis minuman alkohol di pasaran, namun samsu tetap mendapat permintaan daripada penduduk Selangor terutamanya dalam kalangan orang India kerana harganya yang dilihat jauh lebih murah berbanding minuman-minuman alkohol yang lain dan samsu banyak dijual di kedai-kedai runcit, gerai todi, dan kedai-kedai di kawasan ladang. Lokasi ini memudahkan buruh India untuk membeli samsu semasa dalam perjalanan pulang ke rumah dari tempat kerja. Orang Cina sememang terkenal dengan kepakaran mereka dalam perniagaan dan majoriti pengimport-pengimport samsu adalah terdiri dalam kalangan orang Cina seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 5.

**Jadual 7: Senarai Pengimport Samsu dari Singapura Bagi Tahun 1917.**

<b>Nama Pemajak</b>	<b>Jenis Samsu</b>
Kwong Teong Sang	Boon Kwee Lek Thau Ng Ka Peh Lo Hong Bee Chiu Koh Kong
Kong Ee Seng	Lek Thau Bee Chiu Boon Kwee Ng Ka Peh Koh Kong Wong Chiu Leong Ngan
Lai Chong	Lek Thau Boon Kwee Ng Ka Peh Kou Kong Seah Chiu Leong Fatt Koh Kong
Guan Cheong	Koh Kong
Joo Chiang	Bee Chiu Wong Chiu
Tai Tong	Wong Chiu
Joo Bee	Wong Chiu

Sumber: SUK SEL 4341/1917, Importation of Samshu from Singapore by rail-Short Collection of duty at Gemas.

Berdasarkan daripada jadual 7 menunjukkan senarai pengimport samsu dari Singapura pada tahun 1917 dan majoriti pengimport adalah terdiri daripada pengusaha Cina yang menjalankan urus niaga dengan negeri Selangor.

**Jadual 8: Bilangan Arak dan Samsu yang diimport ke Selangor, 1903-1925**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah (Gelen)</b>
1903*	17296
1904*	27307
1905	68033
1906	46801
1908	86,438
1909	53,848
1910	122,016
1911	117,109
1914	86,633
1915	94,065
1917	21,783
1922	22,706 17/25
1923	30, 671 4/5
1924	40,173
1925	38,033

Sumber: SUK SEL 1273/1926 dan SUK SEL 736/192<sup>59</sup>, SAR 1909, SAR 1911, SAR 1915.

Pada tahun 1909 pajak masak samsu tempatan hanya dikenakan cukai sebanyak \$1.20 per gelen sahaja berbanding dengan cukai import mereka dikenakan cukai yang agak tinggi iaitu dari harga \$1 hingga \$3 per gelen.<sup>60</sup> Kebiasaannya, samsu yang diimport dari negara China dan Negeri-Negeri Selat akan dikenakan cukai sebanyak \$1.50. Walau bagaimanapun, jumlah cukai yang dikenakan saban tahun akan berubah misalnya pada tahun 1917 cukai yang dikenakan terhadap 'Boon Kwee' adalah sebanyak \$5.34 segelen manakala 'Koh Kong' pula sebanyak \$5.70 segelen.<sup>61</sup>

<sup>59</sup>\*Bagi tahun 1903 dan 1904, arak dan samsu yang diimport ke Selangor adalah didalam kotak.

<sup>60</sup> SUK SEL 5120/1910, Re Retail licenses on Samsu distilled by his client Mr. Lee Kong Lam.

<sup>61</sup> SUK SEL 4341/1917, Importation of Samsu from Singapore by rail-Short Collection of duty at Gemas, Report by Supervisor of Customs, Kuala Lumpur, upon the importation of Samsu from Singapore by rail via Gemas and the payment of duty thereon.

**Jadual 9 : Bilangan Samsu yang Diimport ke Selangor Pada Tahun 1917**

<b>Bulan</b>	<b>Bilangan Jag</b>
Januari	2325
Februari	1048
Mac	1994
April	2343
Mei	2650
Jun	1061
Julai	1082
Ogos	1739
September	731
Oktober	1865
November	2394
Disember	2551

Sumber: SUK SEL 735/1918, Annual Report 1917-Customs Department, Port Swettenham, hlm. 3.

Berdasarkan jadual 9, dapat dilihat bahawa permintaan terhadap samsu sentiasa mendapat tempat dalam kalangan penduduk Selangor. Jumlah samsu yang diimport pada tahun 1917 dilihat tidak konsisten iaitu pada bulan Februari hingga Mei jumlah samsu diimport telah meningkat sebanyak dua kali ganda iaitu daripada 1048 jag menjadi 2650 jag. Walaupun jumlah samsu import telah menurun pada bulan Jun dan Julai, namun permintaan terhadapnya kembali meningkat pada bulan Ogos hingga Disember. Jumlah cukai dikenakan terhadap minuman alkohol yang diimport pada tahun 1917 telah meningkat sebanyak \$10,804.42 menjadi \$422,043.25 berbanding pada tahun 1916 iaitu hanya sebanyak \$411,238.83 sahaja. Samsu merupakan salah satu penyumbang cukai utama kepada minuman alkohol pada tahun 1917.<sup>62</sup>

<sup>62</sup> SUK SEL 735/1918, Annual Report 1917-Customs Department, Port Swettenham, hlm. 3.

### c) Samsu Tempatan/ Samsu Haram

Kategori ketiga ialah samsu tempatan atau lebih dikenali sebagai samsu haram. Nama ini diberikan kerana samsu ini dibuat secara haram iaitu dimana mereka yang melakukannya tidak memiliki lesen atau kebenaran. Dalang dibalik pembuatan samsu haram adalah diketuai oleh tauke-tauke Cina. Misalnya di Selangor, tauke-tauke Cina ini berpusat di Kuala Lumpur.<sup>63</sup> Mereka bertindak sebagai *big boss* dan kebiasaannya hanya mengerahkan orang bawahan atau pekerja mereka sahaja untuk menghasil dan menjual samsu kepada orang ramai. Operasi menghasilkan samsu secara haram dijalankan di kawasan hutan, paya bakau<sup>64</sup>, gua batu kapur,<sup>65</sup> dalam rumah kosong atau rumah usang yang jauh dari pandangan awam serta tidak dapat dihidu oleh pihak berkuasa ekoran aktiviti tersebut tidak mempunyai sebarang lesen perniagaan daripada pihak kerajaan.

Aktiviti ini dijalankan di kawasan-kawasan pedalaman dan tertutup bagi memastikan aktiviti haram mereka dapat dijalankan dengan lancar. Misalnya, pada tahun 1935 pihak kastam Selangor telah menjalankan satu serbuan di kawasan hutan dan berjaya menahan dua lelaki yang terbabit dalam pembuatan samsu haram. Dalam serbuan tersebut, turut dirampas ialah 10 gelen beras yang sedang dididihkan. Didapati bahawa mereka hanya menjalankan aktiviti pembuatan samsu ini berdasarkan arahan yang diterima daripada pemilik sebenar atau tauke Cina di Kuala Lumpur. Samsu-samsu ini juga didapati perlu dihantar ke daerah-daerah besar sekitar Rawang dan Kuala Lumpur setelah selesai diproses dan dibungkus. Selain itu, terdapat juga sebanyak 43 jag samsu yang mengandungi 215 gelen air yang telah ditapai serta botol-botol yang mengandungi 9 gelen samsu.<sup>66</sup>

---

<sup>63</sup> *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942)*, 12 Ogos 1935, hlm. 6.

<sup>64</sup> Annual Report on The Social and Economic Progress of The People of Selangor for The Year 1938, Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press, 1939, hlm. 53.

<sup>65</sup> Parameswari Krishnan, *Todi dalam Kalangan Masyarakat India Ladang di Tanah Melayu, 1900-1957*, hlm. 221.

<sup>66</sup> *Ibid.*

Bagi kes lain pula pada 5 Mac 1916 pukul 5 petang, Chin Chun ditahan pihak polis di dalam hutan di Kuyu, Selangor. Beliau didapati bersalah kerana memiliki 13 botol samsu serta peralatan untuk menghasilkan samsu.<sup>67</sup> Didapati bahawa jumlah penjualan samsu haram semakin bertambah dari tahun ke tahun seperti pada tahun 1937 jumlah rampasan peralatan memasak oleh Pegawai Pencegahan di bawah Enakmen Eksais adalah sebanyak 592 dan telah bertambah pada tahun 1938 menjadi sebanyak 786.<sup>68</sup>

**Jadual 10: Jumlah Kilang Penyulingan Haram di Selangor.**

Tahun	Jumlah
1913	29
1914	39
1915	65
1916	89

Sumber: Selangor Administration Report for the Year 1913.

Faktor kewujudan samsu haram ini juga didorong oleh pihak kerajaan itu sendiri kerana terdapat kekhuatiran dalam kalangan peminum untuk membeli samsu yang dijual oleh kerajaan. Kegusaran ini dirasakan kerana adanya tanggapan bahawa samsu tulen yang dijual mempunyai kandungan alkohol yang rendah hingga menghilangkan “kesedapan” samsu tersebut.<sup>69</sup> Perkara ini telah mendorong sesetengah peminum membeli samsu secara langsung melalui pemajak samsu dan tidak melalui kedai-kedai runcit.

Selain itu, didapati bahawa cukai yang dikenakan terhadap pemajak-pemajak masak samsu adalah tinggi seperti pada tahun 1909 pajak masak samsu tempatan dikenakan cukai sebanyak \$1.20 per gelen manakala cukai import pula dikenakan antara \$1 hingga \$3 segelen.<sup>70</sup> Pada tahun 1917 pula, cukai yang dikenakan terhadap sesetengah samsu adalah antara \$3 hingga \$6 segelen iaitu harga cukai yang dilihat agak

<sup>67</sup> SUK SEL 3875/1916, Rewards for informers of illicit manufacture of samshu. Rujuk surat daripada Timbalan Pesuruhjaya, Ketua Pegawai Polis Selangor kepada Residen Selangor.

<sup>68</sup> Federated Malay State, Report on the Customs and Excise Department for the Year 1938, Kuala Lumpur: Printed at The Federated Malay States Government Press, 1939, hlm. 24.

<sup>69</sup> SUK SEL 5120/1910, Re Retail licenses on Samsu distilled by his client Mr. Lee Kong Lam.

<sup>70</sup> SUK SEL 2061/1910, Interpretation of Gazette Notification No. 891 of 24 December 1909 rewarehouse on wines and spirits.



tinggi. Disebabkan oleh kerajaan British telah mengenakan kadar cukai yang agak tinggi menyebabkan sesetengah pemajak masak samsu dari Singapura membayar cukai di tempat lain pada harga yang sangat murah. Misalnya kejadian di Gemas, Negeri Sembilan pemajak-pemajak samsu telah membayar cukai pada kadar yang sangat rendah iaitu sebanyak \$2 hingga \$3 segelen bagi semua jenis samsu.<sup>71</sup>

## Kesimpulan

Perbincangan dalam bab ini menunjukkan bahawa minuman keras atau yang mengandungi alkohol ini telah wujud sejak zaman awal lagi. Malah permulaan kemunculannya dikatakan berlaku sejak zaman prasejarah sebelum kemudiannya terus berkembang pada zaman-zaman sejarah. Ini jelas kelihatan apabila melihat kewujudan minuman ini dalam tamadun-tamadun awal seperti tamadun Mesopotamia, Mesir, India dan China. Pelbagai nama dan rujukan digunakan bagi minuman ini seperti “*magical-drink*” atau “*the most precious drink*”. Minuman ini juga didapati mempunyai pengaruh yang besar dalam perkembangan sosial, agama, budaya dan ekonomi.

Malah, melihat kepada kewujudannya dalam setiap tamadun dan masyarakat, tidak salah untuk menyatakan bahawa minuman keras merupakan satu fenomena bersifat sejagat. Meskipun meminum minuman keras dianggap sebagai satu larangan dalam hampir semua agama besar, namun hanya Islam yang mengharamkan minuman itu secara jelas. Ini bermakna, sebelum kedatangan orang India dan Cina, amalan mengambil minuman keras mahupun samsu sangat terhad dalam konteks masyarakat di Tanah Melayu.

Samsu (rice wine) merupakan salah satu daripada jenis minuman keras yang didapati dalam hampir setiap budaya terutama budaya di sebelah timur yang menjadikan

---

<sup>71</sup> SUK SEL 4341/1917, Importation of Samshu from Singapore by Rail- Short Collection of Duty at Gemas.

nasi sebagai makanan ruji. Ini jelas kelihatan di China, Jepun serta di negara-negara Asia Tenggara. Dalam masyarakat Iban, air tapai (tuak) yang dibuat daripada beras turut sebenarnya merujuk kepada samsu. Ini bermakna, samsu mempunyai tradisi yang agak panjang di negara ini.

Walau bagaimanapun, samsu didapati menjadi semakin menonjol pada abad ke-19 seiring dengan kedatangan orang India dan Cina. Hal ini agak menarik untuk disebutkan kerana ketika tradisi samsu telahpun sememangnya wujud dalam masyarakat Cina, namun orang India dilihat lebih menjadi pengguna atau peminum samsu. Malahan majoriti peminum samsu terdiri daripada kalangan buruh terutamanya buruh India. Samsu dan todi terutama yang dibuat sendiri mempunyai harga yang jauh lebih murah berbanding samsu import mahupun minuman beralkohol yang lain. Bagi mengurangkan kos, maka minuman ini menjadi pilihan. Keadaan ini secara langsung telah meningkatkan pengeluaran samsu termasuklah samsu haram.

Samsu haram merupakan nama yang digunakan bagi merujuk kepada pembuatan samsu yang tidak mempunyai lesen. Keadaan ini dapat dilakukan secara meluas kerana proses membuat samsu bukanlah satu proses yang rumit. Malah, secara tradisi, orang Cina sememangnya mahir membuat samsu. Bahan-bahan yang digunakan juga mudah diperolehi dan mereka hanya memerlukan kawasan yang jauh daripada pandangan orang ramai bagi membolehkan proses membuat samsu haram tidak terganggu. Peranan orang Cina jelas dapat dilihat sebagai individu yang bertanggungjawab mengkomersialkan samsu haram kepada buruh-buruh di Selangor walaupun sudah diberkas dan didenda oleh pihak polis banyak kali. Mereka memonopoli penjualan samsu haram dan telah mengaut keuntungan yang sangat besar kerana penghasilan samsu hanya memperuntukkan modal yang kecil.

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong buruh-buruh mengambil samsu dan kemiskinan merupakan faktor penting yang menyebabkan samsu haram menjadi pilihan mereka. Harganya yang jauh lebih murah berbanding minuman arak yang lain menjadi faktor utama samsu haram popular dalam kalangan buruh India. Selain itu, sekatan terhadap todi telah membantu samsu haram menjadi semakin popular dalam kalangan peminum arak. Situasi ini dapat dilihat apabila semakin bertambah bilangan kilang-kilang haram yang menghasilkan samsu secara haram serta jumlah permintaan terhadap samsu haram yang semakin bertambah setiap tahun setelah berlakunya sekatan terhadap todi. Tindakan pihak British untuk mengikis sikap kaki botol dalam kalangan buruh dilihat tidak banyak membantu kerana buruh-buruh dilihat telah beralih kepada samsu haram dan menjadikan ketagihan mereka semakin bertambah. Perbincangan mengenai penjualan samsu akan dibincangkan dalam bab yang berikutnya.

Akhirnya, berdasarkan perbincangan ini didapati bahawa, budaya minum samsu tidak pernah berlaku di Selangor sebelum kedatangan buruh Cina dan India ke Tanah Melayu. Orang Cina merupakan pelopor kepada pengenalan samsu dalam kalangan buruh dan didapati bahawa sememangnya di negara China samsu merupakan satu minuman budaya mereka dan sering kali dihidangkan ketika upacara perkahwinan, kematian, perayaan dan upacara adat yang lain. Namun, bagi buruh India di India mereka tidak mengamalkan budaya minum samsu kerana ianya perlu dihasilkan daripada bijirin seperti beras. Kehidupan yang serba kemiskinan dan kedaifan mengajar mereka erti menghargai sesuatu makanan dan untuk menghasilkan samsu daripada beras adalah mustahil kerana beras sangat penting sebagai sumber makanan dan tidak seharusnya mereka melakukan pembaziran.

## BAB 4

### PENJUALAN SAMSU

#### **Pengenalan**

Bab-bab sebelum ini telah memperincikan perkaitan antara kehadiran orang Cina dan India serta perlakuan sosial dengan pembuatan dan pengambilan samsu. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai samsu tidak akan dapat difahami dengan jelas tanpa melihat kepada aspek perniagaan samsu serta faktor-faktor pengambilan samsu. Sebagaimana yang telah disentuh dalam bab-bab sebelum ini, didapati bahawa golongan yang mengambil samsu terdiri daripada kalangan buruh. Mereka saling bergantung antara satu sama lain dalam memastikan kelangsungan perniagaan samsu.

Perbincangan mengenai perniagaan samsu akan melihat kepada beberapa perkara yang signifikan melibatkan hal-hal berkaitan lesen sama ada lesen membuat atau memproses, menjual, menyimpan serta cukai. Selain itu, perbincangan juga akan menyentuh mengenai golongan penjual serta pembeli atau pengguna samsu di Selangor. Aspek ini pastinya merupakan satu aspek penting yang perlu dibincangkan secara teliti bagi menunjukkan bahawa penjualan samsu bukan sahaja menjadi sumber pendapatan bagi kerajaan tetapi juga memberi ruang pekerjaan kepada pelbagai pihak.

Keadaan ini pastinya merujuk kepada kalangan peniaga-peniaga samsu tulen sementara kalangan yang melakukan secara haram dengan mengeluarkan samsu tanpa kebenaran tidak terangkum dalam perkara-perkara yang disebut ini. Aspek kedua yang akan diperincikan dalam bab ini adalah mengenai faktor-faktor yang mendorong pengambilan samsu. Ini kerana faktor-faktor inilah yang menjadi titik tolak kepada

perkembangan penjualan samsu terutamanya samsu haram. Melalui faktor-faktor ini juga kita akan dapat memahami masalah yang dihadapi oleh peminum-peminum samsu.

### **Pengeluaran Lesen**

Samsu merupakan barangan kawalan yang memerlukan pihak yang ingin membuat minuman ini atau menjual dan menyimpannya perlu mendapatkan lesen. Di bawah *The Revenue Farms Enactment, 1904* permohonan lesen untuk menghasilkan samsu perlu mendapat persetujuan pihak berkuasa.<sup>1</sup> Ketika ini, kerajaan bertanggungjawab untuk mengendalikan segala urusan memproses pengeluaran lesen memasak dan menjual samsu. Segala prosedur untuk mendapatkan lesen memasak, menjual dan mengimport perlu mendapatkan persetujuan daripada kerajaan negeri terlebih dahulu.

Tugas-tugas ini adalah diluar bidang kuasa Lembaga Perlesenan sama ada untuk menentu kadar jualan serta cukai yang dikenakan terhadap syarikat penyuling dan peruncit yang menjual samsu. Kerajaan yang bertanggungjawab untuk menentukan harga jualan samsu iaitu berdasarkan daripada prinsip permintaan dan penawaran terhadap minuman samsu. Hal ini bermakna bahawa di Selangor, samsu hanya boleh diproses dan dijual setelah pihak berkuasa (Pejabat Residen) memberi kelulusan lesen kepada pengilang-pengilang samsu.<sup>2</sup>

Bagi memperolehi kelulusan, permohonan perlu dibuat kepada pihak kerajaan. Ini termasuklah permohonan untuk memasak samsu. Tindakan ini dilakukan sebagai satu kaedah mengawal penghasilan dan penjualan samsu haram yang dilakukan secara rahsia. Keadaan ini telah menjejaskan reputasi pengeluar samsu berlesen dan mereka

---

<sup>1</sup> SUK SEL 1/1933, Enquires as to what duty would be imposed on Alcohol and Samsu manufactured from Pineapple waste. Rujuk surat daripada Colonial Officer Chartered Bank, Singapore kepada Agriculture Under Secretary to Government, Federated Malay States, 30 Disember 1932.

<sup>2</sup>SUK SEL 284/1922, Wholesale licences for intoxicating liquors-Fees for. Rujuk surat daripada Setiausaha Residen Selangor kepada Pengarah Lembaga Perlesenan Klang, Ulu Langat, Ulu Selangor, Kuala Selangor dan Kuala Langat bertarikh 8 Ogos 1922.

terpaksa mengalami kerugian yang besar kesan kewujudan samsu haram. Peniaga yang memohon lesen daripada Residen untuk menjual samsu di kedai perlu mendapatkan lesen menjual tidak lebih daripada tempoh setahun iaitu 12 bulan, dan perlu membayar sewa lesen setiap bulan tidak melebihi sebanyak empat dolar setiap bulan.<sup>3</sup>

Samsu hanya boleh dijual di kedai-kedai ladang berlesen sahaja dan pihak berkuasa mempunyai hak untuk menarik semula mana-mana lesen yang diberi sekiranya mereka tidak mengikut syarat permohonan lesen. Pemohon hanya boleh membuka kedai untuk menjual samsu di tempat yang berada di daerah yang diterajui Pegawai Daerah berbangsa Eropah sahaja. Di setiap kedai perlu diletakkan satu papan tanda supaya pihak berkuasa mengetahui lokasi kedai mereka dengan jelas. Menurut Seksyen 13 (i) Enakmen 5/1923 menyatakan bahawa tiada sesiapa melainkan pemegang-pemegang lesen di bawah seksyen 12 dibenarkan menyimpan atau mempunyai sebarang peralatan, perkakas ataupun kelengkapan penyulingan untuk menyuling atau menghasilkan minuman keras yang memabukkan.<sup>4</sup>

Setiap pemohon yang memegang lesen menjual samsu perlu mengemukakan lesen sebagai bukti kepada pegawai kerajaan (pegawai penguatkuasa) yang berkaitan apabila diperlukan atau ketika mereka membuat rondaan di kedai tersebut. Satu peraturan yang perlu dipatuhi ialah kedai di ladang yang menjual samsu hanya dibenarkan di buka antara pukul enam pagi hingga sepuluh malam sahaja dan tidak boleh melebihi dari tempoh waktu tersebut. Pelanggaran peraturan ini boleh menyebabkan lesen perniagaan samsu ditarik balik. Selain itu, sebarang aktiviti lain seperti berjudi atau membuat kekacauan dan mabuk tidak dibenarkan di kedai ladang

---

<sup>3</sup>The Revenue Farms Enactment, 1904, Selangor Government Gazette of July 8, 1904, No. 29, Vol. XV, No. 483, dalam SUK SEL 367/1904, Rules made under Section 4 of 'The Revenue Farms Enactment, 1904' (spirit Farm) for the Selangor State.

<sup>4</sup> SUK SEL 3825/1925, Gazetting of offences under Section 6B (i) of the Gammig Enactment 1912 and under Section 13 (i) of the Excise Enactment 1923 to be crimes under Section 24 (v) of the Prisons Enactment 1907. Rujuk surat Pejabat Pesuruhjaya Polis kepada Setiausaha Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bertarikh 17 Ogos 1925.

tersebut. Segala masalah termasuk berkaitan dengan kematian kerana pengambilan minuman keras termasuk samsu perlu dilaporkan segera di stesen polis berdekatan.

Mereka yang berhasrat untuk mendapatkan lesen memasak samsu, mereka perlu menulis surat permohonan kepada Residen dengan menyatakan selengkapnya jumlah kos pembinaan kilang penyulingan, lokasi kilang serta keluasan kilang. Perkara-perkara ini merupakan antara perkara penting yang akan menentukan sama ada permohonan tersebut boleh berjaya atau tidak. Salah satu permohoon dilakukan oleh Ong Koon Chan yang memohon lesen memasak samsu di Bukit Weld pada tahun 1909.<sup>5</sup> Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai faktor lain yang akan turut sama menentukan sama ada satu-satu permohonan dapat diterima atau sebaliknya. Ini termasuklah keadaan ekonomi semasa dan pelbagai faktor lain.

Malah, keberadaan pegawai Eropah turut menjadi faktor yang penting. Dalam kes permohonan oleh Yeoh Seng Niah yang dilakukan pada tahun 1922, didapati permohonan tersebut tidak diterima kerana pihak berkuasa merasakan bahawa kilang yang dirancang tersebut tidak akan membawa keuntungan.<sup>6</sup> Namun begitu, alasan sebenar adalah keadaan ekonomi yang tidak menentu ketika permohonan dilakukan apabila banyak kilang arak dan samsu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) telah ditutup seperti yang berlaku di Teluk Anson. Keadaan semasa didapati telah mempengaruhi pihak berkuasa dalam menentukan kes permohonan Yeoh Seng Niah.

---

<sup>5</sup> SUK SEL 3851/1909, Applies for a license to distill or manufacture arrack and samsu. Rujuk surat Ong Koon Chan kepada Residen Selangor bertarikh 8 Oktober 1909.

<sup>6</sup> SUK SEL 1547/1922, Application for a License to Distill or Manufacture Spirits and Samsu.

**Gambar 5: Surat Permohonan untuk Memohon Lesen Memasak Arak dan Samsu.**

3851  
59

Kuala Lumpur,  
8<sup>th</sup> October 1909.

Sir,

RECEIVED  
8 OCT 1909  
SILANGOR

I beg to apply for a license under section 5 of The Excise Enactment 1908 to distil or manufacture arrack & samsu.


I have not a factory ready but I propose to put up one at a cost of \$10000 vide plan enclosed at Weld hill on the land comprised in Certificate of Title No 2637, allotment 190 - the land being my own property - or if the spot is not considered suitable by Government, at any other place where there will be no difficulty to obtain land.

The proposed factory is to be 140 feet long 40 feet broad and 18 high - it is to be built entirely of bricks with a tiled roof.

If I have the Government assurance that a three years license will be issued to me & a further assurance that the monopoly will not be divided during the above period I will make immediate arrangements to have the factory completed and in working condition in the course of a few months.

Trusting to be favoured with an early reply.


I beg to remain, Sir,  
Your Obedient Servant  
S. S. S.



Sumber: SUK SEL 3851/1909, Applies for a license to distill or manufacture arrack and samsu.



**Gambar 7: Surat Permohonan untuk Memohon Lesen Menghasilkan Arak.**



Sumber: SUK SEL 1547/1922, Application for a License to Distill or Manufacture Spirits and Samsu.

Selain itu, terdapat satu permohonan untuk membuka kilang arak samsu di Klang oleh Yeoh Koh Kiat<sup>7</sup> namun permohonan beliau juga telah ditolak oleh Residen Selangor kerana lesen membuka kilang arak tidak diluluskan di Klang tetapi hanya diluluskan di tempat di mana terdapatnya Pegawai Kastam Eropah sahaja.<sup>8</sup> Setiap tahun pengilang-pengilang samsu dikenakan bayaran lesen untuk menjalankan perniagaan samsu di Selangor. Misalnya pada tahun 1922 bayaran yang dikenakan adalah sebanyak 12 dollar untuk tempoh setahun atau setengah tahun.<sup>9</sup> Walau bagaimanapun, bayaran lesen tersebut perlu dibayar sekaligus. Hal ini bermula hanya pada bulan Mac 1922 sahaja kerana sebelum ini, bayaran bayaran tersebut boleh dilakukan secara secara ansuran setiap bulan.<sup>10</sup>

Pada tahun 1936, jumlah kedai alkohol berlesen yang menjual minuman keras termasuk samsu di NNMB dicatatkan sebanyak 534 buah. Walau bagaimanapun, hanya terdapat enam buah kilang arak dan samsu sahaja di seluruh NNMB. Di Selangor, kilang arak dan samsu yang paling penting ialah The Nipah Distillery Ltd yang terletak di Kuala Selangor. Kilang ini terletak berdekatan dengan estet Nipah Palm, iaitu di utara Sungai Selangor<sup>11</sup> dan mulai mengeluarkan minuman samsu pada tahun 1935.<sup>12</sup> Di Perak, kilang arak dan samsu yang penting ialah Guan Ho Distillery di Taiping, Soon Seng Distillery di Teluk Anson, dan Jackson's Distillery Co. di Ipoh. Di Pahang, kilang arak dan samsu utama terletak di Raub iaitu Tong Ah Distillery dan di Negeri Sembilan kilang Ban Joo Lee di Seremban.<sup>13</sup> Kilang-kilang inilah yang membekalkan arak dan samsu di negeri-negeri tersebut.

---

<sup>7</sup> SUK SEL 893/1918, Application for a licence to open a Samsu Distillery at Klang-Yeoh Koh Keat.

<sup>8</sup> SUK SEL 1/1933, Enquires as to what duty would be imposed on Alcohol and Samsu manufactured from Pineapple waste.

<sup>9</sup> SUK SEL 284/1922, Wholesale licences for intoxicating liquors-Fees for. Rujuk surat daripada Setiausaha Residen Selangor kepada Pengarah Licensing Board Kuala Lumpur bertarikh 9 Ogos 1922. Lihat juga surat Pengarah Licensing Board, Kuala Lumpur kepada Setiausaha to Resident Selangor bertarikh 15 Jun 1922.

<sup>10</sup> SUK SEL 284/1922, Wholesale licences for intoxicating liquors-Fees for. Rujuk surat Ag. Commissioner Trade, & Custom, Federated Malay State bertarikh 30 Disember 1921.

<sup>11</sup> Federated Malay States Report By W.D.Barron Customs and Excise Department, 1936, hlm. 19.

<sup>12</sup> *The Straits Times*, 28 August 1935.

<sup>13</sup> Federated Malay States Report By W.D.Barron Customs and Excise Department, 1936, hlm. 19.

## **Gudang Simpanan**

Bagi pengeluar samsu berlesen serta syarikat yang mengimport samsu, mereka mempunyai kemudahan untuk menyimpan samsu. Bagi pengilang samsu di Selangor, mereka dibenarkan untuk menyimpan samsu di dalam gudang kastam yang terdapat di seluruh negeri. Bagi samsu import pula, gudang simpanan terletak di pelabuhan Port Swettenham jika samsu tersebut di bawa dengan kapal dan menggunakan jalan laut dan sekiranya dibawa masuk melalui keretapi, samsu perlu diturunkan di Tanjong Malim dan Bangi sebelum dibawa ke gudang simpanan sama di pelabuhan Port Swettenham.<sup>14</sup> Kemudahan gudang simpanan ini secara langsung memudahkan pekilang atau pengimport untuk menyimpan barangan mereka kerana sewa atau bayaran yang dikenakan adalah rendah serta memudahkan kerajaan untuk mengawal jumlah edaran samsu di Selangor.

Perkembangan ekonomi yang pesat di Selangor menyebabkan aktiviti import dan eksport menjadi keutamaan dan Port Swettenham menjadi pintu keluar-masuk yang utama dan satu kemudahan yang disediakan ialah kemudahan gudang simpanan. Kepesatan aktiviti ini juga telah memberi kesan kepada kemudahan gudang kerana berlakunya kesesakan hingga menyukarkan usaha simpanan barangan. Keadaan ini menyebabkan satu gudang yang baru perlu dibina di Kuala Lumpur bagi memenuhi keperluan menyimpan barang dan ini termasuklah samsu. Samsu yang tidak dapat disimpan di Port Swettenham kerana tiada ruang yang mencukupi akan di bawa ke gudang di Kuala Lumpur untuk disimpan.<sup>15</sup>

Kesesakan yang berlaku di gudang simpanan di Port Swettenham bukan sahaja disebabkan jumlah simpanan barang import-eksport yang banyak, namun ia juga

---

<sup>14</sup> The Customs Regulations Enactment. 1907, Selangor Government Gazette of December 24, 1909, No. 48, Vol. XX, No. 892, hlm 1.

<sup>15</sup> Penyimpanan barang di gudang ini diberi keutamaan kepada pengimport-pengimport dari Kuala Lumpur. Rujuk SUK 1031/1913, Annual Report on Customs and Excise Department for 1912.

disebabkan tindakan pengilang samsu yang menyimpan samsu di gudang Port Swettenham dalam kuantiti yang banyak hingga melebihi ruang simpanan yang ada. Permintaan yang berkurangan daripada pengguna/pembeli berbanding dengan kuantiti samsu yang dibawa masuk atau dihasilkan di Selangor juga tidak seimbang. Ini bermakna penawaran melebihi permintaan dan menyebabkan banyak samsu terbiar berlebihan. Keadaan ini berlaku pada tahun 1918 apabila sebanyak 1600 jag samsu yang terbiar tanpa terjual terdapat di gudang Port Swettenham.<sup>16</sup> Masalah kesesakan gudang serta persaingan dengan barangan lain yang turut akan disimpan dalam gudang sama ada di Port Swettenham mahupun Kuala Lumpur turut berlaku. Gudang di Kuala Lumpur didapati tidak sesuai untuk penyimpanan beras kerana kedudukannya yang hampir dengan sungai dan mampu menjejaskan kualiti beras hingga menyebabkan kerap kali berlaku pemindahan antara gudang melibatkan samsu dan arak, beras atau candu yang semuanya merupakan antara komoditi yang penting ketika itu selain getah dan bijih timah.<sup>17</sup>

Selain itu, samsu yang disimpan di gudang simpanan ini juga tidak terkecuali daripada menghadapi masalah kerana kebocoran, kebakaran atau kerosakan gudang hingga akan menjejaskan kualitinya.<sup>18</sup> Gudang di Kuala Lumpur ini disiapkan pada 1 Ogos 1911 dan digunakan sepenuhnya pada tahun 1912 dengan keutamaan diberikan kepada pengimport-pengimport barangan di Kuala Lumpur.<sup>19</sup> Pada tahun 1912, jumlah sewa yang diperoleh bagi gudang ini adalah sebanyak \$4,727.59 berbanding bagi tempoh 5 bulan pada tahun 1911 iaitu bermula bulan Ogos hingga Disember iaitu hanya

---

<sup>16</sup> Rujuk surat daripada Penyelia Kastam Port Swettenham kepada Residen Selangor, SUK SEL 3296/1918, Extra accommodation or storage of dutiable goods at Port Swettenham.

<sup>17</sup> SUK SEL 2506/1919, Arrangements for storage of samsu in another place to permit storage of Government Rice in Railway Goods Shed No 1. Rujuk surat daripada Pengarah Trafik, Kereta Api Negeri-Negeri Melayu Bersekutu kepada Residen Selangor bertarikh 30 Mei 1919.

<sup>18</sup> Storage Charges on liquors deposited in the Railway Shed at Port Swettenham, Erection of private bonded warehouse.

<sup>19</sup> SUK SEL 1031/1913, Annual Report On Customs and Excise Departments for 1912. Rujuk Annual Report 1912, Customs and Excise Department bertarikh 19 Februari 1913. Lihat juga Selangor Administration Report For The Year 1911, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1912, hlm. 10.

\$537.12 sahaja.<sup>20</sup> Tempoh penyimpanan barangan di gudang Kuala Lumpur adalah selama enam bulan sahaja. Namun, kerap kali barangan yang berada di gudang ini termasuk samsu disimpan lebih daripada tempoh enam bulan yang diberikan. Keadaan ini akan menyebabkan ruang penyimpanan di gudang menjadi sempit dan terhad. Misalnya, pada tahun 1919 sebanyak 2000 jag samsu yang disimpan di gudang Kuala Lumpur tidak diambil semula oleh pengilang-pengilang samsu setelah menyimpan selama enam bulan. Perkara ini disebabkan oleh harga sewa yang dikenakan terhadap penyewa gudang disini adalah rendah berbanding harga sewa gudang yang lain.<sup>21</sup>

Selain masalah kesesakan, kalangan pengilang samsu turut menghadapi masalah birokrasi kerana semua barangan yang akan disimpan di gudang perlu melalui proses dokumentasi. Keadaan menjadi semakin sukar apabila kakitangan gudang yang terlibat perlu memeriksa dan menentukan cap dan jenama serta balang perlu dibuka untuk tujuan persampelan.<sup>22</sup> Oleh itu, proses tersebut akan mengambil masa yang lama dan perlu diteliti dengan sebaiknya agar tidak berlaku sebarang masalah. Proses ini sedikit sebanyak menjejaskan urusan penyimpanan samsu. Gudang berlesen ini juga sentiasa penuh dengan arak-arak yang diimport.<sup>23</sup>

Dalam kes di mana barangan disimpan melebihi tempoh masa yang ditetapkan, Penyelia Kastam akan mengeluarkan notis kepada pemilik samsu yang berkaitan dan tindakan yang selanjutnya bergantung kepada rekod pembayaran pemilik barangan.<sup>24</sup> Jika rekod pembayaran menunjukkan bahawa pemilik barangan menunjukkan ia dibayar secara konsisten, kebiasaannya, mereka akan diberikan tempoh tertentu bagi membolehkan pemilik barangan mengambil barang mereka, dan jika sebaliknya,

---

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> Rujuk surat daripada Penyelia Kastam Port Swettenham kepada Residen Selangor, SUK SEL 3296/1918, Extra accommodation or storage of dutiable goods at Port Swettenham.

<sup>22</sup> Ibid.

<sup>23</sup> SUK SEL 1427/1912, Annual Report on the Chandu Monopoly for 1911.

<sup>24</sup> SUK SEL 3548/1919, Removal of Samsu by Importers within the prescribed 6 months- Seeks sanction of Resident for extension granted by him. Surat daripada Penyelia Kastam, Kuala Lumpur kepada Resident Selangor bertarikh 15 Ogos 1919.

barangan tersebut akan dilelong. Hasil lelongan ini akan digunakan untuk membayar cukai dan sewa gudang yang telah tertunggak selama samsu disimpan di gudang tersebut. Keadaan ini sebenarnya untuk mengelakkan peniaga-peniaga samsu dari menyimpan samsu dalam tempoh yang lama tanpa bayaran sewa dan memberi ruang kepada peniaga lain yang mahu menyimpan samsu di dalam gudang tersebut.

Masalah yang terdapat di gudang simpanan milik kerajaan ini sebenarnya telah menyebabkan perkembangan gudang berlesen persendirian, namun pemilik samsu terpaksa membuat pembayaran bayaran yang lebih mahal berbanding gudang milik kerajaan. Bagi samsu yang tidak dapat dijual, dan telah tamat tempohnya, samsu tersebut akan dilupuskan termasuk membuangnya ke dalam sungai. Ini dilakukan kerana samsu yang telah rosak sebegini akan membawa kemudaratan kepada peminumnya. Misalnya pada bulan April 1920, pihak Kastam telah melupuskan sebanyak 11 lot samsu yang bernilai \$15, 771.12 ke dalam sungai.<sup>25</sup>

### **Cukai Samsu**

Cukai yang dikenakan ke atas samsu merupakan antara aspek penting yang perlu diberikan perhatian. Secara keseluruhannya, cukai yang dikenakan terhadap minuman alkohol, termasuk samsu di Selangor dan seluruh NNMB adalah berdasarkan kepada kandungan kepekatan alkohol dan juga jenama minuman tersebut. Cukai dikenakan ke atas minuman alkohol yang dibawa masuk ke NNMB dan cukai perlu dibayar ketika barangan sampai di gudang kastam, Port Swettenham. Sementara itu, minuman alkohol yang disimpan di gudang kastam, tidak boleh dialih keluar dari gudang sehingga pengimport atau pemilik minuman mengemukakan lesen kepada pegawai yang

---

<sup>25</sup> SUK SEL 2283/1920, Samshu: Sanction to destroy. Rujuk surat daripada Penyelia Kastam kepada Residen Selangor bertarikh 26 April 1920.

bertanggungjawab di gudang kastam tersebut.<sup>26</sup> Setiap minuman alkohol akan dikenakan jumlah cukai yang berlainan sama ada dihasilkan di NNMB mahupun diimport dari luar seperti jadual di bawah:

**Jadual 11: Cukai Import Minuman Alkohol bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.**

Pengkelasan Alkohol	Cukai Import	
	Zaman Kolonial	NNMB selepas tarikh 2.3.1915
Kandungan kepekatan alkohol melebihi 85%	\$3.00 segelen	\$4.80 segelen
Kandungan kepekatan alkohol antara 85% -70%	\$2.40 segelen	\$3.84 segelen
Kandungan kepekatan alkohol antara 70% -40%	\$1.50 segelen	\$2.40 segelen
Kandungan kepekatan alkohol kurang daripada 40%	\$1.50 – \$0.24 segelen	\$2.40 –\$ 0.48 segelen

Sumber: H.C.O 1800/1914, Enhanced Import duty in malt liquors and spirits.

Berdasarkan jadual 11 menunjukkan jumlah cukai yang telah dikenakan terhadap pengimport-pengimport samsu dan jumlah cukai adalah berbeza bagi setiap kandungan kepekatan alkohol. Bagi alkohol yang mengandungi kepekatan yang tinggi dikenakan cukai yang lebih seperti ditunjukkan di dalam jadual iaitu alkohol yang berkepekatan melebihi 85% dikenakan cukai lebih dari \$3.00 hingga \$4.80. Cukai bagi setiap tahun adalah berbeza seperti dapat dilihat pada tahun 1909, cukai terhadap samsu yang dikenakan terhadap penjual samsu adalah sebanyak \$1 untuk segelen iaitu setengah dozen kuart atau sedozen botol<sup>27</sup> manakala pada tahun 1912 pula, cukai yang dikenakan adalah sebanyak \$1.20 bagi segelen samsu.<sup>28</sup>

<sup>26</sup> The Customs Regulations Enactment. 1907, Selangor Government Gazette of December 24, 1909, No. 48, Vol. XX, No. 892, hlm. 1.

<sup>27</sup> SUK SEL 4479/1908, Abolition of Spirit Farms in Federated Malay States.

<sup>28</sup> SUK SEL 1031/1913, Annual Report on Customs and Excise Departments for 1912.

## **Golongan Penjual dan Pembeli**

Dalam aktiviti perniagaan samsu, wujud satu rantaian yang mengikat antara mereka yang terlibat membuat samsu (pekilang atau pengeluar) dengan kalangan yang terlibat secara langsung dalam penjualan kepada pembeli atau pengguna. Kedua golongan ini iaitu pengeluar dan penjual dilihat lebih dikuasai oleh orang Cina. Meskipun memang ada kes melibatkan penjual daripada orang India, namun jumlahnya agak terhad. Penelitian yang dilakukan mengenai samsu ini menemui kalangan penjual samsu orang India dapat ditemui di Larut, Perak dimana seorang buruh India telah ditahan atas kesalahan memasak samsu yang dapat menghasilkan samsu sebanyak 40 gelen.<sup>29</sup>

Namun, tidak ditemui kes-kes sebegini di Selangor. Jika orang Cina menguasai pengeluaran dan penjualan samsu, orang India pula dilihat menjadi penjual dan pengguna atau pembeli. Namun demikian, pihak berkuasa yang menyedari bahawa pengambilan samsu, todi dan minuman keras yang tidak terkawal akan membawa masalah sosial yang besar, maka satu kawalan dilakukan. Penjual yang dimaksudkan terdiri daripada kedai-kedai todi dan minuman keras yang terletak di ladang. Namun perniagaan todi dikawal ketat oleh British. Semua kedai todi di ladang diperiksa dari masa ke semasa oleh pegawai eksais dan dijalankan dengan cara yang memuaskan supaya tidak wujud penjualan todi atau samsu rosak ataupun todi dan samsu haram.

Selain itu, terdapat juga tekanan terhadap kalangan orang India terutama dalam kalangan buruh untuk membeli minuman keras daripada peniaga arak atau yang tulen kerana harganya yang lebih mahal. Keadaan ini menyebabkan mereka tiada pilihan selain bertumpu kepada arak secara haram terutamanya todi atau samsu daripada peniaga yang berhampiran.<sup>30</sup> Samsu sering kali dikaitkan dengan golongan lelaki namun terdapat juga golongan wanita yang turut terlibat dalam penjualan samsu haram

---

<sup>29</sup> Federated Malay State, Report On The Customs And Excise Department – 1937, hlm. 26.

<sup>30</sup> Ibid.



misalnya pada tahun 1916 seorang wanita Cina, Lei Haw telah ditangkap oleh pihak berkuasa oleh atas kesalahan menghasilkan samsu secara haram<sup>31</sup> dan telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$250 atau penjara selama dua bulan. Meskipun kerap kali mereka yang terlibat dengan penjualan samsu haram berjaya ditangkap, namun samsu haram ini tetap wujud kerana ia mendapat permintaan tinggi daripada buruh berikutan harganya yang jauh lebih murah berbanding dengan harga samsu berlesen.

Wujudnya penjualan samsu haram di pasaran telah menyebabkan penghasilan dan penjualan samsu tulen sedikit terjejas. Samsu haram ini telah mendapat permintaan yang tinggi daripada orang ramai berikutan harganya yang jauh lebih murah berbanding dengan harga samsu yang lain seperti di Selangor harga samsu haram adalah  $\frac{1}{3}$  daripada harga jualan samsu haram di pasaran. Misalnya pada tahun 1933, samsu haram dijual hanya 40 sen bagi untuk suku gelen berbanding samsu tulen yang dijual pada harga \$1.30.<sup>32</sup> Perbezaan harga yang begitu ketara menyebabkan buruh-buruh membeli samsu haram berbanding samsu tulen kerana ia masih minuman yang sama. Cara penyediaannya juga adalah sama seperti minuman samsu tulen namun, terdapat sedikit perbezaan iaitu wujudnya unsur campuran bahan berbahaya iaitu alkohol metil di dalam minuman tersebut.<sup>33</sup>

Samsu juga dijual secara terbuka seperti di kedai runcit, peniaga kedai colok dan juga di kedai gunting rambut supaya buruh India dan Cina mudah untuk mendapatkan stok bekalan daripada mereka. Pada tahun 1906, sebanyak 68,033 gelen arak dan samsu telah diimport ke Selangor. Samsu mendapat perhatian daripada golongan buruh-buruh miskin yang bekerja di ladang-ladang dan juga kawasan luar bandar. Sebanyak 30%

---

<sup>31</sup> SUK SEL 6133/1916, Rewards to Informers in Samshu Cases.

<sup>32</sup> SUK SEL 808/1933, Request (i) that Section 37 (b) of the Excise Enactment 1932 be repealed, (ii) that Government should take steps to restrict the sale of yeast, and (iii) that licensed Distilleries be allowed to import No. 20 brown sugar free duty.

<sup>33</sup> Metil alkohol merupakan racun yang sangat kuat dan kebanyakannya digunakan dalam industri pembuatan sarung tangan getah dan cat. Metil alkohol tidak sesuai digunakan sebagai campuran minuman alkohol dan perkara ini telah dikaji serta telah diluluskan oleh Government Analysts bahawa penggunaannya dalam minuman alkohol adalah berbahaya. Lihat H.C.O. 432/1921, Documents required for the Colonial Office Library. [Law or Regulations in Force Regulating the Methylation and Denaturation of Spirit (federated and Un-Federated)]. Lihat juga *The Star National Daily*, 28 Januari 1977.

golongan India dewasa dikatakan telah mengambil samsu dan berdasarkan populasi etnik pula, golongan India menduduki carta tertinggi dalam pengambilan samsu iaitu sebanyak 94%, diikuti golongan Cina dan lain-lain sebanyak 35% dan golongan Melayu iaitu sebanyak 25%.<sup>34</sup>

Terdapat juga kedai-kedai todi yang ditutup telah diubahsuai menjadi kedai samsu. Pekerja yang mendapat bayaran upah bekerja pada setiap awal dan pertengahan bulan akan membelanjakan duit mereka dengan membeli minuman yang agak mahal seperti bir dan juga *stout*. Namun, apabila wang yang ada sudah semakin susut, mereka akan kembali semula kepada samsu kerana harganya yang murah.

Bukan sahaja minuman samsu itu mampu memberikan sumber pendapatan kepada pengeluar samsu malah sisa-sisa penghasilan samsu juga turut dijadikan sebagai pendapatan mereka. Penjual samsu sangat bijak dalam menguruskan segala bahan mentah dan modal menghasilkan samsu sehingga sisa-sisa buangnya juga turut dijadikan sebagai satu item jualan mereka. Mereka telah menggunakan keseluruhan bahan penghasilan samsu tanpa meninggalkan apa-apa lebihan misalnya seperti pes atau sisa-sisa yang ditinggalkan hasil dari proses penyulingan samsu dikumpul di dalam tong kerosin dan dijual kepada penternak babi pada harga 15 sen bagi dua tong kerosin.<sup>35</sup> Hasil wang jualan pes tersebut telah digunakan untuk membayar gaji pekerja-pekerja yang memasak samsu.

Di lapisan paling bawah dalam rantai ini adalah kalangan pembeli atau pengguna. Mereka yang terlibat dalam pengambilan samsu adalah terdiri daripada orang Melayu, Cina dan India. Namun yang demikian, golongan India merupakan pengguna

---

<sup>34</sup> T. Marimuthu, *The Illicit Samsu Problem in Malaysia*, Seminar On Health, Food and Nutrition, 15-20 September 1979, RESCAM, Glugor, Penang, Consumer Association of Penang.

<sup>35</sup> Terdapat samsu yang dihasilkan daripada hampas nenas seperti dari kilang arak di Singapore. Kilang ini menghasilkan arak dan samsu dengan menggunakan hampas nenas. Lihat SUK SEL 1/ 1933, Enquires as to what would be imposed on Alcohol and Samsu manufactured from Pineapple waste.

ataupun peminum samsu yang terbesar daripada ketiga-tiga kelompok bangsa ini diikuti oleh orang Cina dan Melayu. Golongan buruh India merupakan individu yang paling ramai mengambil minuman samsu terutamanya samsu haram kerana harganya yang dilihat lebih murah manakala orang Cina juga merupakan peminum samsu tetapi mereka memilih samsu yang dikeluarkan oleh kilang-kilang berlesen.<sup>36</sup> Perkara ini juga berdasarkan kepada faktor orang Cina yang menjadi pengeluar dan penjual samsu haram.

Oleh demikian mereka mengetahui kebersihan dan kualiti minuman samsu haram tersebut yang menyebabkan mereka membeli samsu yang dikeluarkan oleh kilang-kilang berlesen. Golongan wanita terjebak dengan minuman samsu ini disebabkan oleh hasutan dan janji yang telah diberikan oleh penjual samsu yang menyatakan samsu baik kepada tubuh badan, membanyakkan susu badan buat para ibu mengandung serta sebagai agen awet muda. Samsu tulen yang bebas daripada sebarang unsur campuran berbahaya mengandungi D-glukosa, etil D-glukosa, gliserol, asid organik dan asid amino berfungsi sebagai agen yang berkesan untuk pencegahan dan rawatan penuaan kulit yang disebabkan oleh pancaran UV.<sup>37</sup> Namun, majoriti samsu-samsu yang dihasilkan mengandungi bahan campuran yang berbahaya yang menyebabkan fungsinya sebagai agen anti-penuaan mulai tenggelam malahan mulai mendatangkan kemudaratan kepada sipeminum.

---

<sup>36</sup> Federated Malay States Report by W.D. Barron, Customs and Exercise Department, 1936.

<sup>37</sup> S.V. Law, F. Abu Bakar (et.al.), "Popular Fermented Foods and Beverages in Southeast Asia", *International Food Research Journal*, Vol. 18, Issue 2, hlm. 480.

## **Faktor-Faktor Pengambilan**

Pelbagai faktor dilihat menjadi penyebab pengambilan samsu oleh kalangan buruh terutama buruh India. Perbincangan yang berikutnya ini akan memberikan perhatian kepada pelbagai faktor tersebut. Jika diteliti, faktor-faktor tersebut bukan sahaja datangnya daripada tekanan hidup yang dialami oleh mereka, tetapi juga berkaitan dengan adanya sumber bekalan samsu yang mudah diperolehi sama ada samsu tulen mahupun samsu haram.

### **a) Tekanan Hidup dan Masalah Kemiskinan**

Tekanan hidup<sup>38</sup> yang dihadapi dan dirasakan oleh buruh-buruh India menyebabkan mereka mulai terjebak dengan minuman keras terutamanya todi dan samsu. Beranggapan bahawa alkohol dapat menyelesaikan semua masalah maka mereka mulai mengambil samsu dan minuman arak yang lain. Harga jualannya yang murah di mana buruh boleh membelinya dengan harga antara 4 - 10 sen menyebabkan samsu menjadi pilihan. Tekanan hidup yang dialami oleh buruh India ditambah pula dengan bebanan kerja di ladang telah menjadi pendorong paling kuat mereka mengambil samsu sebagai alat untuk mereka melupakan sebentar dunia nyata yang penuh dengan tekanan dan masalah. Setelah mengambil beberapa botol samsu mereka akan mulai mabuk dan tidak sedarkan diri dan melalui samsu juga mereka merasa dapat menyelesaikan segala masalah yang dihadapi dengan melupakannya walaupun hanya bersifat sementara.

Kemiskinan merupakan satu bencana besar terhadap kehidupan seseorang dan rata-rata buruh di Tanah Melayu hidup dalam serba kemiskinan dan kekurangan. Mereka perlu bekerja keras untuk menampung kehidupan seharian dan jumlah gaji yang diterima juga kecil berbanding dengan kerja teruk yang diterima. Hidup mereka dapat

---

<sup>38</sup> Tekanan dan kesempitan hidup menjadi punca utama kepada seseorang untuk mendekati minuman alkohol. Lihat Thomas F. A Plaut, *Alcohol Problems*, New York: Oxford University Press, 1967, hlm. 45.

diibaratkan sebagai 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' serta mereka perlu berjimat cermat dengan perbelanjaan harian. Keadaan ini sebenarnya telah memberi tekanan terhadap buruh India terutamanya golongan lelaki yang berusaha setiap hari untuk mengubah kehidupan mereka namun masih berada ditakuk yang sama. Buruh-buruh India melihat hanya arak, samsu dan todi dapat membantu mereka mengurangkan tekanan dan melupakan masalah mereka buat seketika. Oleh itu, samsu merupakan arak yang sangat sesuai diambil kerana harganya yang murah dan mudah untuk diperolehi berbanding minuman arak yang lain.

### **b) Kaedah Pengiklanan**

Mengapa buruh ladang India boleh tertarik dengan minuman samsu? Jawapan yang tepat selain daripada ianya mudah dan murah dijual di pasaran adalah disebabkan oleh kaedah pengiklanan yang digunakan oleh pihak penjual untuk mempromosikan minuman samsu kepada orang ramai. Penjual menggunakan kaedah pengiklanan yang menarik dengan mensasarkan kebaikan samsu kepada kesihatan lelaki dan perempuan. Kebaikan-kebaikan tersebut jelas dapat dilihat dilabel-label yang terdapat di setiap botol samsu. Antara kebaikan-kebaikan yang ditulis di setiap botol samsu adalah menyatakan bahawa ianya baik untuk kesihatan, dapat merawat penyakit reumatisme iaitu sejenis penyakit sakit sendi, merawat sakit-sakit badan, tekanan darah rendah dan juga baik untuk penghadaman.<sup>39</sup>

Selain itu, terdapat juga label di botol samsu yang menulis bahawa ianya baik untuk kegunaan orang tua, ibu-ibu yang menyusui dan juga bagus untuk mereka yang kurang selera makan.<sup>40</sup> Faktor kemiskinan yang dihadapi telah membataskan diri buruh-

---

<sup>39</sup> Mary Assunta, "Impact of Alcohol Consumption" dlm. Derek Rutherford, Andrew Mc Neill & Andrew Varley (ed.), *The Globe GAPA Bangkok Consultation: Alcohol in Asia*, hlm. 19. Lihat juga Aneel Karnani, *Fighting Poverty Together: Rethinking Strategies for Business, Government, And Civil Society to Reduce Poverty*, United States: Palgrave Macmillan, 2011, hlm. 98.

<sup>40</sup> Aneel Karnani, *Fighting Poverty Together: Rethinking Strategies for Business, Government, And Civil Society to Reduce Poverty*, hlm. 98. Lihat juga *Utusan Pengguna*, Jilid 6, Bil. 6, Jun 1984.

buruh India ini untuk mendapatkan pendidikan yang baik. Maka, mereka tidak dapat membezakan bahawa perkara tersebut adalah benar ataupun tidak yang menyebabkan mereka mempercayai segala yang dinyatakan di setiap botol samsu tersebut adalah betul. Perkara ini merupakan satu dakwaan yang hebat dan satu tipu muslihat yang sungguh licik oleh penjual demi memastikan penjualan samsu bertambah dan menguntungkan mereka. Oleh yang demikian, tidak hairanlah golongan wanita turut terjebak dalam pengambilan minuman samsu kesan terpengaruh dengan pembohongan label tersebut. Kanak-kanak pula terpengaruh dengan keadaan ibu bapa yang sering kali mabuk dan menyuruh anak-anak membeli samsu bagi pihak mereka. Keadaan ini telah menggalakkan lagi anak-anak untuk mencuba meminum samsu.

Selain itu, terdapat juga kanak-kanak yang turut bekerja di ladang serta melakukan aktiviti-aktiviti berat untuk membantu menambah pendapatan isi keluarga. Mereka mendapatkan samsu sebagai air penambah tenaga kerana harganya yang murah. Sedikit sebanyak peranan ibu bapa turut membawa pengaruh yang buruk terhadap pengambilan samsu dalam kalangan kanak-kanak. Selain itu, kanak-kanak mengambil samsu kerana kebanyakan mereka tidak bersekolah dan turut menjadi buruh di ladang. Demi memastikan mereka kekal bertenaga untuk bekerja, maka mereka mengambil samsu sebagai minuman penambah tenaga.

Terdapat minuman samsu yang dijual tanpa lesen di kedai-kedai runcit, kawasan ladang mahupun dijual dari rumah. Penjual samsu juga turut menggunakan pelbagai taktik jualan demi memastikan kelangsungan jualan samsu dan menggalakkan masyarakat tempatan meminum samsu. Keadaan ini, secara tidak langsung membawa keuntungan kepada mereka hasil daripada jualan tersebut. Terdapat juga pemilik-pemilik kedai todi yang turut sama menjual samsu. Konsep 'dua dalam satu' ini amat menguntungkan penjual-penjual todi dan samsu. Kaki minum juga boleh mendapatkan

todi dan samsu dengan lebih mudah kerana kebanyakannya dijual di seluruh kampung dan kedai-kedai runcit di ladang.

Adalah penting untuk meneliti dan memahami sebab musabab mengapa seseorang individu boleh terjebak dengan pengambilan samsu terutama sekali kepada buruh-buruh kelas bawahan. Tekanan dan ketegangan hidup sering dikaitkan dengan sebab utama seseorang individu itu bertindak mengambil samsu. Ditambah pula dengan beban kerja yang berat dan melelahkan membuatkan buruh-buruh bertindak mencari samsu agar dapat mencari ketenangan jiwa dan bebas dari pelbagai masalah. Samsu didapati telah dapat membantu peminum daripada masalah serius dan juga tekanan rutin kehidupan seharian. Mereka menganggap samsu sebagai ubat yang dapat menenangkan hati dan perasaan mereka daripada sebarang masalah yang timbul. Samsu seperti minuman keras yang lain membantu mereka melupakan masalah- masalah yang timbul seperti kenyataan penulis J.D Armstrong “*The dynamic functions of alcohol as discharging (or reducing) anxiety, guilt, shame, the narcotization of painful reality...*”.<sup>41</sup>

### **c) Akses yang mudah**

Harga samsu yang murah menyebabkan permintaan terhadap samsu sentiasa tinggi. Penduduk sentiasa berusaha untuk mendapatkan samsu walau dengan apa juga cara sama ada samsu tulen mahupun samsu haram. Samsu menjadi satu sumber kehidupan penting buat mereka tanpa menghiraukan kesan buruknya. Permintaan samsu tersebut menjadi pilihan di hati peminum samsu sehingga membuka peluang kepada pengilang-pengilang untuk mendirikan kilang memproses arak berhampiran dengan kawasan ladang, misalnya kilang The Nipah Distilleries of Malaya Ltd. dibina berdekatan dengan kawasan Nipah Palm Estate.<sup>42</sup> Kedudukannya yang strategik ini sebenarnya akan

---

<sup>41</sup> J .D. Armstrong, “Psychiatric Theories of Alcoholism”, *Canadian Psychiatric Association Journal*, Vol. 6, 1961, hlm. 140-148.

<sup>42</sup> Federated Malay States Report by W.D.Barron Customs and Exercise Department, 1936.

menarik lebih ramai buruh-buruh untuk membeli samsu keluaran kilang mereka. Selain itu, dapat dilihat juga rata-rata penghasilan samsu terutamanya samsu haram dijalankan di kawasan pendalaman dan berdekatan dengan sungai supaya dapat memudahkan proses memasak samsu.

#### **d) Penutupan kedai-kedai todi**

Penutupan kedai-kedai todi oleh British sebenarnya bertujuan untuk menyelesaikan isu permasalahan sosial termasuk mabuk dalam kalangan buruh India akibat daripada ketagihan mereka terhadap todi haram dan juga samsu. Pihak British bertindak menutup kedai-kedai todi di bawah seliaan dan kawalan kerajaan dalam usaha untuk mengekang dan mengurangkan jumlah penjualan dan pengambilan todi dan samsu. Ini bertujuan supaya pekerja-pekerja ladang yang mengambil minuman todi dapat memberi fokus terhadap pekerjaan dan kehidupan mereka.

Perkara ini juga merupakan salah satu usaha pihak pengurus estet dan Jabatan Buruh untuk menggalakkan lagi buruh-buruh India menyimpan wang simpanan serta mengurangkan tabiat kaki botol.<sup>43</sup> Todi dan samsu merupakan minuman yang telah menjejaskan reputasi kerja dan kehidupan pekerja-pekerja India kerana kebergantungan sepenuhnya buruh-buruh India terhadap minuman ini. Tanpa minuman ini, buruh-buruh tersebut dilihat tidak mampu untuk bekerja dan kelihatan tidak bermaya seperti mayat hidup. Perkara ini amat merisaukan pihak British kerana ianya akan memberi impak terhadap sektor perladangan dan perlombongan serta membawa kerugian kepada pihak mereka jika situasi tersebut semakin meruncing.

Oleh itu, jalan penyelesaian yang terbaik buat mereka adalah dengan menutup kedai-kedai todi supaya buruh-buruh India tidak lagi dapat menikmati minuman todi tersebut. Semua kedai todi yang tidak berlesen yang terdapat di Selangor telah

---

<sup>43</sup> S. Nanjundan, *Indians in Malayan Economy*, New Delhi: Manager of Publications, 1950, hlm. 31.



diarahkan tutup oleh pihak British agar buruh-buruh tidak lagi dapat membeli todi dan sedikit sebanyak dapat membantu buruh-buruh tersebut mengatasi penyakit ketagihan mereka. Walau bagaimanapun, penutupan kedai-kedai todi tersebut bukanlah satu langkah bijak yang diambil oleh pihak British seperti pepatah Melayu mengatakankan ‘kusangkakan panas di siang hari namun hujan di tengah hari’ kerana keadaan itu dilihat hanya dapat mengurangkan pengambilan todi tetapi tidak dapat mengubah tabiat kaki botol buruh-buruh.

Penutupan kedai-kedai todi langsung tidak menyelesaikan masalah sebaliknya telah menimbulkan pula satu masalah lain iaitu menyumbang kepada perkembangan perniagaan samsu dalam kalangan buruh India di ladang.<sup>44</sup> Penutupan kedai-kedai todi tersebut tidak memberi sebarang tekanan mahupun masalah kepada penjual-penjual todi untuk mendapatkan minuman todi kerana wujudnya transformasi terhadap penjualan samsu.<sup>45</sup> Minuman todi telah diganti dengan samsu iaitu minuman yang dilihat turut mendapat permintaan daripada buruh India serta memberi sumber lumayan kepada pemilik kedai todi. Mereka masih dapat mencari sumber pendapatan dengan menjual minuman samsu di kedai-kedai todi. Selain itu, buruh-buruh India ini turut mendapat bekalan samsu daripada penduduk kampung-kampung Cina berhampiran ladang.<sup>46</sup> Pertolongan ini tidak akan dapat mengatasi masalah ketagihan mereka malah mendorong buruh-buruh India ini untuk menjadi peminum tegar samsu.

Penutupan kedai-kedai todi telah membuka ruang dan peluang untuk pasaran baru buat samsu kerana tiadanya pesaing terdekat.<sup>47</sup> Minuman todi telah digantikan dengan samsu yang dilihat lebih murah, mudah diperoleh serta memberi kesan kemabukkan yang lebih baik kepada peminum. Pihak British seharusnya mengkaji

---

<sup>44</sup> Usha Mahajani, *The Role Of Indian Minorities in Burma and Malaya*, Westport: Greenwood Press Publishers, 1960, hlm. 211. Lihat juga *The Straits Times*, 24 Jun 1932.

<sup>45</sup> T. Marimutuhu, *The Illicit Samsu Problem in Malaysia*, dalam Seminar On Health, Food and Nutrition, pada 15-20 September 1979 di RECSAM, Gelugor, Penang, anjuran Consumers Association of Penang, hlm. 5.

<sup>46</sup> Annual Report of The Labour Department Coast District Selangor For The Year 1924, dalam Fail SUK SEL 1056/1927, hlm. 17-18.

<sup>47</sup> *The Straits Times*, 24 June 1932.

secara terperinci terlebih dahulu mengenai isu ini sebelum mengambil langkah menutup kedai-kedai tadi kerana ianya langsung tidak membantu tabiat kaki botol buruh-buruh malahan mendorong lagi mereka untuk mengambil minuman alkohol lain seperti samsu.

**e) Kurangnya penguatkuasaan polis dan kastam**

Usaha untuk menghapuskan samsu haram dilihat kurang berkesan apabila terdapat segelintir anggota polis dan kastam yang tidak amanah dalam menjalankan tanggungjawab mereka kerana telah menerima rasuah daripada penjual samsu. Penjual-penjual samsu sanggup melakukan apa sahaja demi memastikan kelangsungan penjualan samsu kepada penduduk tempatan. Mereka telah dibayar oleh penjual samsu sebanyak \$3 sebulan untuk memastikan kawasan penjualan samsu sentiasa 'bersih' daripada sebarang serbuan pihak polis.<sup>48</sup>

Sebarang urusan serbuan atau rondaan yang akan dilakukan oleh pihak polis akan dimaklumkan kepada penjual-penjual samsu terlebih dahulu. Wang yang diberikan kepada anggota polis tersebut adalah sebagai wang perlindungan buat mereka yang menjalankan operasi secara haram. Keadaan ini dilihat memburukkan imej anggota polis lain dan secara tidak langsung menyukarkan pihak polis dan kastam untuk memburu penjual-penjual samsu haram dan memusnahkan perniagaan mereka.

---

<sup>48</sup> Paul D. Wiebe & S. Mariappen, *Indian Malaysian The View from the Plantation*, New Delhi: Ramesh Jain for Manohar Publications, 1978, hlm. 41.

**f) Permintaan terhadap getah meningkat.<sup>49</sup>**

Permintaan terhadap getah di pasaran menyebabkan permintaan terhadap buruh juga turut meningkat. Oleh itu, keadaan ini telah membuka lebih banyak peluang kepada buruh-buruh India untuk datang ke Tanah Melayu. Situasi ini menggembirakan hati pihak British kerana industri perladangan akan berkembang lagi dan menambahkan pendapatan negeri. Secara tidak langsung permintaan terhadap minuman alkohol seperti samsu dan todi juga akan turut bertambah. Situasi ini dapat dilihat apabila berlakunya krisis getah pada tahun 1920 permintaan terhadap samsu juga turut menerima tempiasnya. Permintaan terhadap samsu berkurang dan ekoran daripada perkara ini menyebabkan banyak minuman samsu yang tidak terjual di kedai-kedai dan masih lagi disimpan di dalam gudang kastam seperti yang berlaku pada tahun 1920 sebanyak 200 kotak samsu yang disimpan di gudang kastam melebihi tempoh simpanan dan notis juga telah dikeluarkan oleh pihak kastam.

---

<sup>49</sup> SUK Kelantan 539/1913, Applies for the sole right to manufacture 'Samsu' *rice spirit* in Kelantan for 3 or 5 years on paying \$2,000 p.a. Rujuk surat daripada pegawai daerah Nibong Tebal kepada Penasihat British Kerajaan Kelantan bertarikh 22 Julai 1913.

**g) Peningkatan yuran kilang penyulingan.**

Pertambahan penjualan samsu haram semakin bertambah apabila berlakunya peningkatan yuran kilang penyulingan yang dikenakan terhadap pengusaha-pengusaha samsu. Keadaan ini dilihat menjejaskan permintaan terhadap samsu kerana pengusaha kilang terpaksa menaikkan harga jualan samsu di pasaran supaya mereka tidak mengalami kerugian apabila terpaksa menambah kos dalam penghasilan samsu. Kesan daripada peningkatan yuran lesen kilang penyulingan tersebut, maka pihak pengusaha telah menaikkan harga samsu demi menampung kos pengeluaran mereka. Walaupun terdapat peningkatan terhadap permintaan samsu namun mereka masih perlu berhadapan dengan situasi yang kurang baik iaitu menyebabkan kecenderungan kepada wujudnya lebih banyak penyuling-penyuling haram.<sup>50</sup>

Peningkatan yuran lesen dilihat turut meningkatkan kos penghasilan samsu dan pengusaha kilang terpaksa menaikkan harga jualan samsu sekiranya mereka tidak mahu mengalami kerugian dan terpaksa menutup premis. Keadaan ini menyukarkan hidup buruh-buruh India kerana mereka perlu mengeluarkan belanja yang lebih untuk membeli samsu. Kewujudan samsu haram merupakan pilihan mereka selain membeli samsu dari kedai-kedai berlesen kerana harga minumannya yang jauh lebih murah. Selain itu, mereka juga tidak perlu risau untuk mendapatkan stok samsu kerana boleh mendapatkannya pada bila-bila masa sahaja.

---

<sup>50</sup> SUK SEL 856/1933, Petition by the Samsu distillers in the Federated Malay States for a reduction in the licence fees. Rujuk surat daripada Stamford Raffles, Pesuruhjaya Kastam & Perdagangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu kepada Setiausaha Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bertarikh 28 November 1934.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, perbincangan bab ini mendapati bahawa penjualan samsu di Selangor terdiri daripada beberapa kategori. Pertama, penjualan samsu yang berlesen dan penjualan samsu haram. Bagi penjualan samsu yang berlesen, ia merupakan samsu yang sah disisi undang-undang. Ini bermaksud, pembuatan dan penjualannya tidak menyalahi undang-undang yang ada. Bagi samsu haram pula, ia merupakan samsu yang tidak mendapat kebenaran. Berbanding samsu haram, samsu berlesen mempunyai pelbagai kemudahan termasuklah gudang simpanan, kemudahan yang tidak diperolehi oleh pembuat samsu haram.

Kedua, terdapat beberapa kos bayaran sama ada bayaran atau cukai yang dikenakan kepada penjual samsu hingga menyebabkan harga samsu yang dijual juga lebih mahal jika dibandingkan dengan samsu haram. Penjualan samsu juga memerlukan seseorang itu mendapatkan lesen daripada pihak berkuasa. Mereka juga terikat dengan peraturan-peraturan yang tertentu termasuk bersedia menunjukkan lesen tersebut untuk pemeriksaan oleh pihak berkuasa. Sekiranya mereka melanggar sebarang syarat-syarat yang ada, lesen tersebut boleh ditarik semula. Cukai dan yuran juga telah dikenakan terhadap setiap samsu yang dihasilkan dan ini merupakan sumbangan kepada pendapatan negeri. Setiap cukai yang dikenakan juga adalah berbeza mengikut kepekatan alkohol yang dikandungi bagi setiap samsu. Penjualan samsu didalangi oleh orang Cina manakala orang India pula menjadi mangsa kepada ketagihan samsu. Keseluruhannya, perbincangan ini mendapati orang Cina merupakan golongan pelopor kepada pembuatan samsu terutamanya pembuatan samsu haram. Orang India yang tidak mempunyai kerja pula menjadi kuli-kuli kepada tauke Cina untuk membuat samsu.

Selain itu, bab ini juga menunjukkan bahawa kemiskinan merupakan faktor penting yang menyebabkan buruh-buruh terjebak dengan pengambilan samsu terutamanya pengambilan samsu haram. Kehidupan serba kedaifan serta pendapatan yang kecil menyukarkan mereka untuk mendapatkan minuman alkohol yang lebih baik daripada samsu. Mereka hanya dapat membeli alkohol yang berkualiti tinggi pada setiap awal bulan sahaja iaitu setelah mendapat gaji namun selepas itu mereka akan kembali kepada samsu. Samsu telah menjadi satu keperluan dalam kehidupan buruh-buruh selain daripada makanan, pakaian, pendidikan dan sebagainya. Beban kerja yang membebaskan diri buruh mendesak mereka untuk mendapatkan minuman penambah tenaga untuk mengekalkan daya ketahanan mereka. Kesannya, buruh-buruh telah menjadi ketagih terhadap samsu apabila sering kali meminumnya. Keadaan ini juga disebabkan oleh kandungan alkohol yang tinggi dalam kepekatan samsu yang menyebabkan sesiapa meminumnya akan cepat mabuk.

Dasar yang dipegang oleh British untuk menghapuskan todi sedikit sebanyak telah mendorong buruh-buruh beralih kepada samsu. Ketagihan yang kuat terhadap alkohol menyukarkan mereka untuk berhenti minum dan solusinya adalah dengan mencari minuman alkohol yang lain. Samsu mendapat sambutan dalam kalangan buruh kerana harganya yang murah serta mudah untuk diperolehi. Peningkatan yuran kilang menyebabkan pertumbuhan pembuatan samsu haram telah meningkat. Keadaan ini telah menaikkan harga minuman alkohol yang diimport ke Selangor dan ini termasuklah samsu. Melihat keadaan ini maka pembuat samsu mengambil peluang yang sedia ada untuk mengembangkan lagi perniagaan samsu haram. Kelonggaran kawalan terhadap pembasmian samsu haram juga menyukarkan lagi keadaan kerana tidak dapat menangani isu ini yang menyebabkan buruh-buruh begitu mudah untuk mendapatkan samsu.

## BAB 5

### KESAN PENGAMBILAN SAMSU

#### Pengenalan

Bab ini akan memberi perhatian kepada kesan yang timbul daripada pengambilan samsu. Aspek ini sangat penting untuk diteliti kerana ia mempengaruhi kehidupan golongan yang terlibat mengambil samsu di Selangor, terutamanya dalam kalangan buruh India. Antara kesan paling penting ialah aspek kesihatan. Secara umum, pengambilan samsu dalam kuantiti yang sedikit pada peringkat awal dianggap dan dipercayai tidak membahayakan kesihatan seseorang. Kesihatan hanya akan terjejas jika diambil secara berulang-ulang dan berterusan. Lebih banyak dan kerap samsu diminum, lebih besar kesannya kepada peminum. Samsu menjadi tumpuan golongan buruh kerana cara penyediaannya yang mudah serta kos pengeluaran yang rendah menyebabkan samsu boleh dibeli pada harga yang murah.

Pengambilan samsu akan membawa kepada ketagihan serta turut membawa pelbagai kesan lain seperti mabuk, kematian, buta, beri-beri, keruntuhan sosial dan jenayah. Dalam keadaan ini samsu seringkali dilihat telah meragut keamanan dalam sesebuah institusi keluarga dan menyumbang kepada keruntuhan asas sosial kehidupan bermasyarakat. Samsu telah memberi kesan yang buruk terhadap individu yang mengambil samsu malah menjatuhkan imej buruh-buruh India di mata masyarakat yang lain. Pengambilan samsu berhubung kait dengan pelbagai kesan sama ada terhadap diri peminum, keadaan sekeliling peminum mahupun seluruh institusi sosial.

Dari sudut yang lain, kewujudan samsu turut membawa kesan besar terhadap sumber pendapatan kerajaan negeri. Ini kerana, setiap aktiviti samsu sama ada pembuatan, penyimpanan mahupun penjualan akan dikenakan bayaran, lesen dan cukai. Malah, bagi mereka yang ditangkap kerana terlibat dalam aktiviti samsu haram, mereka bukan sahaja akan dikenakan hukuman berbentuk penjara malah turut dikenakan bayaran denda yang juga menjadi antara pendapatan kerajaan. Ini bermakna, seluruh bayaran ini akan dimasukkan ke dalam kantung pendapatan kerajaan negeri. Selain itu, dari sudut strategi juga, pengambilan samsu terutama oleh kalangan buruh India menjadi antara alat yang penting dalam memastikan kalangan buruh ini kekal berada di ladang.<sup>1</sup>

### **Kesan Ekonomi: Samsu Sebagai Punca Pendapatan Kerajaan**

Salah satu kesan yang ketara mengenai kewujudan samsu di negeri Selangor ialah ia menjadi sumber atau punca pendapatan kerajaan negeri. Meskipun pengambilan bahan beralkohol seperti samsu sememangnya membawa kesan buruk, namun, ia juga turut membawa kesan tersendiri kepada kerajaan kerana dapat menambah pendapatan negeri berdasarkan jumlah cukai dan juga denda yang telah dikenakan terhadap pengimport, pemajak masak samsu serta pembekal-pembekal samsu haram. Cukai-cukai dan denda yang dikenakan akan dimasukkan di bawah pendapatan negeri. Jumlah denda yang dikenakan ke atas setiap kesalahan walaupun kecil, namun jika dihitung bagi tempoh jangka panjang, jumlahnya adalah sangat signifikan. Senarai dalam Jadual 12

---

<sup>1</sup> Hal yang sama sebenarnya turut dilihat dalam sejarah todi di Tanah Melayu apabila todi bukan sahaja menjadi tarikan *pull-factor* kepada buruh India untuk bekerja di ladang, tetapi juga untuk mengekalkan mereka bekerja di ladang. Kedai todi turut menjual samsu dan “kemudahan” ini menjadi sangat penting dalam aktiviti perladangan di Tanah Melayu. Buruh terutama yang telah mengambil todi dan samsu akan lebih memilih bekerja di ladang yang mempunyai kemudahan tersebut. Lihat Parameswari Krishnan (et.al.), “The History of Toddy Drinking and Its Effects on Indian Labourers in Colonial Malaya, 1900-1957”, *Asian Journal of Social Sciences*, Vol. 42, 2014, hlm. 331-332.



menunjukkan jumlah bayaran denda yang dibayar oleh pesalah samsu di Selangor antara tahun 1913 hingga 1918.

**Jadual 12: Jumlah Bayaran Denda Yang Dibayar Oleh Pesalah Kes Samsu Haram bagi Tahun 1913 hingga 1918.**

Tarikh	Nombor Kes	Denda (\$)
-	4755/11	\$100
-	4756/11	\$40
-	4806/11	\$40
-	4894/11	\$50
-	4895/11	\$50
10.12.13	8293/13	\$30
30.12.13	8790/13	\$75
29.1.14	802/14	\$50
17.6.16	5198-9/16	\$90
19.6.16	5256/16	\$50
19.6.16	5257/16	\$50
19.6.16	5258/16	\$250
5.4.16	2857/16	\$50
3.8.17	595/17	\$100
9.8.17	7046/17	\$75
22.8.17	666/17	\$200
17.3.18	111/18	\$75
1.6.18	4616/18	\$100
1.6.18	4617/18	\$50
12.6.18	4887/18	\$75
12.6.18	4888/18	\$25

Sumber: SUK SEL 5827/1911, SUK SEL 861/1914, SUK SEL 2614/1918, SUK SEL 2927/1918.

Berdasarkan jadual 12 ini, pesalah yang berjaya ditangkap ini dikenakan denda atas kesalahan sedang membuat samsu haram, mempunyai peralatan memasak samsu haram serta mempunyai samsu haram. Jumlah denda yang dikenakan terhadap pesalah-pesalah adalah antara \$25 hingga \$250. Bagi pesalah yang hanya melibatkan kesalahan kecil akan

dikenakan jumlah denda yang rendah namun, bagi pesalah yang didapati bersalah atas ketiga-tiga kesalahan dikenakan denda yang lebih tinggi. Antara kesalahan kecil yang dimaksudkan ialah mempunyai peralatan memasak samsu haram sementara kesalahan besar pula ialah pembuatan samsu dan menjualnya.

**Jadual 13: Jumlah Bayaran Cukai Terhadap Samsu Bagi Tahun 1911 dan 1912.**

<b>Bulan</b>	<b>Bayaran Cukai bagi tahun 1911</b>	<b>Bayaran Cukai bagi tahun 1912</b>
Januari	\$6,517	\$5,158
Februari	5,916	6,395
Mac	5,361	6,175
April	5,247	6,308
Mei	6,598	5,593
Jun	5,257	6,280
Julai	5,738	5,591
Ogos	7,476	6,352
September	6,702	5,262
Oktober	4,888	4,930
November	5,635	4,426
Disember	7,089	4,428
Jumlah	\$72,930	\$66,904

Sumber: SUK SEL 1031/1913, Annual Report on Customs and Excise Departments for 1912.

Jadual 13 di atas menunjukkan jumlah bayaran cukai terhadap samsu bagi tahun 1911 dan 1912. Jumlah cukai bagi tahun 1911 lebih tinggi daripada tahun 1912 iaitu perbezaan sebanyak \$12,026. Jumlah bayaran cukai bagi kedua-dua tahun menunjukkan pertambahan dan pengurangan yang tidak konsisten bagi setiap bulan. Melihat kepada jumlah denda yang diperolehi oleh pihak kerajaan ini didapati bahawa pihak British tidak pernah mencuba untuk menyelesaikan masalah samsu haram dengan lebih berkesan serta isu ini juga kurang berjaya diatasi. Tambahan pula, sikap pihak orang atasan dan setengah-setengah pihak

bawahan yang menerima duit suapan telah mengagalkan lagi misi untuk membanteras jenayah samsu haram.

Jualan samsu bukan sahaja telah menambah pendapatan negeri malah, turut membuka peluang pekerjaan kepada penduduk Selangor khususnya yang terlibat dalam syarikat membuat samsu serta syarikat yang mengimport samsu. Malah, jika diteliti lebih dalam, didapati wujudnya kalangan peniaga dan penjual samsu yang menjadikan perniagaan mereka sebagai sumber pendapatan. Ini bermakna, wujud satu bentuk rangkaian pekerjaan yang tidak putus melibatkan pembuatan dan penjualan samsu. Meskipun sukar dipastikan jumlah sebenar yang terlibat, namun ia menunjukkan bahawa samsu turut memberikan peluang pekerjaan kepada mereka yang terlibat. Malah jika aktiviti samsu haram turut diambil kira, maka, ia turut dilihat sebagai satu bentuk ‘pekerjaan’ kepada mereka yang terlibat.

Dalam keadaan ini, samsu yang sentiasa mendapat permintaan daripada kalangan buruh India secara tidak langsung telah menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka untuk menghasilkan samsu. Tenaga kerja mereka amat diperlukan untuk memasak samsu sehinggalah proses membungkus samsu. Majoriti dapat dilihat bahawa golongan yang terlibat dengan proses penghasilan dan penjualan samsu melibatkan buruh India. Keadaan ini dibukti berdasarkan daripada hasil tangkapan yang dilakukan oleh pihak penguasa kastam dan polis mendapati buruh India sebagai pekerja untuk menghasilkan samsu haram. Proses penghasilan yang ringkas dan mudah membolehkan mereka diterima oleh peniaga Cina untuk bekerja di kilang-kilang dan pusat penghasilan samsu.

## Kesan Terhadap Kesihatan

Perbincangan mengenai kesan pengambilan samsu terhadap kesihatan akan melibatkan aspek ketagihan dan kematian. Harga samsu yang murah berbanding minuman alkohol yang lain serta kehadiran samsu di persekitaran tempat tinggal kalangan buruh menjadi asas penting dalam melihat pengambilan samsu secara meluas dan tanpa had. Pengambilan samsu terutamanya samsu haram seperti yang telah dijelaskan sebelum ini membawa kesan besar sama ada kepada individu tersebut mahupun kepada persekitarannya, ahli keluarga dan anggota masyarakat secara keseluruhannya. Dalam keadaan ini, pengambilan samsu secara berterusan dan tanpa kawalan akan memberi kesan langsung kepada individu tersebut terutamanya dari sudut kesihatan. Pengambilan alkohol akan menyebabkan seseorang itu terdedah kepada penyakit "*cirrhosis of the liver, damages other organs, including the brain and heart, and may contribute to cancer of the esophagus*".<sup>2</sup> Antara aspek yang paling asas apabila menyebut mengenai kesan pengambilan samsu adalah masalah ketagihan.

Perlu disebut disini, ketagihan terhadap alkohol dan dalam kes perbincangan ini, ketagihan terhadap samsu merupakan satu bentuk penyakit. Malah ketagihan terhadap alkohol yang membawa kepada idea mengenai alkoholisme merupakan satu perkara yang perlu dilihat sebagai "*...as a serious threat to the economic and moral order*".<sup>3</sup> Menurut *The New Webster's International Encyclopedia*, ketagihan terhadap alkohol atau "*alcoholism*" adalah "*chronic illness marked by compulsive drinking of alcohol, leading to physical and psychological addiction*".<sup>4</sup> Menyebut lebih lanjut mengenai hal ini, Maryon

---

<sup>2</sup> Michael D. Harkavy (ed-in chief), *The New Webster's International Encyclopedia*, Canada: D. S. Max, 1996, hlm. 32.

<sup>3</sup> Maryon McDonald (ed.), *Gender, Drink and Drugs*, Oxford: Berg, 1997, hlm. 2.

<sup>4</sup> Michael D. Harkavy (ed-in chief), *The New Webster's International Encyclopedia*, hlm. 32.

McDonald dalam bahagian “*introduction*” buku bertajuk *Gender, Drink and Drugs* ada mengatakan bahawa,

Human beings afflicted with the disease of habitual drunkenness behaved as they did because they could not do otherwise. The ‘scientific’ understanding also produced the term ‘alcoholism’, used from the mid-nineteenth century onwards as a general name for the disease which alcohol produced, and it became linked with new notions of ‘psychosis’ in psychiatry’s developing taxonomies. ‘Alcoholism’ became, for some, an important paradigm of mental illness. Its credibility was sustained by the important invention, in the nineteenth century, of the notion of ‘addiction’... ‘Addicts’ were supposed to have disease of the will, unable to control themselves, experiencing a ‘craving for alcohol’.<sup>5</sup>

Pengambilan sebarang minuman alkohol seperti samsu dalam kuantiti yang banyak sememangnya memberi kesan ketagihan, mahupun mabuk hingga tidak mampu mengawal pelakuan dan perbuatan. Pengambilan samsu dalam kuantiti yang banyak dan berulang-ulang pula boleh membahayakan kesihatan. Keadaan ini dilihat menjadi bertambah buruk apabila wujudnya minuman samsu yang dicampur dengan bahan merbahaya lain. Kewujudan kedai-kedai yang menjual samsu di sekitar tempat tinggal penduduk juga mewujudkan satu peluang kepada penduduk untuk mendapatkan dan membeli samsu tanpa mengira batas waktu. Mereka menjadi ketagih terhadap samsu sehingga tidak menghiraukan keadaan sekeliling, mengenai masa depan apatah lagi hal yang berkaitan dengan ahli keluarga sendiri.

Kalangan buruh di kawasan perladangan dan perlombongan menerima gaji yang rendah dan mereka hidup dalam serba kemiskinan. Buruh-buruh secara umumnya didapati menggunakan hampir keseluruhan pendapatan mereka untuk membeli minuman samsu kerana menganggap ia sebagai minuman yang dapat membekalkan tenaga tambahan.

---

<sup>5</sup> Maryon McDonald (ed.), *Gender, Drink and Drugs*, hlm. 2.

Ekoran kerja-kerja di ladang bersifat fizikal, menyebabkan mereka memerlukan tenaga yang lebih dan mereka perolehinya daripada samsu. Samsu juga menjadi minuman penting agar mereka sentiasa berada dalam keadaan yang cergas dan tidak mudah letih atau jatuh sakit.<sup>6</sup> Samsu menjadi salah satu penawar sekiranya mereka jatuh sakit kerana mereka tidak mampu untuk mendapatkan rawatan kesihatan yang lebih baik. Kemiskinan menyebabkan mereka tidak mampu untuk membeli atau mendapatkan rawatan daripada doktor. Selain itu, sekiranya mereka jatuh sakit buruh-buruh ini juga tidak dapat bekerja dan secara langsung menjejaskan sumber pendapatan mereka yang majoritinya menerima pendapatan secara harian daripada majikan masing-masing. Malahan, mereka juga khuatir jika tidak mempunyai pendapatan, mereka tidak akan dapat membeli samsu yang menjadi minuman wajib bagi mereka setelah penat bekerja di kawasan perladangan dan perlombongan.

Dalam aspek kesihatan, kesan pengambilan samsu dapat dilihat dalam jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang. Kesan jangka pendek membabitkan pengambilan samsu dalam kuantiti yang kecil seperti kurang satu botol besar minuman samsu. Pengambilan dalam jumlah ini boleh menyebabkan seseorang itu mengalami kurangnya daya koordinasi seperti tidak boleh berjalan dengan lurus dan betul serta tidak dapat membuka pintu. Keadaan ini kebiasaannya dianggap sebagai mabuk dan *hangover*.<sup>7</sup> Selepas peminum mengalami *hangover* kesan meminum samsu sekali-sekala, badan akan pulih seperti sediakala tetapi sekiranya mereka kerap mengambil dalam kuantiti yang banyak ia akan memberi kesan yang berkekalan kepada tubuh badan seseorang.

---

<sup>6</sup> Azharuddin Mohamed Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2012. hlm. 229.

<sup>7</sup> *Hangover* adalah keadaan peminum arak yang berasa hendak muntah, sakit kepala dan keadaan pada umumnya mengalami perasaan yang tidak selesa serta mengeletar selama 8-12 jam kemudian. Lihat Brian R Ward, *Penyalahgunaan Alkohol*, Zainariah Wahab (penterjemah), Selangor: Pan Earth Sdn. Bhd., 1993, hlm. 38. Lihat juga SUK Kelantan 539/1913, Applies for the role right to manufacture 'Samsu' rice spirit in Kelantan for 3 or 5 years on paying \$2,000 p.a., surat daripada pegawai daerah Nibong Tebal kepada Penasihat British Kerajaan Kelantan, 22 Julai 1913. Lihat juga <http://www.imedik.org/tag/samsu/>

**Jadual 14: Kesan terhadap tubuh badan manusia daripada kandungan alcohol.**

Tahap kandungan alcohol dalam darah (mg/100ml)	Kesan
20	Keupayaan untuk bergaul meningkat
30	Perasaan kegirangan
50	Penyelarasan fizikal dan otot menurun
80	Hilang pertimbangan badan, visi dan sebutan tidak jelas
100	Kehilangan penyelarasan otot
300	Mengantuk dan muntah-muntah
400	Koma, tidak sedar dan amnesia
500	Sesak nafas (sukar bernafas) dan meninggal dunia

Sumber: <http://www.kimhunter.blogspot.com/2010/08/siklus-alkohol-dalam-tubuh.html> diakses pada 16 Oktober 2018. Lihat juga <https://www.slideshare.net/abunajat/kesan-alkohol> diakses pada 16 Oktober 2018.

**Gambar 7: Kandungan alcohol mengikut saiz gelas dan cawan dalam ukuran ml.**



Sumber: <http://www.imedik.org/tag/samsu/> diakses pada 1 Julai 2018.

Berdasarkan jadual 1 tersebut menunjukkan kesan pengambilan minuman alcohol terhadap tubuh badan manusia berdasarkan kepada tahap kandungan alcohol dalam darah. Kandungan alcohol yang rendah iaitu dalam anggaran 20 ml hingga 80 ml peminum mengalami hilang pertimbangan diri dan dilihat tidak memberi kesan yang teruk terhadap diri peminum. Keadaan ini dianggap biasa oleh sesiapa sahaja yang mengambil alcohol kerana setelah mendapat rehat yang cukup kesan kemabukkan itu akan hilang dan mereka

akan pulih seperti sedia kala. Dalam keadaan ini, jumlah alkohol yang tinggi dalam samsu turut mempengaruhi kesan kepada peminum.

Namun sekiranya seseorang mengambil kuantiti yang lebih daripada 300 ml ianya mula menunjukkan perubahan terhadap diri peminum yang akhirnya boleh menjejaskan taraf kesihatan peminum serta meragut nyawa mereka. Apabila peminum mengambil alkohol setiap hari dan di dalam kuantiti yang banyak maka kesan jangka panjang itu mula bertindak balas dengan lebih cepat yang akhirnya akan menjejaskan seluruh anggota badan peminum. Kesan jangka panjang daripada minuman alkohol ini juga juga boleh menyumbang kepada penyakit-penyakit berbahaya seperti kanser usus dan kanser hati.

Bagi buruh-buruh India selain tadi, samsu merupakan minuman alkohol yang mampu untuk diperolehi kerana minuman alkohol lain yang dilihat lebih mahal harganya. Dengan jumlah pendapatan yang kecil, buruh-buruh ini perlu bijak membelanjakan wang mereka untuk perbelanjaan harian dan juga membeli minuman alkohol. Setelah tamat waktu bekerja, buruh-buruh ini akan mendapatkan samsu di gerai-gerai dan juga di kedai tadi di kawasan ladang. Dengan melupakan untuk seketika segala kepenatan dan masalah yang ada. Keadaan ini berlarutan setiap hari dan akhirnya akan menjejaskan kesihatan mereka seperti mendapat penyakit-penyakit yang serius. Pengambilan samsu merupakan satu bentuk "*escapism*" kepada kalangan buruh ini.

Pengambilan samsu juga boleh membawa kematian kepada peminum. Dalam jangka panjang pula pengambilan samsu meracuni aliran darah dan anggota badan peminum dan membunuhnya secara perlahan-lahan. Pada permulaannya, pengambilan samsu digunakan untuk membantu memanaskan badan, tetapi jika diambil dalam kuantiti



yang banyak ia akan merosakkan sistem tubuh manusia.<sup>8</sup> Minuman samsu terutama samsu haram mengandungi tahap kandungan racun yang tinggi yang dapat memusnahkan organ-organ penting dalam tubuh badan manusia seperti paru-paru, hati (penyakit sirosis hati),<sup>9</sup> buah pinggang dan juga jantung.<sup>10</sup>

Selain itu, penggunaan perkakas yang tidak bersih juga mengundang kepada penghasilan samsu yang merbahaya. Perkakas yang digunakan tidak diselenggara dengan baik dan didapati turut berkarat yang menyebabkan wujudnya campuran dengan samsu yang sedang disuling. Misalnya, seperti sampel yang diambil untuk diperiksa pada tahun 1930 telah mendapati wujudnya campuran tembaga di dalam minuman tersebut. Sebanyak 32 sampel yang diambil daripada 92 sampel mendapati wujudnya lebih tembaga di dalam minuman tersebut. Kehadiran tembaga tersebut dipercayai berasal daripada cacing dan tong berkarat yang digunakan untuk menyuling samsu.<sup>11</sup> Pemeriksaan biasa secara berkala juga menjumpai unsur plumbum di dalam minuman samsu yang membahayakan kesihatan.<sup>12</sup> Sample samsu tersebut mendapati terdapatnya kandungan plumbum dalam minuman samsu tersebut yang membahayakan kesihatan peminum.

Unsur plumbum ini didapati berpunca daripada tong-tong yang digunakan untuk memasak samsu. Terdapat sesetengah tong yang digunakan untuk memasak samsu diselaputi plumbum dibahagian keliling badan tong serta dibahagian muncung paip yang digunakan untuk proses penyulingan. Ketika menyuling samsu, proses pemeluwapan telah berlaku maka, keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan berlakunya campuran samsu bersama plumbum daripada tong yang digunakan. Selain itu, tong-tong plumbum ini juga

---

<sup>8</sup> Rupert Wilkinson, *The Prevention of Drinking Problems*, New York: Oxford University Press, 1970, hlm. 220.

<sup>9</sup> *The Sun*, 15 Oktober 2010.

<sup>10</sup> Lihat nota kaki 3 dalam T. Marimutuhu, "The Illicit Samsu Problem in Malaysia", dalam Seminar On Health, Food and Nutrition, pada 15-20 September 1979 di RECSAM, Gelugor, Penang, anjuran Consumers Association of Penang, hlm. 2.

<sup>11</sup> Straits Settlements: Report of The Government Analyst For The Year 1930, hlm. 812.

<sup>12</sup> Straits Settlements: Report of The Government Analyst For The Year 1935, hlm. 550.

digunakan sebagai tempat simpanan air yang akan digunakan untuk membasuh beras serta memasak samsu. Tong-tong plumbum ini berfungsi sebagai kolam-kolam konkrit khas untuk menyimpan air.<sup>13</sup> Sikap segelintir pengusaha yang langsung tidak mementingkan aspek kebersihan dalam proses pembuatan samsu dengan mengabaikan sahaja penggunaan tong-tong yang berkarat seperti gambar 8. Malah, terdapat juga cacing-cacing yang wujud dalam beras yang ditapai serta hampir masam.

**Gambar 8: Tong Plumbum yang Digunakan untuk Memasak Samsu**



Sumber: Online National Archieves of Singapore diakses pada 25/5/2015.

Selain itu, terdapat samsu yang dihasilkan dengan campuran alkohol metil yang bertujuan untuk menambahkan tahap peratusan alkohol yang secara langsung menyebabkan tahap keracunannya telah meningkat.<sup>14</sup> Campuran alkohol metil dengan minuman samsu boleh membawa kepada kematian.<sup>15</sup> Peminum samsu juga merasa mabuk dan muntah-muntah

---

<sup>13</sup> *Berita Harian*, 31 Ogos 1973.

<sup>14</sup> T. Marimutuhu, "The Illicit Samsu Problem in Malaysia", hlm. 1.

<sup>15</sup> *The Star National Daily*, 28 Januari 1977.

setelah meminum samsu.<sup>16</sup> Sesetengah daripada kes ini adalah sangat serius. Selain itu, kandungan alkohol yang tinggi juga akan memberi kesan teruk kepada peminum tegar seperti menderita kerosakkan hati yang mengundang kepada mereka muntah darah dan mengalami diarrhea (cirit-birit).<sup>17</sup> Bagi kanak-kanak yang mengambil samsu pula akan terdedah kepada risiko menghadapi radang otak, koma dan seterusnya meninggal secara mengejut.<sup>18</sup> Kebiasaannya alkohol metil diperolehi daripada metana dan digunakan sebagai pelarut dan bahan api.<sup>19</sup>

Selain menyebabkan peminum menghadapi penyakit kronik berkaitan dengan salur darah jantung, samsu turut mengundang berlakunya serangan jantung.<sup>20</sup> Ianya boleh memberhentikan sistem peredaran darah dan melumpuhkan sistem otot manusia seterusnya membawa maut kesan daripada toksik terhadap otot-otot jantung. Samsu merupakan bahan toksik kepada jantung yang menyebabkan berlakunya kardiomiopati, iaitu jantung menjadi lemah dan tidak berupaya menjalankan fungsinya yang menyebabkan berlakunya serangan jantung dan akhirnya membawa maut.<sup>21</sup>

Selain itu, pengambilan samsu juga boleh menjejaskan sistem penglihatan sehingga peminum menjadi buta (atrofi optik).<sup>22</sup> Kandungan metil alkohol di dalam samsu dioksidakan di dalam tubuh untuk membentuk *formaldehid*<sup>23</sup> dan *asid formik*.<sup>24</sup> Kesan keracunan berlaku akibat daripada keluaran racun yang terkandung, terutamanya

---

<sup>16</sup> *Utusan Malaysia*, 27 Januari 1977.

<sup>17</sup> *The Star Online*, 5 Mac 2011.

<sup>18</sup> *Ibid.*

<sup>19</sup> Brian R Ward, *Penyalahgunaan Alkohol*, Zainariah Wahab (penterjemah), Selangor: Pan Earth Sdn. Bhd., 1993, hlm. 26.

<sup>20</sup> *Who Global Status Report on Alcohol 2004*, World Health Organization Department of Mental Health and Substances Abuse Geneva, 2004, hlm. 36.

<sup>21</sup> L. Segel (et.al.), "Alcohol and the Heart", *Medical Clinics N. Am.*, Vol. 68, No 1, 1984, hlm. 147-162.

<sup>22</sup> *Alkohol Memusnahkan Anda dan Keluarga Anda*, Persatuan Pengguna Pulau Pinang. Lihat juga nota kaki 4 dalam T. Marimutuhu, "The Illicit Samsu Problem in Malaysia", hlm. 2.

<sup>23</sup> Formaldehid digunakan untuk membasmi bakteria dan sering digunakan sebagai disinfektan dan juga bahan pengawet. Formaldehid juga digunakan sebagai bahan pengawet dalam vaksinasi, mematikan bakteria serta mengawet bangkai untuk tempoh sementara. Dalam industri pula, formaldehid kebanyakan digunakan dalam pembuatan polimer dan bahan kimia. Rujuk <http://bkimia.blogspot.com/2008/05/kegunaan-formaldehid.html> diakses pada 16 Oktober 2018.

<sup>24</sup> *Utusan Pengguna*, Jilid 6, Bil. 6, Jun 1984.

formaldehid yang bertindak meracun sel-sel di dalam tubuh badan manusia termasuklah retina dan saraf optik manusia. Gangguan penglihatan juga bertambah teruk serta menjadi kabur dan risiko untuk menjadi buta adalah tinggi.<sup>25</sup>

Selain daripada kesan-kesan yang disebutkan, pembuatan dan pengambilan samsu turut didapati menyumbang kepada penyakit beri-beri atau nama saintifiknya adalah *polyneuritis*. Penyakit beri-beri merupakan sejenis penyakit yang disebabkan oleh kekurangan vitamin B1 (tiamin) dalam diet makanan dan peminum samsu tidak terkecuali.<sup>26</sup> Beri-beri merupakan sejenis penyakit kekurangan Vitamin B1 yang lumrahnya terdapat dalam kalangan peminum arak.<sup>27</sup> Kekurangan vitamin B1 dikesan dalam kalangan penduduk yang menjadikan bijirin sebagai makanan asasi seperti beras dan gandum yang diproses dengan mesin.<sup>28</sup> Penyakit beri-beri dikenalpasti di Selangor mulai tahun 1883.<sup>29</sup> Pada tahun 1888, penyakit beri-beri merupakan penyakit utama yang menyerang penduduk di Selangor, selain daripada penyakit disentari dan malaria.<sup>30</sup>

Terdapat pelbagai faktor penyebab yang dikaitkan dengan penyakit beri-beri antaranya parasit seperti *ankylostoma duodenale*, suhu rendah dan kelembapan yang tinggi, serta penyakit berjangkit.<sup>31</sup> Selain itu, penyakit beri-beri juga turut dikaitkan dengan pemakanan beras Siam/ beras putih yang beracun.<sup>32</sup> Teori ini dipelopori oleh Dr. Braddon yang menyatakan bahawa beras yang dimakan menjadi punca berlakunya beri-beri. Pada tahun 1900, beliau mengemukakan hipotesis bahawa penyakit beri-beri disebabkan oleh

---

<sup>25</sup> Berdasarkan kepada kejadian yang berlaku pada 25 Januari 1981 di Lunas, Kulim Kedah seramai 86 orang telah dikejarkan ke hospital akibat minum samsu murah. Daripada jumlah tersebut seramai 32 orang disahkan meninggal dunia, 49 dimasukkan ke wad dan lima orang menjadi buta buat selama-lamanya. Lihat <http://www.imedik.org/tag/samsu/>

<sup>26</sup> Noraini Mohamed Hassan, *Penyakit Tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008, hlm. 29.

<sup>27</sup> R. Magjire, "Acute Dilation of the Heart Produced by Alcoholism", *British Medical Journal*, Vol. 1, No 1215, 1887.

<sup>28</sup> Noraini Mohamed Hassan, *Penyakit Tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*, hlm. 29.

<sup>29</sup> Annual Financial Report on the State of Selangor for the Year 1883, hlm. 56-57.

<sup>30</sup> Selangor Annual Report 1888, hlm. 17-18.

<sup>31</sup> Noraini Mohamed Hassan, *Penyakit Tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu*, hlm. 41-42.

<sup>32</sup> *Ibid.*, hlm. 42.

keracunan bijian (*grain-intoxication*). Hipotesis beliau ini dapat diteliti dalam beberapa penulisan beliau seperti '*On the Aetiology of Beri-beri*' dan '*Memorandum of the Probable Causation of Beri-beri through a Toxin Conveyed in Certain Forms of Rice*'. Teori ini bersandarkan kepada kehadiran sejenis racun yang terdapat dalam beras Siam yang boleh menyebabkan beri-beri.

Menurut Dr. Braddon, semakin lama beras disimpan, semakin tinggi kandungan racunnya. Dr. Braddon juga mengaitkan racun yang terdapat dalam beras Siam sebagai punca penyakit beri-beri. Walaupun dikritik hebat oleh beberapa orang tenaga perubatan yang lain antaranya Dr. H. A. Haviland, *District Surgeon*, Parit Buntar, Perak, Dr. Travers dan Dr. W. Gilmore Ellis, *Pesuruhjaya Singapore Lunatic Asylum*, beliau berpendapat beras Siam menjadi punca kepada penyakit tersebut. Satu uji kaji kimia terhadap sampel beras Siam dan beras India dilakukan oleh ahli kimia Institut Penyelidikan Perubatan untuk memastikan perbezaan kandungan kimia yang terdapat dalam setiap sampel berkenaan. Kajian kimia yang berterusan terhadap sampel-sampel ini menyakinkan penyelidik Institut Penyelidikan Perubatan untuk membuat hipotesis iaitu kekurangan nutrient dalam beras adalah penyebab beri-beri dan bukannya racun seperti yang diutarakan oleh Dr. Braddon.

Pada awal tahun 1910, Dr. Fraser dan Dr. Stanton telah membuat kesimpulan tentang punca beri-beri. Ia dikesan akibat kekurangan nutrient dalam beras putih yang dimesin. Kesimpulan yang dicapai ini telah memperkukuhkan hasil eksperimen awal yang dilakukan oleh Dr. Fraser dan Dr. Stanton pada tahun 1907. Salinan laporan mereka yang bertajuk '*On the Etiology of Beri-Beri*' telah diajukan kepada Kerajaan India, Kerajaan Burma, Setiausaha Kolonial Sri Lanka dan Setiausaha Kolonial Hong Kong serta Jawatankuasa Penasihat Tabung Penyelidikan Penyakit-Penyakit Tropika. Laporan tersebut

juga telah dibentangkan oleh Dr. Fraser dalam kongres dwitahunan pertama Far Eastern Association of Tropical Medicine di Manila, Filipina pada bulan Mac 1910, dan kongres kedua pada bulan Januari 1912.

Dari sudut kesihatan pengambilan berlebihan beras yang dimesin akan menyebabkan peningkatan penyakit beri-beri iaitu sejenis penyakit disebabkan oleh kekurangan Vitamin B1 yang terdapat di lapisan luar beras (lapisan *Aleurone*).<sup>33</sup> Ramai peminum-peminum tegar samsu yang mengalami penyakit ini. Bagaimanakah samsu dikaitkan dengan penyakit beri-beri? Perkara ini dapat dikaitkan dengan jenis beras yang digunakan untuk memasak samsu. Penggunaan jenis beras yang digunakan untuk memasak samsu menjadi penyumbang kepada penyakit beri-beri iaitu jika beras terlebih digiling digunakan untuk memasak samsu akan menyebabkan pelbagai zat-zat seperti protein, lemak, zat besi, mineral dan vitamin-vitamin lain hilang.<sup>34</sup>

Terdapat pelbagai jenis beras yang dijual di negeri Selangor sama ada diimport dari luar mahupun dihasilkan dalam Tanah Melayu. Kebiasaannya, terdapat tiga jenis beras yang diambil oleh penduduk Tanah Melayu iaitu beras yang di tumbuk di rumah, beras putih dan juga beras India. Beras yang di tumbuk di rumah adalah antah yang disimpan di dalam tong besar atau tempayan. Apabila beras diperlukan untuk memasak, antah di ambil kemudiannya di tumbuk serta di tampi oleh wanita-wanita kampung untuk mengeluarkan dan mengasingkan sekam. Beras putih pula, adalah beras yang di makan oleh pelombong Cina, dan orang Melayu terutama yang tinggal di bandar. Namun, terdapat beras putih yang di jual di kedai iaitu beras Siam dan beras Rangoon walaupun hakikatnya ianya bukanlah

---

<sup>33</sup> SUK KEDAH 3381/1357, Rice Mills in Kedah. Rujuk memorandum bertarikh 27.10.1357 atau 27.10.1938.

<sup>34</sup> *Ensiklopedia Umum*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius (Anggota IKAPI), 1973, hlm. 149.

beras yang diimport dari negara tersebut. Kebanyakan beras Siam ini diambil dari Sebarang Perai.

Padi dibawa ke kilang dan disitu ianya dikupas untuk membuang kulit melalui putaran kilang batu. Seterusnya, beras di bersihkan dengan geseran antara putaran batu dan kain kasa dawai atau melalui kaedah lain untuk membersihkan keseluruhan beras. Kaedah yang digunakan ini telah mengeluarkan keseluruhan daripada lapisan luar bijirin sehingga beras menjadi putih, bersih dan sangat cantik. Manakala beras India pula merupakan beras bukan berasal dari negara India tetapi telah melalui satu proses khas sebelum ia boleh dipasarkan kepada penduduk tempatan. Beras India dapat ditafsirkan berasal dari Sebarang Perai atau padi yang sama dengan padi yang dijual sebagai beras Siam dan Rangoon namun kaedah untuk menghasilkan beras tersebut adalah berbeza sedikit dengan beras Siam dan Rangoon. Dr. Braddon menyatakan beras India adalah beras 'penyembuh' atau lebih dikenali sebagai beras *parboiled*.

Beras *parboiled* menjadi penyelamat kepada penduduk di Tanah Melayu yang menderita penyakit beri-beri. Beras *parboiled* atau rebus merupakan beras yang diperoleh dengan pengolahan iaitu antah direndam untuk beberapa waktu (misalnya dalam tempoh 12 hingga 24 jam atau lebih lama lagi) dan air rendaman tersebut harus sering ditukar ganti. Setelah direndam, air dikeringkan melalui proses pengukusan pada suhu darjah tertentu atau di bawah terik cahaya matahari. Antah dipanaskan di dalam tong atau bekas besar di bawah nyalaan api yang perlahan sehingga kulit-kulitnya pecah dan terpisah daripada butir beras. Hanya dengan menggosok antah-antah tersebut di dalam tapak tangan, kulit-kulit sekam tersebut dapat ditanggal dengan begitu mudah.

Seterusnya, beras dihantar ke kilang untuk di tumbuk atau di bawa ke kilang yang mana proses yang sama dilaksanakan di kilang batu tetapi tidak di bersihkan oleh putaran batu dengan cepat seperti beras putih dibersihkan. Ketika pemprosesan beras, proses penggilapan akan menyebabkan lapisan luar daripada butir beras iaitu lapisan aleurone terhakis yang menyebabkan hilangnya sumber vitamin 1 dan yang lain. Penggunaan beras putih dalam proses memasak samsu telah menyumbang kepada penyakit beri-beri. Hal ini kerana, pembuat samsu rata-ratanya menggunakan beras putih untuk memasak samsu. Selain daripada harga beras putih yang murah, ia juga mudah untuk diperolehi berbanding dengan beras-beras yang lain.

### **Keruntuhan Institusi Rumah Tangga**

Dalam sesebuah perhubungan kekeluargaan, samsu menjadi punca berlakunya pertengkaran antara suami isteri, penderaan anak-anak, dan juga pemecatan pekerja. Pengambilan minuman samsu tanpa mengira masa memberi kesan kepada peminum. Pertengkaran kecil yang berlaku dalam keluarga juga turut mengundang masalah apabila ia bertukar menjadi masalah besar buat seisi keluarga apabila sering berlaku setiap hari. Dalam keadaan mabuk, peminum bertindak di luar kawalan. Keadaan yang lebih teruk adalah kepada isteri peminum yang dipukul oleh suami.

Sikap panas baran seorang bapa juga akan menimbulkan penderaan terhadap anak-anak. Gaji yang diperolehi peminum juga tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan seisi keluarga apabila sering menghabiskan wang membeli samsu. Jumlah gaji yang diterima juga dibayar berdasarkan jumlah hari bekerja. Mereka ibarat kais pagi makan pagi,



kais petang makan petang. Jika mereka tidak bekerja, maka mereka tidak akan mempunyai pendapatan bagi hari tersebut serta pada masa yang sama juga mereka tidak mempunyai tanah untuk diusahakan atau kerja-kerja sampingan yang lain untuk membantu menambahkan pendapatan harian mereka.

Keadaan ini boleh membawa kepada tabiat meminjam dan berhutang dengan orang lain yang akhirnya akan menjerat diri mereka sendiri kerana berhutang keliling pinggang. Buruh-buruh India ini sering kali berhutang dengan ceti, pekedai-pekedai kecil dan kedai pajak Cina<sup>35</sup> kerana jumlah gaji yang diperolehi telah digunakan untuk membeli samsu. Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh buruh-buruh di kawasan perlombongan dan perladangan adalah rendah. Kebanyakan buruh ini hidup dalam serba kemiskinan dan kedaifan. Misalnya pada tahun 1912, buruh yang bekerja di Estet Simpang Tiga, Jalan Bukit Cheraka selama 2695 hari dibayar gaji sebanyak \$737-\$85 sahaja. Ertinya mereka menerima purata sebanyak 27.02 sen untuk sehari bekerja di estet tersebut.<sup>36</sup> Di Estet Blackwater, Klang pula buruh-buruh yang berkerja selama 5088 ½ hari hanya dibayar sebanyak \$1597-\$82 dalam purata 27 hingga 35 sen sehari.<sup>37</sup>

**Jadual 15: Gaji Pengimpal dalam Sen pada tahun 1925.**

Daerah	Lelaki (umur)	Wanita (umur)	Kadar Bayaran Untuk Penoreh	Purata hari bekerja dalam sebulan	Kadar Purata Gaji Harian
Kuala Lumpur	30-36	25-30	35-40	21-27	33-44
Ulu Langat	30-40	25-30	35-40	19-28	34-42
Ulu Selangor	30-38	25-33	35-42	19-23.5	35-44

Sumber: SUK SEL 1031/1925, Labour department: inland District of Selangor Annual Report, hlm. 4.

<sup>35</sup> S. Nanjundan, *Indians in Malayan Economy*, New Delhi: Manager of Publications, 1950, hlm. 31.

<sup>36</sup> SUK SEL 4289/1912, Simpang Tiga-Kapar, Assistant Superintendent of Immigrants Inspection Report for 1912. Rujuk minit mesyuarat.

<sup>37</sup> SUK SEL 4295/1912, Blackwater Estate-Klang, Assistant Superintendent of Immigrants Inspection Report for 1912. Rujuk minit mesyuarat.

**Jadual 16: Jumlah Gaji dan Hari Bekerja yang Diambil Secara Rawak bagi Seluruh Negeri Selangor pada tahun 1925.**

<b>Daerah</b>	<b>Bulan</b>	<b>Purata Hari Bekerja</b>	<b>Purata Gaji Harian</b>
<b>Kuala Lumpur</b>			
1. Subang	Mei	24.54	36.69
2. Stratherlie	Februari	21.79	33.67
3. Bukit Hitam	Mac	18.27	34.74
4. Batu	April	20.96	34.95
5. Bukit Kiara	Mac	21.92	37.34
6. Hawthornden	November	27.32	44.76
<b>Ulu Langat</b>			
1. Serdang	Mac	25.11	35.18
2. Sydney	April	28.10	36.28
3. Rinching	September	27.52	34.84
4. Galloway	Februari	19.93	40.00
5. Broome	Januari	27.37	40.06
6. Madingley	Mei	23.00	37.25
<b>Ulu Selangor</b>			
1. Serendah	Mei	23.54	38.41
2. Bristol	Februari	23.31	37.64
3. Batang Kali	Mac	20.74	39.95
4. Sungai Tamu	Januari	21.72	44.62
5. Sungai Choh	Mac	19.92	35.39
6. Waterfall	Februari	20.47	35.22

Sumber: SUK SEL 1031/1925, hlm. 4.

Jadual 15 dan 16 diambil berdasarkan laporan pemeriksaan di ladang-ladang yang terdapat di daerah Kuala Lumpur, Ulu Langat dan Ulu Selangor. Buruh-buruh yang bekerja di ladang dan kilang dibayar gaji pada kadar 40-45 sen sehari. Buruh yang bekerja dengan Jabatan stesen keretapi dan pekerja awam dibayar sebanyak 34-40 sen sehari.<sup>38</sup> Pada tahun 1939, jumlah gaji yang diperolehi oleh buruh India sehari bagi lelaki adalah 50 sen manakala wanita pula 40 sen. Bagi mereka yang bekerja di ladang getah, ladang kelapa dan kelapa sawit pula dibayar sehari 45 sen bagi lelaki dan 35 sen bagi wanita. Jika mereka bekerja selama 9 jam, buruh-buruh ini akan dibayar sebanyak 20 sen sehari. Jika dihitung,

<sup>38</sup> SUK SEL 1031/1925, Labour Department: Inland District of Selangor Annual Report 1924, hlm. 5.

purata gaji yang diperolehi oleh buruh-buruh India sebulan adalah sebanyak \$12 bagi lelaki dan \$9 bagi wanita.<sup>39</sup> Dengan jumlah gaji yang kecil ini mereka tidak akan mampu untuk menampung perbelanjaan keluarga selama sebulan dan ditambah pula dengan pengambilan samsu yang diambil hingga memburukkan lagi tahap perbelanjaan harian mereka. Selain itu, jumlah purata kenaikan gaji juga adalah sangat rendah iaitu hanya dalam anggaran 20 sen sahaja dalam tempoh 10 tahun. Jumlah kenaikan gaji ini masih tidak dapat membantu golongan buruh-buruh kasar ini kerana harga samsu juga sentiasa meningkat mengikut pertambahan tahun.<sup>40</sup>

**Jadual 17: Kadar Upah Penoreh Getah dan Pekerja yang Merumput di Ladang Getah Selangor, 1924.**

Daerah	Kadar bagi Pekerja Merumput (sen)		Kadar bagi Penoreh Getah	Purata Bilangan Hari Bekerja dalam Sebulan	Purata Upah Harian
	Lelaki	Perempuan			
Kuala Lumpur	30-36	25-30	35-40	21-27	33-44
Ulu Langat	30-40	25-30	35-40	19-28	34-42
Ulu Selangor	30-38	25-33	35-42	19-23.5	35-44

Sumber: SUK SEL 1031/1925, Labour Department, Inland District of Selangor, Annual Report 1924, hlm.4.

Jadual ini menunjukkan kadar upah penoreh getah dan pekerja yang merumput di ladang getah di Selangor bagi tahun 1924 bagi kawasan Kuala Lumpur, Ulu Langat dan Ulu Selangor. Kadar upah yang diterima oleh buruh India bagi ketiga-tiga kawasan tersebut adalah dalam anggaran sebanyak 30 hingga 42 sen. Upah yang diterima oleh penoreh getah adalah lebih tinggi berbanding dengan pekerja lelaki dan perempuan yang merumput iaitu dalam kadar 35 hingga 42 sen berbanding 30 hingga 40 sen. Perbezaan ini adalah sebanyak 5 hingga 10 sen. Penerimaan kadar upah yang berbeza ini disebabkan oleh penoreh getah di

<sup>39</sup> Annual Report on the Social and Economic Progress of The People of Selangor for the year 1939, Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press, 1940, hlm. 31-32.

<sup>40</sup> SUK SEL 1031/1925, Labour Department: Inland District of Selangor Annual Report 1924, hlm. 4.

pilih daripada kalangan pekerja mahir sahaja manakala pekerja yang merumput tidak memerlukan kemahiran sebaliknya memperuntukkan penggunaan tenaga yang banyak dan hanya merupakan kerja sambilan.<sup>41</sup> Kadar upah penoreh dan pekerja ladang di Kuala Lumpur dan Ulu Langat juga berbeza dengan ladang di Ulu Selangor. Pekerja di ladang Ulu Selangor mendapat kadar upah yang lebih tinggi berbanding ladang di Kuala Lumpur dan Ulu Langat.

Bagi buruh lelaki normal, mereka mengambil sebanyak enam gantang beras untuk tempoh sebulan. Harga beras yang dijual dipasaran juga adalah berbeza-beza mengikut kualitinya. Terdapat beras yang dijual dengan harga yang mahal dan terdapat juga beras yang dijual pada harga yang murah seperti beras Rangan dijual pada harga 24 hingga 30 sen segantang. Pada tahun 1924, segantang beras dijual pada harga antara 46 hingga 52 sen, dan secara puratanya beras dijual pada harga 47 sen segantang.<sup>42</sup> Apabila dihitung jumlah perbelanjaan untuk membeli beras adalah sebanyak \$6.13 hingga \$7<sup>43</sup> dan jumlah ini tidak ditambah dengan perbelanjaan barangan asas yang lain.

Jumlah gaji yang kecil tidak dapat menampung perbelanjaan harian mereka dan ditambah pula dengan perbelanjaan untuk membeli samsu setiap hari. Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan kepada sesebuah keluarga dan mengundang kepada kemiskinan yang teruk.<sup>44</sup> Bagi buruh Cina pula, keadaan mereka dilihat lebih baik berbanding buruh India kerana mereka menerima upah yang lebih tinggi. Upah yang diperolehi di tapak perlombongan sehari adalah sebanyak 64 hingga 75 sen manakala di lombong-lombong kecil pula mereka dibayar sebanyak 35 hingga 40 sen. Walau

---

<sup>41</sup> Lai Ah Eng, *Peasants, Proletarians and Prostitutes a Preliminary Investigation into the Work of Chinese Women in Colonial Malaya*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 1986, hlm. 71.

<sup>42</sup> SUK SEL 1031/1925, Labour department: Inland District of Selangor Annual Report 1924.

<sup>43</sup> Ibid.

<sup>44</sup> SUK Kelantan 539/1913, Applies for the role right to manufacture 'Samsu' (rice spirit) in Kelantan for 3 or 5 years on paying \$2,000 p.a., surat daripada pegawai daerah Nibong Tebal kepada Penasihat British Kerajaan Kelantan, 22 Julai 1913.

bagaimanapun, kebajikan buruh-buruh Cina dilihat agak lebih baik dan terjaga oleh majikan mereka kerana mereka telah menyediakan rumah-rumah untuk buruh-buruh Cina ini.

Terdapat sesetengah buruh yang pada awal bulannya membelanjakan wang gaji mereka untuk membeli arak yang lebih mahal daripada samsu. Namun dipertengahan bulan, wang yang dimiliki semakin susut dan berkurang menyebabkan mereka akan kembali semula mengabdikan diri kepada samsu seperti yang dikatakan oleh Ariokasamy:

It is common for these estate labourers to buy hard liquor at the beginning of the month, when they receive their salary; to shift to the less expensive beer toward the middle of the month, when they have less money; and to end the month with cheap toddy or samsu. Many of the drinkers on these estates spend their entire income on alcohol. It is also common for them to take advances on their salary to buy liquor, resulting in virtual debt bondage.<sup>45</sup>

Kesan daripada kemabukkan ini juga turut menjejaskan reputasi kerja mereka setiap hari yang mengundang mereka dibuang kerja. Ekoran daripada dibuang kerja telah menyebabkan keluarga tersebut telah kehilangan sumber pendapatan keluarga yang utama. Beban akan menjadi lebih teruk apabila peminum jatuh sakit dan tidak dapat bekerja serta memerlukan rawatan perubatan. Kesan ini secara tidak langsung akan memberi kesan sampingan terhadap kesihatan peminum dan ahli keluarga lain yang hidup dalam keadaan tertekan dengan masalah kemiskinan. Anak-anak menjadi mangsa keadaan yang mana terdapat segelintir daripada mereka terpaksa berhenti sekolah kerana keluarga tidak mampu untuk menanggung perbelanjaan persekolahan.

Tambahan pula, mereka perlu bekerja menjadi buruh-buruh kasar di kawasan perladangan, pengilangan dan perlombongan demi mencari sesuap nasi menggantikan

---

<sup>45</sup>CV. Ariokasamy, "Malaysia", dlm. D. Health (ed.), *International Handbook on Alcohol and Culture*, Westport: Greenwood Press, 1995, hlm. 168-177.

tanggungjawab ketua keluarga yang hanyut dalam dunia alkohol misalnya buruh kanak-kanak perempuan anggaran umur 12 tahun hingga 20 tahun bekerja di kilang mancis dengan bayaran adalah mengikut kadar yang telah ditetapkan.<sup>46</sup> Kanak-kanak perlu menggalas tanggungjawab ketua keluarga dan melupakan persekolahan mereka. Kemiskinan yang melanda keluarga juga mengundang kepada berlakunya jenayah.

## **Jenayah**

Samsu juga turut menyumbang kepada berlakunya jenayah dalam kalangan peminum samsu. Peminum samsu bukan sahaja membawa masalah kepada diri dan ahli keluarganya malah turut mengganggu kehidupan jiran tetangga yang lain. Dalam keadaan mabuk dan tidak sedar menyebabkan mereka bertindak melakukan sesuatu yang berbahaya dan diluar kotak fikiran. Misalnyanya seperti dua orang petani berbangsa Cina telah diserang oleh empat orang buruh India di kebun sayur mereka di Kundung. Cubaan petani tersebut untuk menyelamatkan diri menyebabkan salah seorang daripada petani telah tercedera. Kejadian berlaku pada 24 April 1936, apabila keempat-empat orang buruh India tersebut pergi ke kebun sayur petani Cina tersebut untuk mendapatkan samsu.

Ekoran gagal untuk mendapatkan samsu, mereka telah bertindak memukul salah seorang daripada petani tersebut dengan menggunakan kayu dan batang tebu. Keadaan ini memperlihatkan samsu bukan sahaja menyumbang kepada berlakunya jenayah malah turut menjejaskan hubungan sosial antara masyarakat seperti kenyataan yang dikeluarkan oleh World Health Organization, alkohol menjejaskan kesihatan dan hubungan sosial.

---

<sup>46</sup> Federated Malay States Report By W.D.Barron Customs and Excise Department, 1936, hlm. 21.

“the individual’s consumption of alcohol exceeds the limits acceptable to his culture, when alcohol is consumed at times that are not deemed appropriate in that culture, or when the intake of alcohol becomes so great as to cause damage to the health of the drinker or impairment of his social relations.”<sup>47</sup>

Buruh-buruh juga sering menjadikan minuman alkohol yang disimpan di gudang sebagai sasaran mereka untuk mencuri dan ini termasuklah samsu. Mereka mengambil peluang bekerja di gudang untuk mencuri kerana keadaan gudang yang sesak dengan pelbagai barang menyukarkan kegiatan mereka diketahui oleh orang lain seperti kecurian yang sering kali berlaku di gudang Port Swettenham.<sup>48</sup>

Menurut penyelia kastam Port Swettenham pada tahun 1916 beliau menyatakan bahawa sering kali kecurian terhadap samsu yang disimpan di gudang Port Swettenham berlaku, kerana kesesakan pelbagai barang di gudang menyukarkan pegawai kastam untuk mengesan berlakunya kecurian atau tidak sehingga dimaklumkan oleh pemilik samsu tersebut. Kes kecurian lain adalah berlaku terhadap syarikat Joo Bee pada 11 Disember 1911 apabila samsu yang disimpan di gudang, Kuala Lumpur telah dicuri.<sup>49</sup> Syarikat Joo Bee telah membuat tuntutan terhadap penyelia kastam, Kuala Lumpur sebanyak \$4 atas kehilangan 2 gelen samsu ketika di bawah simpan mereka. Kehilangan 2 gelen samsu tersebut tidak dapat dikenal pasti siapakah pencurinya dan pihak kastam telah mencuba menyasat dan mencari individu yang terlibat dalam kes kecurian tersebut namun gagal.

Keburukan pengambilan samsu dalam kalangan masyarakat India, terutama golongan buruh telah diberi perhatian oleh kalangan pemimpin masyarakat India di Tanah

---

<sup>47</sup> N. B. Eddy, H. Halbach, H. Isbell and M. H. Seevers, “Drug Dependence: Its Significance and Characteristics”, *Buletin, World Health Organization*, 32: 721-33, 1965.

<sup>48</sup> SUK SEL 3296/1918, Extra accommodation or storage of dutiable Goods at Port Swettenham. Rujuk surat daripada Penyelia Kastam Port Swettenham kepada Residen Selangor.

<sup>49</sup> SUK SEL 2429/1912, Claim of Messrs. Joo Bee and Company for \$4/- being value of 1 basket of samshu lost.

Melayu. Malah, isu ini turut menarik perhatian pemimpin Kongres Kebangsaan India, Jawaharlal Nehru yang mengadakan lawatan ke Tanah Melayu pada tahun 1937.<sup>50</sup> Pengambilan todi dan samsu merupakan antara penyakit sosial yang secara serius melibatkan buruh India. Malah di India sendiri, menurut Nehru, usaha sedang dijalankan untuk menamatkan isu pengambilan todi meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Usaha yang sama wajar dilakukan di Tanah Melayu.

In Malaya at least this should be no reason for continuing toddy shops. The fear the 'Samsu' brewing may spread may have some basis, but surely this is no reason why a present evil should be allowed to continue.<sup>51</sup>

Malah sebelum berangkat balik ke India, Nehru masih menyeru agar orang India di Tanah Melayu menghentikan pengambilan todi dan samsu.<sup>52</sup> Bersandarkan kepada hal ini, jelas sekali isu todi dan samsu agak dekat dalam penelitian dan pemerhatian Nehru sepanjang beliau berada di Tanah Melayu hingga berkali-kali seruan agar orang India menghentikan pengambilan minuman tersebut dapat dihentikan segera kerana ia memberi kesan buruk kepada kehidupan masyarakat India di Tanah Melayu.

---

<sup>50</sup> Azharudin Mohamed Dali, "Sejarah Masyarakat India di Malaysia Sebelum Merdeka: Penelitian Terhadap Beberapa Isu Sewaktu Lawatan Jawaharlal Nehru ke Tanah Melayu, 1937", Kongres Sejarah Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia, 2018, hlm. 1.

<sup>51</sup> "Pandit Nehru Advocates Malayan Workers' Unions", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 4 June 1937.

<sup>52</sup> "Nehru Leaves Malaya", *Sunday Tribune*, 6 June 1937.



## Kesimpulan

Daripada perbincangan bab ini, dapat dikenalpasti bahawa pengambilan samsu membawa kesan tersendiri kepada pelbagai pihak. Bagi pihak kerajaan, pembuatan dan penjualan samsu serta pengambilan samsu telah membawa pendapatan. Bayaran yang diperolehi daripada bayaran, lesen, cukai mahupun denda telah menjadi punca pendapatan kerajaan. Selain itu, samsu import yang diimport masuk ke Selangor juga menjadi salah satu penyumbang kepada pendapatan negeri Selangor. Ekoran perkara ini juga menyebabkan isu samsu haram yang berlaku di Selangor tidak diselesaikan oleh pihak British kerana sikap ambil mudah oleh mereka dan mengawal dan menghapuskan kewujudan samsu haram. Malahan, buruh-buruh yang menganggur atau dibuang kerja juga menjadikan samsu sebagai sumber pendapatan mereka. Samsu telah memberi peluang pekerjaan kepada mereka apabila pembuatan samsu haram memerlukan tenaga kerja mereka untuk membuat serta menjual samsu.

Selain itu, pengambilan samsu turut membawa kepada pelbagai kesan kepada mereka yang mengambilnya. Antara yang paling ketara adalah kesan atau masalah kesihatan. Berdasarkan perbincangan bab ini, didapati mereka yang mengambil samsu mengalami pelbagai masalah kesihatan, malah ada yang membawa kepada kematian terutama pengambilan samsu haram. Kandungan metil dalam samsu bertujuan untuk menghasilkan satu minuman samsu yang berkepekatan alkohol yang tinggi namun telah memberi kesan yang buruk terhadap peminum sehingga membawa maut. Selain masalah kesihatan, jenayah juga merupakan satu masalah besar yang wujud dalam kalangan buruh. Malah, terdapat sesetengah buruh yang sanggup menyakiti ahli keluarga sendiri apabila tidak

berjaya mendapatkan samsu atau pun tidak dapat mengawal diri apabila berada di bawah pengaruh alkohol.

Universiti Malaya

## BAB 6

### KAWALAN TERHADAP SAMSU

#### Pengenalan

Pengambilan samsu serta minuman beralkohol yang lain termasuk todi telah menimbulkan pelbagai masalah sosial di Selangor sama ada masalah ketagihan alkohol, kesihatan, pergaduhan dan pertengkaran, jenayah dan seumpamanya. Keadaan ini diburukkan dengan berleluasanya samsu haram yang mudah diperolehi sebagaimana minuman alkohol yang lain. Namun demikian, kerana ia dijual dengan harga yang murah, maka samsu menjadi popular dan menjadi pilihan terutama kepada golongan berpendapatan rendah. Minuman beralkohol yang berlesen yang dipasarkan dalam botol dijual dengan harga yang tinggi dan hanya golongan tertentu sahaja yang mampu membelinya atau ketika kalangan buruh baru memperolehi gaji mereka. Setelah itu, mereka akan beralih kepada minuman yang lebih murah dan samsu antara pilihan yang ada. Selain itu, penjualan samsu juga hanya dilakukan di dalam plastik dan botol yang dijual pada harga yang lebih murah.

Isu mengenai wujudnya pelbagai masalah yang ditimbulkan oleh kerana pengambilan samsu telah mendapat perhatian daripada pihak berkuasa. Usaha mengawal pengambilan samsu melalui cukai dan lesen didapati kurang berjaya kerana masyarakat masih boleh memperolehi minuman samsu yang dibuat secara haram. Oleh itu, berbagai langkah telah diambil bagi memastikan aktiviti penghasilan samsu tidak merebak dan menjadi satu wabak yang tidak dapat ditangani. Pembuatan dan penjualan samsu haram merupakan satu perbuatan jenayah yang menyalahi undang-undang. Dalam bab ini pengkaji akan meneliti tindakan pihak British dalam usaha mencegah penghasilan dan penjualan samsu.

Selain itu, dalam perbincangan ini juga akan menekankan beberapa tindakan yang dilakukan oleh pihak berkuasa terutama pihak kastam dan polis. Aspek ini diberi perhatian kerana ia merupakan langkah yang penting diambil oleh pihak British agar masalah samsu haram dapat dicegah. Pencegahan awal ini penting buat British kerana buruh-buruh kasar ini dilihat semakin tidak terkawal serta tidak dapat dipisahkan dengan samsu. Buruh-buruh di Selangor sentiasa mencari peluang untuk mendapatkan samsu malah, penjual-penjual samsu haram juga sentiasa mencari alternatif untuk menjual samsu.

### **Langkah Mengatasi dan Mengawal Samsu**

Kawalan terhadap samsu di Selangor merangkumi kawalan terhadap pengeluaran lesen samsu. Orang awam tidak dilarang untuk menghasilkan minuman beralkohol namun, kebenaran tersebut hanya diberikan kepada mereka yang menghasilkan minuman beralkohol untuk tujuan kegunaan sendiri dan dalam kuantiti yang terhad sahaja. Sebarang pengimportan minuman alkohol dari luar untuk kegunaan sendiri adalah salah di sisi undang-undang dan ia perlu mendapat kelulusan serta lesen daripada pihak berkuasa.<sup>1</sup> Pihak berkuasa mempunyai hak untuk mengutip sebarang cukai terhadap minuman alkohol yang diimport dari luar ke negeri Selangor sebanyak 50 sen setiap gelen.<sup>2</sup> Setiap cukai yang dikenakan tidak boleh melebihi daripada 25 peratus daripada harga yang dijual di kedai runcit dan pengurangan 20 peratus daripada kadar semasa.<sup>3</sup>

Penanam-penanam gambir dan lada juga dibenarkan oleh pihak berkuasa untuk membeli arak untuk kegunaan sendiri dan untuk keperluan pekerja mereka. Kalangan peniaga yang ingin membuka kedai menjual minuman keras termasuk samsu pula perlu

---

<sup>1</sup> SUK SEL 5523/1894, Spirit Farm Chinting Inquires as to the powers of to search suspected persons.

<sup>2</sup> SUK SEL 4479/1908, Abolition of Spirit Farms in Federated Malay States.

<sup>3</sup> SUK SEL 3540/1904, Revenue Farms. Notice Calling dor Tenders.

melaporkannya dan kelulusan akan diberikan oleh pihak berkuasa. Di Selangor, ketetapan atau kelulusan ini berada di tangan Pegawai Daerah. Kedai-kedai perlu dibina di kawasan yang strategik agar mudah memperolehi pelanggan terutama berhampiran dengan kawasan ladang dan setiap kedai perlu diletakkan papan tanda bertulis '*Spirit Farm Shop*' yang di tulis dalam bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil. Stok-stok arak seperti gin, brandy, whisky, arak dan samsu perlu disimpan di kedai dalam keadaan dan kualiti yang baik tanpa dicemari kotoran. Pemeriksaan berkala akan dilakukan oleh pihak berkuasa.<sup>4</sup>

Sekiranya minuman-minuman alkohol, terutama samsu dan todi yang mempunyai tempoh sah tersebut dicemari atau boleh mengundang sebarang kemudaratan terhadap kesihatan, maka pihak berkuasa mempunyai hak untuk menyita atau menutup premis tersebut. Peniaga juga tidak dibenarkan untuk menjual minuman alkohol kepada mana-mana kakitangan kerajaan termasuk pegawai polis secara kredit. Peniaga juga tidak boleh menjual atau menghapus mana-mana minuman alkohol dalam tempoh yang diberikan sehinggalah mereka mendapat lesen untuk membenarkan penggunaan minuman alkohol. Bagi sebarang lesen yang akan tamat perlu diberitahu sebulan awal kepada orang awam bahawa lesen penjualan alkohol mereka akan tamat dalam tempoh sebulan dan mereka tidak dibenarkan menjual sebarang minuman alkohol termasuk samsu kepada orang awam sehingga lesen mereka diperbaharui.<sup>5</sup>

Notis yang dikeluarkan juga perlu ditulis dalam empat bahasa iaitu Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil yang ditulis dengan jelas dan salinannya perlu digantung di setiap depan kedai dalam masa sebulan setelah kontrak baru ditandatangani. Peniaga perlu membayar duit deposit kepada pihak berkuasa iaitu Jabatan Perbendaharaan Daerah (Jabatan Kewangan) sebanyak tiga bulan sewa atau memberi jaminan perjanjian yang

---

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Ibid.

diluluskan dengan bayaran sebanyak empat bulan sewa sebagai jaminan. Sewa perlu dibayar bagi setiap 1 haribulan setiap bulan. Jika pengeluar gagal untuk berbuat demikian dalam tempoh 10 hari maka mereka akan dikenakan faedah pada kadar 10 peratus. Bagi sesiapa yang melanggar mana-mana perjanjian tersebut mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi \$400 dan penjara bersama atau tanpa kerja berat tidak melebihi enam bulan. Segala peralatan atau pekerja yang dimilikinya juga akan dirampas haknya. Denda hanya dikenakan terhadap mereka adalah atas pendakwaan yang disuarakan oleh pihak berkuasa.<sup>6</sup>

Denda yang akan dikenakan kepada peniaga yang menyalahi peraturan akan dikenakan oleh pihak mahkamah. Jika pengeluar atau peniaga masih gagal membayar sewa dalam tempoh 15 hari dari tempoh yang diberikan maka Residen mempunyai kuasa untuk membatalkan perjanjian yang dikeluarkan sebelum ini. Pihak berkuasa juga mempunyai kuasa sama ada menjual hak tersebut kepada orang lain bagi tempoh perjanjian yang terdapat dalam perjanjian tersebut atau mengemukakan satu tempoh yang baru dengan syarat-syarat perjanjian baru sebagaimana difikirkan wajar oleh mereka. Peniaga juga perlu membayar ganti rugi yang disebabkan oleh pengurangan harga atau sebaliknya dan tidak akan berhak mendapat apa-apa faedah daripada pertambahan harga. Bagi pengilang-pengilang yang melanggar sebarang perjanjian yang terdapat di dalam *District Spirit Farm* akan didenda sebanyak tidak melebihi \$100. Berdasarkan Enakmen Eksais 1915, permohonan lesen untuk membuka kilang penyulingan dan mengeluarkan samsu perlu mendapat kelulusan daripada Residen Selangor.<sup>7</sup> Residen British bertanggungjawab untuk meluluskan lesen pembinaan kilang penyulingan samsu.

---

<sup>6</sup> Ibid.

<sup>7</sup> SUK SEL 1/1933, Enquires as to what duty would be imposed on Alcohol and Samsu manufactured from Pineapple waste daripada Colonial Officer Chartered Bank, Singapore kepada Agriculture Under Secretary to Government, Federated Malay States, 30 Disember 1932.

Salah satu aspek penting yang turut dilakukan oleh pihak berkuasa untuk mengawal penggunaan samsu haram adalah dengan melakukan kawalan terhadap penjualan todi. Ini kerana penjualan todi mempunyai kaitan langsung dengan penjualan samsu. Bagi kalangan penjual todi haram, kebiasannya, mereka juga akan turut menjual samsu haram di kedai-kedai mereka. Keadaan ini akan menggalakkan lagi buruh-buruh untuk mengambil todi dan samsu haram kerana akses terhadap samsu yang mudah.<sup>8</sup> Ini bermakna, kawalan terhadap todi merupakan salah satu langkah penting untuk mencegah penularan pengeluaran samsu haram kerana terdapat minuman-minuman samsu yang turut dijual di kedai-kedai todi.

Kawalan bagi tender dan lesen todi ini penting untuk mencegah pengeluaran todi haram dan tidak segar. Secara langsung ianya juga akan memberi impak besar terhadap penjualan samsu haram kerana pantauan yang dilakukan oleh British dan jabatan kastam akan dapat mengesan penjualan samsu haram di kedai-kedai todi. Jika terdapat kedai todi yang menjual todi haram serta samsu haram maka kedai tersebut akan ditarik semula lesen penjualannya. Pemantauan berkala yang dilakukan oleh jabatan kastam akan dapat mengesan lebih banyak kedai-kedai todi yang menjual samsu haram dan dari semasa ke semasa masalah samsu haram dapat dihapuskan. Selain itu, kalangan yang menjual samsu haram di kedai todi juga akan diambil tindakan oleh jabatan kastam dengan melucutkan syarat kelayakkan mereka untuk memohon lesen todi.

Ekoran berleluasanya penjualan samsu haram maka pihak British perlu mengambil tindakan yang efektif selain berusaha menghapus pengusaha dan pengedar samsu haram. Pihak berkuasa telah memikirkan satu jalan terbaik dalam usaha membanteras gejala ini dengan mengurangkan jumlah yuran lesen kilang penyuling. Pengurangan bayaran lesen mulai berkuatkuasa di Selangor dan Negeri-negeri Melayu

---

<sup>8</sup> *The Sun*, 15 Oktober 2010.

Bersekutu yang lain pada tarikh 1 Januari hingga 30 Jun 1935.<sup>9</sup> Tindakan ini telah dapat membantu pengurangan pengeluaran samsu haram di pasaran serta membantu pengeluaran samsu berdaftar. Tindakan ini dianggap rasional untuk diambil kerana dengan pengurangan yuran lesen kilang penyulingan maka, harga samsu dapat diturunkan kerana kos pengeluaran semakin berkurang. Keadaan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan permintaan terhadap samsu haram dan akan menjejaskan perniagaan samsu haram. Walaupun tindakan ini dilihat hanya memberi kesan kecil terhadap pengeluaran samsu haram, namun ianya dapat memberi kesan besar terhadap permintaan samsu import serta samsu tempatan.

Satu lagi tindakan yang dilakukan adalah memastikan pemeriksaan yang dilakukan oleh pihak kastam dilakukan dengan lebih teliti dan tegas dalam menjalankan tugas mereka terutamanya dalam urusan yang melibatkan penjualan barangan secara haram. Terdapat sesetengah pengimport samsu yang cuba mengelak dari membayar cukai yang tinggi dengan melakukan pelbagai taktik untuk menipu pegawai kastam. Mereka seringkali memperdaya pegawai kastam yang bertugas dengan menyusun jag-jag samsu di dalam gudang dengan mencampurkan samsu yang mengandungi kandungan alkohol tinggi dengan yang rendah. Kandungan samsu yang tinggi disusun dibawah dan dilindungi oleh jag-jag samsu yang rendah kandungan alkoholnya.

Kalangan pengimport akan mempengaruhi pemeriksa untuk mencuba jag-jag yang diletak berdekatan dan senang untuk diambil sahaja demi mengelak daripada diketahui helah mereka.<sup>10</sup> Selain itu, mereka juga mencuba alternatif yang lain dengan membungkus samsu-samsu di dalam bekas kotak dengan lapisan atas terdiri daripada jag

---

<sup>9</sup> SUK SEL 856/1933, Petition by the Samsu distillers in the Federated Malay States for a reduction in the licence fees. Rujuk surat daripada Stamford Raffles, Pesuruhjaya Kastam & Perdagangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu kepada Setiausaha Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bertarikh 28 November 1934.

<sup>10</sup> SUK SEL 4561.1924, Strengthening of The Customs Enactment to Prevent Evasion of Full Duty Leviable on Chinese Samsu and Matches.



samsu yang berkepekatan rendah dan dibahagian bawah adalah jag samsu yang berkepekatan tinggi. Mereka merasakan tindakan ini dapat mengaburi mata pegawai-pegawai kastam daripada mengetahui taktik kotor mereka. Walau bagaimanapun, taktik-taktik ini telah berjaya ditumpaskan oleh pihak kastam dan mereka berjaya menghidu taktik-taktik kotor tersebut.

Usaha untuk mengekang masalah samsu haram bukan sahaja menjadi tanggungjawab pegawai polis dan pegawai kastam malahan ianya turut mendapat bantuan daripada beberapa kakitangan kerajaan yang lain seperti pegawai chinteng<sup>11</sup> dan pegawai perhutanan. Tanggungjawab yang digalas oleh mereka demi memastikan keamanan dan keselamatan negara telah dijalankan dengan sebaik mungkin. Misalnya, kes penghasilan samsu secara haram tanpa lesen yang berlaku di Rawang pada 7 Mei 1914 mendapat bantuan daripada pegawai perhutanan yang bertindak sebagai pemberi maklumat kepada pihak polis.<sup>12</sup>

Selain itu, chinteng-chinteng yang bertugas juga turut menggalas tanggungjawab bersama untuk menghapus gejala samsu haram ini seperti kes yang berlaku di beberapa kawasan di Selangor iaitu di Kuala Selangor, Klang, Kuala Lumpur<sup>13</sup> dan Kepong. Pada tahun 1912, Ketua chinteng, Mohamed Tahir bersama beberapa chinteng yang lain telah berjaya menumpaskan jenayah samsu haram di Kepong. Mereka telah berjaya menangkap tiga lelaki dan ketiga-tiga mereka didakwa atas tuduhan memiliki alat memasak samsu.<sup>14</sup> Wujudnya kerjasama daripada semua pihak sama ada orang

---

<sup>11</sup> Chinteng merupakan Pegawai Luar Kastam atau 'Outdoor Officer' yang berfungsi sebagai pemungut hasil dan cukai serta bertanggungjawab ke atas kawalan penjualan candu yang halal. Tiada penulis, tiada tajuk, Perlis: Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis, Jurnal Warisan Indera Kayangan, Bil 11, 1999, tiada hlm.

<sup>12</sup> SUK SEL 3481/1914, Rewards to Informer.

<sup>13</sup> Mengikut kes yang berlaku di Kuala Selangor 2 orang Chinteng iaitu Osman dan Buroh berjaya menyelesaikan masalah samsu haram disini dan diberi ganjaran sebanyak \$7.50 setiap seorang. Rujuk SUK SEL 3972/1917, Rewards to those responsible in certain Excise Cases. Selain itu, melihat kepada kes lain yang berlaku di Kuala Lumpur pula, Chinteng-chinteng sentiasa memberi kerjasama yang baik seperti Ketua Chinteng Mohamed Tahir dan Chinteng-Chinteng yang lain iaitu Lai Moi, Yassin, Bishim Singh dan lain-lain. Rujuk SUK SEL 3763/1916, Rewards to informers in Customs and Excise Cases, dan SUK SEL 2097/1916, Rewards to informer in Excise Cases.

<sup>14</sup> SUK SEL 526/1912, Illicit Distillery at Kepong' Rewards to informers and Head Chinting. Rujuk surat daripada Penyelia Kastam kepada Residen Selangor bertarikh 25 Januari 1912.

perseorangan mahupun kakitangan kerajaan dapat membantu kerajaan mencegah dan memberkas golongan-golongan yang menghasilkan samsu secara haram.

### **Peranan Polis**

Jika perbincangan sebelum ini lebih melihat kepada peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi seperti Pejabat Daerah, Kastam dan pihak berkuasa lainnya dalam usaha mengawal dan pengeluaran samsu terutama samsu haram, namun dalam banyak keadaan, pihak polis dilihat mempunyai peranan yang lebih besar. Dalam usaha untuk mengekang jenayah samsu, kawalan dan rondaan telah dijalankan secara kerap di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan tumpuan dalam pembuatan dan penjualan samsu haram. Antara kawasan yang biasa menjadi tumpuan mereka termasuklah kawasan pedalaman, kawasan perkampungan dan juga kawasan perhutanan. Pembuat-pembuat samsu sengaja memilih kawasan-kawasan ini yang jauh daripada pandangan masyarakat serta jauh dari kawasan petempatan penduduk agar aktiviti mereka tidak dapat dihidu oleh pihak polis.

Taktik ini juga sengaja digunakan oleh mereka agar pihak polis tidak dapat membuktikan bahawa kawasan pembuatan samsu haram tersebut adalah milik mereka,<sup>15</sup> seperti kes yang telah berlaku di Sungai Buloh. Seorang lelaki berbangsa Cina iaitu Lee Sin telah ditahan oleh pihak polis atas kesalahan memiliki samsu dan peralatan untuk memasak samsu. Namun, beliau telah dibebaskan oleh mahkamah kerana pihak polis tidak berjaya mengemukakan bukti yang kukuh untuk mendakwa kawasan yang telah digunakan untuk menghasilkan samsu tersebut milik beliau ataupun tidak.<sup>16</sup>

---

<sup>15</sup> SUK SEL 2097/1916, Rewards to informer in Excise Cases.

<sup>16</sup> Ibid.

Selain itu, anggota-anggota polis juga telah diarahkan untuk sentiasa melakukan rondaan dan pantauan di kawasan-kawasan utama tersebut sebagai langkah berjaga-jaga. Hal ini supaya mereka sentiasa mendapat perkembangan berita mengenai jenayah samsu bagi kawasan tumpuan tersebut. Misalnya, kes yang berlaku di kawasan Kajang pada tahun 1917.<sup>17</sup> Dalam kes tersebut seorang pegawai polis telah bertindak berani menumpaskan jenayah samsu secara bersendirian. Sarjan Hussain bin Ali yang sedang bertugas melakukan aktiviti cegah jenayah telah berjaya menumpaskan aktiviti pembuatan samsu haram.

Hasil tangkapan tersebut, beliau telah berjaya menumpaskan aktiviti penghasilan samsu haram sebanyak 30 jag samsu haram yang telah siap dihasilkan dan sedia untuk dipasarkan kepada orang ramai. Sarjan Hussain bin Ali telah dianggap sebagai wira dalam kejadian tersebut kerana beliau telah melakukan intipan dan pemantauan dari siang hingga ke malam selama seminggu sebelum bertindak menyerbu kawasan kejadian. Hasil daripada intipan serta serbuan tersebut, beliau telah berjaya menangkap individu bernama Chen Man yang menjadi dalang utama menghasilkan samsu haram.<sup>18</sup> Sikap berani yang ditonjolkan oleh beliau dengan mempertaruhkan nyawa sendiri demi keselamatan negara dan masyarakat telah membuktikan sifat keperwiraan anggota polis dan kesanggupan berkorban untuk keamanan negara.

Kes lain pula membabitkan seorang anggota polis bernama Detektif Narainasamy yang bertindak menyamar sebagai orang biasa dan membuat rondaan di setiap kawasan di Kuala Selangor.<sup>19</sup> Tindakan beliau bertindak sebagai pengintip telah membuahkan hasil apabila beliau berjaya menangkap tiga individu yang terlibat dalam jenayah samsu.

---

<sup>17</sup> SUK SEL 4277/1917, Reward to Sergeant Hussain bin Ali for Being Responsible for a Samsu Case, Surat daripada Magistrate Kajang kepada The Secretary to Resident Selangor, 24 Oktober 1917.

<sup>18</sup> Ibid.

<sup>19</sup> SUK SEL 4665/1918, Reward to Detective Narainasamy, Kuala Selangor in Samsu Cases, Surat daripada Deputy Commissioner Chief Police Officer Selangor kepada The Secretary to Resident Selangor, 3 Disember 1918.

Dalam kes pertama beliau telah berjaya menangkap dua orang berbangsa Cina yang sedang menyediakan peralatan untuk memasak samsu. Di dalam kes yang berlainan pula, Detektif Narainasamy telah berjaya menahan seorang lagi individu berbangsa Cina yang didapati sedang menjual samsu kepada buruh India. Samsu yang dijual kepada buruh-buruh India tersebut dihasilkan secara haram dan tidak mempunyai lesen.<sup>20</sup>

Disebalik kejayaan pihak polis menumpaskan jenayah samsu terdapatnya individu lain yang turut memainkan peranan penting disebalik kejayaan tersebut. Individu tersebut merupakan penduduk tempatan yang banyak membantu pihak polis menangani jenayah samsu haram ini. Mereka merupakan masyarakat setempat yang banyak menyampaikan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti jenayah samsu haram. Tanpa bantuan mereka, anggota polis akan mengalami kesukaran dalam usaha membanteras jenayah samsu. Misalnya dalam kes pada 31 Disember 1917, seorang berbangsa Cina telah ditangkap oleh konstabel P.C 3046 dengan bantuan dua orang penduduk kampung bernama Mat Amin dan Buyong.

Pada 30 Disember 1917, mereka berdua dalam perjalanan pergi memancing ke tepi sungai dan ketika dalam perjalanan mereka terlihat seorang lelaki berbangsa Cina berada di bawah pokok bertam sedang memasak samsu. Setelah menyedari tingkah lakunya diperhatikan oleh Mat Amin dan Buyong beliau telah bertindak melarikan diri ke dalam kawasan hutan. Menurut laporan mengenai kes tersebut telah menyebut *“I saw under a bertam tree and I saw some jars (witness explains). Our first visit was on the 30.12.17 when I saw the Chinaman at work making samsu and he ran away”*.<sup>21</sup>

Keesokkannya pada 31 Disember 1917, Mat Amin dan Buyong terserempak dengan Konstabel P.C.3046. Mereka kemudiannya memberitahu apa yang mereka lihat

---

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> SUK SEL 708/1918, Rewards to Informers in a Samsu Case.

dan membawa Konstabel ke kawasan tersebut. Hasil daripada maklumat yang diberikan oleh kedua-duanya, maka mereka bertiga telah berjaya menangkap individu terbabit pada pukul 3 petang yang pada mulanya cuba untuk melarikan diri setelah menyedari kehadiran mereka bertiga ke kawasan tersebut. Beliau didapati bersalah kerana telah menghasilkan samsu secara haram di dalam kawasan hutan tanpa mendapat lesen daripada pihak berkuasa. Beliau bukan sahaja didapati bersalah kerana menghasilkan samsu secara haram malah tindakan beliau tersebut boleh mengundang kepada berlakunya kebakaran hutan. Kawasan perhutanan menjadi sasaran utama lokasi penyediaan samsu kerana ianya jauh daripada pandangan orang ramai dan menjadi kawasan strategik buat mereka kerana berhampiran dengan sungai. Dengan ini, ia akan memudahkan tugas mereka untuk aktiviti membasuh dan memasak samsu.

Selain itu, terdapat juga kalangan orang kampung yang dilantik oleh pihak polis sebagai pengintip seperti kes penangkapan dua orang berbangsa Cina bernama Tan Ah Chin dan Low Ah Ching.<sup>22</sup> Individu tersebut, Perumalu telah dilantik oleh pihak polis untuk mengintip setiap gerak-geri individu yang dilihat mencurigakan dan dikhuatiri terlibat dengan jenayah samsu. Keputusan pihak polis melantik beliau telah membuahkan hasil dengan tertangkapnya dua orang berbangsa Cina yang terlibat dalam penghasilan samsu haram. Mereka berdua telah didapati bersalah di bawah Seksyen 6 Enakmen 15 atas kesalahan memiliki perkakas untuk menghasilkan samsu. Kerjasama yang diberikan oleh Perumalu menunjukkan satu perubahan yang baik kepada pihak polis dalam usaha untuk membanteras samsu haram kerana adalah sukar buat mereka apabila kebanyakan buruh-buruh India tidak mahu memberi sebarang maklumat mengenai kilang-kilang penyulingan samsu haram.

---

<sup>22</sup> SUK SEL 3962/1918, Reward to Informer in Samsu Cases at Kuala Selangor, Surat Deputy Commissioner Chief Police Officer, Selangor kepada The Secretary to Residen Selangor, 16 Oktober 1918.

Buruh-buruh India sememangnya mengetahui lokasi kilang-kilang samsu haram namun mereka tidak mahu mendedahkan lokasi kilang-kilang tersebut kerana bimbang sekiranya kilang-kilang tersebut ditutup mereka tidak akan dapat bekalan samsu yang dijual dengan harga yang murah.<sup>23</sup> Dengan penyamaran yang dilakukan oleh masyarakat setempat, maka pihak polis dapat membasmi lebih banyak kes-kes jenayah samsu yang kebanyakannya tidak dilaporkan dibalai polis kerana bimbang akan keselamatan diri dan keluarga. Mereka bimbang jika mereka memberi maklumat secara terbuka kepada pihak polis, diri dan keluarga mereka akan menerima ancaman daripada individu-individu yang terlibat dalam urusan niaga penghasilan samsu haram.

Selain itu, terdapat juga kalangan orang kampung yang bertindak membeli samsu haram daripada pengedar sebagai bahan bukti kepada pihak polis.<sup>24</sup> Misalnya seorang buruh India bernama Sabapathy telah membeli samsu haram untuk dijadikan sebagai bahan bukti terhadap penjualan samsu haram. Tindakan bijak yang diambil oleh Sabapathy ini telah membantu lagi pihak polis dalam usaha menumpas masalah samsu haram di Selangor.

### **Hukuman, Denda dan Ganjaran**

Selain itu, dalam usaha untuk menangani jenayah samsu haram ini secara lebih berkesan, pihak polis juga telah mengenakan denda dan hukuman penjara buat pesalah-pesalah tersebut. Hukuman ini bertujuan agar masyarakat gentar dan takut untuk menghasilkan samsu secara haram dan bertindak menyalahi undang-undang. Tindakan ini ekoran daripada penghasilan samsu haram ini yang dilihat banyak memberi kesan negatif kepada aspek kesihatan dan hubungan sosial masyarakat. Keadaan ini jelas dapat dilihat daripada

---

<sup>23</sup> SUK SEL 760/1937, Question to be asked at the next meeting of State Council regarding- Illicit stills for the manufacture of samsu.

<sup>24</sup> SUK SEL 2097/1916, Rewards to informers in Excise Cases.

kes-kes yang dilaporkan kepada pihak polis yang melibatkan peminum samsu yang terdiri daripada kalangan buruh yang banyak menimbulkan masalah kepada masyarakat setempat.

Selain itu, hukuman ini dilihat sebagai usaha untuk mengurangkan jumlah kematian kesan daripada pengambilan samsu. Samsu bukan sahaja dapat mengubah sifat seseorang menjadi ganas liar malah boleh membawa kepada kematian terutamanya samsu haram yang mengandungi campuran pelbagai bahan tambahan termasuk alkohol metil. Campuran samsu bersama dengan alkohol metil ini menjadi satu bahan penting buat pembuat dan peniaga samsu kerana ia dapat menghasilkan minuman beralkohol yang berkepekatan tinggi.<sup>25</sup> Oleh itu, dengan wujudnya hukuman dan denda ini maka pihak polis dapat mengurangkan jumlah pengambil minuman samsu yang secara tidak langsung mengurangkan juga kesan-kesan negatif yang timbul daripada pengambilan samsu tersebut.

Antaranya seperti kes pada 31 Disember 1917, seorang Cina telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$75 dan penjara selama dua bulan atas kesalahan menyediakan samsu haram dalam kawasan hutan di Petaling.<sup>26</sup> Selain itu, terdapat juga kes-kes lain seperti di Kuala Selangor yang mana pesalah telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$165 dan hukuman penjara selama tiga ½ bulan,<sup>27</sup> dan di Sungai Lui Estate pesalah didenda sebanyak \$30 dan \$50.<sup>28</sup> Kes lain juga dapat dilihat pada tahun 1923 di Kuala Lumpur apabila dua orang berbangsa Cina bernama Chin Lim dan Mah Gin didapati

---

<sup>25</sup> *Eastern Daily Mail and Straits Morning Advertiser*, 17 Jun 1907, hlm. 3.

<sup>26</sup> SUK SEL 708/1918, Rewards to Informers in a Samsu Case.

<sup>27</sup> Surat daripada Deputy Commissioner Chief Police Officer Selangor kepada The Secretariat to Residen Selangor, SUK SEL 1787/1918, Rewards to Informers in Kuala Selangor Samsu Case No. 269, 271 of 1918, 29 April 1918.

<sup>28</sup> SUK SEL 3056/1917, Reward to Detective Plice Constable, Valudan for Success in Certain Samsu Case, Surat daripada Deputy Commissioner, Chief Police Officer Selangor kepada The Secretary to Resident Selangor, 11 Julai 1917.

bersalah kerana memiliki samsu di Salak Selatan serta telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$80 dan \$75 atau penjara selama tiga bulan.<sup>29</sup>

Pada tahun yang sama juga terdapat dua orang Cina dan salah seorangnya dikenali sebagai Chin Kew telah ditahan oleh pihak polis kerana memiliki dan menghasilkan samsu secara haram. Kedua-duanya didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman denda \$300 dan penjara selama tiga bulan.<sup>30</sup> Hukuman dan denda yang dikenakan terhadap mereka merupakan satu kaedah yang digunakan oleh pihak berkuasa dalam usaha untuk membanteras isu samsu haram di pasaran gelap agar buruh-buruh tidak lagi terjebak dengan samsu haram tersebut. Selain itu, mereka juga berharap isu samsu haram ini dapat ditamatkan agar buruh dan penjual mendapat iktibar berdasarkan daripada kemudaran yang didapati daripada meminum samsu haram.

**Jadual 18: Jumlah Denda yang dikenakan terhadap Pesalah-Pesalah Bagi Tahun 1912**

Tarikh	Nama	Jumlah Denda	
10.1.12	Ho Ling Chong Jin Tan Kim	\$500 atau penjara 6 bulan setiap seorang	\$1500
28.3.12	Tiga lelaki (nama tidak dikenalpasti)	\$148 setiap seorang	\$444
15.4.12	Chong Tik	\$50	\$50
10.5.12	Ow Man	\$75	\$75
15.5.12	Chi Lin Fum Ah Peang	\$701 atau penjara 6 bulan setiap seorang	\$1402
18.5.12	Lee Sing	\$330 atau penjara 4 bulan	\$330
20.6.12	Low Chong	\$55 atau penjara 2 bulan	\$55
20.6.12	Tiga Lelaki (nama tidak dikenalpasti)	\$2200 atau penjara 6 bulan setiap seorang	\$6600
3.7.12	Kam See	\$60 atau penjara sebulan	\$60
3.7.12	Hong Seng Hing	\$15 atau penjara 15	\$15

<sup>29</sup> *The Straits Times*, 10 Oktober 1923, hlm. 11.

<sup>30</sup> *Ibid.*



		hari	
19.8.12	Yap Hee & Wong Foon	\$50 atau penjara 2 bulan setiap seorang	\$100
5.9.12	Lee Ah Hoon	\$10	\$10
17.9.12	Lam Lan	\$100	\$100
10.9.12	Gee Chow Lun Yam Chin Lam Wong Keow	\$1300 atau penjara 3 bulan setiap seorang	\$5200
27.9.12	Ho Shiew	\$50	\$50
2.10.12	Poo Seng	\$75 atau penjara 6 minggu	\$75
14.10.12	Lee Chai Wong Quay	\$442 atau penjara sebulan setiap seorang	\$442
19.10.12	Empat Lelaki (nama tidak dikenalpasti)	\$430 atau penjara sebulan setiap seorang	\$1720
19.10.12	Dua Lelaki (nama tidak dikenalpasti)	\$40 tau penjara 14 hari setiap seorang	\$80.00

Sumber: SUK SEL 1867/1912, Additional Provision of \$500/-to Vote Rewards to Informers in Samshu Cases.

Selain itu, penjual samsu yang menjual samsu haram di kedai-kedai berlesen juga tidak akan diperbaharui lesen mereka.<sup>31</sup> Perkara ini adalah demi memastikan tidak akan wujud penjualan samsu haram kembali dan juga merupakan amaran pihak kerajaan kepada penjual dan pemajak samsu supaya mengikut undang-undang. Mereka yang didapati bersalah dalam penghasilan samsu terdiri daripada mereka yang memasak samsu sehingga terhasilnya minuman samsu dan kebanyakannya terdiri daripada orang Cina. Mereka merupakan individu yang bertanggungjawab untuk menghasilkan samsu sama ada secara berlesen mahupun haram.

<sup>31</sup> Federated Malay State, Report On The Customs And Excise Department, 1938, hlm. 19.

**Jadual 19: Kesalahan di Bawah Enakmen Aksais Bagi Tahun 1913 hingga Tahun 1920.**

<b>Tarikh</b>	<b>Nama</b>	<b>Mahkamah</b>	<b>Kesalahan</b>
10.12.1913	Low Lin	Kuala Lumpur	Menghasilkan minuman keras iaitu samsu tanpa sebarang lesen mengikut Seksyen 5.
18.12.1913	Yap Loi	Kuala Lumpur	Menjual minuman keras iaitu samsu tanpa sebarang lesen mengikut Seksyen 19.
30.12.1913	Foo Shoy @ Ku Shiu	Kuala Lumpur	Menjual minuman keras iaitu samsu tanpa sebarang lesen mengikut Seksyen 19.
29.1.1914	Lee Teng	Kuala Lumpur	Memiliki minuman keras iaitu samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 29.
7.5.1914	Yew Saong	Rawang	Menghasilkan minuman keras iaitu samsu tanpa sebarang lesen mengikut Seksyen 5.
27.6.1914	Lee Kwee Tay	Kuala Lumpur	Menjual minuman keras iaitu samsu tanpa sebarang lesen mengikut Seksyen 19.
3.12.1914	Yap Sing @ Yap Kwong Sing	Kuala Lumpur	Memiliki samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 29.
5.12.1914	Yee Si	Rawang	Memiliki samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 29. Menjual minuman keras iaitu samsu tanpa sebarang lesen mengikut Seksyen 19.
12.12.1914	Kan Tong	Kuala Lumpur	Memiliki samsu tanpa membayar sebarang cukai.
22.12.1914	Cheng Yee	Kuala Lumpur	Menghasilkan minuman keras iaitu samsu tanpa sebarang lesen mengikut Seksyen 5.
11.1.1915	Chin Hee	Rawang	Memiliki samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 29.
12.1.1915	Chan Choo	Rawang	Menjual samsu dengan lesen yang tamat tempoh mengikut Seksyen 19 (i).
20.1.1915	Chong Loy	Kuala Lumpur	Memiliki samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 29.
1.2. 1915	Low Yen	Kuala Lumpur	Memiliki samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 29.


2.2.1915	Low Pun	Rawang	Menjual samsu dengan lesen yang tamat tempoh mengikut Seksyen 19 (i).
6.7.1915	Kew Chin	Kajang	Memiliki 4 botol minuman samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 13.
1.6.1915	Tim Peng	Rawang	Memiliki 4 gelen samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 29.
9.6.1915	Chin Sim	Kuala Lumpur	Memiliki segelen samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 29.
15.6.1915	Yap Chong	Rawang	Memiliki peralatan lengkap untuk memasak samsu mengikut Seksyen 6 & 31.
16.6.1915	Tong Sang	Rawang	Memiliki peralatan lengkap untuk memasak samsu mengikut Seksyen 6 & 31.
23.8.1915	Chong Choy	Kuala Lumpur	Menghasilkan minuman keras iaitu samsu tanpa sebarang lesen mengikut Seksyen 5.
15.5.1915	Chin Fy (Perempuan)	Kuala Lumpur	Menjual minuman keras iaitu samsu tanpa sebarang lesen.
27.1.1916	Lee Sin	Sungai Buloh	Menghasilkan minuman keras tanpa sebarang lesen serta memiliki sebuah alat penyulingan, 2 kualiti memasak, 4 gelen samsu, sebungkus yis, 15 jag besar beras ditapai dan 2 bakul nasi.
1.2.1916	Low Yew	Kuala Kubu	Memiliki 1½ gelen samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 13.
17.2.1916	Goh Chui	Klang	Menjual minuman keras iaitu samsu tanpa sebarang lesen mengikut Seksyen 19(i).
23.2.1916	Lee On	Kuala Lumpur	Memiliki alat memasak yang lengkap mengikut Seksyen 6 Memiliki segelen samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 13.
29.2.1916	Wong Pak	Kuala Lumpur	Memiliki samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 13.
1.3.1916	Yap Lee	Rawang	Memiliki segelen samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 13.
29.3.1916	Fow Chong	Kuala Kubu	Memiliki ½ gelen samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 13.

5.4.1916	Chong Loy	Kuala Lumpur	Memiliki alat memasak yang lengkap mengikut Seksyen 6. Memiliki samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 13.
17.6.1916	Fong Chong	Kuala Lumpur	Memiliki samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 13. Menjual minuman keras tanpa sebarang lesen mengikut Seksyen 19.
19.6.1916	Ching Fook	Kuala Lumpur	Memiliki samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 13. Memiliki alat untuk menghasilkan samsu mengikut Seksyen 6 (A).
19.6.1916	Chin Tam	Kuala Lumpur	Memiliki alat untuk menghasilkan samsu mengikut Seksyen 6 (A).
18.7.1916	Chan Sin	Kuala Lumpur	Memiliki samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 36 (A).
3.8.1917	Yap Ah Ngok Lau Tai Chin	Kuala Selangor	Memiliki alat-alat memasak seperti sebatang paip, sebuah alat penyulingan, sebuah kualiti, sebotol samsu dan sebotol yis mengikut Seksyen 6 Enakmen 6/15.
9.8.1917	Yap Soon	Kuala Lumpur	Memiliki alat memasak dan 3½ gelen samsu.
22.8.1917	Lau Ah Sing	Kuala Selangor	Memiliki alat memasak mengikut Seksyen 6 Enakmen 6/15. Memiliki 8 botol samsu dan sebotol yis.
1.6 1918	See Kee Lee Fon	Kuala Lumpur	Memiliki alat memasak, 16 jag beras ditapai dan segelen samsu.
12.6.1918	Chin Sin	Kuala Lumpur	Memiliki sebuah alat memasak serta 7 botol samsu.
13.6.1918	Chai Sin	Kuala Lumpur	Memiliki alat memasak mengikut Seksyen 6 & 38. Memiliki 3 gelen samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 36 a.
5.4.1920	Yap Ngee	Kuala Lumpur	Memiliki samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen 13. Menghasilkan minuman keras iaitu samsu tanpa sebarang lesen mengikut Seksyen 5.
31.5.1920	Siew Hong	-	Memiliki samsu tanpa membayar sebarang cukai mengikut Seksyen

Sumber: Dipetik dan disesuaikan daripada SUK SEL 861/1914, SUK SEL 4548/1914, SUK SEL 6232/1914, SUK SEL 3481/1914, SUK SEL 816/1915, SUK SEL 4026/1915, SUK SEL 3399/1915, SUK SEL 4511/1915, SUK SEL 2097/1916, SUK SEL 3763/1916, SUK 4634/1916, SUK SEL 3972/1917, SUK SEL 2614/1918, SUK SEL 2927/1918, dan SUK SEL 3058/1920.

Jadual 19 menunjukkan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan di bawah Enakmen Eksais bagi tahun 1913 hingga tahun 1920. Berdasarkan jadual tersebut, didapati bahawa individu-individu yang terlibat dalam penghasilan samsu haram adalah terdiri daripada kalangan orang Cina. Mereka menjadi dalang disebalik masalah samsu haram ini untuk mendapat keuntungan. Terdapat juga sesetengah daripada mereka yang menggunakan nama samaran demi mengelakkan daripada diketahui oleh pihak polis. Walaupun berjaya ditangkap oleh pihak polis kerana memasak dan menjual samsu secara haram namun, ianya tidak memberi sebarang kesan kepada diri mereka malah semakin aktif melaksanakan kerja-kerja tersebut. Terdapat segelintir daripada tauke-tauke Cina ini tidak pernah insaf setelah ditangkap oleh pihak polis dan masih mengulangi perbuatan haram tersebut.

**Peta 1: Lokasi Penemuan Pembuatan Samsu Haram.**



Sumber: [http://www.kakipersegi.com/majlis-dan-pejabat-daerah-selangor/image\\_gallery/](http://www.kakipersegi.com/majlis-dan-pejabat-daerah-selangor/image_gallery/) diakses pada 28 Ogos 2019 dan disesuaikan dengan data-data yang diperoleh daripada arkib negara.

Peta 1 menunjukkan lokasi penemuan pembuatan samsu haram oleh pihak polis dan kes-kes yang telah dilaporkan kepada pihak polis. Peta ini menunjukkan empat kawasan utama penemuan pembuatan samsu haram di Selangor dengan Kuala Lumpur menjadi kawasan paling banyak penemuan kes pembuatan samsu haram dan diikuti oleh kawasan Rawang. Kuala Kubu dan Kuala Selangor juga turut menjadi kawasan tumpuan bagi pembuatan samsu haram di Selangor.

**Jadual 20: Jumlah Pesalah yang Mengulangi Kesalahan Memiliki Peralatan Samsu Haram.**

Tahun	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	Kesalahan Ketiga dan Lebih
1933	32	-	-
1934	52	9	5
1935	31	11	4
1936	40	9	4
1937 (Jan-Okt)	32	1	1

Sumber: SUK SEL 760/1937, Question to be Asked at the Meeting of the State Council Regarding:- Illicit Stills for the Manufacture of Samsu.

Jadual 20 ini menunjukkan jumlah pesalah yang telah mengulangi kesalahan yang sama iaitu memiliki peralatan memasak samsu secara haram bagi tahun 1933, 1934, 1935, 1936 dan 1937. Walaupun jumlah pesalah yang ditahan memperlihatkan penurunan namun masih terdapat pesalah yang masih memiliki peralatan dan menghasilkan samsu secara haram seperti pada tahun 1934 jumlah pesalah yang memiliki peralatan samsu adalah seramai 52 orang. Pada tahun yang sama didapati bahawa seramai sembilan orang yang telah ditangkap oleh pihak polis atas kesalahan yang sama dan seramai lima orang telah didapati bersalah atas kesalahan yang ketiga kerana memiliki peralatan samsu.

Walaupun diberkas berulang kali namun terdapat penjual samsu yang tidak pernah merasa serik di atas kesalahan tersebut. Keadaan ini disebabkan oleh jumlah denda dan hukuman yang dikenakan kecil dan mereka mampu membayar kadar denda tersebut. Jumlah lumayan yang diperolehi daripada pembuatan dan penjualan samsu haram mengatasi rasa ketakutan terhadap tangkapan pihak berkuasa hingga tindakan lebih drastik dan keras dikenakan. Hal ini akan disebutkan di bahagian lain bab ini.

Denda yang dikenakan oleh pihak mahkamah juga tidak memberi sebarang kesan perubahan buat diri mereka. Misalnya Chong Loy yang telah diberkas oleh pihak polis pada tarikh 23.8.1915 dan didenda sebanyak \$500 dan penjara selama 3 bulan namun, dia telah diberkas semula oleh pihak polis pada tarikh 5.4.1916 kerana menjual samsu tanpa sebarang lesen serta memiliki peralatan untuk memasak samsu. Walaupun pernah diberkas oleh pihak polis sebelum ini, beliau tidak pernah serik untuk berhenti melakukan aktiviti haram tersebut. Selain itu, terdapat juga golongan wanita yang turut terlibat dalam aktiviti haram ini seperti Chin Fy yang didapati bersalah pada 15.5.1915 kerana menjual samsu tanpa sebarang lesen. Jantina tidak menjadi penghalang kerana duit lebih menjadi keutamaan buat mereka seperti kes nombor 5200/16 dan 5201/16 di Kuala Lumpur,

wanita bernama Lei Haw sanggup mengambil risiko memasak samsu demi wang.<sup>32</sup> Beliau telah ditahan oleh pihak polis dan didenda sebanyak \$250 dan hukuman penjara selama 2 bulan. Walaupun didenda oleh pihak polis, namun mereka tidak pernah serik dengan semua ini dan mengulangi semula semata-mata demi kemewahan hidup.

Dalam melihat perniagaan samsu secara haram, terdapat satu kes menarik iaitu seorang Cina buta, Chin On telah diberkas oleh pihak polis pada 20.2.1915 atas kesalahan memiliki alat dan kelengkapan untuk menyuling yang lengkap serta menghasilkan samsu.<sup>33</sup> Beliau telah dijatuhkan hukuman penjara selama 6 bulan serta denda sebanyak \$400. Tangkapan tersebut bukanlah pertama kali buat beliau tetapi adalah kali yang ketiga kerana pernah diberkas oleh pihak polis sebelum ini iaitu pada tahun 1913 sebanyak 2 kali atas kesalahan yang sama.<sup>34</sup>

Beliau juga tidak pernah rasa bersalah mahupun gentar dengan tindakan undang-undang terhadapnya serta telah menyatakan hasrat beliau kepada pihak polis bahawa beliau akan meneruskan perniagaan setelah dibebaskan daripada penjara. Ini menandakan bahawa hukuman yang diterima tidak pernah menakutkan atau membuat diri mereka insaf daripada melakukannya lagi. Mereka tidak pernah rasa serik dan kesal untuk memasak dan menjual samsu kerana keuntungan yang bakal perolehi adalah lebih lumayan berbanding dengan denda yang perlu dibayar. Malah hukuman penjara yang dikenakan juga adalah tidak munasabah bagi pesalah yang mengulangi kesalahan yang sama iaitu hukuman penjara selama beberapa bulan sahaja.<sup>35</sup>

---

<sup>32</sup> SUK SEL 6133/1916, Rewards to informers in Samshu cases. Surat daripada Deputy Commissioner, Chief Police Officer Selangor kepada Resident Selangor, 19 Disember 1916.

<sup>33</sup>SUK SEL 612/1915, Banishment of Chin On alias Chan Mok Convictions for Distilling Illicit Samshu, Surat daripada Supervisor of Custom, Kuala Lumpur kepada Residen Selangor, Kuala Lumpur, 28 Januari 1915.

<sup>34</sup>Ibid.

<sup>35</sup> Majoriti tempoh tahanan penjara adalah dalam tempoh 14 hari hingga 6 bulan sahaja dan denda sebanyak \$25 hingga \$400. Lihat SUK SEL 816/1915, Rewards to Informers and Chinting in Excise Cases dan SUK SEL 612/1915, Banishment of Chin On alias Chan Mok Convictions for Distilling Illicit Samshu.



Bagi pesalah yang tidak mampu membayar wang denda mereka memilih untuk dipenjarakan kerana hukumannya dilihat bersifat ringan iaitu hanya perlu menjalani hukuman penjara untuk tempoh beberapa bulan. Walaupun dijatuh hukuman yang lebih berat berbanding sebelumnya, mereka tidak akan pernah akan rasa bersalah mahupun kesal dengan tindakan tersebut.<sup>36</sup> Setelah keluar daripada penjara, mereka akan kembali meneruskan aktiviti haram tersebut yang mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan tetap mereka yang setia menanti. Desakan dan kesempitan hidup yang dialami juga turut menyumbang mereka untuk menghasil serta menjual samsu haram.

The poverty existing among the Chinese as a result of the general trade depression was responsible for many of them seeking a living by the illicit manufacture of samsu, consequently this class offence was very prevalent.<sup>37</sup>

Kemelesetan ekonomi telah menyebabkan sebahagian daripada mereka telah kehilangan pekerjaan di kawasan perlombongan dan terpaksa bekerja di sektor lain seperti di sektor perladangan. Perkara ini menyebabkan mereka mencari kaedah lain kerana sesetengah daripada mereka adalah menganggur serta tidak mempunyai pekerjaan tetap untuk menampung kehidupan sekeluarga. Oleh demikian, mereka bertindak memasak dan menjual samsu kerana hanya ini jalan mudah untuk mereka mencari wang tanpa perlu mengerah tenaga yang teruk. Gaji yang diterima juga tidak mencukupi menyebabkan mereka mencari jalan pintas untuk mendapat wang dengan menjual samsu secara kecil-kecilan di rumah.

Dengan menghasilkan samsu secara sembunyi di rumah, ini dapat mengurangkan risiko mereka daripada diketahui oleh pihak polis seperti tangkapan yang dilakukan oleh

---

<sup>36</sup>SUK SEL 3825/1925, Gazetting of offences under Section 6B (i) of the Gammng Enactment 1912 and under Section 13 (i) of the Excise Enactment 1923 to be crimes under Section 24 (v) of the Prisons Enactment 1907. Surat daripada Pejabat Pesuruhjaya Polis Negeri-Negeri Melayu Bersekutu kepada Setiausaha Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bertarikh 17 Ogos 1925.

<sup>37</sup> *The Straits Times*, 24 June 1932.

pihak Kastam di rumah milik Encik Hoo Kool. Beliau didapati bersalah kerana mempunyai peralatan untuk menyuling samsu secara haram dirumahnya.<sup>38</sup> Mengakui desakan hidup setelah dibuang kerja sebagai pelombong menyebabkan beliau melakukan perkara tersebut. Setelah dibuang kerja beliau telah ditanggung oleh isteri dan anak lelakinya yang hanya bekerja sebagai penoreh getah. Gaji yang diperoleh oleh mereka tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan mereka sekeluarga menyebabkan Encik Hoo Kool bertindak menjalankan aktiviti samsu haram tersebut. Hasil yang diperolehi oleh Encik Hoo Kool juga sangat lumayan dan dia mampu untuk menanggung ahli keluarganya.

Jika hukuman dan denda dikenakan bagi mereka yang didapati bersalah kerana membuat atau menjual samsu haram, namun pihak berkuasa turut memberi ganjaran sebagai insentif kepada penduduk yang membantu pihak berkuasa terutama dengan memberi maklumat mengenai aktiviti yang berkaitan. Dalam usaha untuk mengatasi jenayah samsu ini, pihak polis telah memperoleh banyak bantuan daripada kalangan masyarakat sama ada berbentuk sumber maklumat mahupun kerahan tenaga. Sayogia itu, pihak polis telah memberi ganjaran berupa wang kepada individu-individu yang terlibat dalam memberi maklumat kepada mereka. Pemberian wang tersebut adalah sebagai tanda penghargaan buat penduduk tempatan yang banyak membantu dan hadiah tersebut hanyalah pemberian kecil berbanding dengan pertolongan yang telah dihulurkan oleh penduduk tempatan yang sanggup mempertaruhkan nyawa mereka.

Ganjaran-ganjaran yang diberikan ini adalah daripada *Vote 'Rewards for Informers in Samshu Cases'* yang telah diluluskan oleh Residen British melalui permohonan daripada Penyelia Kastam bagi setiap negeri dan perlu mendapat kelulusan utama daripada Ketua Setiausaha Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Undi atau *Vote* ini

---

<sup>38</sup> *The Straits Times*, 22 May 1938.

diwujudkan khas untuk tangkapan kes-kes samsu haram misalnya pada tahun 1912 jumlah *Vote* yang telah diluluskan pada awal April adalah sebanyak \$500<sup>39</sup> dan telah bertambah menjadi \$1500 pada bulan November.<sup>40</sup> Jumlah perbelanjaan ganjaran bagi kes samsu pada tahun 1912 adalah sebanyak \$1375.<sup>41</sup> Sekiranya jumlah *Vote* yang diluluskan tidak mencukupi untuk membayar ganjaran, maka pihak kastam boleh meminta peruntukan tambahan daripada kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melalui Residen Negeri. Pemberian ganjaran tersebut telah menggalakkan lagi penduduk tempatan menghulurkan bantuan dan maklumat kepada pihak polis dan secara tidak langsung telah mendedahkan jenayah-jenayah samsu yang selama ini ‘tertutup’ daripada pandangan pihak polis dan membawa pesalah-pesalah ke muka pengadilan.

Kes tangkapan di Petaling telah mendapat bantuan daripada dua orang penduduk tempatan iaitu Mat Amin dan Buyong. Mereka telah dianugerahkan ganjaran berupa wang sebanyak \$10 setiap orang oleh Ketua Polis Selangor atas pemberian maklumat dan juga keberanian mereka membantu pihak polis menangkap pesalah-pesalah tersebut.<sup>42</sup> Selain itu, terdapat juga pemberi-pemberi info yang tidak didedahkan maklumat mengenai diri mereka diberi ganjaran seperti kes jenayah No.269-271. Individu tersebut telah diberi ganjaran oleh pegawai Kastam berkaitan dengan kes jenayah samsu yang terdapat di Kuala Selangor.<sup>43</sup> Beliau yang tidak didedahkan namanya atas faktor-faktor keselamatan telah diberi ganjaran sebanyak \$25 kerana telah membantu pihak polis sehingga tertangkapnya pesalah terbabit.

Di dalam kes penangkapan pesalah bernama Tong Ki oleh Koperal Ali pula, didapati bahawa hasil penahanan Tong Ki adalah hasil daripada bantuan maklumat yang

---

<sup>39</sup> SUK SEL 1867/1912, Additional Provision of \$500/-to Vote Rewards to Informers in Samshu Cases. Rujuk surat daripada Penyelia Kastam, Kuala Lumpur kepada Residen Selangor, 23 Julai 1912.

<sup>40</sup> Ibid. Rujuk surat daripada Ketua Setiausaha Negeri-Negeri Melayu Bersekutu kepada Residen Selangor, 6 November 1912.

<sup>41</sup> Ibid. Rujuk surat daripada Penyelia Kastam, Kuala Lumpur kepada Residen Selangor, 28 Oktober 1912.

<sup>42</sup> SUK SEL 708/1918, Rewards to Informers in a Samsu Case.

<sup>43</sup> SUK SEL 1787/1918, Rewards to Informers in Kuala Selangor Samsu Case No. 269, 271 of 1918, Surat daripada Deputy Commissioner Chief Police Officer Selangor kepada The Secretary to Residen Selangor, 29 April 1918.

diperolehi daripada penyampai maklumat rahsia berbangsa Cina.<sup>44</sup> Beliau menyampaikan aktiviti yang dilakukan oleh Tong Ki kepada Koperal Ali di Bukit Kamuning dan kemudiannya telah menghilangkan diri selepas itu tertangkap pesalah terbabit. Gusar akan keselamatan beliau akan terancam maka beliau bertindak berdiam diri. Pihak polis juga cuba untuk menjejaki beliau sejak dari hari kejadian namun gagal.

**Jadual 21: Ganjaran di bawah Undi ‘Rewards to Informers’.**

Nombor Kes	Kawasan	Jumlah Ganjaran (\$)
1/15	Rawang	10
578/15	Kuala Lumpur	30
243-4/15	Kuala Lumpur	10
581/15	Kuala Lumpur	50
577/15	Kuala Lumpur	10
13/15	Rawang	40
881/15	Kuala Lumpur	50
787/15	Kuala Lumpur	40
1353/15	Kuala Lumpur	50
1216/15	Kuala Lumpur	10
137/15	Kuala Kubu	25
1963/15	Kuala Lumpur	10
2120-1/15	Kuala Lumpur	50
2498-9/15	Kuala Lumpur	50
2675/15	Kuala Lumpur	20
2676/15	Kuala Lumpur	5
2677/15	Kuala Lumpur	20
2685/15	Kuala Lumpur	40
2688/15	Kuala Lumpur	75
2742-3/15	Kuala Lumpur	50
2632/15	Kuala Lumpur	5
2624/15	Kuala Lumpur	5
3231-3/15	Kuala Lumpur	50
3621/15	Kuala Lumpur	15
3965-7/15	Kuala Lumpur	50
160/15	Rawang	25
155/15	Rawang	10
489/15	Kajang	25
546/15	Kajang	25
585,5A-6/15	Kajang	50

<sup>44</sup> SUK SEL 4295/1917, Reward To Corporal Ali for being Responsible for a Samsu Case in Klang, Surat daripada Deputy Commissioner Chief Police Officer kepada The Secretary Residen Selangor, 16 November 1917.

1018/15	Klang	50
4351/15	-	-
4352/15	Kuala Lumpur	75
4353/15	-	-
4671-2/15	Kuala Lumpur	40
4573-5/15	Kuala Lumpur	40
5347/15	Kuala Lumpur	10
190/15	Rawang	10
5360-2/15	Kuala Lumpur	75
5803/15	Kuala Lumpur	10

Sumber: Dipetik daripada SUK SEL 5005/1915, Supplementary vote of \$700 to the vote 'Rewards to informers in Samsu Cases'.

Selain itu, ganjaran juga turut diberikan kepada pegawai-pegawai polis sama ada berpangkat tinggi mahupun rendah seperti dalam jadual 21 kerana usaha dan tanggungjawab yang telah dicurahkan dalam usaha menghapuskan jenayah samsu. Perkara ini dapat dilihat dalam kes yang berlaku pada tarikh 9.6.1917 dan 28.6.1917.<sup>45</sup> Ketua Polis telah menulis surat kepada Pesuruhjaya Candu supaya memberi ganjaran kepada Valudan, 3540 konstable polis di atas kejayaan beliau menangkap Peerianan pada 9.6.1917 dan Chong Chow pada 28.6.1917. Kedua-dua mereka didapati bersalah atas kesalahan menjual dan menyimpan samsu secara haram. Peerianan ditangkap ketika cubaan menyeludup masuk samsu haram ke estet Sungai Lui sebanyak tiga gelen manakala Chong Chow pula didapati bersalah kerana menyimpan samsu sebanyak ½ gelen.

Dalam kes lain pula, Sarjan Hussain bin Ali telah mendapat ganjaran berupa wang sebanyak \$30 daripada Majistret Kajang atas kejayaan beliau menahan Chen Man dengan tuduhan memasak dan memiliki samsu sebanyak 30 jag.<sup>46</sup> Manakala terdapat seorang lagi anggota polis yang turut diberikan ganjaran atas keberaniannya menangani jenayah

<sup>45</sup> SUK SEL 3056/1917, Reward to Detective Plice Constable, Valudan for Success in Certain Samsu Case. Rujuk Surat daripada Deputy Commissioner, Chief Police Officer Selangor kepada The Secretary to Resident Selangor, 11 Julai 1917.

<sup>46</sup> SUK SEL 4277/1917, Reward to Sergeant Hussain bin Ali for Being Responsible for a Samsu Case. Rujuk surat daripada Magistrate Kajang kepada The Secretary to Resident Selangor, 24 Oktober 1917.

samsu. Koperal Ali telah dianugerahkan wang sebanyak \$20 oleh Jabatan Kastam kerana berjaya menahan Tong Ki pada 18.9.1917 di rumahnya di Jalan 41/2 Bukit Lanchang.<sup>47</sup>

### **Buang Negeri**

Hukuman yang dikenakan kepada pesalah samsu yang paling berat adalah buang negeri. Dalam keadaan ini, jenayah melibatkan samsu tidak seharusnya dipandang ringan kerana ianya umpama parasit yang boleh mengundang kemudatan terhadap sesebuah negeri. Atas sebab-sebab kekhuatiran ianya boleh mengancam keselamatan penduduk dan negara maka satu rang undang-undang dibawah sub-seksyen (i) Seksyen 3 Enakmen Buang Negeri, 1910 telah diwujudkan. Berdasarkan Enakmen Buang Negeri ini dinyatakan bahawa di bawah peruntukan Seksyen 3, Undang-Undang Negeri boleh membuang sesiapa sahaja jika perlu di atas nasihat dan persetujuan Residen untuk keselamatan, kesejahteraan dan kedamaian negeri.

Selain itu, Ketua Setiausaha juga telah menyatakan bahawa semua penjenayah biasa mahupun berbahaya boleh dibuang dari negeri jika perlu.<sup>48</sup> Kegiatan pembuatan dan penjualan samsu haram ketika itu dilihat berada pada satu tahap mengusarkan pihak kerajaan. Penjualan dan penghasilannya yang semakin berleluasa telah mendesak pihak British mengeluarkan undang-undang ini agar masalah samsu haram dapat ditangani dengan jayanya.

---

<sup>47</sup> SUK SEL 4295/1917, Reward To Corporal Ali for being Responsible for a Samsu Case in Klang. Rujuk surat daripada Deputy Commissioner Chief Police Officer kepada The Secretary Residen Selangor, 26 Oktober 1917.

<sup>48</sup> SUK SEL 612/1915, Banishment of Chin On alias Chan Mok Convictions for distilling Illicit samshu.

**Jadual 22: Jumlah Pesalah Memiliki Peralatan Memasak Samsu yang telah Dibuang Negeri bagi Kawasan Selangor Barat.**

Tahun	Jumlah
1933	9
1934	13
1935	5
1936	2
1937 (Jan. - Okt.)	6 +* <sup>49</sup>

Sumber: SUK SEL 760/1937, Question to be asked at the next meeting of The State Council regarding:- Illicit stills for the manufactured of samsu.

Jadual di atas menunjukkan jumlah penjual samsu yang didapati bersalah kerana memiliki peralatan memasak samsu secara haram. Pada tahun 1933 direkodkan seramai sembilan orang yang memiliki peralatan memasak samsu dan bertambah seramai empat orang pada tahun 1934 menjadi 13 orang. Jumlah ini menurun pada tahun 1935 kepada 5 orang dan berkurang kepada dua orang pada tahun 1936. Pada tahun 1937, jumlah pesalah telah meningkat kepada enam orang dan pesalah-pesalah ini terdiri daripada kalangan orang Cina.

Chin On atau nama samarannya Chan Mok seorang pengeluar samsu haram telah dibuang negeri pada tahun 1915 setelah Waran Buang Negeri No. 44 telah dikeluarkan terhadap beliau pada tarikh 2.3.15<sup>50</sup> atas sebab-sebab yang munasabah iaitu beliau mengancam keselamatan, keamanan dan juga kesejahteraan negara.<sup>51</sup> Walaupun telah ditangkap beberapa kali oleh pihak polis dan dijatuhkan hukuman yang setimpal namun ianya hanya tindakan yang sia-sia dan tidak memberi sebarang kesan terhadap diri beliau. Tangkapan pertama adalah pada tahun 1912 atas kesalahan memiliki minuman alkohol tidak bercukai yang menyebabkan beliau telah didenda sebanyak \$148 atau penjara empat

<sup>49</sup> Seramai empat orang pesalah telah dijatuhkan hukuman pemuangan negeri manakal dua orang lelaki berbangsa Cina masih menunggu keputusan daripada Residen British. Lihat SUK SEL 760/1937, Question to be asked at the next meeting of The State Council regarding:- Illicit stills for the manufactured of samsu.

<sup>50</sup> SUK SEL 612/1915, Banishment of Chin On alias Chan Mok Convictions for distilling Illicit samshu. Rujuk surat daripada Timbalan Pesuruhjaya Polis Selangor kepada Setiausaha Residen Selangor bertarikh 24 Mac 1915.

<sup>51</sup> Ibid. Rujuk laporan Pembantu Pesuruhjaya, Keua Polis Selangor bertarikh 1 Mac 1915.

bulan.<sup>52</sup> Pada tahun 1913 pula, beliau telah ditangkap oleh pihak polis sebanyak dua kali atas kesalahan memiliki samsu tidak bercukai dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$400 atau penjara 6 bulan.

Manakala, pada tahun 1915 beliau ditangkap lagi sebanyak 2 kali atas kesalahan membawa masuk samsu ke Kuala Lumpur secara haram dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$80 atau penjara dua bulan. Kesalahan kedua beliau adalah kerana memiliki peralatan untuk memasak samsu secara haram dan telah dijatuhkan hukuman penjara selama 2 bulan. Beliau juga turut menyatakan bahawa bercita-cita untuk meluaskan perniagaan samsu haramnya dengan lebih maju sejurus dibebaskan dari penjara.<sup>53</sup> Gusar perkara-perkara seperti ini berkemungkinan berulang kembali maka Penyelia Kastam Selangor bertindak meminta Residen Selangor membuang Chan Mok dari negeri kerana dilihat sudah tiada alternatif lain yang lebih baik untuk menghalang tindakan beliau untuk menghasil dan menjual samsu haram lagi.

Beliau juga dilihat tidak pernah ambil peduli dengan denda dan hukuman penjara yang telah dijatuh terhadap diri dan menganggap ianya hanya bersifat sementara serta hukuman yang diberikan adalah tidak berat. Chan Mok juga tidak pernah serik dengan perbuatan beliau dan akan mengulangi kembali perbuatan tersebut seperti sebelumnya. Setelah berfikir dan meneliti mengenai usul ini maka Residen British telah bertindak meluluskan Waran Buang Negeri terhadap beliau kerana beranggapan bahawa tiada gunanya beliau dipenjara dan dikenakan hukuman denda walhal beliau akan tetap meneruskan aktiviti haram tersebut. Oleh itu, jalan penyelesaian terbaik adalah dengan membuang beliau dari negeri Selangor agar ianya menjadi teladan terhadap individu lain

---

<sup>52</sup> Ibid. Rujuk laporan daripada Penyelia Kastam Kuala Lumpur kepada Pegawai Kastam Kuala Lumpur bertarikh 27 Januari 1915.

<sup>53</sup> Ibid. Rujuk surat daripada Penyelia Kastam Kuala Lumpur kepada Setiausaha Residen Selangor bertarikh 28 Januari 1915.



supaya tidak bertidak menyalahi undang-undang seperti beliau serta kes-kes samsu haram akan dapat ditangani dengan lebih berkesan.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak berkuasa (polis, kastam, perjabat daerah dan pejabat Residen) untuk menyelesaikan isu pengambilan samsu terutama samsu haram oleh masyarakat di Selangor. Kawalan daripada pihak British dilihat banyak membantu mengawal penghasilan samsu seperti mengawal tender samsu, melakukan kawalan terhadap tender dan penjualan todi dan mengurangkan yuran kilang penyulingan. Perkara ini sangat penting untuk memastikan penghasilan samsu dilakukan mengikut standard piawaian yang diberikan serta berkualiti dari segi kandungan samsu serta aspek kebersihan. Selain itu, kawalan ketat juga dilakukan di gudang-gudang dan kedai menjual samsu supaya tidak wujudnya penjualan samsu haram dan secara tidak langsung dapat menghapuskan kewujudan samsu haram. Selain itu, denda dan hukuman dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan.

Pada asasnya, denda dan hukuman penjara yang singkat ini tidaklah menjadi 'senjata' paling berkesan bagi mengatasi masalah ini. Tindakan-tindakan ini dilihat lebih bersifat jangka pendek kerana ada di antara kalangan yang ditangkap merupakan pesalah berulang. Ini juga bermaksud, pulangan yang mereka perolehi daripada penglibatan dengan samsu jauh lebih menarik berbanding dengan ketakutan terhadap denda dan hukuman penjara. Menyedari keadaan itu, maka satu hukuman yang lebih keras telah dilaksanakan iaitu hukuman buang negeri dan ia sedikit sebanyak berjaya menjadi "senjata" yang berkesan. Dalam masa yang sama, pihak berkuasa juga memberi ganjaran termasuk dalam bentuk kewangan kepada penduduk yang membantu memberikan maklumat terhadap aktiviti berkaitan dengan samsu. Aspek ini difikirkan sangat

signifikan kerana aktiviti membuat samsu biasanya dilakukan secara sembunyi di kawasan pedalaman atau di kawasan yang jauh daripada penduduk. Maklumat sebegini membolehkan pihak berkuasa bertindak dan menangkap mereka yang bersalah.

Universiti Malaya

## BAB 7

### KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dalam kajian ini, jelas menunjukkan bahawa samsu membawa satu impak terhadap kehidupan buruh di Selangor pada awal abad ke-20. Hal ini dibuktikan melalui pembuatan dan penjualan samsu yang melibatkan buruh-buruh di Selangor. Perkembangan ekonomi yang berlaku di Tanah Melayu memerlukan jumlah tenaga buruh yang ramai demi menampung sektor-sektor yang diperkenalkan oleh British. Kemasukkan mereka ke Tanah Melayu juga amat dialu-alukan oleh British kerana masyarakat Melayu dilihat tidak berminat untuk bekerja di sektor baru tersebut.

Selain itu, kemasukkan mereka juga telah memperlihatkan pertambahan jumlah populasi buruh Cina dan India di Tanah Melayu. Secara tidak langsung ia telah mengubah corak populasi penduduk di Tanah Melayu amnya serta di Selangor khususnya. Walau bagaimanapun, perkembangan ini juga telah membawa satu masalah iaitu masalah sosial yang berlaku dalam lingkungan kehidupan buruh. Mereka didapati terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengambilan candu, perjudian, pelacuran, kongsi gelap, pengambilan arak, todi dan samsu. Buruh Cina banyak terlibat seperti aktiviti pengambilan candu, perjudian pelacuran dan kongsi gelap manakala buruh India pula banyak terlibat dengan aktiviti seperti pengambilan arak, todi dan samsu.

Pembuatan samsu memerlukan modal yang kecil serta tidak melibatkan proses yang rumit serta samsu juga banyak diimport dari negara luar untuk menampung permintaan daripada buruh-buruh misalnya dari beberapa buah negara Asia seperti China, India, Ceylon, Jawa dan Negeri-negeri Selat. Umumnya, samsu segar dan samsu import diminum oleh buruh Cina manakala samsu haram pula banyak diambil oleh buruh India. Perbezaan bagi ketiga-tiga jenis samsu ini juga dapat dilihat dari aspek harga dan juga kepekatan alkoholnya. Harga samsu haram adalah lebih murah serta

mengandungi kepekatan yang lebih tinggi berbanding samsu yang lain. Walau bagaimanapun, penjualan samsu haram adalah tidak sah disisi undang-undang kerana tidak mendapat sebarang lesen serta mengandungi bahan terlarang.

Pembuatan dan penjualan samsu perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa dengan menghantar surat permohonan bersama butiran yang lengkap mengenai perniagaan mereka. Setelah permohonan mereka diluluskan, barulah perniagaan dapat dijalankan. Selain itu, perniagaan samsu juga hanya boleh dijalankan di kawasan yang mempunyai pegawai daerah berbangsa Eropah sahaja. Sebarang permohonan yang dipohon di kawasan yang tidak mempunyai pegawai Eropah tidak akan mendapat kelulusan Residen British. Perkara ini sangat penting kerana setiap perniagaan yang dijalankan di Selangor akan dipantau oleh kerajaan supaya tidak wujudnya penjualan samsu secara haram mahupun pembuatan samsu yang tidak berkualiti dan memudaratkan kesihatan.

Selain itu, pegawai Eropah yang bertugas sebagai pegawai penguatkuasa juga akan menjalankan pemeriksaan terhadap sampel samsu supaya dapat mengenal pasti samsu yang mempunyai kandungan alkohol yang tinggi ataupun rendah kerana setiap samsu yang mempunyai kepekatan alkohol yang berbeza akan dikenakan cukai yang berlainan. Melihat kepada isu samsu, buruh India banyak terlibat dengan pengambilan samsu haram manakala buruh Cina pula mengambil samsu tulen dan samsu import. Walau bagaimanapun, buruh Cina merupakan individu yang bertanggungjawab dalam memperkenalkan samsu kepada buruh India. Selain itu, perniagaan samsu haram banyak didalangi oleh buruh Cina yang bertapak di Kuala Lumpur manakala buruh India pula menjadi kuli kepada bos-bos besar ini.

Pengambilan samsu haram dalam kalangan buruh India disebabkan oleh beberapa faktor antaranya disebabkan oleh faktor kemiskinan. Ketagihan yang dialami oleh buruh India telah memaksa mereka untuk membeli samsu haram kerana tidak

mampu untuk mendapatkan samsu tulen mahupun samsu import yang dilihat harganya lebih mahal berbanding samsu haram. Selain itu, pendapatan kecil yang diterima oleh mereka menyukarkan mereka untuk membeli samsu tulen setiap hari, maka mereka akan cuba mendapatkan juga samsu haram kerana samsu adalah salah satu minuman yang sangat penting untuk membekalkan tenaga kepada mereka. Pendapatan yang kecil meminimumkan buruh untuk berbelanja keperluan harian dan membeli minuman alkohol. Oleh demikian, samsu adalah minuman terbaik yang mampu untuk mereka beli.

Pengambilan samsu oleh buruh setiap hari telah menyebabkan ketagihan dalam kalangan buruh. Ketagihan telah menyebabkan samsu mulai menguasai diri peminum dan menyebabkan sesetengah daripada mereka tidak dapat mengawal diri apabila tidak dapat memperolehi samsu. Ternyata samsu telah memberi kesan negatif terhadap buruh apabila terdapat segelintir daripada mereka sanggup melakukan jenayah hanya untuk mendapatkan samsu. Sebagai contoh, pada tahun 1936 dua orang petani Cina telah tercedera apabila mereka diserang oleh empat orang buruh India dalam cubaan untuk mendapatkan samsu. Kegagalan untuk mendapatkan samsu di kebun sayur tersebut menyebabkan mereka bertindak memukul kedua-dua orang petani tersebut.

Selain itu, kecurian terhadap samsu juga sering berlaku di gudang simpanan seperti kecurian yang berlaku di gudang Port Swettenham dan juga gudang di Kuala Lumpur. Mereka mengambil peluang bekerja di gudang untuk mencuri samsu. Tambahan pula, keadaan gudang yang sesak dengan pelbagai barang menyukarkan kegiatan mereka diketahui oleh orang lain seperti kecurian yang berlaku pada tahun 1911. Dua gelen samsu yang disimpan oleh syarikat Joo Bee di gudang Kuala Lumpur telah hilang tanpa diketahui siapakah pencurinya. Kejadian ini jelas menunjukkan bahawa samsu telah menyumbang masalah sosial dalam kalangan buruh.

Meskipun samsu dilihat memberi kesan negatif namun, kewujudannya dilihat telah memberi kesan besar terhadap pendapatan negeri melalui kutipan cukai dan juga denda. Setiap kesalahan yang dilakukan akan dikenakan denda yang berlainan mengikut tahap kesalahan yang dilakukan oleh mereka. Denda yang dikenakan adalah dalam anggaran \$25 hingga \$250 dan jumlah ini sangat signifikan buat pendapatan negeri kerana terdapat banyak kes yang telah berjaya ditangkap oleh pihak polis. Antara jenis kesalahan yang dilakukan oleh buruh seperti mempunyai peralatan memasak samsu haram, pembuatan dan menjual samsu. Selain denda, cukai juga turut menyumbang kepada pendapatan negeri Selangor, misalnya pada tahun 1911 cukai terhadap samsu adalah sebanyak \$72,930 manakala pada tahun 1912 pula sebanyak \$66,904.

Walaupun pihak British berusaha pelbagai cara untuk menyelesaikan isu samsu haram ini, namun ianya dilihat tidak begitu berjaya kerana masih ramai buruh-buruh di Selangor yang masih membeli dan meminum samsu haram. Sekiranya kita meneliti dengan lebih teliti mengenai perjalanan pengambilan samsu di Tanah Melayu, isu ini tidak pernah selesai ke penamatnya. Masih ramai mangsa yang tidak serik dan telah terkorban ekoran daripada meminum samsu haram ini. Mangsa kebanyakannya terdiri daripada kalangan golongan bawahan yang tidak mendapat pendidikan dengan baik serta berpendapatan rendah.

British mencuba sedaya upaya untuk memastikan aktiviti samsu haram dapat ditangani dan terkawal kerana ianya memberi kesan terhadap penjualan samsu tulen dan import. Antara langkah yang dijalankan oleh pihak British adalah dengan mengawal tender samsu dan melakukan kawalan terhadap todi. Langkah ini sangat penting dalam menjejaki aktiviti samsu haram dalam kalangan peniaga samsu kerana terdapat juga pembuat samsu dan penjual samsu berlesen yang menjual samsu haram di premis mereka. Sekiranya terdapat pembuat dan penjual samsu yang melanggar syarat-syarat perjanjian maka lesen dan tender mereka akan ditarik semula dan dikenakan denda.

Selain itu, kedai-kedai todi juga dipantau oleh pihak British dalam memastikan tiadanya jualan samsu haram di premis mereka. Sekiranya didapati terdapat kedai todi yang menjual samsu haram kepada buruh maka tindakan akan diambil dengan melucutkan syarat mereka untuk memohon lesen todi kembali.

Usaha untuk membanteras gejala samsu haram ini bukan sahaja daripada pihak British dan polis malahan, penduduk tempatan juga memberi kerjasama kepada mereka. Terdapat penduduk tempatan yang memberi maklumat mengenai lokasi pembuatan samsu haram kepada pihak polis dan menjadi pengintip kepada pihak polis. Secara tidak langsung, maklumat yang diperolehi daripada penduduk tempatan telah membantu pihak polis untuk menangkap mereka yang terlibat dalam pembuatan dan penjualan samsu haram. Kerjasama ini juga membuktikan bahawa isu samsu haram ini turut memberi kesan terhadap kehidupan individu lain dan mereka mahukan aktiviti haram ini dihapuskan supaya tidak mewujudkan masalah lain.

Langkah penyelesaian terhadap penjualan samsu haram dilihat tidak begitu berkesan kerana masih terdapat segelintir individu yang tidak bertanggungjawab masih menjual minuman tersebut secara terang-terangan dan tindakan yang diambil terhadap penjual-penjual samsu haram tersebut juga terlalu ringan dan langsung tidak memadai dengan kesalahan mereka. Hukuman yang dikenakan terhadap mereka tidak meninggalkan kesan kerana selepas dibebaskan daripada penjara atau setelah membayar denda mereka akan kembali aktif menjalankan aktiviti haram tersebut. Hukuman tersebut langsung tidak meninggalkan kesan terhadap diri mereka kerana mereka merasakan jumlah denda yang perlu dibayar adalah sangat kecil berbanding dengan keuntungan yang lumayan mereka perolehi. Malah penjual-penjual samsu tersebut langsung tidak gentar dengan tindakan yang dikenakan terhadap mereka serta memandang ringan terhadap hukuman dan denda yang dijatuhkan terhadap diri mereka.

Sebagai contoh, terdapat penjual-penjual samsu yang telah ditangkap oleh pihak polis sebanyak beberapa kali atas kesalahan yang membabitkan samsu haram. Walaupun telah didenda dan dipenjarakan oleh pihak polis mereka tidak pernah serik dengan tangkapan tersebut dan kembali aktif menjalankan perniagaan haram tersebut seperti kes yang berlaku terhadap pesalah bernama Chin On. Beliau merupakan seorang Cina buta yang telah ditangkap sebanyak tiga kali atas pelbagai kesalahan yang melibatkan samsu haram iaitu tangkapan pertama pada tahun 1912, tangkapan kedua dan ketiga pada tahun 1913. Beliau tidak pernah serik dengan kegiatan haram tersebut dan berhasrat untuk meluaskan lagi perniagaan haram beliau. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa denda dan hukuman yang dikenakan terhadap pesalah samsu haram adalah bersifat ringan.

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya menonjolkan betapa seriusnya ancaman samsu terhadap kelestarian kehidupan penduduk di Selangor terutama dalam kalangan buruh-buruh India di kawasan ladang. Jelas sekali ancaman daripada pengambilan samsu terutama samsu haram begitu terasa hingga mereka yang bersalah boleh di buang negeri. Faktor keletihan melampau kesan daripada pekerjaan di ladang dan lombong menjadi penyebab utama kalangan buruh mencari sumber “tenaga tambahan” yang dimitoskan dapat diperolehi daripada samsu. Malah “mitos” yang lain turut menyebut minuman samsu mempunyai khasiat dan mengubati pelbagai penyakit. Kajian ini juga mendapat bahawa pengambilan samsu telah membawa kesan tersendiri. Pertama kepada pihak pemerintah dimana segala kutipan fi, lesen dan denda menjadi sumber pendapatan kerajaan. Kedua, kesan negatif kepada peminum samsu hingga boleh membawa kematian.

Akhirnya, kajian ini berjaya membuktikan beberapa perkara. Pertama, kalangan yang terlibat dengan pembuatan samsu terutama samsu haram serta penjualannya adalah orang Cina. Kedua, mereka yang meminum samsu atau pelanggan samsu terdiri



daripada orang India terutamanya kalangan buruh. Ketiga, semua agama besar di dunia sama ada Islam, Kristian dan Hindu sekalipun melihat pengambilan samsu serta minuman keras sebagai perbuatan buruk yang perlu dilarang. Meskipun begitu, Islam dilihat lebih tegas dengan mengharamkan pengambilan bahan tersebut termasuk samsu. Keadaan ini menyebabkan bilangan orang Melayu yang mengambil samsu di Selangor agak terhad. Keempat, pengambilan samsu terutama samsu haram bukan sahaja mendatangkan masalah kesihatan serta kematian, malah turut membawa pelbagai masalah sosial yang lain. Kelima, usaha yang dilakukan oleh pihak berkuasa untuk mengawal dan membendung pengambilan samsu haram dilaksanakan dengan pelbagai cara dan satu daripadanya ialah dibuang negeri. Ia merupakan antara tindakan paling keras yang dikenakan terhadap mereka yang bersalah dalam aktiviti samsu haram.

## BIBLIOGRAFI

### SUMBER PERTAMA

#### a) Fail Kerajaan

*Federation of Malaya*, Federal and Colonial Building Society Limited, 1950, hlm. 22. (t.p)

H.C.O 1800/1914, Enhanced Import duty in malt liquors and spirits.

H.C.O. 432/1921, Documents required for the Colonial Office Library. [Law or Regulations in Force Regulating the Methylation and Denaturation of Spirit (federated and Un-Federated)].

#### b) Straits Settlements

Straits Settlements: Report of The Government Analyst For The Year 1930.

Straits Settlements: Report of The Government Analyst For The Year 1935.

#### c) Fail Setiausaha Kerajaan Selangor (SUK SEL.)

SUK SEL 3508/1899, Purchase and retail of Spirituos liquors by local importers.

Sel. Gov. Telegraph 878/1902, Annual Report for 1901.

SUK SEL 367/1904, Rules made under Section 4 of 'The Revenue Farms Enactment, 1904' (spirit Farm) for the Selangor State.

SUK SEL 5272/1907, Revenye Farm Tenders, 1908-1909.

SUK SEL 4479/1908, Abolition of Spirit Farms in Federated Malay States.

SUK SEL 3851/1909, Applies for a license to distill or manufacture arrack and samsu.

SUK SEL 5120/1910, Re Retail licenses on Samsu distilled by his client Mr. Lee Kong Lam.

SUK SEL 526/1912, Illicit Distillery at Kepong' Rewards to informers and Head Chinting.

SUK SEL 1427/1912, Annual Report on the Chandu Monopoly for 1911.

SUK SEL 2429/1912, Claim of Messr. Joo Bee and Company for \$4/- being value of 1 basket of samshu lost.

SUK SEL 4289/1912, Simpang Tiga-Kapar, Assistant Superintendent of Immigrants Inspection Report for 1912.

SUK. SEL. 4295/1912, Blackwater Estate-Klang, Assistant Superintendent of Immigrants Inspection Report for 1912.

SUK 1031/1913, Annual Report on Customs and Excise Department for 1912.

SUK SEL 3481/1914, Rewards to Informer.

SUK SEL 2097/1916, Rewards to informer in Excise Cases.

SUK SEL 3763/1916, Rewards to informers in Customs and Excise Cases

SUK SEL 3875/1916, Rewards for informers of illicit manufacture of samshu

SUK SEL 6133/1916, Rewards to Informers in Samshu Cases.SUK SEL 4341/1917, Importation of Samshu from Singapore by rail-Short Collection of duty at Gemas

SUK SEL 3972/1917, Rewards to those responsible in certain Excise Cases.

SUK SEL 4277/1917, Reward to Sergeant Hussain bin Ali for Being Responsible for a Samsu Case.

SUK SEL 735/1918, Annual Report 1917-Customs Department, Port Swettenham.

SUK SEL 893/1918, Application for a licence to open a Samsu Distillery at Klang-Yeoh Koh Keat.

SUK SEL 3296/1918, Extra accommodation or storage of dutiable goods at Port Swettenham.

SUK SEL 3572/1918, Remission of Fine Imposed on a Clerk in Chop Tai Tong, Kuala Lumpur, in a 'Samsu Case'.

SUK SEL 4665/1918, Reward to Detective Narainasamy,Kuala Selangor in Samsu Cases.

SUK SEL 2506/1919, Arrangements for storage of samsoo in another place to permit storage of Government Rice in Railway Goods Shed No 1.

SUK SEL 3548/1919, Removal of Samsu by Importers within the prescribed 6 months -Seeks sanction of Resident for extension granted by him.

SUK SEL 2283/1920, Samshu: Sanction to destroy.

SUK SEL 284/1922, Wholesale licences for intoxicating liquors-Fees for.

SUK SEL 1547/1922, Application for a License to Distill or Manufacture Spirits and Samsu.

SUK SEL 1031/1925, Labour department: Inland District of Selangor Annual Report 1924.

SUK SEL 3825/1925, Gazetting of offences under Section 6B (i) of the Gammig Enactment 1912 and under Section 13 (i) of the Excise Enactment 1923 to be crimes under Section 24 (v) of the Prisons Enactment 1907.

SUK SEL 1/ 1933, Enquires as to what would be imposed on Alcohol and Samsu manufactured from Pineapple waste.

SUK SEL 808/1933, Request (i) that Section 37 (b) of the Excise Enactment 1932 be repealed, (ii) that Government should take steps to restrict the sale of yeast, and (iii) that licensed Distilleries be allowed to import No. 20 brown sugar free duty.

SUK SEL 856/1933, Petition by the Samsu distillers in the Federated Malay States for a reduction in the licence fees.

SUK SEL 107/1937, Annual Report on The Social and Economy Progress of The of Selangor for The Year 1936.

**d) Fail Setiausaha Kerajaan Kedah (SUK.K.)**

SUK Kedah 542/1341, Straits Settlement Liquors Revenue Ordinance 1909-Undang-Undang Perolehan Di Atas Minuman Tahun 1909 Straits Settlements.

SUK Kedah 3381/1357, Rice Mills in Kedah.

**e) Fail Setiausaha Kerajaan Kelantan (SUK. KEL.)**

SUK Kelantan 539/1913, Applies for the role right to manufacture 'Samsu' (rice spirit) in Kelantan for 3 or 5 years on paying \$2,000 p.a.

**f) Dokumen Rasmi yang diterbitkan oleh Kerajaan**

Annual Financial Report on the State of Selangor for the Year 1883.

Annual Report on The Social and Economic Progress of The People of Selangor For The Year 1938, Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press, 1939.

Annual Report on the Social and Economic Progress of The People of Selangor For The Year 1939, Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press, 1940.

Selangor Administration Report For The Year 1911, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1912.

Selangor Administration Report For The Year 1913, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1914.

Selangor Annual Report For The Year 1888. t.p.

Selangor Annual Report For The Year 1909. t.p.

Selangor Annual Report For The Year 1911.t.p.

Selangor Annual Report For The Year 1915. t.p.

The Customs Regulations Enactment. 1907, Selangor Government Gazette of December 24, 1909, No. 48, Vol. XX, No. 892.

**g) Surat khabar**

*Berita Harian*, 31 Ogos 1973.

*Bulletin National Research Institute of Brewing*, January 2014.

*Business Insider*, 26 December 2013.

*Eastern Daily Mail and Straits Morning Advertiser*, 23 Julai 1906.

*Eastern Daily Mail and Straits Morning Advertiser*, 17 Jun 1907.

*Nadi Insan*, Ogos 1980.

*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942)*, 23 May 1908.

*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942)*, 26 September 1908.

*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942)*, 12 Ogos 1935.

*The Star Online*, 5 Mac 2011.

*The Star National Daily*, 28 Januari 1977.

*The Straits Times*, 10 Oktober 1923.

*The Straits Times*, 24 June 1932.

*The Straits Times*, 28 August 1935.

*The Straits Times*, 22 May 1938.

*The Sun*, 15 Oktober 2010.

*Utusan Pengguna*, Jilid 6, Bil. 6, Jun 1984.

*Utusan Malaysia*, 27 Januari 1977.

**SUMBER KEDUA**

**a) Buku**

- Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Abdul Samad Ahmad (Peny.), *Pesaka Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966.
- Abdullah Sani Gani (penterjemah), Mohammed Ali Albar, *Masalah Arak dan Penyelesaiannya Menurut Islam*, Kelantan: Pustaka Reka, 1993.
- Ahmat Adam, *Antara Sejarah dan Mitos: Sejarah Melayu & Hang Tuah dalam Historiografi Malaysia*, Petaling Jaya, SIRD, 2016.
- Andaya, B. W. & Andaya, L., *History of Malaysia*, China: Palgrave, 1982.
- Andaya, B. W. & Andaya, L., *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya: MacMillan, 1983.
- Aneel Karnani, *Fighting Poverty Together: Rethinking Strategies for Business, Government, And Civil Society to Reduce Poverty*, United States: Palgrave Macmillan, 2011.
- Arak, Dadah dan Seumpamanya Adalah Haram*, Kuala Lumpur: 'Asa Sdn. Bhd., 1985.
- Arasaratnam, Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970.
- Azharudin Mohd Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2012.
- Azizi Yahaya, *Effects of Alcohol Abuse on Human Cognition*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 1999.
- Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2002.
- Browne, Charles, *The Gun Club Drink Book*, New York: Charles Scribner's Sons, 1939.
- Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.
- Cahalan, Don, *Problems Drinking*, San Francisco: Jossey-Bass, Inc., 1970.
- Caroline Wong May Leng, *Sistem Kangchu di Johor, 1844-1917*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1992.
- Comber, L. F., *Chinese secret societies in Malaya: a survey of the Triad Society from 1800 to 1900*, (Monographs of the Association for Asian Studies, New York: J. J. Augustin Inc., 1959, Wilfred Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies*, New York: Oxford University Press, 1969.
- David, Maya Khemlani, *Malaysian Indian: Sociocultural Assimilation towards the Malay Majority*, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012.
- Dorn, Nicholas, *Alcohol, Youth and the States*, Australia: Croom Helm Ltd, 1983.

- Ensiklopedia Umum*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius (Anggota IKAPI), 1973.
- Gullick J.M., *A History of Selangor 1742-1957*, Singapore: Eastern Universities Press Ltd, 1960.
- Gullick J.M., *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.
- Gullick J.M., *The Story of Kuala Lumpur, (1857-1939)*, Petaling: Eastern Universities Press Sdn. Bhd., 1983.
- Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Yang Ke-44, 10 Mac 1970, (buku cenderamata), (tiada penerbit dan penulis).
- Hussein Ahmad, *Sejarah Tanah Melayu 1400-1963*, Kuala Lumpur: Pustaka Aman Press, 1964.
- Ishak Saat, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., 2005.
- Jessy, Joginder Singh, *Sejarah Tanah Melayu (1400-1959)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978.
- Jackson, R.N., *Immigrant Labour and The Development of Malaya 1786-1920*, Kuala Lumpur: Government Press, 1961.
- Gullick, John (ed.), *Selections from the Selangor Journal*, Kuala Lumpur: MBRAS No 26, 2007.
- Leyden, John (peny.), *Malay Annals*, Kuala Lumpur: MBRAS No 20, 2009.
- Kalaimuthu K., *Malaysian Indians Towards a New Paradigm*, Ipoh: A Malaysiantamilsangam.com Project, 2008.
- Knappert, Jan, *An Encyclopedia of Myth and Legend: Indian Mythology*, London: Diamond Books, 1991.
- Kelly, Nigel, *History of Malaya & South-East Asia*, Singapore: Heinemann Southeast Asia, 1993.
- Khoo Kay Kim (et. al.), *Selangor Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1985.
- Khoo Kay Kim, *The Western Malay States*, Kuala Lumpur: East Asian Historical Monographs, 1972.
- Kolandai, Mary Assunta, Alcohol and Poverty, dalam Andrew Varley, *Towards A Global Alcohol Policy*, London: Institute of Alcohol Studies, 2000.
- Lai Ah Eng, *Peasants, Proletarians and Prostitutes a Preliminary Investigation into the Work of Chinese Women in Colonial Malaya*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 1986.
- Mahani Musa, *Kongsi Gelap Melayu di negeri-negeri Utara Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu, 1821-1940-an*, Kuala Lumpur: MBRAS, 2012.

- Mahajani, Usha, *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*, Westport: Greenwood Press Publishers, 1960.
- Manickam, Janakey Raman, *The Malaysian Indian Dilemma*, Selangor: Nationwide Human Development and Research Centre, 2012.
- Marrison, L.W. *Wines and Spirits*, England: Penguin Books Ltd., 1973.
- Mastura Mohd Zain (ed.), *Rak dan Pencegahannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2016.
- Mohd Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002.
- Nanjundan, S., *Indians in Malayan Economy*, New Delhi: Manager of Publications, 1950.
- New Webster's International Encyclopedia*, Ontario: D.S. Max, 1996.
- Nik Hasnaa Nik Mahmood (peny.), *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1997.
- Ooi Jin Bee, *Peninsular Malaysia New Edition of Land, People and Economy in Malaya*, New York: Longman, 1963.
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad (ed.), *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, 2009, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Parmer, J. N., *Colonial Labour Policy and Administration: History of Labour in the Rubber Plantation Industry and the Development of Malaya*, New York: J.J. Augustin, 1960.
- Plaut, Thomas F. A., *Alcohol Problems*, New York: Oxford University Press, 1967.
- Purcell, Victor, *The Chinese in Southeast Asia*, London: Oxford University Press, 1965.
- Raghavan, Nedyam, *India and Malaya Study*, Bombay: Orient Longmans Limited, 1954.
- Raman Manickam, Janakey, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian Community in Malaysia*, Selangor: Nationwide Human Development and Research Centre, 2012.
- Ramasamy, P., *Plantation Labour, Unions, Capital, and The State in Peninsular Malaysia*, Singapura: Oxford University Press, 1994.
- Sadka, Emily, *The Protected Malay States 1874-1875*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970.
- Selangor Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1985, hlm. ix. (tiada penulis).
- Singh, Sandhu Kernial, *Indians in Malaya: Immigration and Settlement (1786-1957)*, Cambridge: Cambridge University Press, 1969.



Tan Yao Sua (et.al.), *Cina Peranakan Kampung Pasir Parit Kelantan: Pengekalan dan Penyelarasan Identiti*, Petaling Jaya: SIRD, 2017.

Tate, D.J.M., *The RGA History of the Plantation Industry in the Malay Peninsula*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1996.

*The Lake Club 1890-1990: The Pursuit of Excellence*, Singapore: Oxford University Press, 1990.

Trocki, Carl A., *Opium, Empire and the Global Political Economy : a Study of the Asian Opium Trade, 1750-1950*, London : Routledge, 1999.

Wiebe, Paul D., & Mariappen, S., *Indian Malaysian the View from the Plantation*, New Delhi: Ramesh Jain for Manohar Publications, 1978.

Wilkinson, Rupert, *The Prevention of Drinking Problems*, New York: Oxford University Press, 1970.

William Tai Yuen, *Chinese Capitalism in Colonial Malaya 1900-1941*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.

Worsley, P, [et al.], *Kakawin Sumanasantaka: mati karena bunga sumanasa karya Mpu Monaguna: kajian sebuah puisi epik Jawa Kuno*, Jakarta: Ecole Francaise d'Extreme-Orient, 2014.

Yusoff Bin Hassan, *Sejarah Kuala Selangor*, t.t: t.p, 2001.

Zulkanain Abdul Rahman, "Ekonomi" dlm. Abdullah Zakaria Ghazali (ed.), *Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia, 2005.

## **b) Bab buku**

Abdullah Zakaria Ghazali, "Kesultanan" dlm. Abdullah Zakaria Ghazali (ed.), *Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2005.

Azharudin Mohamed Dali, "Subaltern" dlm. Sejarah Malaysia: Satu penelitian Terhadap Golongan Buruh India Pra-Kemerdekaan", dlm. Suffian Mansor (et.al.) (eds.), *Sejarah dan Kesarjanaan*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 2014.

Kaur, Amarjit, "Perkembangan Ekonomi Selangor: Suatu Tinjauan Sejarah" dlm. Adnan Haji Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (ed.), *Selangor dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd. 1992.

Armstrong, J.D., *Psychiatric Theories of Alcoholism*, Canadian Psychiatric Association Journal, (6), 1961, dalam Cahalan, Don, *Problem Drinkers*, San Francisco: Jossey-Bass, 1970.

Jernigan, David H., & Indran, Saroja K., "Country Profile on Alcohol in Malaysia" Riley, Leanne & Marshall, Mac (ed.), dlm *Alcohol and Public Health in 8 Developing Countries*, World Health Organisation, 1999.

Khazin Mohd. Tamrin, “Perkembangan Petempatan dan Masyarakat” dlm. Abdullah Zakaria Ghazali (ed.), *Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2005.

Khoo Kay Kim, “Riwayat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan” dlm. Adnan Haji Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (ed.), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lembaga Muzium Sultan Alam Shah Selangor, 1992.

Mohd.Abd. Rahim Abdullah, “Kemunculan dan Kemusnahan Kuala Kubu” dlm. Khoo Kay Kim, *Selangor Darul Ehsan*, Selangor: Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, 1989.

Mohd Jais @ Jais Sarfan, “Bandar Temasya dan Jugra” dlm. Khoo Kay Kim (ed.), *Selangor Darul Ehsan*, Selangor: Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, 1989.

Mohd Supian Sabtu, “Sejarah awal” dlm. Abdullah Zakaria Ghazali (ed.), *Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2005.

Mohd Yusof Ibrahim, “Akhbar dan Majalah Melayu (1900-1957)” dlm. Abdullah Zakaria Ghazali (ed.) *Sejarah Negeri Selangor dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia, 2005.

Nabir Hj Abdullah dan Ishak Saat, “Kaedah Penyelidikan dan Penulisan Sejarah” dlm. Nabir Hj Abdullah, Ishak Saat dan Fairisa Othman (eds.), *Kaedah Penyelidikan & Penulisan Sejarah*, Tanjung Malim: Emeritus Pub., 2013.

Zainuddin Leman, “Perkembangan Pelajaran Melayu di Selangor 1875-1920” dlm. *Selangor Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1985.

Zulkanain Abdul Rahman, “Ekonomi” dlm Abdullah Zakaria Ghazali (ed.), *Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia, 2005.

### **c) Jurnal**

Abdul Karim Bin Raja Abdul Aziz (et.al.), “Sejarah Awal Perkembangan Kegiatan Perlombongan Bijih Timah di Negeri Selangor”, *Jurnal Malawati*, Bil. 3, Mei 2000.

Anis Najiha Ahmad (et.al.), “Alkohol Dalam Makanan: Fatwa Semasa di Rantau Asia Tenggara”, *‘Ulum Islamiyyah Journal*, Vol. 14, Disember 2014.

Ardiah Jamali, Zaidah Mustapha & Rokiah Ismail, Pola dan Faktor yang Mempengaruhi Peminuman Minuman Keras Remaja Dusun Malaysia, *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, Jilid. 5, No. 2, 2009.

Azizi Yahaya, Effects of Alcohol Abuse on Human Cognition, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 1999. *Journal of Science and Mathematics Education*, 2008.

“An Unholy Brew: Alcohol in Pre-Islamic Java”, *Newsletter, International Institute for Asian Studies*, No 77, Summer 2017.

Braidwood, Robert J. (et.al.), “Symposium: Did Man Once Live by Beer Alone?”, *American Anthropologist*, New Series, Vol. 55, No 4, Oct. 1953.

Carstens, Sharon A., “Myth to History: Yap Ah Loy and the Heroic Past of Chinese Malaysians”, *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 19, No 2, Sept. 1988.

Chong Soon Fook, “Yap Ah Loy Sebagai Kapitan Cina Kuala Lumpur”, *Jebat*, Bil. 13, 1984/85.

Dung, N.T.P., Vietnamese Rice-based Alcoholic Beverages, *International Food Research Journal* 20 (3), 2013.

Fei Que (et.al.), “Antioxidant activities of Five Chinese Rice Wines and the Involvement of Phenolic Compounds”, *Food Research International*, Vol. 39, 2006.

Jin Young Kim (et.al.), “Goryeoyang and Mongolpung in the 13<sup>th</sup>-14<sup>th</sup> Centuries”, *Acta Orientalia Academiae Scientiarum Hung*, Vol. 68, No 3, 2015.

Jean Luc Legras, Didier Merdinoglu (et.al.), “Bread, Beer and Wine; *Saccharomyces cerevisiae* Diversity Reflects Human History”, *Molecular Ecology*, Vol. 16, 2007.

Haris Abd. Wahab, “Masalah Sosial di Bandar Semenanjung malaysia: Tinjauan Daripada Perspektif Masyarakat Malaysia”, *Jati*, Bil. 9, Disember 2004.

Hiram Ting (et.al.), Consumption Intention Toward Ethnic Food: Determinants of Dyak Food Choice by Malaysians”, *Journal of Ethnic Foods*, Vol. 4, 2017.

Ikhsan Rosyid Mujahidul Anwari, “Minuman Keras sebagai Necessary Evil di Surabaya, 1900-1942”, *Mozaik Humaniora*, Vol. 15, No 2, 2015.

Katz, Solomon and Voigt, Mary M., “Bread and Beer: The Early Use of Cereals in the Human Diet”, *Expedition*, Vol. 28, No 2, 1986.

Keller, Mark, “A Historical Overview of Alcohol and Alcoholism”, *Cancer Research*, Vol. 39, July 1979.

Kong Yuanzhi, “Cerita Hang Li Po: Ode Persahabatan Kedua-dua Bangsa China-Malaysia”, *Sari*, No 19, 2001.

Krishnan, Parameswari, “Implikasi Pengambilan Todi dalam Kalangan Masyarakat India Ladang di Tanah Melayu, 1900-1957”, *Sejarah*, Bil. 23, No 1, 2017.

Mary Assunta, Impact of Alcohol Consumption, Derek Rutherford, Andrew Mc Neill & Andrew Varley (ed.), *The Globe GAPA Bangkok Consultation: Alcohol in Asia*, London: Global Alcohol Policy Alliance, Special Issue 4, 2001-2002.

Magiure, R. Acute Dilation of the Heart Produced by Alcoholism, *Br. Med. J.* 1: 1215, 1887.

- Middlebrook, S. M., "Yap Ah Loy 1837-1885", *JMBRAS*, Vol. 24, No. 2, 1951.
- Mineck, Kathleen R., "Beer Brewing in Ancient Mesopotamia", *The Oriental Institute News & Notes*, No. 201, Spring 2009.
- Nor Asmat Ismail dan Hainnur Aqma Rahim, "Susur Galur Amalan Berhutang Dalam Kalangan Masyarakat Melayu", *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jilid ii, Bil. 1, 2018.
- Law, S.V., Abu Bakar F., et al., Popular Fermented Foods and Beverages in Southeast Asia, *International Food Research Journal* 18, Issue 2, Volume 18, 2011.
- N. B. Eddy, H. Halbach, H. Isbell and M. H. Seevers, Drug Dependence: Its Significance and Characteristics, *Buletin, World Health Organization*, 32: 721-33, 1965.
- "Remembering History at Klang, Kuala Selangor and Lukut", *Malaysia in History*, Vol. XII, No 2, March 1969.
- Stimo Kortteinen, "Negotiating Ethnic Identities: Alcohol as a Social Marker in East and West Malaysia", *Akademika*, Vol. 77, January 2008.
- Wasson, R. Gordon, "The Soma of the Rig Veda: What Was It?", *Journal of the American Oriental Society*, Vol. 91, No. 2, Apr-Jun 1971.

**d) Kertas kerja**

- Angelane Mulu anak Bunyau, "Tradisi Pembuatan Tuak Dalam Masyarakat Iban", *Prosiding Seminar Persidangan Aantarabangsa Sains Sosial dan Kemamusiaan (PASAK)*, Jilid 3, Kolej Universiti Islam Selangor, 26-27 April 2017.
- T. Marimutuhu, The Illicit Samsu Problem in Malaysia, dlm. Seminar On Health, Food and Nutrition, pada 15-20 September 1979 di RECSAM, Gelugor, Penang, anjuran Consumers Association of Penang.

**e) Latihan Ilmiah**

- Chua Ghee Theng, Perdagangan dan dasar British Terhadap Candu di Selangor Sejak Penghujung Abad ke-19, Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2001.
- Nurul Asnida Binti Abu Bakar, Pelacuran dan Perkaitannya dengan Aktiviti-Aktiviti lain di Tanah Melayu Sekitar Tahun 1880-an-1930-an, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Sesi 2004/2005.
- Parameswari Krishnan, Todi dalam Kalangan Masyarakat India Ladang di Tanah Melayu, 1900-1957, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013/2014.
- Sumarni Sainawi, Kemasukan Buruh Cina dan India Di Negeri Selangor, 1890-1941, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2012/2013.

**f) Laman Web**

<http://bkimia.blogspot.com/2008/05/kegunaan-formaldehid.html>

<http://web.budaya-tionghoa.net/index.php/item/3723-serba-serbi-arak-tionghoa-bagian-i>

<https://www.ancient.eu>

<https://journeyingtothegoddess.wordpress.com>

[http://www.kakipersegi.com/majlis-dan-pejabat-daerah-selangor/image\\_gallery/](http://www.kakipersegi.com/majlis-dan-pejabat-daerah-selangor/image_gallery/)

<http://www.kimhunter.blogspot.com/2010/08/siklus-alkohol-dalam-tubuh.html>

<https://www.linyangchen.com/Okugawa-Uchibori-Seals-PENANG-DISTILLERY>

<https://www.slideshare.net/abunajat/kesan-alkohol>

<https://www.unodc.org>

<https://www.valleyofhope.my/management-past-and-present/> SG BULOH

<https://www.vice.com>.